









LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan NEGERI JOHOR Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan NEGERI JOHOR Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Pejabat Menteri Besar Pengurusan Kemudahan Awam Di Luar Bandar	3
Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor Penyenggaraan Bangunan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor Di Kota Iskandar, Nusajaya	24
Pejabat Tanah Dan Galian Bayaran Perkhidmatan Pejabat Tanah	38
Jabatan Kerja Raya Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan	48
Jabatan Agama Johor Pengurusan Sekolah Agama Kerajaan Johor	67
Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor Sistem Elektronik Pelesenan	90
Majlis Daerah Pontian Pengurusan Penswastaan Pembangunan Komersial	101
Majlis Daerah Simpang Renggam Pengurusan Pasar Awam Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar	119
Yayasan Pelajaran Johor Pengurusan Program Tuisyen Hikmah	138
Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Perolehan Dan Pengurusan Buku Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	154
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	179
Perbadanan Johor TPM Technopark Sdn. Bhd.	179
Perbadanan Johor Jcorp Hotels And Resorts Sdn. Bhd.	198

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan 223

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 223

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor 234

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor 234

PENUTUP 239

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai objektif matlamat yang ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 6 Jabatan, 4 Agensi dan 2 Syarikat Agensi Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	**:**	**Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**
Bahagian II	**:**	**Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
Bahagian III	**:**	**Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Johor pada Tahun 2011 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti bekalan kemudahan awam tidak mengikut spesifikasi, kerja penyenggaraan bangunan tidak memuaskan, projek pembinaan jalan dan jambatan lewat disiapkan, pencemaran air sungai, murid lemah tidak terpilih mengikuti program tuisyen, kelengkapan asas sekolah agama tidak mencukupi dan perolehan serta pengurusan buku perpustakaan tidak memuaskan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 50 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for*

money bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan **"Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan"** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
8 Jun 2012

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PEJABAT MENTERI BESAR
- Pengurusan Kemudahan Awam Di Luar Bandar

1.1. Kemudahan awam di luar bandar disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di Negeri Johor. Kemudahan awam diklasifikasikan sebagai kemudahan semasa yang dibina atau dibekalkan untuk kegunaan orang ramai. Ini termasuk balai raya, dewan orang ramai, surau, kuil, padang/gelanggang permainan, jalan dan jambatan kampung serta bekalan peralatan kemudahan awam seperti alatan pejabat, balai bergerak, kanopi dan komputer. Bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang selesa serta moden kepada semua lapisan rakyat, Pejabat Menteri Besar telah dipertanggungjawabkan sebagai pemegang waran peruntukan manakala Pejabat Daerah pula berperanan sebagai agensi pelaksana.

1.2. Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Ogos hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek pembinaan dan bekalan kemudahan awam adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

1.2.1. Pejabat Menteri Besar tidak menetapkan sasaran bilangan projek pembinaan atau bekalan peralatan kemudahan awam luar bandar pada setiap tahun.

1.2.2. Terdapat kelewatan menyiapkan projek pembinaan sehingga 13 bulan dan 2 projek lagi masih belum dapat disiapkan untuk kegunaan orang awam.

1.2.3. Sebanyak 4 butiran kerja tidak dilaksanakan berdasarkan skop kerja berjumlah RM27,380 bagi 2 projek pembinaan di Daerah Ledang.

1.2.4. Dewan Serba Guna Kampung Ithnin Maarof, Simpang Renggam, Kluang yang disiapkan pada pertengahan bulan Oktober 2009 bernilai RM0.25 juta tiada dilengkapi kemudahan bekalan elektrik sebaliknya bekalan disambung dari balai raya bersebelahan.

1.2.5. Keadaan 3 buah padang/gelanggang yang siap dibina di Daerah Ledang adalah tidak rata dan rumput tidak ditanam sepenuhnya menyebabkan padang dipenuhi semak samun dan pokok semalu.

1.2.6. Sebanyak 39 bekalan peralatan bernilai RM55,360 telah ditempatkan/dipasang di rumah individu dan bukannya di premis Persatuan/Pertubuhan.

1.2.7. Terdapat 2 projek iaitu pembinaan reban kambing dan pondok menternak cacing bernilai RM40,000 di Daerah Ledang telah diberi kepada individu.

1.2.8. Pengurusan perolehan adalah tidak teratur kerana terdapat pembelian tidak dibuat secara sebut harga serta pembelian bekalan melebihi had yang ditetapkan dalam Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil.

1.3. Bagi membaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang adalah disyorkan supaya Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Daerah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

1.3.1. Menetapkan sasaran mengenai jenis projek kemudahan awam yang akan disediakan, kriteria projek, bilangan projek dan keutamaan projek mengikut kepentingannya kepada orang awam.

1.3.2. Pejabat Daerah hendaklah menyediakan justifikasi keperluan dan keutamaan sebelum pembinaan padang dan gelanggang yang telah diluluskan oleh ADUN bagi mengelakkan ia tidak digunakan.

1.3.3. Satu Garis Panduan hendaklah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah kepada Penghulu Mukim yang mengesahkan terimaan bekalan dan peralatan.

1.3.4. Laporan terhadap maklum balas terkini berhubung projek dan penerimaan bekalan hendaklah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan dikemukakan secara berkala kepada Pejabat Menteri Besar.

1.3.5. Pihak ADUN dan Pejabat Daerah hendaklah mematuhi Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar dan Arahan Perbendaharaan serta pekeliling yang berkaitan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat.

1.3.6. Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Daerah hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan lebih berkesan supaya bayaran dibuat mengikut kerja yang dilaksanakan dan tujuan ia dilaksanakan.

2. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

- Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor Di Kota Iskandar, Nusajaya

2.1. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia bagi projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor di Kota Iskandar, Nusajaya (Kota Iskandar) di atas tanah seluas 320 ekar yang menempatkan Jabatan/Agensi Negeri, Jabatan/Agensi Persekutuan berserta kemudahan seperti masjid, kuarters kakitangan dan hub pelancongan melalui 5 fasa. Pembangunan Fasa Pertama yang melibatkan kos berjumlah RM480 juta dilaksanakan oleh sebuah syarikat usaha sama Kerajaan Negeri Johor (Syarikat). Di samping menjadi kontraktor pembangunan Kota Iskandar, Syarikat juga bertanggungjawab menyenggara bangunan Kerajaan Negeri di Kota Iskandar di mana pelantikannya dibuat melalui Perjanjian Penyenggaraan dan Pengurusan Fasiliti Kota Iskandar atau *Facility Maintenance and Management Agreement* bertarikh 10

Mac 2011. Tempoh pelantikan bagi kerja-kerja penyenggaraan tersebut adalah untuk 5 tahun di mana sejumlah RM68.35 juta diperuntukkan dalam perjanjian.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara November 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan kerja penyenggaraan bangunan Kota Iskandar di Bangunan Sultan Ismail, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad dan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak adalah kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

2.2.1. Sebanyak 1,077 kerosakan infrastruktur di 3 bangunan berkenaan tidak dibaiki dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

2.2.2. Prestasi kerja penyenggaraan oleh kontraktor kurang memuaskan.

2.2.3. Pemantauan serta pengesahan kerja dan bayaran tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak yang dilantik untuk mengesahkan kerja dan tuntutan kontraktor.

2.2.4. Tuntutan kontraktor bagi tempoh Julai 2010 hingga Disember 2011 berjumlah RM12.78 juta lewat dibayar oleh UPENJ.

2.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor di Kota Iskandar, Nusajaya, UPENJ disyorkan melaksanakan perkara berikut:

2.3.1. Mengarahkan Syarikat mengambil tindakan segera terhadap kerosakan dan aduan yang dilaporkan serta mengemaskinikan laporan *Computerised Maintenance Management System* (CMMS).

2.3.2. Syarikat hendaklah menetapkan norma kerja atau piagam pelanggan mengenai tindakan yang akan diambil terhadap kerosakan yang dilaporkan.

2.3.3. Tanggungjawab pemantauan ke atas Syarikat dan Unit Selenggara Aset Negeri JKR diserahkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pentadbiran.

3. PEJABAT TANAH DAN GALIAN
- Bayaran Perkhidmatan Pejabat Tanah

3.1. Bayaran perkhidmatan terhadap pejabat tanah dipungut di bawah Seksyen 293 Kanun Tanah Negara (KTN), Bahagian XVIII – Pendaftaran Urusniaga. Di bawah peruntukan ini, suratcara yang telah lengkap hendaklah didaftarkan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh ditandatangani oleh Pendaftar disertai dengan bayaran pendaftaran secukupnya mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam Jadual Ke V Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan No.1 2004). Tanpa bayaran yang mencukupi dan dokumen yang lengkap, suratcara tersebut tidak boleh didaftarkan. Pada tahun 2010 hingga Julai 2011, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan 14 Pejabat Tanah Daerah telah memungut sebanyak RM167.11 juta bayaran perkhidmatan daripada 581,468 urusniaga yang telah didaftarkan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada September hingga Disember 2011 mendapati pungutan bayaran perkhidmatan dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di Pejabat Tanah adalah memuaskan kerana kadar bayaran yang dikutip untuk setiap urusniaga adalah tepat sebagaimana ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan lain dalam pengurusan suratcara seperti berikut:

3.2.1. Denda pendaftaran lewat berjumlah RM16.51 juta yang sepatutnya dipungut pada tahun 2009 hingga 2011 telah dikecualikan.

3.2.2. Sebanyak 689,575 suratcara di PTG dan Pejabat Tanah Kota Tinggi belum dijilid sempurna dan tidak disimpan dengan teratur.

3.2.3. Sebanyak 1,047 suratcara tidak didaftarkan di Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi dan mengakibatkan bayaran pendaftaran sejumlah RM1.44 juta tidak dapat dipungut.

3.3. Bagi meningkatkan lagi hasil Kerajaan Negeri serta menambah baik prosedur pengurangan/pengecualian denda pendaftaran lewat, adalah disyorkan PTG dan Pejabat Tanah Daerah melaksanakan perkara berikut:

3.3.1. Menyediakan satu garis panduan kepada Pendaftar bagi menjelaskan kaedah dan prosedur pengecualian/pengurangan terhadap suratcara yang lewat didaftarkan. Garis panduan ini juga haruslah mengandungi format borang permohonan pengecualian/pengurangan yuran pendaftaran yang lebih lengkap dan jelas untuk kegunaan PTG dan PTD merangkumi butiran suratcara, yuran pendaftaran, denda pendaftaran lewat dikenakan, butiran peguam/pemohon, sebab kelewatan dan jumlah denda yang diluluskan.

3.3.2. Mengkaji semula kemudahan yang lebih moden untuk menjilid suratcara dengan lebih cepat. Selain itu, ruang penyimpanan suratcara yang lebih luas perlu disediakan dengan mengambil kira pertambahan urusniaga.

3.3.3. Menganalisis Laporan SPTB terhadap suratcara yang tidak didaftarkan pada setiap bulan bagi memastikan suratcara telah didaftarkan sepenuhnya.

4. JABATAN KERJA RAYA
- Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan

4.1. Pada tahun 2009 hingga 2011, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Johor telah melaksanakan 8 projek pembinaan jalan dan jambatan yang melibatkan kos RM129.66 juta melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang berjumlah RM130.70 juta. Projek yang dilaksanakan meliputi pembinaan jalan baru, menaik taraf jalan sedia ada, pembinaan jambatan baru dan menaik taraf jambatan sedia ada.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek pembinaan dan menaik taraf jalan dan jambatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan berkaitan pemantauan di tapak projek seperti berikut:

4.2.1. Sebanyak 3 daripada 4 projek yang diaudit telah lewat disiapkan di antara 3 hingga 23 bulan.

4.2.2. Lawatan tapak oleh pihak Audit di 4 projek pembinaan mendapati kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai.

4.3. Bagi memastikan pengurusan projek pembinaan jalan dan jambatan dibuat dengan lebih teratur, JKR disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

4.3.1. JKR dan perunding perlu membuat perancangan terhadap lokasi tapak dan menjalankan pemantauan serta penyeliaan dengan berkesan bagi mengelakkan kelewatan dalam menyiapkan projek.

4.3.2. JKR dan perunding perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja supaya kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan.

4.3.3. JKR dan perunding perlu membuat pemantauan dan pemeriksaan rapi sebelum meluluskan bayaran.

4.3.4. JKR dan perunding perlu membuat pelarasan harga terhadap kesilapan/ketidakpatuhan/kerja yang tidak dilaksanakan semasa penyediaan Akaun Muktamad.

4.3.5. JKR dan perunding perlu memastikan tindakan pembetulan/pembaikan diambil oleh kontraktor sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

5. JABATAN AGAMA JOHOR
- Pengurusan Sekolah Agama Kerajaan Johor

5.1. Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) ditubuhkan bertujuan untuk memberikan pendidikan agama secara teratur, sempurna dan dikawal oleh kerajaan. Fungsi SAKJ adalah untuk menambah, melengkap dan memperkukuhkan lagi mata pelajaran pendidikan Islam. Pada tahun 2011, (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor (BPJAJ) menguruskan 546 buah SAKJ dengan jumlah pelajar seramai 204,576 orang dan guru seramai 3,277 orang. BPJAJ mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam (MAIJ) sejumlah RM178.38 juta dalam tahun 2011 untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

5.2. Pengauditan yang meliputi pengurusan SAKJ (kecuali Sekolah Rendah Agama Bersepadu) mendapati secara keseluruhan pengurusan SAKJ adalah kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

5.2.1. Penempatan Sekolah Agama (SA) di rumah kedai sebagai tempat pembelajaran sementara adalah kurang selesa dan keselamatan murid tidak terjamin kerana tiada kawalan keselamatan disediakan.

5.2.2. Program penyenggaraan dan baik pulih tidak mengikut perancangan disebabkan kekangan peruntukan kewangan telah mengakibatkan kerosakan kecil menjadi semakin serius terhadap bangunan SA yang terlibat.

5.2.3. Kemudahan infrastruktur SA tidak lengkap dengan keperluan asas seperti bilik mesyuarat, bilik perpustakaan/sumber dan penggunaan perabot yang telah rosak dan tidak selamat untuk digunakan.

5.2.4. Tahap keselamatan di SA tidak memuaskan di mana terdapat premis sekolah yang mempunyai pagar yang telah rosak serta tidak mempunyai pengawal keselamatan selain alat pemadam api yang tidak mencukupi dan sempurna.

5.2.5. Pengurusan Aset dan Inventori di SA tidak mematuhi Tatacara Pengurusan Aset Alih bagi kaedah pendaftaran dan pelupusan aset.

5.2.6. Kekurangan guru dan Pembantu Tadbir di SA boleh menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran serta pentadbiran pengurusan sekolah.

5.3. Bagi memastikan objektif penubuhan SA dapat dilaksanakan dengan memuaskan adalah disyorkan:

5.3.1. Menyediakan SA dengan infrastruktur yang lebih baik dan sempurna.

5.3.2. Memohon peruntukan tambahan bagi tujuan penyenggaraan dan baik pulih sekolah serta peruntukan infrastruktur yang sempurna.

5.3.3. Meningkatkan tahap keselamatan SA dengan membina dan membaiki pagar serta menyediakan pengawal keselamatan.

5.3.4. Mewujudkan jawatan Pembantu Tadbir di semua sekolah tanpa mengira gred SA bagi tujuan pentadbiran serta mengurangkan beban tugas guru.

5.3.5. Menyediakan latihan dan kursus yang berkaitan pengurusan kewangan dan pentadbiran kepada guru besar/guru di SA Gred C serta Pembantu Tadbir.

6. UNIT SAINS TEKNOLOGI DAN ICT NEGERI JOHOR
- Sistem Elektronik Pelesenan

6.1. Sistem Elektronik Pelesenan (e-LESEN) adalah merupakan salah satu aplikasi sistem yang dibangunkan dalam Projek JEG Fasa II. Matlamat pembangunan e-LESEN ini adalah bertujuan untuk menggantikan proses kerja manual yang sedang diguna pakai dalam aktiviti pentadbiran serta pengurusan lesen dan permit di Pejabat Daerah, Negeri Johor. Unit Sains Dan Teknologi ICT Negeri Johor (USTICT) bertanggungjawab mengurus dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan e-LESEN serta menyenggara sistem aplikasi dan peralatan komputer bagi Pejabat Daerah di Negeri Johor. Perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Johor dengan vendor termasuklah juga untuk membekal, memasang, membangun, menguji, melatih, melaksana dan menyenggara perkakasan, perisian komputer dan aplikasi e-LESEN bernilai RM1.8 juta.

6.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pembangunan e-LESEN adalah kurang memuaskan kerana sistem ini masih belum dapat dilancarkan dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

6.2.1. Pembangunan sistem mengambil masa yang lebih lama daripada yang dijangkakan iaitu kelewatan selama 41 bulan.

6.2.2. Kadar lesen yang tidak sama dan tempoh lesen yang berbeza menjadi faktor utama data lesen tidak dapat diproses melalui e-LESEN dan menyumbang kepada kemasukan data di Pejabat Daerah yang tidak optimum.

6.2.3. Beberapa faktor lain adalah seperti penentuan kadar lesen yang lewat diputuskan, pemindahan teknologi kepada Pentadbir Sistem masih belum mencukupi, serta kelemahan keselamatan dari aspek capaian pengguna dan proses kerja modul e-LESEN yang kurang lengkap boleh menjejaskan keselamatan dan integriti data.

6.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya semua pihak yang terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan e-LESEN mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

6.3.1. Kajian Pengguna yang dibuat hendaklah mengambil kira keperluan pengguna di setiap Pejabat Daerah. Kesilapan dan kelemahan di dalam modul perlu diperbetulkan untuk menghasilkan maklumat data yang tepat dan kadar lesen dan tempoh lesen di dalam sistem yang tidak seragam perlu dipinda untuk membolehkan semua Pejabat Daerah dapat menggunakan e-LESEN sepenuhnya.

6.3.2. Melaksanakan pengujian secara menyeluruh sebelum sistem digunakan oleh pengguna.

6.3.3. USTICT hendaklah memastikan Pentadbir Sistem e-LESEN mengambil tindakan untuk mengemaskinikan status ID Pengguna e-LESEN dari semasa ke semasa dan memastikan ID serta kata laluan menepati ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan.

6.3.4. Pihak Pengurusan di Pejabat Daerah perlu melibatkan diri secara langsung ke atas pelaksanaan e-LESEN.

7. MAJLIS DAERAH PONTIAN
- Pengurusan Penswastaan Pembangunan Komersial

7.1. Majlis Daerah Pontian (Majlis) telah melaksanakan projek Penswastaan Pembangunan Komersial (PPK) dengan pihak swasta untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi di daerah Pontian. Majlis mula mengadakan perjanjian PPK dengan pihak swasta pada tahun 2000 untuk menaik taraf Pekan Kukup bernilai RM17.55 juta di atas tanah seluas 4.68 ekar di Mukim Serkat dan telah disiapkan pada tahun 2009. Selain itu, sebanyak 2 projek PPK di Jalan Bakek dan Jalan Taib, Pontian telah ditandatangani pada tahun 2004 dan 2009 masing-masing bernilai RM37.28 juta di atas tanah seluas

67,547 meter persegi dan RM10 juta di atas tanah seluas 19,226 meter persegi Mukim Pontian.

7.2. Pengauditan yang dijalankan pada September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan PPK adalah kurang memuaskan kerana berlakunya kelemahan-kelemahan seperti berikut:

7.2.1. Prestasi pelaksanaan projek yang tidak memuaskan kerana Projek PPK Pekan Kukup lewat disiapkan walaupun pelanjutan masa diberikan dan Projek PPK Jalan Bakek, Pontian belum disiapkan. Manakala, Projek PPK Jalan Taib, Pontian belum dimulakan.

7.2.2. Pulangan projek penswastaan di Pekan Kukup tidak diuruskan dengan baik, nilai pulangan yang rendah bagi projek penswastaan di Jalan Bakek, Pontian dan pembayaran yang dibuat tidak mengikut perjanjian serta pulangan projek penswastaan di Jalan Taib, Pontian belum diterima kerana projek belum dimulakan.

7.2.3. Kepentingan Majlis tidak dilindungi di mana deposit keselamatan tidak dikemukakan/lewat dikemukakan, dokumen sumber kewangan syarikat tidak disertakan untuk menyokong sumber kewangan syarikat dan syarat perkongsian tidak dipatuhi.

7.2.4. Cadangan pembangunan terperinci tidak dikemukakan oleh syarikat pemaju untuk penilaian awal Majlis.

7.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan projek PPK, Majlis disyorkan mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

7.3.1. Menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau dan menyelia pelaksanaan projek penswastaan bagi memastikan projek disiapkan dengan sempurna serta syarat perjanjian dipatuhi.

7.3.2. Mengkaji semula bentuk pulangan sedia ada yang masih belum diterima oleh Majlis sama ada ianya masih bersesuaian dengan keperluan semasa.

7.3.3. Pulangan dalam bentuk aset yang diterima oleh Majlis perlu diuruskan dengan baik dan nilai jualan yang dibuat ke atas aset perlu memberikan pulangan yang sepadan dengan nilai tanah yang diserahkan kepada syarikat.

7.3.4. Mendapatkan pandangan dan ulasan daripada Penasihat Undang-undang Negeri Johor mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat yang gagal menyiapkan/ memulakan projek penswastaan mengikut tempoh perjanjian.

8. MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM
- Pengurusan Pasar Awam Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

8.1. Majlis Daerah Simpang Renggam bertanggungjawab menguruskan 3 pasar yang berbeza jenis dan lokasinya. Pasar-pasar tersebut adalah pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir. Majlis juga bertanggungjawab mengawal dan menjalankan pemantauan

terhadap kerja pembersihan pasar oleh pihak Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) iaitu syarikat yang dilantik oleh Majlis untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Lebih kurang 550 meter dari pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir terletak Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam yang dibina pada tahun 1985 dan beroperasi pada tahun 1988.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

8.2.1. Aktiviti pasar penyumbang kepada pencemaran alam sekitar iaitu pencemaran air di Sungai Benut, Simpang Renggam dan pencemaran bau kepada penduduk setempat. Sisa air dari pasar akan masuk ke parit bandar dan akhirnya mengalir ke Sungai Benut yang merupakan sumber bekalan air mentah kepada LRA Simpang Renggam. Hasil rawatan LRA ini merupakan air terawat yang dibekalkan kepada penduduk di sekitar Simpang Renggam, Machap dan Benut. Jarak yang terlalu hampir di antara pasar dan kawasan perumahan menyebabkan pencemaran bau kepada penduduk sekitar.

8.2.2. Kerja-kerja membersihkan pasar telah diswastakan kepada SWM, pemantauan terhadap kerja pembersihan tersebut tidak dibuat secara berjadual dan tidak dijalankan dengan sempurna menyebabkan pasar kelihatan kotor.

8.2.3. Majlis hanya mengeluarkan kompaun terhadap kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan tiada kompaun dikeluarkan bagi pelanggaran undang-undang yang lain.

8.2.4. Penyenggaraan tidak dibuat secara berjadual, penyenggaraan dilaksanakan apabila terdapat aduan.

8.3. Bagi memastikan pengurusan pasar awam diurus dengan teratur, cekap dan berkesan dengan mengambil kira aspek berkaitan alam sekitar, adalah disyorkan supaya Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

8.3.1. Aktiviti pasar ayam dan pasar khinzir hendaklah dipindahkan kerana ia penyumbang utama kepada pencemaran air dan bau disebabkan air sisa aktiviti penyembelihan ayam dan khinzir mengalir masuk ke Sungai Benut yang merupakan sumber bekalan air mentah kepada LRA Simpang Renggam.

8.3.2. Pemantauan terhadap kebersihan pasar perlu dilakukan dengan lebih kerap supaya pasar berada dalam keadaan bersih dan memberi keselesaan kepada semua pihak.

8.3.3. Pemantauan yang cekap dan berterusan oleh Bahagian Kesihatan Awam perlu dilaksanakan terhadap kerja pembersihan pasar yang dijalankan oleh SWM bagi memastikan kualiti kerja pembersihan pasar terjaga, bersesuaian dengan nilai bayaran yang dikeluarkan.

8.3.4. Program penyenggaraan dan pemeriksaan secara berjadual perlu disediakan bagi memastikan kerosakan kecil tidak menjadi serius.

8.3.5. Penguatkuasaan terhadap undang-undang dengan lebih ketat terhadap peniaga agar peraturan dan syarat yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

9. YAYASAN PELAJARAN JOHOR
- Pengurusan Program Tuisyen Hikmah

9.1. Program Tuisyen Hikmah merupakan program tuisyen percuma Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) yang diberikan kepada keluarga yang tidak mampu menghantar anak mereka untuk mendapat tuisyen berbayar bertujuan meningkatkan prestasi dan bilangan murid berprestasi sederhana dan lemah kepada cemerlang dalam peperiksaan awam khususnya di kalangan murid bumiputera. Program ini melibatkan murid yang akan menduduki peperiksaan awam yang terdiri dari peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Program ini dibahagikan kepada Tuisyen Kampung untuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains serta Tuisyen Ibnu Sina untuk mata pelajaran Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan. Mulai tahun 2011, YPJ telah menetapkan Program Tuisyen Hikmah tidak lagi diberikan kepada murid yang akan menduduki peperiksaan PMR. Bagaimanapun, YPJ telah memberikan peluang ini kepada murid tingkatan 4 pada tahun tersebut.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2011 mendapati pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang boleh dibuat penambahbaikan seperti berikut:

9.2.1. Murid lemah tidak terpilih bagi mengikuti Program Tuisyen Hikmah berdasarkan syarat baru pemilihan murid oleh YPJ.

9.2.2. 101 buah sekolah di luar bandar tidak terlibat dengan Program Tuisyen Hikmah.

9.2.3. Prestasi kehadiran murid Tuisyen Hikmah Tingkatan 4 dan SPM tidak memuaskan.

9.2.4. YPJ dan pegawai penyelaras kurang membuat pemantauan dan analisis borang instrumen pemantauan tidak dibuat.

9.2.5. Pembayaran elaun guru tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

9.2.6. Dokumen tidak disimpan dengan teratur menyebabkan terdapat rekod tidak dapat dikesan dan dirujuk.

9.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pencapaian objektif program dipertingkatkan lagi, YPJ adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

9.3.1. YPJ perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah dengan menyediakan garis panduan lengkap bagi memastikan syarat pemilihan sekolah, pelajar dan guru serta penyediaan modul P&P yang dibuat dapat memenuhi objektif sebenar program ini.

9.3.2. YPJ perlu memastikan murid lemah dan sederhana dan murid kurang berkemampuan diberi keutamaan untuk mengikuti program tuisyen ini sejajar dengan matlamat asal program tuisyen ini dan juga fungsi YPJ itu sendiri.

9.3.3. YPJ perlu menambah kakitangan dan bekerjasama dengan Pegawai Penyelaras bagi memperbanyakkan pemantauan ke sekolah-sekolah terlibat supaya masalah dan perkembangan program dapat diketahui.

9.3.4. YPJ perlu menyediakan Daftar Tuntutan Elaun Guru Hikmah dan membuat pembayaran tuntutan elaun guru melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) agar semua tuntutan dapat direkodkan dan dibayar kepada sekolah dengan sempurna.

10. PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM JOHOR
- Perolehan Dan Pengurusan Buku Perbadanan Perpustakaan Awam Johor

10.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) telah ditubuhkan di bawah Enakmen PPAJ Tahun 1982 dan mula beroperasi pada Ogos 1984. Tujuan PPAJ ditubuhkan adalah sebagai pusat maklumat dan menyediakan akses maklumat yang mudah untuk menyokong usaha pembelajaran sepanjang hayat serta membantu usaha memupuk budaya membaca. PPAJ mempunyai sebuah perpustakaan pusat (ibu pejabat) di Johor Bahru, 14 perpustakaan cawangan dan 53 perpustakaan desa. Aktiviti utama PPAJ adalah menyediakan bahan bacaan untuk kegunaan ahli dan pengunjung. Mengikut keputusan Majlis Kewangan Negara 1991, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menanggung bersama perbelanjaan mengurus PPAJ pada nisbah 50:50.

10.2. Pengauditan yang dijalankan mulai Oktober hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya perolehan dan pengurusan buku di PPAJ adalah kurang memuaskan dan antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

10.2.1. Prestasi perolehan buku tidak memuaskan menyebabkan perolehan buku tidak seimbang dan semakin menurun.

10.2.2. Perolehan buku melebihi RM50,000 dibuat secara terus dan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga tidak ditubuhkan.

10.2.3. Pesanan tempatan dikeluarkan sebelum peruntukan pembelian buku diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pengesahan buku lewat dilaksanakan disebabkan peruntukan lewat diterima.

10.2.4. Buku-buku lewat diproses dan dipamerkan kerana tiada prosedur ditetapkan mengenai tempoh masa yang perlu diambil bagi memproses buku dan pengesahan lewat dijalankan antara 11 hingga 226 hari.

10.2.5. Tahap kawalan keselamatan buku yang rendah disebabkan tidak semua buku dipasang dengan *security strip* dan nombor ketuk buku di PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa tidak dimasukkan dalam sistem *Integrated Library Management Utility* (ILMU).

10.2.6. Kaedah pemulangan buku tidak berkesan kerana ahli perpustakaan yang tidak memulangkan buku selepas tamat tempoh tidak dapat dikesan.

10.2.7. Buku baru tidak dibekalkan ke perpustakaan desa bagi tahun 2009 hingga 2011 dan kemudahan di PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa tidak lengkap kerana kekurangan peruntukan.

10.2.8. Buku yang dihantar ke PPAJ Cawangan tidak diproses terlebih dahulu oleh Unit Katalog PPAJ telah menyebabkan buku-buku lewat dipamerkan.

10.2.9. Pengurusan penerimaan buku sumbangan tidak teratur menyebabkan buku-buku masih tersimpan dalam stor dan tidak dapat dimanfaatkan oleh pengguna.

10.2.10. Tindakan pelupusan buku belum diambil disebabkan rekod yang tidak lengkap.

10.3. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan adalah disyorkan supaya PPAJ mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

10.3.1. PPAJ perlu menyediakan perancangan dan cadangan keperluan pembelian buku setiap tahun dan mewujudkan Jawatankuasa Pemilihan Buku bagi memastikan perolehan buku adalah terancang dan lengkap serta dapat memenuhi keperluan.

10.3.2. PPAJ perlu mewujudkan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga dan memastikan semua pembelian buku adalah melalui proses sebut harga atau tender. PPAJ perlu memastikan peruntukan pembelian buku mencukupi sebelum pesanan tempatan dikeluarkan dan pegawai yang menguruskan perolehan buku mendapat latihan berkaitan perolehan dan tugas yang dipertanggungjawabkan.

10.3.3. PPAJ perlu mewujudkan satu ketetapan dalam prosedur memproses buku mengenai tempoh masa yang perlu diambil bagi menjaga kepentingan pengguna.

10.3.4. Tindakan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan perlindungan buku-buku di PPAJ perlu diambil dengan segera. Penghantaran buku ke PPAJ Cawangan dan Desa perlu dipantau dengan menyediakan senarai penghantaran dan daftar penerimaan buku.

10.3.5. PPAJ perlu menyediakan garis panduan berkaitan buku-buku yang diterima secara sumbangan bagi memastikan semua buku-buku yang diterima dapat didaftarkan dan dipamerkan dengan segera dan digunakan secara optimum oleh pengguna perpustakaan. Tindakan pelupusan perlu diambil dengan segera memandangkan buku-buku tersebut sudah lama dan lapuk.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

11. PERBADANAN JOHOR
- TPM Technopark Sdn. Bhd.

11.1. TPM Technopark Sdn. Bhd. (TPM) adalah sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Johor yang ditubuhkan pada 20 Jun 1992. Kegiatan utama syarikat TPM ialah sebagai pengurus projek yang meliputi perkhidmatan mereka bentuk, penyediaan kontrak, pembinaan dan memastikan projek siap mengikut masa ditetapkan. Selain itu, TPM juga memberi perkhidmatan sebagai agen pemasaran untuk kawasan perindustrian Negeri Johor.

11.2. Pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga Ogos 2011 mendapati prestasi kewangan TPM adalah memuaskan tetapi keuntungan TPM menyusut sejumlah RM3.68 juta di mana keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2010 adalah sejumlah RM4.25 juta berbanding RM7.93 juta pada tahun 2009. Pemeriksaan terhadap pengurusan aktiviti utama mendapati kelemahan seperti berikut:

11.2.1. Projek menaik taraf Bangunan KOMTAR lewat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

11.2.2. Tapak Industri di Taman Perindustrian Sedenak yang masih belum terjual kerana kurang sambutan daripada pelabur disebabkan persekitaran tanah yang tidak menarik.

11.2.3. Penjualan tanah industri di beberapa kawasan industri tidak mencapai sasaran disebabkan lokasi kurang strategik dan kurang promosi.

11.2.4. Stok tanah industri semakin berkurangan dan hanya boleh bertahan sehingga tahun 2023.

11.3. Bagi memastikan objektif penubuhan TPM dapat dicapai sepenuhnya dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money,* adalah disyorkan TPM mengambil tindakan seperti berikut:

11.3.1. Pihak pengurusan perlu menilai kembali kesesuaian status tanah di Sedenak sebagai Kawasan Perindustrian memandangkan kesukaran mendapatkan pembeli. Sebagai alternatif kawasan tersebut perlu dimajukan secara bersepadu dengan agensi lain yang turut mempunyai tanah di kawasan berkenaan bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan menjadikan tarikan kepada pembeli industri.

11.3.2. Sebagai langkah jangka panjang, TPM perlu mempelbagaikan aktiviti dengan menceburi bidang perniagaan yang baru dan tidak bergantung sepenuhnya terhadap tanah Perbadanan Johor yang semakin berkurangan.

11.3.3. Memastikan prestasi penjualan tanah industri mencapai sasaran yang ditetapkan dengan membuat laporan penilaian keberkesanan bagi setiap aktiviti pemasaran yang dijalankan.

12. PERBADANAN JOHOR
- JCorp Hotels And Resorts Sdn. Bhd.

12.1. JCorp Hotels And Resorts Sdn. Bhd. (JHRSB) atau sebelum ini dikenali sebagai Kumpulan Penambang (Johor) Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 19 Disember 1970, merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Johor. Perbadanan Johor telah menyusun semula semua perniagaan perhotelan dan pelancongan di bawah JHRSB mulai tahun 2008 dan pertukaran nama baru syarikat diluluskan pada 20 Jun 2011. Sehingga 31 Disember 2010, modal saham dibenarkan JHRSB ialah RM332.40 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM318.60 juta. Aktiviti utama syarikat JHRSB adalah di dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan dan penanaman kelapa sawit.

12.2. Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2011 mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

12.2.1. Sungguhpun JHRSB telah meningkatkan pelaburan daripada RM6.59 juta pada awal tahun 2008 kepada RM350.55 juta pada akhir tahun 2010 terutama dalam syarikat-syarikat perhotelan dan pelancongan, sumbangan kepada keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010 adalah tidak ketara.

12.2.2. Kedudukan aset dan liabiliti juga berada pada tahap kurang memuaskan disebabkan modal kerja JHRSB dari tahun 2008 hingga 2010 semakin kurang nilainya.

12.2.3. Lawatan Audit ke Ladang Kelapa Sawit JHRSB mendapati keadaan perumahan bagi pekerja ladang tidak memuaskan, dewan orang ramai dijadikan tempat penyimpanan baja dan tiada kawalan terhadap berat hasil penuaian BTS yang dihantar ke kilang.

12.2.4. Pada tahun 2008 hingga 2010 prestasi kewangan 5 syarikat subsidiari dalam bidang perhotelan dan pelancongan yang beroperasi adalah tidak memuaskan dan kesemuanya telah mengalami kerugian semasa bagi ketiga-tiga tahun antara RM0.39 juta hingga RM10.16 juta. Kerugian terkumpul bagi 5 syarikat tersebut telah meningkat antara RM6.99 juta hingga RM114.15 juta.

12.3. Bagi memastikan objektif penubuhan JHRSB dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dikemaskan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

12.3.1. Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.

12.3.2. Mempertingkatkan prestasi syarikat-syarikat yang diambil alih dalam penyusunan semula perniagaan perhotelan dan pelancongan bagi memastikan pulangan yang diperoleh menjadi penyumbang utama kepada JHRSB.

12.3.3. Meninjau dan mengatur strategi alternatif seterusnya untuk memastikan syarikat terus memperoleh keuntungan memandangkan pulangan dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan adalah tidak memberangsangkan dan ditambah pula dengan penjualan ladang kelapa sawit yang selama ini menjadi penyumbang utama.

Bahagian I
Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri

BAHAGIAN I
AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan akta ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 10 aktiviti pada tahun 2011. Sepuluh aktiviti tersebut adalah Pengurusan Kemudahan Awam Di Luar Bandar, Penyenggaraan Bangunan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor Di Kota Iskandar, Bayaran Perkhidmatan Pejabat Tanah, Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan, Pengurusan Sekolah Agama Kerajaan Johor, Sistem Elektronik Pelesenan, Pengurusan Penswastaan Pembangunan Komersial, Pengurusan Pasar Awam Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Program Tuisyen Hikmah dan Perolehan Dan Pengurusan Buku Perbadanan Perpustakaan Awam Johor. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

PEJABAT MENTERI BESAR

2. PENGURUSAN KEMUDAHAN AWAM DI LUAR BANDAR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Kemudahan awam di luar bandar disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di Negeri Johor. Kemudahan awam diklasifikasikan sebagai kemudahan semasa yang dibina atau dibekalkan untuk kegunaan orang ramai. Ini termasuk balai raya, dewan orang ramai, surau, kuil, padang/gelanggang permainan, jalan dan jambatan kampung serta bekalan peralatan kemudahan awam seperti alatan pejabat, balai bergerak, kanopi dan komputer. Objektif kemudahan awam disediakan adalah untuk memajukan kawasan di luar bandar di samping memastikan kemudahan awam yang dibangunkan atau dibekalkan dapat dinikmati secara maksimum oleh penduduk setempat. Bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang selesa serta moden kepada semua lapisan rakyat, Pejabat Menteri Besar telah dipertanggungjawabkan sebagai pemegang waran peruntukan, manakala Pejabat Daerah berperanan sebagai agensi pelaksana.

2.1.2. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM332.84 juta kepada Pejabat Menteri Besar di mana sejumlah RM323.62 juta atau 97.2%

telah dibelanjakan untuk membiayai projek pembinaan dan bekalan peralatan kemudahan awam. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Pembinaan Dan Bekalan Peralatan Kemudahan Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Vot	Peruntukan Aktiviti	Peruntukan			Perbelanjaan		
		Tahun			Tahun		
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
P56/1	Pembangunan	32.00	38.56	44.00	32.00	34.13	43.58
P56/6	Rancangan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil	34.00	35.78	34.50	34.00	34.41	34.29
P56/9	Dewan Orang Ramai/Serba Guna	5.00	5.00	8.00	4.94	4.94	7.79
P56/10	Pembinaan Padang Di Mukim-mukim	1.00	1.00	1.00	0.69	0.80	0.94
P55/1	Jalan Dan Jambatan Kampung	25.00	38.00	30.00	23.57	37.68	29.86
Jumlah		**97.00**	**118.34**	**117.50**	**95.20**	**111.96**	**116.46**
Jumlah Besar		**332.84**			**323.62**		

Sumber: Pejabat Menteri Besar

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan awam di luar bandar diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan dan bekalan peralatan kemudahan awam di luar bandar melalui peruntukan Pejabat Menteri Besar dan dilaksanakan oleh 3 Pejabat Daerah iaitu Muar, Ledang dan Kluang bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan projek pembinaan dan bekalan kemudahan awam. Pengauditan juga meliputi peruntukan Rancangan Pembangunan Kerja Kecil di mana kemudahan awam diberikan mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) termasuk kawasan bandar. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penerima bekalan peralatan kemudahan awam serta pemeriksaan fizikal terhadap beberapa projek dan bantuan yang diberi turut dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Ogos hingga November 2011 pada keseluruhannya mendapati pengurusan kemudahan awam di luar bandar oleh Pejabat Menteri Besar adalah memuaskan kerana Jabatan telah berjaya menyediakan kemudahan awam kepada penduduk. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kerja lewat disiapkan.
- Butiran kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Gelanggang dan padang yang telah dibina tidak digunakan.
- Pengurusan perolehan yang kurang teratur.

2.4.1. Prestasi Pencapaian Projek Kemudahan Awam Luar Bandar

Pejabat Menteri Besar memperuntukkan sejumlah RM52.32 juta daripada RM332.84 juta kepada 3 Pejabat Daerah iaitu Muar, Ledang dan Kluang bagi tahun 2009 hingga 2011. Sejumlah RM49.10 juta atau 93.8% telah dibelanjakan untuk membiayai sebanyak 906 projek pembinaan dan 8,185 bekalan peralatan kemudahan awam luar bandar bagi tempoh tersebut. Pencapaian projek pembinaan dan bekalan peralatan kemudahan awam luar bandar bagi tempoh 3 tahun berkenaan adalah baik kerana 905 atau 99.9% kerja pembinaan dan 8,160 atau 99.7% bekalan kemudahan awam luar bandar telah disiapkan seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Prestasi Pencapaian Projek Kemudahan Awam Luar Bandar Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Daerah	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Belanja (%)	Bil. Projek Pembinaan Kemudahan Awam			Bil. Projek Bekalan Kemudahan Awam		
					S	SL	BM	S	SL	BM
Muar	2009	1.55	1.55	100	102	-	-	1,207	-	-
	2010	1.71	1.70	99.4	67	-	-	967	-	-
	2011	1.74	1.03	59.2	67	-	-	1,202	-	24
Jumlah		**5.00**	**4.28**	**85.6**	**236**	**-**	**-**	**3,376**	**-**	**24**
Ledang	2009	9.92	9.41	94.9	104	-	-	343	-	-
	2010	13.09	12.80	97.8	136	-	-	760	-	-
	2011	9.37	8.03	85.7	103	1	-	724	-	-
Jumlah		**32.38**	**30.24**	**93.4**	**343**	**1**	**-**	**1,827**	**-**	**-**
Kluang	2009	4.88	4.55	93.3	108	-	-	839	-	-
	2010	4.01	4.01	100	49	-	-	772	-	-
	2011	6.05	6.02	99.5	169	-	-	1,346	1	-
Jumlah		**14.94**	**14.58**	**97.6**	**326**	**-**	**-**	**2,957**	**1**	**-**
Jumlah Besar		**52.32**	**49.10**	**93.8**	**905**	**1**	**-**	**8,160**	**1**	**24**

Sumber: Pejabat Daerah Muar, Ledang Dan Kluang
Nota: S – Siap, SL – Sedang Laksana, BM – Belum Mula

2.4.1.1. Sasaran Bilangan Projek Kemudahan Awam Luar Bandar Tidak Ditetapkan

a. Penetapan sasaran adalah penting untuk memastikan penyediaan projek kemudahan awam dapat dilakukan dengan lebih tersusun mengikut tempoh dan peruntukan kewangan yang disediakan. Kriteria yang khusus perlu disediakan bagi menggariskan syarat pelaksanaan, kos yang terlibat serta keutamaan projek. Semakan Audit mendapati Pejabat Menteri Besar tidak menetapkan sasaran bilangan projek pembinaan atau bekalan peralatan kemudahan awam luar bandar pada setiap tahun. Bilangan projek dan bekalan peralatan kemudahan awam luar bandar yang dibina atau dibekalkan pada setiap tahun adalah berasaskan kepada kelulusan dan jumlah peruntukan pembangunan yang diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah. Kesannya, prestasi pencapaian bilangan sebenar tidak dapat dinilai bagi memastikan keutamaan projek dan bekalan kemudahan awam yang dibina atau dibekalkan adalah mengikut keperluan sebenar orang awam.

b. Tanpa sasaran, perbelanjaan bagi kerja-kerja pembinaan kemudahan awam tidak menggunakan butiran peruntukan yang sepatutnya seperti berikut:

i. Kerja-kerja pembinaan kemudahan awam luar bandar di bawah butiran peruntukan Dewan Orang Ramai/Serba Guna (P56/9) atau Padang/Gelanggang Permainan (P56/10) telah dibayar menggunakan butiran peruntukan Pembangunan (P56/1) seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Contoh Kerja Pembinaan Kemudahan Awam Luar Bandar Yang Dibayar Menggunakan Butiran Peruntukan Pembangunan (P56/1) Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Butiran	No. Waran	Jumlah (RM)	Sepatutnya Menggunakan Sumber Peruntukan
2009	Membina gelanggang bola tampar, bola jaring dan takraw (3 dalam 1) di Dataran Riadah Taman Mulia	W0100903	30,000	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
	Membina baru Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir	W0100031	300,000	Dewan Orang Ramai/ Serba Guna (P56/9)
	Membaik pulih Balai Serba Guna Kampung Seri Menanti, Sengkang Batu 22, Bukit Gambir	W0100901	60,000	Dewan Orang Ramai/ Serba Guna (P56/9)
2010	Kerja-kerja menambah dan menaik taraf infrastruktur Gelanggang Sukan Tok Laji Kg. Kesang Tasek, Ledang	W0110604	200,000	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
	Kerja-kerja menaik taraf padang dan membina Gelanggang Futsal Kampung Seri Jaya, Bukit Banjar	W0110567	121,174	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
	Kerja-kerja membina padang permainan di Kampung Serom 3, Ledang	W0110659	148,000	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
2011	Kerja-kerja membina sebuah dewan di Taman Sri Ledang Tangkak	W0110362	148,000	Dewan Orang Ramai/ Serba Guna (P56/9)
	Kerja-kerja membina padang bola di Kampung Melepang, Sagil, Daerah Ledang	W0110830	50,000	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
	Kerja-kerja membina bola tampar di Kampung Melayu Raya Sagil	W0110716	20,000	Padang/Gelanggang Permainan (P56/10)
Jumlah			**1,077,174**	

Sumber: Pejabat Daerah Ledang

ii. Peruntukan di bawah butiran Pembangunan (P56/1) dan Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil (P56/6) tidak mencukupi pada tahun 2009 hingga 2011 dan memerlukan tambahan peruntukan antara RM12 juta (54.5%) hingga RM28 juta (175%) seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Jumlah Peruntukan Tambahan Butiran Pembangunan Dan Rancangan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun	Peruntukan Asal (RM Juta)	Peruntukan Tambahan	
			(RM Juta)	(%)
Pembangunan (P56/1)	2009	15.00	17.00	113.3
	2010	15.56	23.00	147.8
	2011	16.00	28.00	175.0
Jumlah		**46.56**	**68.00**	
Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil (P56/6)	2009	22.00	12.00	54.5
	2010	22.00	13.78	62.6
	2011	22.00	12.50	56.8
Jumlah		**66.00**	**38.28**	

Sumber: Pejabat Menteri Besar

c. **Menurut Pejabat Menteri Besar berdasarkan maklum balas bertarikh 20 Mac 2012, sasaran tidak dibuat kerana terdapat permohonan yang diluluskan secara segera semasa lawatan Menteri Besar ke kawasan yang terlibat. Bagaimanapun, Pejabat Menteri Besar akan menetapkan sasaran bagi kerja-kerja yang boleh dirancang dan mengikut keutamaan pada masa hadapan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian projek kemudahan awam luar bandar adalah baik kerana kerja pembinaan dan bekalan yang dapat disiapkan melebihi 95%. Bagaimanapun, sasaran bilangan projek luar bandar untuk setiap tahun tidak disediakan.

2.4.2. Pengurusan Projek Kemudahan Awam Di Luar Bandar Kurang Memuaskan

2.4.2.1. Kelewatan Menyiapkan Projek Pembinaan Kemudahan Awam

a. Semakan Audit terhadap 21 fail projek pembinaan dewan orang ramai/serba guna, padang/gelanggang permainan serta jalan dan jambatan kampung bagi tahun 2009 hingga 2011 di Daerah Muar, Ledang dan Kluang mendapati sebanyak 14 projek telah disiapkan mengikut tempoh, 5 projek lewat disiapkan antara satu hingga 13 bulan, manakala 2 projek masih belum disiapkan sehingga akhir tahun 2011. Contoh projek yang lewat dan belum disiapkan adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kerja Pembinaan Kemudahan Awam Luar Bandar Lewat Disiapkan Dan Masih Belum Disiapkan Sehingga Bulan Disember 2011

Bil.	Daerah	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh		Tempoh Kelewatan (Bulan)
				Sepatut Siap	Sebenar Siap	
Kerja Pembinaan Lewat Disiapkan:						
1.	Ledang	Membina baru Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir	299,731	23.2.2010	13.4.2011	13
2.		Menyiapkan dan menyempurnakan semula kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan pelan di Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Parit Bunga	198,541	21.2.2011	15.7.2011	4
3.	Kluang	Membina Dewan Serba Guna di Kampung Ithnin Maarof, Simpang Renggam	248,000	31.5.2009	10.10.2009	4
Jumlah			**746,272**			
Kerja Pembinaan Masih Belum Dapat Disiapkan:						
1.	Muar	Membina serta menyiapkan sebuah Dewan Serba Guna di Kompleks Penghulu Mukim Air Hitam	490,106	2.7.2010	Belum siap	16
2.	Ledang	Membina dan menyiapkan sebuah Dewan Serba Guna di Sekolah Kebangsaan Ledang	477,306	3.8.2011	Belum siap	4
Jumlah			**967,412**			

Sumber: Pejabat Daerah Muar, Ledang Dan Kluang

b. Pejabat Daerah Ledang memaklumkan bahawa kelewatan projek di bawah seliaan Jabatan adalah disebabkan atas beberapa faktor antaranya ialah proses mendapat kebenaran laluan ke tapak projek semasa pelaksanaan projek Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir. Bagi projek Pembinaan Dewan Sekolah Kebangsaan Parit Bunga, kelewatan projek adalah disebabkan masalah kontraktor asal kerana kegagalan kontraktor dalam mematuhi spesifikasi kerja sehingga kontraktor ditamatkan kontraknya. Tindakan telah diambil oleh Pejabat Daerah Ledang dengan menggunakan laluan lain ke tapak projek Pembinaan Dewan Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir manakala bagi projek Pembinaan Dewan Sekolah Kebangsaan Parit Bunga pula kontraktor baru telah pun dilantik.

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap 2 projek pembinaan yang masih belum disiapkan adalah seperti berikut:

i. Dewan Serba Guna Di Kompleks Penghulu Mukim Air Hitam, Muar

- Mengikut syarat sebut harga, kos projek adalah bernilai RM0.49 juta dan tempoh menyiapkan projek adalah selama 16 minggu iaitu bermula daripada pertengahan Februari 2010 hingga awal Julai 2010. Sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan, kontraktor telah gagal menyiapkan keseluruhan kerja dan diluluskan 2 lanjutan masa selama 2 bulan iaitu sehingga awal September 2010. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah faktor hujan

yang mengganggu kerja konkrit, masalah pemendapan tapak tanah gambut dan kelewatan pembekalan besi kerangka bangunan. Pemendapan tanah gambut tapak juga telah menyebabkan pentas batu yang telah dibina terpaksa dipecahkan dan diganti dengan pentas kayu.

- Bagaimanapun, kemajuan kerja pembinaan yang dapat disiapkan pada akhir Ogos 2010 adalah setakat 90% dan kontraktor telah diarahkan oleh Pejabat Daerah Muar untuk memberhentikan kerja pembinaan serta merta kerana berlaku mendapan tanah gambut. Bagi mengurangkan beban akibat mendapan tanah, kerja pembaikan kecil, kerja membuka semula dinding bangunan dan *roller shutter* telah dilakukan seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

Gambar 2.1
Dinding Dewan Serba Guna Yang Telah Dibuka

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Kompleks Penghulu Air Hitam, Muar
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 2.2
Bumbung Dewan Serba Guna Yang Telah Dibuka

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Kompleks Penghulu Air Hitam, Muar
Tarikh: 28 September 2011

Gambar 2.3
Tapak Dewan Serba Guna Yang Mendap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Kompleks Penghulu Air Hitam, Muar
Tarikh: 28 September 2011

- Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada laporan kesesuaian tapak bangunan atas tanah gambut dinyatakan dalam Laporan Juruteknik selepas siasatan tanah dilakukan sebelum proses memanggil sebut harga. Permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM0.20 juta telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar bagi membiayai kerja pembaikan dewan berkenaan pada pertengahan bulan Ogos 2011. Bagaimanapun, peruntukan yang dipohon tidak mencukupi bagi menampung kos pembaikan dan kerja pembinaan tidak dapat diteruskan. Setelah mengkaji semula, Pejabat Daerah Muar telah memohon tambahan peruntukan sekali lagi berjumlah RM0.35 juta bagi kerja pembaikan dewan pada pertengahan bulan Mac 2012. Ketiadaan laporan kesesuaian tapak bangunan menyebabkan kos membina dewan serba guna ini telah meningkat sebanyak 71.4% iaitu daripada RM0.49 juta kepada RM0.84 juta.

ii. Dewan Serba Guna Di Sekolah Kebangsaan Ledang

- Mengikut perjanjian, projek bagi membina Dewan Serba Guna di Sekolah Kebangsaan Ledang perlu disiapkan oleh kontraktor dalam tempoh 20 minggu iaitu bermula daripada 17 Mac 2011 hingga 3 Ogos 2011. Bagaimanapun, kontraktor terbabit telah gagal menyiapkan keseluruhan kerja dan hanya mengemukakan permohonan lanjutan masa pertama pada pertengahan bulan Oktober 2011 iaitu 77 hari selepas tarikh akhir projek patut disiapkan. Walaupun kontraktor telah diberi notis peringatan kelewatan kerja pada awal bulan Ogos 2011 tetapi denda lewat kerja tidak dikenakan terhadap kontraktor berkenaan. Prestasi kerja pembinaan adalah setakat 70% sehingga bulan November 2011 seperti di **Gambar 2.4**. Pejabat Daerah Ledang memaklumkan bahawa kerja pembinaan dewan berkenaan telah dapat disiapkan pada akhir bulan Februari 2012 seperti di **Gambar 2.5**.

Gambar 2.4
Kerja Pembinaan Dewan Siap Setakat 70%

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Ledang
Tarikh: 25 November 2011

Gambar 2.5
Pembinaan Dewan Telah Siap



Sumber: Pejabat Daerah Ledang
Lokasi: Dewan Serba Guna Sekolah Kebangsaan Ledang
Tarikh: 23 Mac 2012

2.4.2.2. Butiran Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

a. Kerja pembinaan hendaklah dibuat mengikut butiran kerja dan spesifikasi ditetapkan serta bayaran perlu dijelaskan terhadap kerja yang telah dilaksanakan. Pemeriksaan Audit terhadap 2 projek pembinaan iaitu Bangunan Madrasah Tahfiz Al-Quran, Tanjung Gading, Ledang dan Dewan Serba Guna Lot 1327, Kampung Anjung Batu 1, Ledang mendapati 4 butiran kerja berjumlah RM27,380 tidak dilaksanakan berdasarkan skop kerja. Bagaimanapun, keseluruhan bayaran telah dijelaskan oleh Pejabat Daerah Ledang selepas pengesahan siap kerja dibuat. Kerja yang tidak dilaksanakan mengikut skop kerja ditetapkan adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.9**.

Jadual 2.6
Pembinaan Tidak Mengikut Skop Kerja Ditetapkan

Bil.	Nama Projek	Butiran Kerja	Kerja Sebenar	Nilai Kerja Yang Tidak Dibuat (RM)
1.	Bangunan Madrasah Tahfiz Al-Quran Tanjung Gading, Ledang	Membina dan menyiapkan 2 unit Wakaf berukuran 6' x 6' x 8' tinggi dengan memasang papan pemanis dilorek	Hanya sebuah Wakaf dibina dan papan pemanis dilorek tidak dipasang (**Gambar 2.6**)	7,500
		Menyiapkan landskap berukuran 240 per segi dengan menanam bunga dedaun – jejari pasu 12 diameter (4 unit)	Tidak dibekalkan (**Gambar 2.7**)	10,000
2.	Dewan Serba Guna Lot 1327, Kampung Anjung Batu 1, Ledang	Membekal dan menghantar *banquet chair* untuk kegunaan dewan di ruang pejabat	Tidak dibekalkan (**Gambar 2.8**)	9,000
		Membekal serta menanam rumput *(turfing)* jenis rumput *cow grass* bagi 1,100 meter persegi	Tidak dibekalkan (**Gambar 2.9**)	880
Jumlah				**27,380**

Sumber: Pejabat Daerah Ledang

Gambar 2.6
Sebuah Wakaf Sahaja Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Madrasah Tahfiz Al-Quran, Tanjung Gading, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.7
Landskap Tidak Dibuat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Madrasah Tahfiz Al-Quran, Tanjung Gading, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.8
***Banquet Chair* Tidak Dibekalkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Lot 1327, Kampung Anjung Batu 1, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.9
Rumput *Cow Grass* Tidak Ditanam

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Lot 1327, Kampung Anjung Batu 1, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

b. Pejabat Daerah Ledang memaklumkan pada 20 Mac 2012, pembinaan tidak mengikut skop kerja kerana terdapat perubahan kerja yang dipersetujui melibatkan nilai yang sama di antara penerima dan kontraktor sewaktu kerja-kerja dijalankan dan perubahan kerja tersebut tidak didokumenkan dan diluluskan secara bertulis.

2.4.2.3. Tiada Bekalan Elektrik Di Dewan Serba Guna Kampung Ithnin Maarof, Simpang Renggam, Kluang

Dewan Serba Guna Kampung Ithnin Maarof, Simpang Renggam, Kluang telah disiapkan pada pertengahan bulan Oktober 2009 dengan kos berjumlah RM0.25 juta. Dewan serba guna yang dibina hendaklah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air supaya ia dapat digunakan dengan selesa oleh orang awam. Lawatan Audit mendapati dewan berkenaan tiada dilengkapi kemudahan bekalan elektrik sebaliknya bekalan disambung dari balai raya bersebelahan seperti di **Gambar 2.10**. Pendawaian sambungan elektrik yang dibuat didapati kurang sempurna serta boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai. Keadaan ini berlaku disebabkan kerja penyambungan bekalan meter elektrik tidak dimasukkan dalam skop kerja semasa pembinaan dewan. **Pejabat Daerah Kluang memaklumkan pada 29 Mac 2012, peruntukan sejumlah RM50,000 telah diterima daripada Pejabat Pembangunan Negeri Johor pada bulan Mac 2012 untuk menampung kos pendawaian elektrik dan kerja pendawaian tersebut sedang dilaksanakan.**

Gambar 2.10
Bekalan Elektrik Yang Telah Disambung Daripada Balai Raya Bersebelahan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Kampung Ithnin Maarof, Simpang Renggam, Kluang
Tarikh: 13 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek kemudahan awam luar bandar yang dipilih adalah kurang memuaskan kerana ada projek lewat disiapkan hingga 13 bulan, manakala 2 projek lagi masih belum dapat disiapkan untuk kegunaan orang awam.

2.4.3. Penggunaan Projek/Bekalan Kemudahan Awam Luar Bandar

2.4.3.1. Padang/Gelanggang Permainan Tidak Digunakan/Terbiar

a. Projek kemudahan awam perlu dirancang, dilaksanakan dan digunakan/ dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk kampung setempat. Lawatan Audit terhadap 6 projek pembinaan padang dan gelanggang permainan luar bandar di Daerah Ledang mendapati sebanyak 3 buah padang/gelanggang permainan bernilai RM0.51 juta telah siap dibina. Bagaimanapun, padang/gelanggang ini tidak dibina dengan sempurna di mana ianya tidak rata dan rumput tidak ditanam sepenuhnya menyebabkan padang dipenuhi semak samun dan pokok semalu. Maklumat lanjut mengenai keadaan padang dan gelanggang yang tidak digunakan adalah seperti di **Jadual 2.7** dan **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.15**.

Jadual 2.7
Keadaan Padang Dan Gelanggang Permainan Semasa Lawatan Audit Di Daerah Ledang

Bil.	Butiran Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Projek Siap	Keadaan Padang Semasa Lawatan Audit
1.	Membina padang permainan di Kampung Serom 3, Mukim Serom (**Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12**)	0.15	Nov 2010	• Tapak lokasi padang permainan berhampiran tiang bekalan elektrik • Semak samun, rumput dan lalang setinggi lutut orang dewasa
2.	Membina padang bola sepak/padang awam di Mukim Kundang Teluk Rimba (**Gambar 2.13**)	0.10	9.11.2010	• Ditumbuhi pokok semalu • Tiada rumput di sebahagian padang
3.	Menaik taraf padang dan membina Gelanggang Futsal Kampung Sri Jaya Bukit Banjar (**Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**)	0.26	22.4.2011	• Tanah padang tidak rata • Padang ditumbuhi rumput liar dan pokok semalu • Rumput di luar kawasan futsal tinggi
Jumlah		**0.51**		

Sumber: Pejabat Daerah Ledang

Gambar 2.11
Rumput Dan Lalang Tinggi Di Padang Permainan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Permainan Kampung Serom 3, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.12
Padang Permainan Berdekatan Tiang Elektrik

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Permainan Kampung Serom 3, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.13
Padang Ditumbuhi Pokok Semalu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Bola Sepak/Padang Awam, Teluk Rimba
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.14 **Gambar 2.15**
Padang Tidak Rata Dan Ditumbuhi Pokok Liar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Kampung Sri Jaya Bukit Banjar, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gelanggang Futsal Kampung Sri Jaya Bukit Banjar, Ledang
Tarikh: 23 November 2011

b. Selepas teguran Audit, Pejabat Daerah Ledang telah mengarahkan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang terlibat untuk menyelenggarakan semua kemudahan awam yang diterima termasuk padang dan gelanggang futsal pada awal Mac 2012. Selain itu, pihak kontraktor juga telah diminta untuk menanam semula rumput di kawasan padang yang tidak ditumbuhi rumput. Ekoran daripada itu, padang permainan di Kampung Serom 3, padang bola sepak/padang awam di Mukim Kundang dan gelanggang futsal di Kampung Sri Jaya Bukit Banjar telah dibersihkan secara gotong-royong oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung pada pertengahan bulan Mac 2012 seperti di **Gambar 2.16** hingga **Gambar 2.21.**

Gambar 2.16 **Gambar 2.17**

Padang Yang Telah Diselenggarakan

Sumber: Pejabat Daerah Ledang
Lokasi: Padang Permainan Kampung Serom 3, Ledang
Tarikh: 23 Mac 2012

Gambar 2.18 **Gambar 2.19**

Padang Yang Telah Diselenggarakan

Sumber: Pejabat Daerah Ledang
Lokasi: Padang Bola Sepak/Padang Awam, Teluk Rimba
Tarikh: 23 Mac 2012

Gambar 2.20 **Gambar 2.21**

Padang Yang Telah Diselenggarakan

Sumber: Pejabat Daerah Ledang
Lokasi: Gelanggang Futsal Kampung Sri Jaya Bukit Banjar, Ledang
Tarikh: 23 Mac 2012

2.4.3.2. Projek Dan Bekalan Peralatan Kepada Individu

a. Bekalan Peralatan Digunakan Oleh Individu

Mengikut Perenggan 4 Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil, kelulusan projek/bekalan atas kegunaan individu adalah tidak dibenarkan. Semakan Audit terhadap senarai kelulusan bekalan mendapati penerima projek/bekalan dibuat atas nama 10 Persatuan/Pertubuhan manakala satu lagi adalah penerima individu. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Daerah Muar, Kluang dan Ledang mendapati kesemua 39 bekalan peralatan berkenaan yang bernilai RM55,360 telah ditempatkan/dipasang di rumah beberapa individu dan bukannya di premis Persatuan/Pertubuhan. Perkara ini adalah bertentangan dengan garis panduan yang dikeluarkan dan mengakibatkan peralatan tidak dapat digunakan oleh golongan sasaran. Bekalan peralatan yang ditempatkan/dipasang di rumah kediaman individu adalah seperti di **Jadual 2.8** dan **Gambar 2.22** hingga **Gambar 2.26**.

Jadual 2.8
Bekalan Peralatan Ditempatkan/Dipasang Di Rumah Kediaman Individu

Daerah	Lokasi Bekalan Dibekalkan	Bekalan Yang Dibekalkan	Jumlah (RM)
Muar	Jalan Arab, Muar, Johor	• BOB-KA-9000 *professional digital echo mixing amplifier*	2,000
	Jalan Treh ½, Taman Sri Treh 1, Muar	• 1 unit komputer riba • 1 set komputer	5,000
Kluang	Jalan Wira 5, Taman Wira, Simpang Renggam, Johor	• Penyaman udara (**Gambar 2.22**)	3,000
	Kampung Baru, Jalan Peladang, Setia Jaya, Simpang Renggam	• Meja tulis • Almari fail kaca • Kerusi pejabat (Normal) • Kerusi pejabat (Boleh laras) • Komputer Acer	300 350 140 120 2,590
Ledang	Jalan Ong Siong, Tangkak, Ledang	• Kerusi dan meja antik (**Gambar 2.23**)	5,000
	Taman Wawasan, Tangkak Jaya,Tangkak	• Gerobok sembahyang 48"x108"x18"	2,000
	Taman Cempaka, Bukit Gambir	• Komputer LG • *Laptop Compaq* • *Printer Canon* • Rak fail kayu	2,400 1,700 550 350
	Jalan Ledang Emas 1, Taman Ledang Emas, Tangkak	• *Electrolux range hood model:E11-15024 & electrolux built-in hub model*:E10-42299 • *Morgan - food processor* model:MFP-FA 4000 • *Panasonic microwave oven model:*NN-S215MF • *Diamond master filter* - 500g dan *diamond plus* dan pemasangan M5G012439 • *Kitchen cabinet full high* (23'x108") (**Gambar 2.24**)	4,500 150 350 3,000 5,000
Jumlah Kecil			**38,500**

Daerah	Lokasi Bekalan Dibekalkan	Bekalan Yang Dibekalkan	Jumlah (RM)
Ledang	Jalan Manja, Tangkak	• HP A10 *inkjet printer* model:D1050 • Komputer desktop - CPU Acer dan LCD *Monitor* LG 17" • Meja komputer • 3V kerusi plastik	350 2,000 250 2,400
	Taman Bukit Kangkar, Ledang	• *Aircond Panasonic* 1 H/P (**Gambar 2.25** dan **Gambar 2.26**)	2,500
	Taman Megah, Serom 4	• Pengisar jus *Panasonic* • Kerusi 3V • Periuk rebusan/pengukus 24" CNI – 1 unit • Periuk rebusan/pengukus 26" CNI – 1 unit • Periuk nasi besar *'Golden Triangle'* • Kuali *Oriental* CNI 40" • Kuali *Oriental* CNI 30" • *Tea* set - 2 set • Set pinggan makan Indopal - 2 set • *Sauce* pan 18" • Pinggan makan 10" • Piring 8" - 12 unit • Pinggan makan 10" - 12 unit • Periuk 36cm *Stainless Steel*	242 728 1,000 1,550 500 1,350 950 160 1,250 180 450 90 360 550
Jumlah Kecil			**16,860**
Jumlah Besar			**55,360**

Sumber: Pejabat Daerah Muar, Ledang Dan Kluang

Gambar 2.22
Bekalan Peralatan Dipasang Di Rumah Individu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Wira, Simpang Renggam
Tarikh: 18 Oktober 2011

Gambar 2.23
Bekalan Peralatan Ditempatkan Di Rumah Individu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ong Siong, Tangkak
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.24
Bekalan Peralatan Dipasang Di Rumah Individu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ledang Emas 1, Taman Ledang Emas, Tangkak
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 2.25



Gambar 2.26

Bekalan Peralatan Dipasang Di Rumah Individu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Kangkar, Ledang
Tarikh: 24 November 2011

b. Projek Diberikan Kepada Individu

i. Lawatan Audit terhadap projek kemudahan awam mendapati 2 projek bernilai RM40,000 di Daerah Ledang telah diberi kepada individu bagi tujuan membina pondok cacing dan reban kambing di Kampung Padang Lerek 2. Pemberian kepada individu adalah bertentangan dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar yang menetapkan kelulusan projek/bekalan atas kegunaan individu adalah tidak dibenarkan. Butiran lanjut projek yang diterima oleh individu adalah seperti di **Jadual 2.9**. **Menurut Pejabat Menteri Besar, berdasarkan maklum balas bertarikh 12 April 2012, pemohon telah berusaha berkali-kali untuk mendapatkan bantuan peruntukan daripada Jabatan Pertanian tetapi gagal. Pemohon telah menunjukkan kesungguhan untuk mengusahakan projek berkenaan dan akhirnya mendapat persetujuan dan kelulusan daripada Menteri Besar.**

Jadual 2.9
Projek Yang Diberikan Kepada Individu

Butiran Projek	Jumlah (RM)
Pembinaan Reban Kambing Dan Baka Kambing Di Kampung Padang Lerek 2	20,000
Pembinaan Pondok Dan Membekal Benih Cacing Di Kampung Padang Lerek 2	20,000
Jumlah	**40,000**

Sumber: Pejabat Daerah Ledang

ii. Lawatan Audit pada bulan November 2011 mendapati projek ternakan kambing masih diusahakan oleh penerima seperti di **Gambar 2.27**. Bagaimanapun, penerima yang menerima bantuan pondok kayu menternak cacing berukuran 225 kaki persegi (15' x 15') serta benih cacing berjumlah RM20,000 pada hujung bulan Ogos 2009 tidak lagi mengusahakan projek pembiakan cacing dan pondok yang dibina tidak digunakan seperti di **Gambar 2.28**. Penerima projek menyatakan pembiakan cacing yang diusahakan telah dijalankan selama setahun dan pembiakan diberhentikan kerana tidak mendapat pasaran. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 22 Jun 2012, Pejabat Menteri Besar memaklumkan tanpa bimbingan dan nasihat teknikal, projek yang diberikan kepada individu ini kurang memberi impak kepada penduduk setempat.**

Gambar 2.27
Reban Kambing Yang Diberikan Kepada Individu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Padang Lerek 2, Ledang
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 2.28
Pondok Cacing Yang Diberikan Kepada Individu Tetapi Tidak Digunakan Lagi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Padang Lerek 2, Ledang
Tarikh: 24 November 2011

Pada pendapat Audit, pembinaan dan penjagaan padang/gelanggang yang tidak sempurna menyebabkan ianya tidak dapat digunakan sepenuhnya. Selain itu, bekalan peralatan dan projek yang diberikan kepada individu adalah tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan.

2.4.4. Kaedah Pelaksanaan Projek/Bekalan Kemudahan Awam Luar Bandar

2.4.4.1. Pengurusan Perolehan Tidak Teratur

Pematuhan sepenuhnya terhadap peraturan/tatacara yang ditetapkan dalam pengurusan perolehan Kerajaan adalah bagi memastikan semua urusan berkaitan Kerajaan adalah berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan seperti nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati perkara seperti berikut:

a. Perolehan Tidak Melalui Proses Sebut Harga

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009, perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM50,000 hingga RM0.5 juta perlu dipelawa secara sebut harga. Semakan Audit terhadap proses perolehan mendapati Pejabat Daerah Muar telah menerima waran W0111058 bagi Pembangunan Kerja-kerja Kecil yang berjumlah RM162,000 pada 15 April 2011 untuk pembelian 81 unit komputer riba bagi badan kebajikan di Mukim Sungai Balang. Pembelian komputer riba tersebut tidak dibuat melalui proses sebut harga sebaliknya melalui proses pembelian terus. **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Muar bertarikh 12 April 2012, pembelian komputer riba tersebut dibuat dalam tempoh masa yang singkat untuk diserahkan kepada badan kebajikan sempena Majlis Penyerahan di Pusat Khidmat ADUN Sungai Balang.**

b. Pembelian Bekalan Melebihi Had Yang Dinyatakan Dalam Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil

Perenggan 6, Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil menyatakan hanya 30% daripada peruntukan sebanyak RM200,000 boleh digunakan untuk pembelian jersi, alatan sukan, pakaian seragam bagi kumpulan belia dan kebudayaan, alatan kesenian, hadiah, pinggan mangkuk, alatan memasak dan jahit menjahit. Semakan Audit terhadap 10 waran peruntukan bagi Pembangunan Kerja-kerja Kecil dan senarai kelulusan bekalan di Daerah Muar, Kluang dan Ledang mendapati kelulusan pembelian pakaian seragam dan peralatan adalah melebihi 30% iaitu di antara 32.5% hingga 73.5% atau RM64,500 hingga RM147,000 daripada jumlah peruntukan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Butiran Pembelian Melebihi 30% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Daerah	Tahun	No. Waran	Jumlah Peruntukan (RM)	Butiran Perbelanjaan Melebihi 30% (RM)					(%)
				Jersi Dan Alat Sukan	Pakaian Seragam	Alatan Kesenian, Muzik Dan Tarian	Pinggan Mangkuk, Alatan Memasak Dan Jahitan	Jumlah Perbelanjaan	
Muar	2009	W0100134	200,000	-	29,000	10,000	26,000	65,000	32.5
	2011	W0110195	200,000	4,500	8,000	39,500	12,500	64,500	32.3
Kluang	2010	W0110557	200,000	15,000	22,000	22,000	23,000	82,000	41.0
		W0110098	200,000	6,000	140,000	1,000	-	147,000	73.5
	2011	W0110055	200,000	19,000	27,000	3,000	38,000	87,000	43.5
Jumlah			**1,000,000**	**44,500**	**226,000**	**75,500**	**99,500**	**445,500**	

Sumber: Pejabat Daerah Muar Dan Kluang

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan adalah kurang memuaskan kerana Pejabat Daerah Muar, Kluang dan Ledang tidak mengikut peraturan yang dikeluarkan.

2.4.5. Mekanisme Pemantauan

Pemantauan yang berkesan adalah penting bagi memastikan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.4.5.1. Pemantauan Peringkat Pejabat Menteri Besar

Pemantauan peringkat Pejabat Menteri Besar dibuat melalui laporan perbelanjaan oleh agensi pelaksana. Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Menteri Besar menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada agensi pelaksana menguruskan peruntukan yang disalurkan termasuk menyelia, memeriksa, memantau dan mengesahkan projek serta perolehan bekalan peralatan yang dilaksanakan.

2.4.5.2. Pemantauan Peringkat Daerah (Agensi Pelaksana)

a. Pelaksanaan projek di peringkat daerah dipantau oleh Juruteknik, Penolong Jurutera dan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan. Pemantauan terhadap projek dibuat secara lawatan fizikal dan semua projek yang dilaksanakan perlu mempunyai gambar, sebelum, sedang dan projek siap. Bagi bekalan peralatan, Borang Pengesahan Terima Barangan hendaklah diisi dan ditandatangani oleh penerima bekalan dengan menyertakan gambar serta maklumat lengkap penerima bekalan bersama barangan serta disahkan oleh Penghulu Mukim.

b. Semakan Audit mendapati gambar sebelum, sedang dan projek siap dilaksana telah dikemukakan sebelum bayaran dijelaskan. Bagi bekalan peralatan, Borang Pengesahan Terima Barang ditandatangani oleh penerima bekalan berserta gambar penerima bersama bekalan dan disahkan oleh Penghulu sesuatu Mukim. Bagaimanapun, lawatan ke tapak projek yang dilaksanakan mendapati ia tidak

menyeluruh dan Penghulu juga tidak membuat pengesahan bekalan peralatan secara menyeluruh.

Pada pendapat Audit, aspek pemantauan bagi pelaksanaan projek dan pengesahan penerimaan bekalan peralatan adalah kurang memuaskan dan kaedah pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek dan bekalan peralatan dilaksanakan mengikut perancangan, pekeliling serta garis panduan yang telah ditetapkan.

2.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kemudahan awam adalah memuaskan, Jabatan telah berjaya menyediakan kemudahan awam kepada penduduk namun masih boleh dipertingkatkan lagi selaras dengan matlamat program. Bagi menambahbaik pengurusan kemudahan awam disyorkan Pejabat Menteri Besar serta Pejabat Daerah melaksanakan perkara berikut:

2.5.1. Menetapkan sasaran mengenai jenis projek kemudahan awam yang akan disediakan, kriteria projek, bilangan projek dan keutamaan projek mengikut kepentingannya kepada orang awam.

2.5.2. Pejabat Daerah hendaklah menyediakan justifikasi keperluan dan keutamaan sebelum pembinaan padang dan gelanggang yang telah diluluskan oleh ADUN bagi mengelakkan ia tidak digunakan.

2.5.3. Satu Garis Panduan hendaklah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah kepada Penghulu Mukim yang mengesahkan terimaan bekalan dan peralatan.

2.5.4. Laporan terhadap maklum balas terkini berhubung projek dan penerimaan bekalan hendaklah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan dikemukakan secara berkala kepada Pejabat Menteri Besar.

2.5.5. Pihak ADUN dan Pejabat Daerah hendaklah mematuhi Garis Panduan Rancangan Pembangunan Kerja-kerja Kecil yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar dan Arahan Perbendaharaan serta pekeliling yang berkaitan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat.

2.5.6. Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Daerah hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan lebih berkesan supaya bayaran dibuat mengikut kerja yang dilaksanakan dan tujuan ia dilaksanakan.

3. PENYENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN PUSAT PENTADBIRAN BARU NEGERI JOHOR DI KOTA ISKANDAR, NUSAJAYA

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar, Nusajaya (Kota Iskandar) di atas tanah seluas 320 ekar yang menempatkan Jabatan/Agensi Negeri, Jabatan/Agensi Persekutuan berserta kemudahan seperti masjid, kuarters kakitangan dan hub pelancongan dibina melalui 5 fasa. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) telah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia bagi projek pembangunan ini. Pembangunan Fasa Pertama di atas tanah seluas 250 ekar terdiri daripada pembinaan 5 bangunan Jabatan Negeri (Bangunan Sultan Ismail, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, Bangunan Dato' Ibrahim Munsyi dan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak), Dataran Mahkota, *Secondary Infrastructure Works* dan *Park And Ride Facilities* (Terminal Bas) bermula pada tahun 2005 dan siap pada Disember 2008. Pembangunan Fasa Pertama yang melibatkan kos berjumlah RM480 juta dilaksanakan oleh sebuah syarikat usaha sama Kerajaan Negeri Johor (Syarikat) dan sebuah syarikat pemaju hartanah di mana Kerajaan Negeri Johor mempunyai pegangan ekuiti saham sebanyak 40%.

3.1.2. Syarikat sebagai kontraktor pembangunan Kota Iskandar juga melaksanakan penyenggaraan bangunan Kota Iskandar di mana pelantikannya dibuat melalui Perjanjian Penyenggaraan dan Pengurusan Fasiliti Kota Iskandar atau *Facility Maintenance and Management Agreement (FMMA)* bertarikh 10 Mac 2011. Skop perkhidmatan penyenggaraan adalah Pengurusan Fasiliti dan Bangunan, Pengurusan Penyewaan serta Pengurusan Estet. Pengurusan Fasiliti dan Bangunan meliputi penyenggaraan Mekanikal, Elektrikal, Bangunan, Sivil, Kebersihan, Pengawalan Serangga Perosak (*Pest Control*) dan Landskap. Pelantikan adalah bagi tempoh 5 tahun dengan nilai kontrak berjumlah RM68.35 juta. Sejumlah RM11.77 juta telah dibayar kepada Syarikat untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Perbelanjaan Penyenggaraan Bangunan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor Kota Iskandar Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan Kewangan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Prestasi Perbelanjaan (%)
2009	10.47	-	0
2010	10.47	4.33	41.4
2011	15.80	7.44	47.1
Jumlah	**36.74**	**11.77**	**32.0**

Sumber: Perjanjian FMMA Dan Baucar Bayaran UPENJ Tahun 2009 Hingga 2011

3.1.3. UPENJ telah melantik satu Firma Perunding pada 6 Oktober 2010 untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh Syarikat bagi tempoh 14 bulan bermula bulan September 2009 hingga Oktober 2010. Selepas tamat tempoh, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR) melalui Unit Senggara Aset Negeri mengambil alih peranan tersebut.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kerja-kerja penyenggaraan bangunan Kota Iskandar yang dilaksanakan oleh Syarikat dan pemantauan oleh Firma Perunding dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja penyenggaraan di Bangunan Sultan Ismail (BSI), Bangunan Dato' Jaafar Muhammad (juga dikenali sebagai MBSS) dan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak (juga dikenali sebagai Bangunan C3S) dari tahun 2009 hingga 2011.

3.3.2. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak perjanjian, fail, rekod dan dokumen berkaitan di UPENJ, Syarikat, Firma Perunding dan JKR. Pemeriksaan Audit secara fizikal di kawasan BSI, MBSS dan Bangunan C3S juga dilaksanakan untuk mengesahkan penyenggaraan telah dijalankan dan menilai kualiti perkhidmatan penyenggaraan. Selain itu, temu bual dengan pegawai UPENJ, Syarikat, Firma Perunding, JKR, kontraktor penyenggaraan dan kakitangan jabatan negeri di 3 bangunan dilakukan bagi mendapatkan maklum balas. Soal selidik juga diedarkan kepada kakitangan dan para pelawat pejabat Kerajaan Negeri untuk menilai kepuasan pelanggan terhadap kualiti penyenggaraan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Februari 2012 mendapati pengurusan kerja penyenggaraan bangunan Kota Iskandar di BSI, MBSS dan Bangunan C3S tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Sebanyak 1,077 kerosakan infrastruktur di 3 bangunan yang sepatutnya dibaiki dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan telah tidak dilaksanakan.
- Prestasi kerja penyenggaraan oleh Syarikat kurang memuaskan.
- Pemantauan serta pengesahan terhadap kerja dan tuntutan bayaran tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh Firma Perunding.
- Tuntutan Syarikat bagi tempoh bulan Julai 2010 hingga Disember 2011 berjumlah RM12.78 juta masih belum dibayar oleh UPENJ.

3.4.1. Prestasi Penyenggaraan Kurang Memuaskan

Syarikat telah melantik satu Kontraktor Penyenggaraan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan bangunan Kota Iskandar. Syarikat telah mewujudkan Sistem Pengurusan Penyenggaraan Berkomputer atau *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) untuk merekodkan kerosakan dan pembaikan yang perlu dilakukan. Penemuan Audit terhadap prestasi penyenggaraan adalah seperti berikut.

3.4.1.1. Kerosakan Tidak Dibaiki Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan

a. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selama 2 tahun iaitu bermula bulan Disember 2009 hingga Disember 2011. Lawatan Audit ke Bangunan Sultan Ismail (BSI), Bangunan Dato' Jaafar Muhammad (MBSS) dan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak (Bangunan C3S) pada bulan Disember 2011 mendapati kerosakan pada bangunan dan infrastruktur yang belum dibaiki atau diambil tindakan oleh Syarikat walaupun Tempoh Tanggungan Kecacatan hampir tamat. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2** dan **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.10**.

Jadual 3.2
Kerosakan Yang Tidak Dibaiki Di Bangunan Sultan Ismail (BSI), Bangunan Dato' Jaafar Muhammad (MBSS) Dan Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak (Bangunan C3S) Sehingga Bulan Disember 2011

Bangunan	Jenis Kerosakan/Lokasi		
	Tandas (Lelaki/Wanita/OKU)	Koridor/Lobi/Lif	Persekitaran/Parkir
MBSS	a) Siling berbintik/berlubang/bocor b) *Urinal pipe* pecah dan tidak berfungsi c) *Door Stopper* rosak d) Mentol terbakar e) *Hand Dryer* tidak berfungsi f) Penyangkut tisu rosak g) Paip air mengalir h) Tiada bekas tempat sabun tangan /tertanggal i) Bekas sabun berkarat	a) Mentol terbakar b) Pintu terkopak c) *Door Stopper* rosak	a) Saluran paip bocor di kawasan parkir kenderaan b) Dinding retak di kawasan parkir kenderaan c) Lampu Fasad tidak berfungsi
BSI	a) Mentol terbakar b) *Door Stopper* rosak c) *Urinal pipe* tidak berfungsi d) Tiada bekas/Penyangkut tisu di Aras 3	a) Siling bocor dan berlubang di Aras 1 b) Siling berbintik/kesan air bocor di Aras 2 dan Aras 3 c) Lantai dalam lif pecah/tertanggal	a) Dinding retak di Aras 3 b) Siling berlubang c) Siling berbintik berpunca daripada air d) *Tile* pecah di Aras 3 e) Cat dinding mengelupas
C3S	a) *Hand Dryer* tiada/tidak berfungsi b) Kepala paip air rosak/tiada c) *Door Stopper* rosak d) Pemegang besi bantuan OKU rosak e) Dinding retak f) Mentol terbakar g) Siling bocor h) Paip bocor i) Penyangkut rantai paip tercabut	a) Cat dinding mengelupas b) Siling berbintik c) Tombol pintu rosak	a) Mentol lampu tidak dipasang b) Saluran paip di parkir bocor c) Lampu di tepi bangunan ditutupi pasir/tar d) Tanah mendap di ruang menunggu kenderaan e) *Valve Chamber* di luar bangunan rosak f) Mozek lantai pecah g) Kunci pintu tandas tidak berfungsi

Sumber: Lawatan Jabatan Audit Negara

Gambar 3.1
Dinding Retak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir BSI
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.2
Lampu Fasad Tidak Berfungsi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Landskap Di Luar Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.3
***Urinal Bowl* Tidak Berfungsi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Lelaki Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.4
Mozek Lantai Pecah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Pegawai Kewangan Negeri,
Bangunan C3S
Tarikh: 11 Disember 2011

Gambar 3.5
Tombol Pintu Tertanggal/Hilang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor,
Bangunan C3S
Tarikh: 11 Disember 2011

Gambar 3.6
Cat Dinding Mengelupas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Koridor Bangunan C3S
Tarikh: 11 Disember 2011

Gambar 3.7
***Door Stopper* Tertanggal**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.8
Siling Berlubang Dan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.9
Mentol Lampu Fasad Terbakar
Dan Ditutupi Batu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Bangunan C3S
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.10
Penutup Longkang Tidak Ditutup

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Bangunan C3S
Tarikh: 13 Disember 2011

b. Lawatan semula pihak Audit bersama-sama pegawai Syarikat, Kontraktor Penyenggaraan dan JKR pada 16 Februari 2012 di ketiga-tiga bangunan berkenaan mendapati pihak Syarikat telah mengambil tindakan pembaikan terhadap saluran paip yang bocor di parkir Bangunan MBSS dan tanah mendap yang menyebabkan simen retak di Bangunan C3S. Maklumat lanjut seperti di **Gambar 3.11** hingga **Gambar 3.14** .

Gambar 3.11
Saluran Paip Bocor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.12
Saluran Paip Bocor Yang Telah Dibaiki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Bangunan MBSS
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 3.13
Tanah Mendap Menyebabkan Simen Retak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan C3S
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.14
Simen Retak Yang Telah Dibaiki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan C3S
Tarikh: 16 Februari 2012

c. Semakan Audit terhadap laporan *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) bagi tempoh Oktober 2009 hingga Oktober 2011 pula mendapati sebanyak 1,077 kerosakan di BSI, MBSS dan Bangunan C3S masih belum diambil tindakan. Antara kerosakan yang dilaporkan dalam Laporan CMMS adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Kerosakan Di Bangunan BSI, MBSS Dan C3S Yang Belum Diambil Tindakan Berdasarkan Laporan CMMS

Bil.	Kategori	Jenis Kerosakan	Jumlah
1	Sivil	Simen lantai pecah, siling bocor/berlubang, tanah jerlus, *door stopper* rosak	482
2	Elektrikal	Mentol terbakar, fius terbakar	266
3	Mekanikal	Sistem penggera tidak berfungsi, tiada *exhaust fan*	223
4	Sistem Paip (*Plumbing*)	Saluran najis bocor, kebocoran paip	95
5	Landskap	Tanah landskap mendap/jerlus	3
6	*Housekeeping*	Bekas sabun berkarat	8
Jumlah			**1,077**

Sumber: Laporan CMMS

d. Menurut pegawai Syarikat, kerosakan seperti landskap air pancut yang tidak berfungsi, saluran paip bocor, siling bocor dan berlubang serta keretakan struktur bangunan telah dimaklumkan kepada kontraktor penyenggaraan untuk dibaiki tetapi tindakan masih belum diambil sehingga akhir tahun 2011. Selain itu, berlaku kekeliruan sama ada kerosakan tersebut perlu dibaiki atau diganti di bawah terma Perjanjian *Tunkey Design and Build Agreement* yang ditandatangani pada 1 November 2007 atau terma Perjanjian Penyenggaraan dan Pengurusan Fasiliti Kota Iskandar bertarikh 10 Mac 2011. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Mei 2012, Syarikat telah mula mengambil tindakan pembaikan terhadap kerosakan tersebut pada tahun 2012 di bawah terma Perjanjian *Tunkey Design and Build Agreement* tanpa melibatkan kos tambahan dan menetapkan tempoh ia siap sepenuhnya pada bulan Julai 2012. Syarikat juga telah mengemaskinikan CMMS di mana aduan kerosakan bagi 3 bangunan yang perlu diambil tindakan di bawah terma Perjanjian Penyenggaraan Dan Pengurusan Fasiliti Kota Iskandar hanya berbaki 35 aduan.**

e. Kerosakan yang tidak dibaiki dengan segera boleh menjejaskan keselamatan kepada orang awam, kakitangan kerajaan dan harta benda serta keselesaan kakitangan jabatan yang menduduki bangunan tersebut. Sebagai contoh, saluran paip yang bocor di kawasan parkir Bangunan MBSS menyebabkan air bertakung. Berdasarkan perbincangan dengan pihak Audit, JKR mengesahkan kerosakan saluran paip bocor serta siling bocor dan berlubang disebabkan pembinaan tidak mengikut spesifikasi JKR. Ini juga boleh mengakibatkan siling runtuh dan renjatan elektrik berlaku.

3.4.1.2. Perkhidmatan Penyenggaraan Kurang Memuaskan

Jadual 4 *Supplemental Agreement* bagi setiap bangunan dalam Fasa 1 yang ditandatangani pada 10 Mac 2011 telah menetapkan jadual serta kekerapan penyenggaraan yang akan dilaksanakan sama ada secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan mengikut peringkat/jenis kerja (*Service Level*).

a. Lawatan Audit pada bulan Disember 2011 mendapati perkhidmatan penyenggaraan di Bangunan MBSS, Bangunan Sultan Ismail dan Bangunan C3S kurang memuaskan kerana terdapat sarang serangga di pintu tandas walaupun Kontraktor Penyenggaraan telah melaksanakan kawalan serangga (*pest control*) mengikut kekerapan yang ditetapkan. Selain itu, tandas Orang Kelainan Upaya (OKU) yang jarang digunakan dijadikan tempat menyimpan peralatan pembersihan, manakala kemudahan tandas tidak dibersihkan.

b. Lawatan Audit ke kawasan landskap Bangunan MBSS mendapati kolam air pancut berlumut. Ini berpunca daripada air pancut yang tidak dihidupkan (*switch on*) dan air kolam tidak dikitarkan semula mengakibatkan kolam berkeladak serta berlumut. Kerosakan tersebut masih belum dibaiki sehingga lawatan Audit pada 16 Februari

2012. Selain itu, cebisan rumput yang memasuki kolam tidak dibersihkan menyebabkan kolam dipenuhi rumput dan berlumut. Keadaan sarang serangga, tandas OKU dan kolam air pancut adalah seperti di **Gambar 3.15** hingga **Gambar 3.18**.

Gambar 3.15
Serangga Bersarang Di Bawah Pintu Tandas

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Bangunan C3S
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.16 **Gambar 3.17**
Peralatan Pembersihan Disimpan Dalam Tandas OKU

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

Gambar 3.18
Kolam Air Pancut Yang Berlumut Dan Dipenuhi Rumput

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Landskap Di Luar Bangunan MBSS
Tarikh: 13 Disember 2011

c. Ini menunjukkan Kontraktor Penyenggaraan tidak melaksanakan perkhidmatan dengan sempurna. Faktor utama ia berlaku ialah tiada bukti menunjukkan lawatan pemantauan oleh Firma Perunding ke bangunan pernah dijalankan untuk mengesahkan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Kontraktor Penyenggaraan.

3.4.1.3. Kepuasan Pelanggan

a. Pihak Audit telah mengedarkan 173 borang soal selidik kepada kakitangan jabatan di Bangunan MBSS, BSI dan Bangunan C3S (responden) untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan penyenggaraan bangunan Kota Iskandar. Ringkasan hasil maklum balas responden adalah seperti berikut:

i. Seramai 50.4% responden menyatakan tindakan susulan terhadap kerosakan yang dilaporkan diambil dalam tempoh kurang seminggu, manakala 22.1% menyatakan melebihi 3 minggu.

ii. Seramai 14.2% responden menyatakan aduan tidak dilayan oleh kontraktor penyenggaraan.

iii. Seramai 22% responden tidak berpuas hati dengan perkhidmatan penyenggaraan yang diberikan, 35.2% responden berpuas hati dan 42.8% responden amat berpuas hati.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan bangunan Kota Iskandar oleh Syarikat kurang memuaskan kerana kerosakan infrastruktur tidak dibaiki segera dan perkhidmatan penyenggaraan berkala kurang sempurna.

3.4.2. Pemantauan Serta Pengesahan Kerja Dan Bayaran Tidak Dilaksanakan Sepenuhnya

3.4.2.1. Mengikut kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bertarikh 6 Oktober 2010, Firma Perunding telah dilantik bagi menjalankan kerja-kerja pemantauan, penilaian dan pengesahan kerja-kerja penyenggaraan serta pengurusan fasiliti Kota Iskandar yang dilaksanakan oleh Syarikat bagi tempoh 14 bulan iaitu antara bulan September 2009 hingga Oktober 2010 dengan caj perkhidmatan RM0.15 juta. Pelantikan Firma Perunding boleh disambung secara bulanan dengan kos berjumlah RM11,036 sebulan sekiranya diperlukan. Seramai 5 orang pegawai perlu disediakan oleh Firma Perunding terdiri daripada seorang Pengurus Projek, 2 orang Eksekutif Projek serta seorang Pengurus *Mechanical Engineering* dan seorang Kerani bagi melaksanakan tugas tersebut. Skop kerja yang ditetapkan adalah seperti berikut:

a. Memantau dan menilai prestasi Syarikat berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Service Level* seperti yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Penyenggaraan dan Pengurusan Fasiliti Kota Iskandar (FMMA).

b. Menyemak dan mengesahkan tuntutan yang dibuat oleh Syarikat berdasarkan FMMA dan memberikan perakuan pembayaran.

c. Menyerahkan Laporan Eksekutif setiap bulan kepada Kerajaan Negeri Johor mengenai prestasi Syarikat berdasarkan KPI dan *Service Level* yang ditetapkan.

d. Menjalankan pemeriksaan setiap bulan di semua bangunan untuk menyemak secara rawak prestasi perkhidmatan serta dokumentasi seperti buku log dan laporan penyenggaraan.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan pegawai Firma Perunding pernah menjalankan pemeriksaan fizikal di bangunan Kota Iskandar setiap bulan. Firma Perunding juga tidak menyediakan laporan eksekutif bulanan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh MMK. Ini kerana hanya seorang pegawai iaitu Eksekutif Projek yang ditugaskan untuk melaksanakan peranan tersebut berbanding 5 orang pegawai sebagaimana ditetapkan oleh MMK. Menurut pegawai Firma Perunding, kelewatan pihak UPENJ mengemukakan surat pelantikan iaitu selepas 64 hari dari tarikh MMK menyebabkan firma tersebut tidak dapat menyediakan pegawai sebagaimana yang diputuskan. Selain itu, Firma Perunding tidak menerima sesalinan *Document Contract Maintenance* yang merupakan dokumen utama untuk memudahkan pemantauan dan pengesahan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Dokumen tersebut sepatutnya diserahkan oleh UPENJ atau Syarikat kepada Firma Perunding selepas pelantikan dibuat.

3.4.2.3. Semakan Audit juga mendapati, pihak UPENJ tidak menyediakan kontrak pelantikan Firma Perunding yang menyatakan tanggungjawab kedua-dua pihak secara formal seterusnya menjaga kepentingan Kerajaan Negeri. Pelaksanaan peranan Firma Perunding hanya berdasarkan MMK. Selain itu, pihak *Johor State Secretary Incorporated* (JSSI) selaku pemilik Kota Iskandar ataupun UPENJ tidak pernah mengemukakan surat peringatan kepada Firma Perunding mengenai penyediaan laporan eksekutif bulanan dan tidak pernah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan prestasi kerja penyenggaraan serta tuntutan bayaran Syarikat.

3.4.2.4. Kegagalan Firma Perunding menjalankan pemeriksaan di bangunan Kota Iskandar setiap bulan menyebabkan firma tersebut tidak berupaya menyediakan dokumen sokongan sebagai asas untuk mengesahkan bahawa kerja penyenggaraan telah dilaksanakan oleh Syarikat mengikut KPI dan *Service Level*. Firma Perunding juga tidak pernah menjalankan penilaian melalui soal selidik dengan penghuni bangunan Kota Iskandar mengenai kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap baucar bayaran tuntutan Syarikat bagi tahun 2009 hingga September 2011 pula mendapati tuntutan bayaran tidak disokong dengan gambar sebelum dan selepas penyenggaraan sebagai bukti kerja-kerja telah dilaksanakan. Firma Perunding hanya merujuk KPI atau *Service Level* yang dinyatakan dalam FMMA untuk mengesahkan butiran kerja di penyata tuntutan bayaran Syarikat. Ini menunjukkan proses pemantauan dan pengesahan kerja serta bayaran oleh Firma Perunding adalah lemah.

3.4.2.5. Kegagalan Firma Perunding memantau kerja penyenggaraan juga menyebabkan berlakunya isu kerosakan tidak dibaiki dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan perkhidmatan penyenggaraan kurang memuaskan.

3.4.2.6. Unit Selenggara Aset Negeri JKR Belum Berfungsi

a. MMK bertarikh 6 Oktober 2010 juga telah menetapkan penubuhan Unit Selenggara Aset Negeri JKR untuk mengambil alih tugas-tugas Firma Perunding mulai November 2010. Seramai 4 orang kakitangan kontrak akan dilantik iaitu seorang Jurutera Awam gred J41 dan 3 orang Penolong Jurutera gred J29. Firma Perunding diberi tempoh sebulan iaitu pada bulan November 2010 untuk memberi latihan kepada kakitangan Unit Selenggara Aset Negeri sebelum pertukaran peranan. Semakan Audit mendapati unit tersebut telah ditubuhkan pada 2 Mei 2011 di mana 4 kakitangan kontrak telah dilantik sebagaimana ketetapan MMK. **Menurut UPENJ berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, pihaknya lewat menerima keputusan MMK iaitu selepas 33 hari keputusan tersebut dibuat menyebabkan UPENJ lewat mengeluarkan surat pelantikan kepada JKR iaitu surat bertarikh 25 November 2010. Ini mengakibatkan unit tersebut ditubuhkan selepas 6 bulan daripada tarikh yang ditetapkan oleh MMK seterusnya menyebabkan pihak JKR lewat membuat pelantikan 4 kakitangan kontrak. Kelewatan penubuhan Unit**

Selenggara Aset Negeri JKR juga menyebabkan pelantikan Firma Perunding telah dilanjutkan untuk tempoh 7 bulan iaitu sehingga April 2011.

b. Semakan Audit juga mendapati pihak UPENJ atau Syarikat tidak menyerahkan dokumen utama berkaitan penyenggaraan iaitu Dokumen Kontrak *Maintenance*, tarikh tamat *Defect Liability Period* (DLP), pelan utama Kota Iskandar, dokumen *Certificate of Fitness* (CF) dan *As Built Drawing* kepada Unit Selenggara Aset Negeri JKR semasa pengambilalihan tugas pada Mei 2011. Dokumen tersebut hanya diserahkan pada bulan Mac 2012 berserta tuntutan bayaran Syarikat bagi bulan Oktober 2011 dan tuntutan selepasnya untuk pengesahan Unit Selenggara Aset Negeri JKR. Bagaimanapun, Unit Selenggara Aset Negeri Johor telah mengambil tindakan proaktif dengan menjalankan pemeriksaan di bangunan-bangunan Kota Iskandar bermula Ogos 2011. Unit tersebut juga telah mengemukakan surat kepada Syarikat mengenai kerosakan yang ditemui dan meminta pembaikan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, peranan pemantauan dan pengesahan kerja serta bayaran penyenggaraan oleh Firma Perunding tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan sepenuhnya mengikut skop kerja.

3.4.3. Tuntutan Perkhidmatan Penyenggaraan Belum Dijelaskan

3.4.3.1. Mengikut FMMA, kos perkhidmatan penyenggaraan hendaklah dibayar mengikut tempoh suku tahun secara interim. Jumlah kos perkhidmatan penyenggaraan bangunan Kota Iskandar Fasa 1 bagi tempoh 5 tahun adalah berjumlah RM68.35 juta di mana sejumlah RM31.44 juta adalah kos perkhidmatan penyenggaraan bagi Bangunan MBSS, BSI dan Bangunan C3S, manakala bakinya sejumlah RM36.91 juta adalah untuk penyenggaraan 2 bangunan yang lain, Dataran Mahkota, *Secondary Infrastructure Works* dan *Park And Ride Facilities* (Terminal Bas). Kos perkhidmatan penyenggaraan bagi tahun 2009 hingga 2011 telah diperuntukkan di bawah Pejabat Perbendaharaan Negeri di mana pembayaran akan dibuat oleh UPENJ. Semakan Audit mendapati UPENJ telah membayar tuntutan bayaran Interim No. 1 hingga 5 berjumlah RM11.77 juta kepada Syarikat iaitu bagi bulan Disember 2008 hingga Jun 2010, manakala tuntutan bayaran Interim No. 6 dan No. 8 hingga 12 iaitu bagi tempoh bulan Julai 2010 hingga Disember 2011 yang berjumlah RM12.78 juta masih belum dijelaskan oleh UPENJ pada 31 Disember 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Tuntutan Perkhidmatan Penyenggaraan Yang Belum Dijelaskan Oleh UPENJ Bagi Tempoh Julai 2010 Hingga Disember 2011 Pada 31 Disember 2011

Interim	Tempoh	Tarikh Tuntutan Diterima	Nilai Disahkan (RM Juta)
6	Julai 2010 hingga September 2010	9.12.2010	2.54
8	Januari 2011 hingga Mac 2011	19.4.2011	2.56
9	April 2011 hingga Mei 2011	14.6.2011	1.71
10	Jun 2011	22.8.2011	0.85
11	Julai 2011 hingga September 2011	Tiada Maklumat	2.56
12	Oktober 2011 hingga Disember 2011	Tiada Maklumat	2.56
Jumlah			**12.78**

Sumber: Fail Penyenggaraan UPENJ

3.4.3.2. Sehingga akhir tahun 2011, UPENJ masih belum memohon waran peruntukan daripada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) untuk tuntutan bayaran Interim No. 6 iaitu melebihi satu tahun daripada tarikh tuntutan diterima daripada Syarikat, manakala bagi tuntutan bayaran Interim No. 8 hingga 10, UPENJ lewat memohon waran peruntukan daripada PKN iaitu selepas antara 41 hingga 171 hari tuntutan muktamad diterima daripada Syarikat. **Berdasarkan maklum balas UPENJ bertarikh 27 Jun 2012, permohonan waran peruntukan lewat dibuat kerana menunggu Syarikat mengemukakan dokumen sokongan seperti gambar sebelum dan selepas kerja penyenggaraan untuk dilampirkan dengan tuntutan bayaran interim Syarikat. Firma Perunding pula mengambil masa sehingga 2 bulan daripada tarikh tuntutan bayaran Syarikat berserta dokumen sokongan diserahkan oleh UPENJ untuk pengesahan. Bagaimanapun, tuntutan bayaran interim No.6 serta interim No. 8 hingga 10 yang berjumlah RM7.66 juta telah dijelaskan oleh UPENJ pada bulan Februari 2012.**

3.4.3.3. Semakan Audit juga mendapati UPENJ tidak merekodkan tuntutan yang diterima dalam Daftar Bil menyebabkan peraturan pembayaran tuntutan dalam tempoh 14 hari tidak dipatuhi. Proses tuntutan bayaran yang rumit seperti di **Carta 3.1** turut menyumbang kepada kelewatan pembayaran.

Carta 3.1
Proses Pembayaran Tuntutan Perkhidmatan Penyenggaraan Bangunan Kota Iskandar



Sumber : UPENJ

3.4.3.4. Kegagalan UPENJ membayar tuntutan bayaran interim Syarikat dalam tempoh yang ditetapkan memberi kesan kepada peruntukan kewangan tahun 2012 di mana PKN telah mengarahkan tuntutan Interim No. 8 hingga 11 yang diterima pada tahun 2011 dibayar pada tahun 2012 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Ini boleh menjejaskan kerja-kerja yang dirancang untuk dilaksanakan dulu pada tahun 2012 disebabkan peruntukan perlu digunakan untuk menyelesaikan tuntutan tahun 2011, sekali gus memerlukan UPENJ membuat tambahan bajet untuk tahun 2012.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan oleh UPENJ kurang memuaskan kerana belum dibayar sehingga melebihi setahun daripada tarikh ia diterima.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap prestasi perkhidmatan penyenggaraan bangunan Kota Iskandar dan juga memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan Audit ini tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan agar UPENJ mengambil perhatian kepada perkara berikut:

3.5.1. Mengarahkan Syarikat mengambil tindakan segera terhadap kerosakan dan aduan yang dilaporkan serta mengemaskinikan CMMS.

3.5.2. Syarikat hendaklah menetapkan norma kerja atau piagam pelanggan mengenai tindakan yang akan diambil terhadap kerosakan yang dilaporkan.

3.5.3. Tanggungjawab pemantauan ke atas Syarikat dan Unit Selenggara Aset Negeri JKR diserahkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pentadbiran.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN

4. BAYARAN PERKHIDMATAN PEJABAT TANAH

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Bayaran perkhidmatan kepada pejabat tanah adalah dipungut di bawah Seksyen 293 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Bahagian XVlll – Pendaftaran Urusniaga. Bayaran ini dipungut apabila pemilik tanah melakukan sesuatu urusniaga atau bukan urusniaga terhadap tanah mereka. Semua urusan dibuat melalui suratcara/instrumen yang sah dan sempurna mengikut kehendak dalam KTN. Kemudiannya suratcara tersebut didaftarkan di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) atau Pejabat Tanah Daerah (PTD) tertakluk kepada di mana hak milik tanah didaftarkan. Di antara urusniaga yang sering dilakukan oleh pemilik tanah atau mana-mana pihak yang berkepentingan ke atas tanah tersebut adalah Pindah Milik, Pajakan, Surat Akuan Jualan atau kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan hak milik tanah. Manakala bagi suratcara bukan urusniaga adalah seperti Kaveat, Surat Wakil Kuasa dan Perintah Mahkamah. Hasil bagi kutipan ini diakaunkan di bawah Kod 72432 - Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah.

4.1.2. Seksyen 293 KTN juga menjelaskan bahawa suratcara yang telah lengkap hendaklah didaftarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ditandatangani oleh Pendaftar sebagai telah lengkap disempurnakan. Pendaftaran suratcara ini disertai dengan Bayaran Pendaftaran secukupnya kepada PTG mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam Jadual Ke V Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan No.1 2004). Tanpa bayaran yang mencukupi dan dokumen sokongan yang lengkap, suratcara tersebut tidak boleh didaftarkan.

4.1.3. Pada tahun 2010 dan 2011, PTG dan 14 PTD telah memungut sejumlah RM167.11 juta bayaran perkhidmatan daripada 581,468 urusniaga yang didaftarkan. Kutipan ini juga merupakan kutipan hasil kedua tertinggi bagi Pejabat Tanah di Negeri Johor. Dengan itu, kualiti perkhidmatan seperti cepat dan mesra perlu diutamakan dan bayaran yang dipungut perlu diperakaunkan secukupnya. Jumlah urusniaga yang telah didaftarkan dan bayaran perkhidmatan yang telah dipungut pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Jumlah Urusniaga Serta Bayaran Perkhidmatan Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	Pejabat Tanah	2010		2011	
		Bil. Urusniaga	Bayaran Perkhidmatan (RM)	Bil. Urusniaga	Bayaran Perkhidmatan (RM)
1.	PTG	181,423	54,599,290	201,391	66,578,073
2.	Muar	14,496	3,132,011	14,643	3,532,116
3.	Johor Bahru	8,427	3,281,083	11,106	4,873,051
4.	Batu Pahat	17,852	3,957,200	17,898	4,146,801
5.	Segamat	7,264	699,026	7,716	831,629
6.	Kluang	13,000	3,786,388	11,278	3,231,651
7.	Pontian	9,269	2,044,038	9,635	2,499,515
8.	Mersing	2,966	409,418	3,908	392,199
9.	Kota Tinggi	8,201	759,523	5,942	962,015
10.	Rengit	2,413	336,704	2,818	500,999
11.	Ledang	65	1,640	576	125,045
12.	Pengerang	276	4,435	414	6,470
13.	Labis	2,376	278,117	2,600	298,604
14.	Kulai	3,623	980,117	4,694	1,432,878
15.	Tangkak	7,456	1,635,445	7,742	1,795,875
Jumlah		**279,107**	**75,904,435**	**302,361**	**91,206,921**

Sumber: PTG Dan Pejabat Tanah Daerah

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada hasil daripada bayaran perkhidmatan kepada Pejabat Tanah telah dipungut secukupnya, suratcara urusniaga telah didaftarkan, dijilid dengan sempurna dan mematuhi peraturan serta disimpan di tempat yang selamat.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan ke atas kedua-dua jenis suratcara iaitu suratcara urusniaga dan bukan urusniaga serta rekod kewangan berkaitan dengan bayaran perkhidmatan yang diterima oleh PTG dan 2 PTD iaitu Muar dan Kota Tinggi. Skop pengauditan adalah suratcara yang didaftarkan pada tahun 2009 hingga bulan Julai 2011. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak suratcara urusniaga dan bukan urusniaga berasaskan kepada sampel yang dipilih. Di samping itu, analisis data dilakukan terhadap Buku Perserahan dalam bentuk laporan yang dikeluarkan daripada Sistem Hasil Tanah Johor (SHTJ) PTD dan Buku Perserahan dalam bentuk laporan yang dikeluarkan daripada Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) PTG. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dilakukan untuk mendapatkan maklum balas dan pengesahan bagi urusniaga tanah yang dipilih.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2011 mendapati pungutan bayaran perkhidmatan dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di PTG adalah memuaskan kerana kadar bayaran yang dikutip untuk setiap urusniaga adalah tepat sebagaimana ditetapkan di Jadual Ke V Peraturan Tanah Johor 1966 (Pindaan No.1 2004). Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pengurusan kutipan denda terhadap suratcara yang lewat didaftarkan.
- Borang permohonan rayuan yang tidak seragam.
- Suratcara yang belum dijilid.
- Suratcara tidak didaftarkan.

4.4.1. Pungutan Denda Pendaftaran Lewat

4.4.1.1. Seksyen 293 (3) (a) dan (b) KTN menjelaskan bahawa suratcara yang telah lengkap hendaklah didaftarkan oleh pemilik tanah atau peguam dalam tempoh 3 bulan selepas ditandatangani oleh Pendaftar. Suratcara yang lewat didaftarkan melebihi tempoh 3 bulan akan dikenakan denda pendaftaran lewat pada kadar 1 hingga tidak melebihi 5 kali ganda daripada yuran pendaftaran asal sesuatu urusniaga. Bagaimanapun, Pendaftar boleh memberikan pengecualian sepenuhnya atau sebahagian daripada jumlah denda pendaftaran lewat yang telah ditetapkan setelah berpuas hati dengan alasan-alasan kukuh yang diberikan oleh pemohon atau pemilik tanah.

4.4.1.2. Berdasarkan laporan daripada SPTB PTG, Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi bagi tahun 2009 hingga bulan Julai 2011 didapati sebanyak 204,120 suratcara telah didaftarkan yang melibatkan kutipan bayaran perkhidmatan berjumlah RM58.49 juta. Daripada jumlah ini sebanyak 12,963 suratcara telah lewat didaftarkan oleh pemilik tanah atau peguam yang dilantik dengan tempoh antara 3 hingga melebihi 15 bulan daripada tarikh suratcara tersebut ditandatangani oleh Pendaftar. Di atas kelewatan ini PTG, Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi telah mengenakan denda pendaftaran lewat kepada pemilik tanah berjumlah RM19.79 juta. Jumlah ini dikenakan oleh Pendaftar berasaskan kepada tempoh kelewatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM16.51 juta atau 83% telah diberikan pengecualian menurut budi bicara Pendaftar berdasarkan alasan yang diberikan oleh pemilik tanah atau peguam. Semakan seterusnya mendapati PTG memberikan pengecualian sebanyak 91% pada tahun 2009 manakala Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi masing-masing memberikan pengecualian sebanyak 36% dan 50%. Maklumat lanjut berhubung denda pendaftaran lewat yang dikenakan terhadap suratcara yang lewat didaftarkan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Jumlah Kutipan Denda Pendaftaran Lewat PTG, Pejabat Tanah Muar Dan Kota Tinggi Bagi Tahun 2009 Hingga Julai 2011

Pejabat Tanah	Tahun	Jumlah Suratcara	Jumlah Denda Lewat Dikenakan (RM Juta)	Jumlah Denda Lewat Dikecualikan (RM Juta)
PTG	2009	3,869	12.40	11.32
	2010	4,598	4.41	3.26
	2011	2,802	2.57	1.74
Muar	2009	250	0.11	0.04
	2010	233	0.11	0.04
	2011	139	0.07	0.03
Kota Tinggi	2009	342	0.04	0.02
	2010	438	0.05	0.04
	2011	292	0.03	0.02
Jumlah		**12,963**	**19.79**	**16.51**

Sumber: Laporan SPTB PTG, Pejabat Tanah Muar Dan Kota Tinggi

4.4.1.3. Semakan Audit mendapati kadar pengurangan yang diberikan ini adalah berbeza-beza dan tidak seragam jika dibandingkan dengan alasan rayuan yang diterima daripada pemohon. Berdasarkan sampel yang dipilih di PTG didapati kadar pengurangan yang diberi adalah tinggi dan terdapat juga yang diberikan sehingga 100%. Manakala perbandingan yang dibuat dengan Pejabat Tanah Kota Tinggi dan Muar didapati kadar yang dikenakan adalah berbeza-beza walaupun tempoh kelewatan serta alasan yang sama diberikan oleh pemohon. Bagi kesilapan pihak peguam, PTG memberikan pengecualian sehingga 100% sedangkan Pejabat Tanah Kota Tinggi tidak memberikan pengecualian langsung. Analisis daripada sampel yang dipilih adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4**.

Jadual 4.3
Perbezaan Kadar Pengecualian Di Antara PTG, Pejabat Tanah Kota Tinggi Dan Muar

Punca Kelewatan			Kadar Denda Lewat Dikenakan		
Kerajaan/ Peguam/ Pemilik Tanah	**Alasan Kelewatan**	**Bil. Kes**	**PTG**	**Pejabat Tanah Kota Tinggi**	**Pejabat Tanah Muar**
Pendaftar Dan Agensi Kerajaan	1. Kelewatan menerima nilaian dari LHDN/JPPH	5	Kecuali	Kecuali	Kecuali
Peguam	1. Dokumen tidak lengkap 2. Pejabat peguam tutup 3. Kegagalan peguam mendapat perintah mahkamah 4. Kakitangan peguam berhenti kerja/peguam menamatkan perkhidmatan	5	Kecuali	Mengikut kadar kelewatan antara 1 hingga 5 kali yuran pendaftaran asal	Mengikut kadar kelewatan antara 1 hingga 5 kali yuran pendaftaran asal
Pemilik Tanah	1. Masalah kewangan 2. Pemilik di luar negara 3. Pemilik terlepas pandang 4. Tidak memahami prosedur	5	Kecuali	Mengikut kadar kelewatan antara 1 hingga 5 kali yuran pendaftaran asal	Mengikut kadar kelewatan antara 1 hingga 5 kali yuran pendaftaran asal

Sumber: Borang Permohonan Pengecualian PTG, Pejabat Tanah Kota Tinggi Dan Muar

Jadual 4.4
Kadar Denda Yang Dikecualikan Oleh PTG Dari Tahun 2009 Hingga Julai 2011

Tahun	Tempoh Kelewatan (Melebihi)	Kadar Denda (Kali Ganda)	Jumlah Sampel (Bil. Kes)	Denda Dibayar	Denda Dikecualikan Keseluruhan	Kadar Dikecualikan (Kali Ganda)					
						1/2	1	2	3	4	5
2009	3 bulan	1	33	5	28	5	28				
	6 bulan	2	27	1	26		1	26			
	9 bulan	3	8	5	3		5		3		
	12 bulan	4	3	0	3					3	
	15 bulan	5	23	9	14				7	2	14
2010	3 bulan	1	38	8	30	8	30				
	6 bulan	2	23	17	6		17	6			
	9 bulan	3	7	3	4	1	1		4	1	
	12 bulan	4	2	1	1				1	1	
	15 bulan	5	18	14	4			1		10	7
2011	3 bulan	1	30	8	22	8	22				
	6 bulan	2	8	0	8			8			
	9 bulan	3	1	1	0				1		
	12 bulan	4	3	1	2				1	2	
	15 bulan	5	9	4	5			2		2	5
Jumlah			**233**	**77**	**156**	**22**	**104**	**43**	**17**	**21**	**26**

Sumber: Laporan SPTB PTG

4.4.1.4. Pemohon telah memberikan pelbagai alasan untuk mendapatkan pengecualian yang maksima daripada jumlah denda pendaftaran lewat. Pihak Audit merumuskan alasan yang diberikan ini adalah berpunca daripada masalah yang berlaku di Pejabat Pendaftar atau agensi kerajaan seperti penilaian tanah lewat diperoleh, kelewatan penyempurnaan suratcara berkaitan dan tanah terlibat dengan pelbagai sekatan. Selain itu, ianya berpunca daripada kesilapan pihak peguam seperti kehilangan fail, kakitangan guaman tidak mencukupi dan peguam pengurusan pendaftaran berpindah tangan kepada syarikat guaman yang lain. Sementara itu masalah yang sering berlaku di kalangan pemilik tanah ialah masalah kewangan, pentadbiran pusaka belum selesai serta masalah-masalah lain berkaitan dengan dokumen hak milik. Perbandingan alasan tersebut adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Alasan Denda Lewat Yang Dikecualikan/Dikurangkan

Pejabat Tanah	Sebab Pengurangan/Pengecualian			Jumlah
	Kesilapan Agensi Kerajaan	Masalah Peguam	Masalah Pemilik Tanah	
PTG	55	22	21	98
Muar	4	0	15	19
Kota Tinggi	9	0	0	9

Sumber: Borang Permohonan Pengecualian PTG, Pejabat Tanah Muar Dan Kota Tinggi

4.4.1.5. Permohonan untuk mendapatkan pengurangan atau pengecualian denda pendaftaran lewat dibuat melalui borang yang disediakan oleh Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah. Borang tersebut dikemukakan kepada Pendaftar untuk mendapatkan kelulusan jumlah pengurangan atau pengecualian sebelum yuran pendaftaran bagi suratcara dijelaskan. Semakan Audit terhadap borang permohonan rayuan yang digunakan oleh PTG dan Pejabat Tanah Muar mendapati format borang yang digunakan dan maklumat yang dinyatakan adalah tidak seragam. Borang yang disediakan oleh PTG adalah lebih lengkap dan jelas berbanding borang yang digunakan oleh Pejabat Tanah Muar. Semakan Audit ke atas borang pengecualian PTG mendapati pihak Pendaftar hanya menyatakan "dipertimbangkan untuk pengecualian" di borang tersebut tanpa menyatakan jumlah sebenar yang diberi pengecualian. Penambahbaikan boleh dibuat ke atas penggunaan borang tersebut seperti menyatakan dengan jelas jumlah pengecualian yang diberikan.

4.4.1.6. Pihak Audit juga mendapati tiada satu garis panduan dikeluarkan oleh pihak PTG sebagai panduan kepada Pendaftar terhadap alasan kelewatan yang boleh diterima, tempoh kelewatan mendaftar, kadar yang dikenakan serta format borang yang patut diisi oleh pemohon. Ini menyebabkan denda pendaftaran lewat tidak dipungut dengan sewajarnya bagi semua Pejabat Pendaftar dan menyebabkan kerajaan kehilangan hasil.

4.4.1.7. Maklum balas PTG bertarikh 22 Mac 2012 menjelaskan, tindakan untuk menyediakan garis panduan pengecualian denda pendaftaran lewat sedang dibuat dengan mengadakan bengkel untuk membincangkan kriteria-kriteria yang boleh diambil kira bagi pengecualian denda pendaftaran lewat.

Pada pendapat Audit, denda pendaftaran lewat yang dikenakan adalah kurang memuaskan. Walaupun Pendaftar berhak untuk memberikan pengecualian, tetapi kadar serta syarat-syarat pengecualian yang dibenarkan tidak jelas. Tidak ada satu garis panduan yang tetap dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan kategori alasan-alasan yang boleh diterima untuk mendapatkan pengecualian. Selain itu, borang permohonan yang tidak seragam di antara PTG dan PTD menjejaskan kredibiliti keputusan rayuan yang diberi.

4.4.2. Suratcara Belum Dijilid

4.4.2.1. Menurut Seksyen 305 KTN, suratcara yang telah didaftarkan perlu dijilid bagi mengawal keselamatan serta memudahkan Pendaftar untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pemilik tanah, agensi kerajaan dan lain-lain pihak yang berkepentingan. Suratcara yang sempurna dijilid ini perlu dilabel mengikut susunan nombor perserahan, disusun di atas rak fail dan disimpan di dalam bilik kebal yang selamat.

4.4.2.2. Lawatan Audit ke bilik kebal yang menempatkan suratcara di Pejabat Tanah Muar mendapati semua suratcara telah dijilid dengan kemas kini. Bagaimanapun, di PTG dan Pejabat Tanah Kota Tinggi sebanyak 689,575 suratcara belum dijilid dengan sempurna. Sebahagian daripada suratcara tersebut disimpan dalam kotak manakala yang lainnya diikat dan disusun di atas rak. Keadaan bilik kebal yang penuh dengan dokumen menyebabkan suratcara tidak dapat dijilid di Pejabat Tanah Kota Tinggi. Manakala di PTG, keupayaan mesin penjilid yang sedia ada tidak mampu menjilid dengan segera bilangan suratcara yang semakin bertambah di antara 4,000 hingga 7,000 setiap tahun. Jumlah suratcara dan keadaan bilik kebal yang berada di PTG dan Pejabat Tanah Kota Tinggi adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.6**.

Jadual 4.6
Jumlah Suratcara Yang Belum Dijilid Di PTG Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi

Tahun	PTG (Bilangan)	Pejabat Tanah Kota Tinggi (Bilangan)
2002 Hingga 2008	383,000	4,103
2009	95,000	810
2010	99,000	792
2011	106,000	870
Jumlah	**683,000**	**6,575**

Sumber: PTG Dan Pejabat Tanah Kota Tinggi

Gambar 4.1
Suratcara Yang Belum Dijilid

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Tarikh: 22 Disember 2011

Gambar 4.2
Contoh Suratcara Yang Telah Dijilid

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Tanah Kota Tinggi
Tarikh: 22 Disember 2011

Gambar 4.3
Suratcara Yang Belum Dijilid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian Nusajaya
Tarikh: 22 Disember 2011

Gambar 4.4
Contoh Suratcara Yang Telah Dijilid

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian Nusajaya
Tarikh: 22 Disember 2011

Gambar 4.5
Mesin Pemotong Kertas Yang Digunakan Untuk Menjilid

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian Nusajaya
Tarikh: 22 Disember 2011

Gambar 4.6
Mesin Pembuat Lubang/*Drill* Untuk Menjilid Suratcara

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian
Lokasi: Pejabat Tanah Dan Galian Nusajaya
Tarikh: 22 Disember 2011

Pada pendapat Audit, kerja-kerja penjilidan suratcara boleh dipertingkatkan sekiranya mesin penjilid ditambah atau digantikan dengan mesin yang moden dan berteknologi tinggi. Selain itu, ruangan yang lebih luas bagi menyimpan atau menyusun suratcara yang telah dijilid bagi PTD perlu disediakan.

4.4.3. Suratcara Tidak Didaftarkan

4.4.3.1. Pendaftaran suratcara di PTG dan PTD dilakukan secara berkomputer iaitu melalui SPTB oleh Bahagian Pendaftaran. Proses bermula dengan penerimaan borang permohonan, penyemakan, kemasukan data dan pendaftaran dalam Dokumen Hak Milik oleh Bahagian Pendaftaran di Pejabat Tanah. Proses pendaftaran ini dilakukan setelah memastikan semua dokumen suratcara berserta dokumen-dokumen sokongan dilengkapkan dan bayaran perkhidmatan dijelaskan oleh pemohon melalui SHTJ. Bagi membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan kedudukan Malaysia dalam *ease of*

doing business Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (KPTG) telah mengeluarkan panduan agar urusniaga pindah milik tanah dapat diselesaikan dalam masa satu hari.

4.4.3.2. Analisis Audit ke atas laporan SHTJ Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi mendapati kedudukan suratcara yang tidak didaftar bagi kedua-dua daerah tersebut pada akhir tahun 2010 adalah sebanyak 1,047. Akibatnya, urusniaga terhadap tanah berkenaan tidak dapat diteruskan dan kerajaan tidak dapat memungut bayaran perkhidmatan berjumlah RM1.44 juta serta lain-lain bayaran yang berkaitan. Kedudukan suratcara-suratcara tersebut adalah seperti **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Jumlah Suratcara Yang Belum Didaftarkan

Pejabat Tanah	Butiran Suratcara Diterima		Butiran Suratcara Didaftar		Butiran Suratcara Belum Selesai	
	Jumlah Fail Dibuka	Amaun Perlu Dikutip (RM Juta)	Jumlah Fail	Amaun Dikutip (RM Juta)	Jumlah Fail	Baki Belum Dikutip (RM Juta)
Muar	14,964	3.96	14,496	3.13	468	0.83
Kota Tinggi	8,780	1.37	8,201	0.76	579	0.61
Jumlah	**23,744**	**5.33**	**22,697**	**3.89**	**1,047**	**1.44**

Sumber: Laporan SHTJ Pejabat Tanah Muar Dan Kota Tinggi

4.4.3.3. Temu bual dengan Pegawai Pendaftaran Pejabat Tanah Muar dan Kota Tinggi semasa lawatan Audit pada Oktober 2011 mendapati suratcara yang tidak didaftarkan ini adalah disebabkan pemohon tidak menjelaskan bayaran pendaftaran atau permohonan digantung kerana dokumen tidak lengkap. Bagaimanapun, Pejabat Tanah tidak membuat susulan terhadap perkara ini bagi memastikan pemohon masih berminat untuk meneruskan suratcara tersebut. **PTG memaklumkan pada 23 Februari 2012, tindakan pembetulan akan diambil untuk mengemaskinikan maklumat berkaitan suratcara yang tidak didaftarkan dalam SHTJ.**

Pada pendapat Audit, suratcara yang tidak didaftarkan ini boleh diselesaikan sekiranya Pendaftar menjalankan analisis laporan SHTJ.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri serta menambah baik prosedur pengurangan/ pengecualian denda pendaftaran lewat, adalah disyorkan PTG dan PTD melaksanakan perkara berikut:

4.5.1. Menyediakan satu garis panduan kepada Pendaftar bagi menjelaskan kaedah dan prosedur pengecualian/pengurangan terhadap suratcara yang lewat didaftarkan. Garis panduan ini juga haruslah mengandungi format borang permohonan pengecualian/pengurangan yuran pendaftaran yang lebih lengkap dan jelas untuk kegunaan

PTG dan PTD merangkumi butiran suratcara, yuran pendaftaran, denda pendaftaran lewat dikenakan, butiran peguam/pemohon, sebab kelewatan dan jumlah denda yang diluluskan.

4.5.2. Mengkaji semula kemudahan yang lebih moden untuk menjilid suratcara dengan lebih cepat. Selain itu, ruang penyimpanan suratcara yang lebih luas perlu disediakan dengan mengambil kira pertambahan urusniaga.

4.5.3. Menganalisis Laporan SPTB terhadap suratcara yang tidak didaftarkan pada setiap bulan bagi memastikan suratcara telah didaftarkan sepenuhnya.

5. PROJEK PEMBINAAN JALAN DAN JAMBATAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Pada tahun 2009 hingga 2011, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor (JKR) telah melaksanakan 8 projek pembinaan jalan dan jambatan yang melibatkan kos RM129.66 juta melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang berjumlah RM130.70 juta. Projek yang dilaksanakan meliputi pembinaan jalan baru, menaik taraf jalan sedia ada, pembinaan jambatan baru dan menaik taraf jambatan sedia ada. Maklumat lanjut berkaitan projek yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan Di Negeri Johor Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Daerah	Projek	Nilai (RM Juta)	Status Projek Sehingga Tahun 2011
1.	Mersing	Menggantikan 2 Buah Jambatan Serta Melebar Dan Menaik Taraf Jalan Makam Dan Membina Jalan Baru Dan Sebuah Jambatan Dari Kg. Makam Ke Air Papan	15.80	Siap
2.		Membina Jalan Baru Dari Air Papan Ke Tanjung Resang	22.90	Siap
3.	Batu Pahat	Memperkukuh Dan Melebarkan Jalan Simpang Lima, Parit Sulong	17.75	Siap
4.		Menggantikan 2 Buah Jambatan Di Sri Bengkal, Dan Sebuah Jambatan Di Parit Sengkuang, Sri Gading	24.79	Dalam Pembinaan
5.		Membina Jalan Sri Dayong Ke Sejagong, Batu Pahat	12.82	Dalam Pembinaan
6.	Muar	Membina Jalan Pintas Pekan Lenga	6.11	Dalam Pembinaan
7.	Kota Tinggi	Menaik Taraf Jalan Kg. Sungai Telor Dari Jalan Tai Hong Ke Jalan Kulai (FT094)	12.79	Dalam Pembinaan
8.	Segamat	Menaik Taraf Jalan Tumang	16.70	Dalam Pembinaan
Jumlah			**129.66**	

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal Projek Jalan Dan Jambatan Setakat Ogos 2011

5.1.2. Objektif utama pembinaan jalan dan jambatan serta menaik taraf jalan dan jambatan adalah untuk menyediakan sistem jalan raya yang selamat dan selesa, mengatasi masalah kesesakan lalu lintas berikutan aliran trafik yang tinggi dan menaik taraf persimpangan jalan sedia ada.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan dan menaik taraf jalan serta jambatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 4 projek pembinaan jalan dan jambatan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 yang dilaksanakan oleh Bahagian Jalan JKR Negeri serta JKR Daerah Mersing dan Batu Pahat. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen kontrak yang berkaitan. Komponen yang diaudit meliputi pembinaan jalan, jambatan, parit, longkang dan pemasangan perabot jalan. Selain itu lawatan tapak projek dijalankan dengan kerjasama pihak JKR Daerah. Seterusnya, temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk setempat juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek pembinaan dan menaik taraf jalan dan jambatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek lewat disiapkan.
- Kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi/kurang berkualiti/tidak sesuai.

5.4.1. Prestasi Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan

Pelaksanaan sesebuah projek hendaklah dirancang dan dipantau dengan teliti bagi memastikan pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut kontrak. Semakan Audit mendapati 3 projek telah berjaya disiapkan, manakala satu lagi projek masih dalam pembinaan. Prestasi bagi 4 projek pembinaan jalan dan jambatan sehingga Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Prestasi Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan Sehingga Tahun 2011

Bil.	Nama Projek	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Asal	Tarikh Siap Sebenar	Status Projek
1.	Membina Jalan Baru Dari Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing, Johor	19.4.2007	18.4.2009	14.3.2011	Siap 100% Dengan 3 Lanjutan Masa
2.	Menggantikan 2 Buah Jambatan Serta Melebar Dan Menaik Taraf Jalan Makam Dan Membina Jalan Baru Dan Sebuah Jambatan Dari Kg. Makam Ke Air Papan, Mersing, Johor	25.9.2007	24.9.2009	28.5.2009	Siap 100%
3.	Memperkukuh Dan Melebarkan Jalan Simpang Lima Parit Sulong, Batu Pahat, Johor	2.10.2007	30.9.2009	29.12.2009	Siap 100% Dengan 1 Lanjutan Masa
4.	Menggantikan 2 Buah Jambatan Di Sri Bengkal Ke Parit Yaani, Batu Pahat, Johor Dan Cadangan Menggantikan Sebuah Jambatan Di Parit Sengkuang, Sri Gading, Batu Pahat, Johor	15.7.2009	14.7.2011	Masih dalam pembinaan	61.5%*

Sumber: Laporan Prestasi Kewangan Dan Fizikal Projek Jalan Dan Jambatan
Nota: *Kemajuan Fizikal Di Tapak Berdasarkan Sistem SKALA JKR Bertarikh 17 November 2011

5.4.1.1. Projek Lewat Disiapkan

Berdasarkan **Jadual 5.2**, hanya projek Menggantikan 2 Buah Jambatan Serta Melebar Dan Menaik Taraf Jalan Makam Dan Membina Jalan Baru Dan Sebuah Jambatan dari Kg. Makam Ke Air Papan, Mersing berjaya disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala, 3 projek lain mengalami kelewatan antara 3 hingga 23 bulan dan mengakibatkan penduduk setempat tidak dapat menggunakan jalan raya dengan selesa. Tiga projek yang mengalami kelewatan adalah seperti berikut:

a. Membina Jalan Baru Dari Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing

i. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dengan lantikan secara rundingan terus dan kos kontrak bernilai RM22.9 juta. Tempoh pembinaan yang ditetapkan ialah selama 2 tahun iaitu bermula 19 April 2007 sehingga 18 April 2009. Semakan Audit mendapati tarikh siap sebenar projek ini adalah pada 14 Mac 2011 dan masih dalam tempoh kecacatan sehingga 14 Mac 2013. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek, Pegawai Penguasa Projek iaitu Pengarah JKR Negeri telah meluluskan 3 permohonan lanjutan masa dengan tambahan masa selama 695 hari atas beberapa alasan seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Alasan Lanjutan Masa Yang Diluluskan Bagi Projek Membina Jalan Baru Dari Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing

Bil.	Perkara	Tarikh Lanjutan Masa	Tempoh (Hari)	Sebab
1.	Lanjutan Masa Pertama	18.4.2010	365	Kelewatan pihak kontraktor mendapat kelulusan menerima lesen, menebang dan membawa keluar kayu kayan daripada pihak Pejabat Hutan
2.	Lanjutan Masa Kedua	15.10.2010	180	Kelewatan mendapat kelulusan bagi proses Pengambilan Balik Tanah (PBT) bagi 3 lot tanah yang tertinggal
3.	Lanjutan Masa Ketiga	14.3.2011	150	

Sumber: Sijil Perakuan Lanjutan Masa

ii. Projek pembinaan jalan baru dari Air Papan ke Tanjung Resang melibatkan pengambilan kawasan Hutan Simpan Kekal Gunung Arong sepanjang 6.71 km bagi tujuan 'Hak Lalu Rizab Jalan'/*Right of Way* (ROW) seperti di **Gambar 5.1**. Semakan Audit mendapati surat tawaran kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 21 Mac 2007. Sebelum kerja dimulakan, pihak kontraktor perlu mendapatkan lesen menebang dan membawa keluar kayu-kayan daripada Lembaga Tawaran Membalak Negeri Johor. Bagaimanapun kelulusan ini lewat diperoleh selama 9 bulan daripada tarikh permohonan dikemukakan. Sementara itu kelulusan yang diperoleh juga melibatkan perbezaan jajaran ROW yang menyebabkan Pejabat Hutan Mersing perlu membuat pemeriksaan dan pengukuran semula sebelum kerja dimulakan. Selain itu, proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Tanah Mersing masih belum selesai sehingga akhir tahun 2011.

Gambar 5.1
ROW Yang Melibatkan Pengambilan Kawasan Hutan Simpan Kekal Gunung Arong

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

b. Menggantikan 2 Buah Jambatan Di Sri Bengkal Ke Parit Yaani, Batu Pahat Dan Menggantikan Sebuah Jambatan Di Parit Sengkuang, Sri Gading, Batu Pahat

i. Projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan kos kontrak bernilai RM24.79 juta. Tempoh pembinaan yang ditetapkan adalah selama 2 tahun iaitu bermula pada 15 Julai 2009 hingga 14 Julai 2011. Bagaimanapun, lawatan Audit

pada bulan November 2011 mendapati kerja pembinaan masih berjalan dengan prestasi kemajuan kerja di tapak adalah 61.5%. **Gambar 5.2** dan **Gambar 5.3** menunjukkan keadaan kemajuan kerja pembinaan di tapak.

Gambar 5.2
Kerja Pembinaan *Parapet Wall* Jambatan Sedang Dijalankan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan No.2, Parit Yaani, Batu Pahat
Tarikh: 15 November 2011

Gambar 5.3
Kerja Pembinaan Sedang Dijalankan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan No.1, Parit Sengkuang, Batu Pahat
Tarikh: 15 November 2011

ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan Lanjutan Masa Pertama hingga 27 September 2011 iaitu selama 75 hari. Kontraktor juga telah memohon lanjutan masa kedua pada 19 Ogos 2011, bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit kelulusan masih belum diperoleh daripada JKR Negeri Johor. Semakan lanjut mendapati berlaku masalah teknikal di tapak projek yang menyumbang kepada kelewatan kerja pembinaan di tapak seperti kegagalan ujian beban di Jambatan No.1, pergerakan *Abutment* bagi Jambatan No.2 dan Jambatan No.3 serta kedudukan cerucuk yang beralih.

iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak mendapati mesyuarat telah diadakan sebanyak 12 kali bagi tahun 2007 sehingga 2011 untuk membincangkan pelaksanaan dan masalah di tapak projek. Bagaimanapun, pihak perunding tidak menghadiri mesyuarat sebanyak 5 kali iaitu bermula pada bulan Ogos 2010 hingga Oktober 2011 kerana pertikaian bayaran perkhidmatan perunding. Bagaimanapun, masalah dalaman dengan pihak perunding telah diselesaikan setelah tuntutan yuran perunding tambahan dibayar pada bulan Januari 2012 dan lanjutan masa kedua telah diluluskan kepada kontraktor sehingga 15 Jun 2012.

c. Memperkukuh Dan Melebarkan Jalan Simpang Lima Parit Sulong, Batu Pahat

i. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dengan pelantikan kontraktor secara rundingan terus dan kos kontrak bernilai RM17.75 juta. Tempoh

pembinaan yang ditetapkan adalah selama 2 tahun iaitu bermula 2 Oktober 2007 hingga 30 September 2009. Semakan Audit mendapati tarikh siap sebenar adalah pada 29 Disember 2009 dan mengalami kelewatan selama 3 bulan dengan kebenaran Lanjutan Masa Pertama oleh Pegawai Penguasa projek pada 5 Jun 2009. Bagaimanapun, kelulusan Lanjutan Masa Pertama diberikan oleh JKR adalah berdasarkan peruntukan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008.

ii. Selain itu, kontraktor juga telah diberikan Pelarasan Harga Kerja (PHK No.2) sejumlah RM0.26 juta berikutan kenaikan harga bahan binaan seperti bahan besi, simen, petrol dan bitumen. Semakan Audit terhadap pembayaran interim muktamad mendapati keseluruhannya kos kontrak sebenar adalah berjumlah RM17.49 juta yang mana kurang daripada kos asal yang berjumlah RM17.75 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi 4 projek pembinaan jalan dan jambatan di Daerah Mersing dan Batu Pahat adalah kurang memuaskan kerana 3 projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.4.2. Kerja Pembinaan Tidak mengikut Spesifikasi/Kurang Berkualiti/Tidak Sesuai

Kaedah pelaksanaan bagi 3 projek yang dipilih adalah secara reka dan bina. Bagi pembinaan yang dilakukan secara reka dan bina, JKR akan menentukan *needs statement* merangkumi skop kerja dan reka bentuk projek. Seterusnya, proses merancang, mereka bentuk, membina serta memantau dilakukan oleh perunding dan kontraktor. Pada peringkat pembinaan, JKR memainkan peranan sebagai juruaudit kualiti yang memantau proses pembinaan untuk memastikan projek dijalankan sebagaimana dirancang. Semua kerja di tapak hendaklah dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak serta kerja disiapkan dengan berkualiti. Selain itu, pembinaan jalan dan jambatan serta pemasangan perabot jalan mestilah mengambil kira keselamatan dan keselesaan pengguna. Semakan Audit mendapati komponen pembinaan di tapak projek yang kurang berkualiti, tidak mengikut pelan lukisan dan spesifikasi serta butiran kerja dalam *Bill of Quantities* (BQ) bagi 4 projek yang diaudit seperti berikut:

5.4.2.1. Membina Jalan Baru Dari Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing

Lawatan Audit ke jalan baru dari Air Papan ke Tanjung Resang, Mersing sepanjang 9.6 km pada bulan Oktober 2011 dan Januari 2012 mendapati pembinaan jalan telah disiapkan sepenuhnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang diperhatikan seperti berikut:

a. Permukaan Jalan Yang Beralun

Pembinaan jalan hendaklah mengambil kira keselamatan dan keselesaan pengguna. Semakan Audit mendapati permukaan jalan Air Papan ke Tanjung Resang beralun di CH 4800 hingga CH 6300 dengan anggaran jarak 1.5 km seperti di **Gambar 5.4**. Keadaan permukaan jalan yang beralun dan tidak rata boleh menyebabkan risiko berlakunya kemalangan dan jalan mudah rosak. Bagaimanapun, pihak perunding telah membuat semakan di tapak dan mendapati keadaan permukaan jalan tersebut masih selamat untuk digunakan dengan had laju 70 km/jam walaupun terdapat sedikit mendapan yang menyebabkan jalan kelihatan beralun.

Gambar 5.4
Permukaan Jalan Yang Beralun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 4800 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

b. Risiko Tanah Cerun Terhakis

Semakan Audit seterusnya mendapati pihak perunding telah membuat teguran melalui Memorandum Tapak Bina *(Site Memorandum)* pada bulan September 2009 berkenaan batu di tepi cerun seperti di **Gambar 5.5** yang tidak dialihkan. Lawatan pihak Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2011 mendapati batu tersebut masih belum dialihkan oleh kontraktor. Bagaimanapun lawatan susulan pada bulan Januari 2012 mendapati batu tersebut telah dialihkan tetapi permukaan cerun sudah mulai terhakis dan runtuh seperti di **Gambar 5.6**. Keadaan ini berbahaya kepada pengguna jalan raya terutamanya ketika hujan. Selepas teguran audit, JKR telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menyediakan *method statement*. Di samping itu, bagi menjamin kepentingan kerajaan, JKR masih menyimpan Wang Jaminan Pelaksanaan sehingga kerja-kerja tersebut siap dibaiki.

Gambar 5.5
Batu Di Tepi Cerun Yang Tidak Dialihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Resang Ke Jalan Air Papan, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Resang Ke Jalan Air Papan, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.6
Cerun Yang Mula Terhakis Selepas Batu Dialihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Resang Ke Jalan Air Papan, Mersing
Tarikh: 17Januari 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Resang Ke Jalan Air Papan, Mersing
Tarikh: 17Januari 2012

c. Kekurangan Perabot Jalan/Tidak Dipasang

i. Perabot jalan dipasang untuk tujuan keselamatan pengguna, penunjuk destinasi dan jarak. Penyediaan perabot jalan yang mencukupi dan kedudukan yang sesuai boleh memberi panduan dan peraturan yang lebih jelas bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Lawatan Audit di sepanjang Jalan Air Papan ke Tanjung Resang, Mersing mendapati tiada tanda pandu arah tambahan diletakkan sama ada *chevron delinetor* atau *delinetor post* di kawasan selekoh seperti di **Gambar 5.7** kerana item tersebut tidak dinyatakan dalam *Bill of Quantities* dan pelan lukisan. Bagaimanapun, bagi tujuan keselamatan pemandu pada waktu malam atau hujan tanda pandu arah tersebut perlu diambil kira dan dipasang di kawasan terbabit. Selepas teguran Audit, JKR telah memasang papan tanda di kawasan selekoh tersebut seperti di **Gambar 5.8**.

Gambar 5.7
Tiada Pemasangan Tanda Pandu Arah Di Kawasan Selekoh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 2600 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.8
Papan Tanda Telah Di Pasang

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: CH 2600 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

ii. Mengikut pelan lukisan, pihak kontraktor perlu memasang papan tanda jenis WD36 *Double Arrow* di Persimpangan 1, CH 00. Bagaimanapun, pemerhatian Audit mendapati papan tanda tersebut tidak dipasang sebagai pandu arah untuk memasuki simpang. Ketiadaan pandu arah ini boleh menjejaskan aliran lalu lintas di kawasan simpang berkenaan seperti yang di **Gambar 5.9**. Selepas teguran Audit, JKR telah mengambil tindakan memasang papan tanda jenis WD36 *Double Arrow* di kawasan terbabit seperti di **Gambar 5.10**.

Gambar 5.9
Tiada Pemasangan WD36 *Double Arrow* Di Persimpangan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 00 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.10
Papan Tanda WD36 *Double Arrow* Telah Di Pasang

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: CH 00 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

d. Penanaman Rumput Yang Kurang Sempurna

Tujuan utama penanaman rumput adalah untuk menguatkan struktur tanah dan mengelakkan hakisan. Merujuk kepada *Bill of Quantities,* sebanyak RM0.30 juta adalah kos untuk kerja penanaman rumput. Lawatan Audit mendapati rumput yang ditanam tidak tumbuh dengan sempurna di beberapa bahagian parit tepi jalan dan terdapat kesan hakisan tanah di CH 0 dan CH 9400 seperti di **Gambar 5.11** dan **Gambar 5.12**. Selepas teguran Audit, kontraktor telah mengambil tindakan menanam semula rumput seperti di **Gambar 5.13**.

Gambar 5.11 **Gambar 5.12**

Penanaman Rumput Yang Kurang Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 9400 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 0 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.13
Penanaman Semula Rumput Telah Dibuat

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: CH 0 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

e. Pembinaan Longkang Tidak Mengikut Spesifikasi

Merujuk kepada pelan lukisan, *road side drain* perlu dibina dengan *concrete blinding* setebal 75 mm seperti di **Gambar 5.14.** Semakan Audit mendapati *block drain* yang dibina di sebahagian besar longkang di sepanjang Jalan Air Papan ke Tanjung Resang tidak mengikut spesifikasi kerana tiada *concrete blinding* seperti di **Gambar 5.15**. Keadaan ini telah ditegur oleh Jurutera Perunding melalui beberapa

Memorandum Tapak Bina (*Site memorandum)* antara bulan Januari hingga Jun 2010 mengenai Pembinaan Longkang yang tidak menepati spesifikasi. Perkara tersebut masih belum diperbaiki semasa lawatan Audit ke tapak pembinaan berkenaan pada bulan Oktober 2011. Keadaan ini telah menyebabkan longkang dipenuhi pasir dan mengganggu kelancaran sistem perparitan apabila hujan seperti di **Gambar 5.16** dan **Gambar 5.17**. Perkara ini boleh menyebabkan pertambahan kos penyenggaraan kepada JKR di masa akan datang. Selepas teguran Audit, JKR telah mengarahkan kontraktor membaiki *road side drain* dan pembaikan telah dibuat seperti di **Gambar 5.18**.

Gambar 5.14
Pelan Lukisan *Road Side Drain (RSD3)*



Sumber: Pejabat JKR Mersing

Gambar 5.15
Road Side Drain* Tiada *Concrete Blinding

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 2800 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.16
Longkang Ditenggelami Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 7000 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.17
Longkang Dipenuhi Pasir

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 3500 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.18
***Road Side Drain* Telah Diperbaiki**

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: CH 2800 Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

f. Pemasangan *Post Guard Rail* Tidak Sempurna

Pemerhatian Audit mendapati pemasangan *post guard rail* tidak sempurna seperti di **Gambar 5.19** yang menunjukkan lepaan simen telah pecah kesan daripada kerja yang kurang berkualiti. Selepas teguran Audit, kontraktor telah mengambil tindakan membaiki *post guard rail* sebagaimana yang ditetapkan pelan lukisan seperti di **Gambar 5.20**.

Gambar 5.19
Pemasangan *Post Guard Rail* Yang Tidak Sempurna

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 9400 Jalan Tanjung Resang Ke Air Papan, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: CH 9400 Jalan Tanjung Resang Ke Air Papan, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.20
***Post Guard Rail* Telah Diperbaiki**

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: CH 9400 Jalan Tanjung Resang Ke Air Papan, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

g. Sisa Kayu Dan Sisa Binaan Yang Ditinggalkan Di Tapak Bina

Merujuk kepada item *Clearing And Grubbing* di *Bill of Quantities*, kontraktor hendaklah membersihkan tapak bina dengan membuang semua sisa binaan dan tumbuhan lain seperti pokok dan sisa-kayu bagi memastikan tapak projek berada dalam keadaan bersih dan kemas. Kos bagi kerja pembersihan ini adalah berjumlah RM0.06 juta. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2011 mendapati batu, akar dan tunggul/sisa kayu serta pokok tumbang/mati masih tidak dikumpulkan untuk dilupuskan dari tapak bina seperti kehendak kontrak. Semakan Audit juga mendapati perkara ini telah dibangkitkan oleh Jurutera Perunding dalam Memorandum Tapak Bina pada bulan April 2010 mengenai Kebersihan dan Keselamatan Tapak Bina. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit perkara ini masih belum diambil tindakan. **Gambar 5.21** dan **Gambar 5.22** adalah berkaitan. Selepas teguran Audit, JKR telah mengarahkan kontraktor untuk membersihkan sisa kayu dan sisa binaan seperti di **Gambar 5.23** dan **Gambar 5.24**.

Gambar 5.21 **Gambar 5.22**

Sisa Binaan Dan Sisa Kayu Tidak Dibuang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.23 **Gambar 5.24**

Sisa Binaan Dan Sisa Kayu Yang Telah Dibuang

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jalan Air Papan Ke Tanjung Resang, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

5.4.2.2. Menggantikan 2 Buah Jambatan Serta Melebar Dan Menaik Taraf Jalan Makam (1.3 km) Dan Membina Jalan Baru (5 km) Dan Sebuah Jambatan Dari Kg. Makam Ke Air Papan, Mersing

Lawatan Audit ke tapak projek Jalan Makam ke Air Papan, Mersing sepanjang 6.3 km pada bulan Oktober 2011 dan Januari 2012 mendapati kerja pembinaan dan menaik taraf jalan serta jambatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang diperhatikan semasa lawatan Audit seperti berikut:

a. Struktur Jambatan Lama Tidak Dirobohkan Dan Sisa Binaan Yang Tidak Dibersihkan

Bill of Quantities telah menerangkan mengenai keperluan pihak kontraktor untuk membersihkan tapak projek termasuklah merobohkan jambatan lama. Semakan Audit mendapati kos untuk meroboh dan memindahkannya berjumlah RM0.07 juta dan bayaran penuh telah dibuat bagi kerja tersebut. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2011 mendapati kerja merobohkan sebahagian binaan jambatan lama telah dibuat. Bagaimanapun, kerja tersebut terpaksa dihentikan atas permohonan penduduk kampung kerana jambatan lama tersebut dijadikan sebagai tempat memancing dan tempat menambat bot. Selain itu, Audit mendapati sisa struktur jambatan lama dan bahan binaan seperti lebihan cerucuk konkrit tidak dibersihkan dari tapak bina. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 7 Jun 2012, cerucuk konkrit tersebut digunakan sebagai penahan untuk mengelak hakisan tanah di tebing sungai.** **Gambar 5.25** hingga **Gambar 5.28** adalah berkaitan.

Gambar 5.25
Struktur Jambatan Lama Tidak Diroboh Sepenuhnya

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Tenglu, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.26
Sisa Struktur Jambatan Lama Terbiar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Tenglu, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.27
Cerucuk Konkrit Yang Tidak Dibersihkan Dari Tapak Bina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Segenting, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.28
Struktur Konkrit Yang Telah Pecah Dan Terbiar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Tenglu, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

b. Jambatan Tidak Dicat Sepenuhnya

Bill of Quantities telah memperuntukkan sejumlah RM0.15 juta untuk kos mengecat 3 buah jambatan. Bagaimanapun, pemerhatian Audit mendapati sebahagian struktur ketiga-tiga jambatan tidak dicat seperti di **Gambar 5.29**. Semakan Audit mendapati bayaran penuh telah dibuat bagi kerja tersebut. Selepas teguran Audit, **berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 7 Jun 2012, pihaknya telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mengecat semula struktur jambatan seperti di Gambar 5.30.**

Gambar 5.29
Kerja Mengecat Tidak Sempurna

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Sungai Tenglu, Mersing
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 5.30
Kerja Mengecat Semula Struktur Jambatan

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Jambatan Sungai Tenglu, Mersing
Tarikh: 4 Mei 2012

5.4.2.3. Menggantikan 2 Buah Jambatan Di Sri Bengkal Ke Parit Yaani Dan Menggantikan Sebuah Jambatan Di Parit Sengkuang, Sri Gading, Batu Pahat

Lawatan Audit ke tapak projek di Sri Bengkal ke Parit Yaani dan Parit Sengkuang, Sri Gading, Batu Pahat mendapati kerja pembinaan sedang dijalankan. Sepanjang lawatan tersebut pihak Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kesesuaian Reka Bentuk

i. Merujuk kepada pelan lukisan, pihak kontraktor perlu memasang *hand railing* dengan jarak ruang antara palang 500 mm hingga 600 mm bagi longkang di Jambatan No. 3. Lawatan Audit mendapati *hand railing* telah dipasang mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di **Gambar 5.31**. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat jarak ruang antara palang tersebut adalah lebar dan tidak sesuai memandangkan terdapat rumah kediaman berhampiran dan boleh membahayakan penghuni terutama kanak-kanak. Selepas menerima teguran Audit, JKR bersetuju untuk menambahkan besi pada *hand railing* berkenaan.

Gambar 5.31
Longkang Bentuk 'U' Dan *Hand Railing* Di Kawasan Kediaman

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan No.3, Parit Yaani, Batu Pahat
Tarikh: 15 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan No.3, Parit Yaani, Batu Pahat
Tarikh: 15 November 2011

ii. Pemerhatian Audit mendapati ketinggian aras bawah Jambatan No. 3 kurang 1 meter dari aras air sungai dan tidak mematuhi kehendak seperti terkandung dalam pelan lukisan. Perbandingan ketinggian dapat dilihat antara jambatan lama dan Jambatan No. 3 seperti di **Gambar 5.32**. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 2 April 2012, kerja-kerja melebar dan mendalamkan sungai akan dilaksanakan pada peringkat akhir pembinaan.**

Gambar 5.32
Ketinggian Aras Bawah Jambatan Kurang Satu Meter Dari Aras Air Sungai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan No.3, Parit Yaani, Batu Pahat
Tarikh: 15 November 2011

5.4.2.4. Memperkukuh Dan Melebarkan Jalan Simpang Lima Parit Sulong, Batu Pahat

Lawatan Audit ke Jalan Simpang Lima, Parit Sulong Batu Pahat pada bulan November 2011 dan Januari 2012 mendapati pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi seperti berikut:

a. Reka Bentuk Pondok Menunggu Bas Yang Tidak Mengikut Spesifikasi

Bill of Quantities berkaitan perabot jalan menyatakan pembinaan dan penyiapan pondok menunggu bas adalah termasuk kerja-kerja mengecat, menyediakan tempat duduk dengan kemasan jubin dan sebagainya yang ditetapkan dalam pelan lukisan. **Gambar 5.33** menunjukkan pelan lukisan reka bentuk pondok menunggu bas. Sebanyak 6 buah pondok menunggu bas bernilai RM0.15 juta telah dibina bagi projek ini. Bagaimanapun pihak Audit mendapati pondok menunggu bas yang dibina tidak mengikut spesifikasi di mana 3 daripada 6 pondok menunggu bas menyediakan tempat duduk yang diperbuat daripada besi seperti di **Gambar 5.34**. Di samping itu, temu bual Audit dengan penduduk Kg. Parit Puasa mendapati tempat duduk besi yang disediakan adalah kurang selesa. Selepas teguran Audit, JKR telah mengarahkan kontraktor membaiki tempat duduk pondok menunggu bas dan kerja pembaikan telah dijalankan sebagaimana di **Gambar 5.35**. Selain itu, semakan Audit mendapati reka bentuk pondok menunggu bas yang dibina di Kg. Separap adalah berbeza dengan pelan lukisan yang ditetapkan. Perbezaan reka bentuk pondok menunggu bas di Kg. Separap adalah atas permohonan penduduk kampung terbabit dan kos tambahan ditanggung oleh pihak kontraktor. **Gambar 5.36** menunjukkan pondok menunggu bas yang dibina di Kg. Separap.



Gambar 5.33
Pelan Lukisan Pondok Menunggu Bas Dengan Tempat Duduk Kemasan Jubin

Sumber: Pejabat JKR Batu Pahat

Gambar 5.34
Pondok Menunggu Bas Dengan Tempat Duduk Besi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Parit Puasa, Simpang Lima, Batu Pahat
Tarikh: 14 November 2011

Gambar 5.35
Tempat Duduk Pondok Menunggu Bas Sedang Dibaiki Sepertimana Spesifikasi

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: Kg. Parit Puasa, Simpang Lima, Batu Pahat
Tarikh: 5 Mei 2012

Gambar 5.36
Pondok Menunggu Bas Kg. Separap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Separap, Simpang Lima, Batu Pahat
Tarikh: 14 November 2011

Pada pendapat Audit, berdasarkan ketidakpatuhan terhadap spesifikasi yang telah ditetapkan menunjukkan pihak perunding dan JKR tidak tegas dalam pemantauan hasil kerja kontraktor. Pemantauan yang berterusan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam sesebuah pembinaan. Kurangnya pemantauan menyebabkan pembinaan dibuat tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan boleh membahayakan pengguna jalan raya.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek pembinaan jalan dan jambatan dibuat dengan teratur, JKR disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

5.5.1. JKR dan perunding perlu membuat perancangan terhadap lokasi tapak dan menjalankan pemantauan serta penyeliaan dengan berkesan bagi mengelakkan kelewatan dalam menyiapkan projek.

5.5.2. JKR dan perunding perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja supaya kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan.

5.5.3. JKR dan perunding perlu membuat pemantauan dan pemeriksaan rapi sebelum meluluskan bayaran.

5.5.4. JKR dan perunding perlu membuat pelarasan harga terhadap kesilapan/ketidakpatuhan/kerja yang tidak dilaksanakan semasa penyediaan Akaun Muktamad.

5.5.5. JKR dan perunding perlu memastikan tindakan pembetulan/pembaikan diambil oleh kontraktor sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

JABATAN AGAMA JOHOR

6. PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Sejarah pendidikan Islam di Johor bermula dengan tertubuhnya Sekolah Al-Quran pada tahun 1918 dan ditukar kepada Sekolah Agama Petang pada tahun 1923. Seterusnya pada tahun 1965, nama Sekolah Agama Petang telah ditukar kepada Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dan nama tersebut masih kekal hingga kini. Tujuan penubuhan SAKJ adalah untuk memberikan pendidikan agama secara teratur, sempurna dan dikawal oleh kerajaan. Fungsi SAKJ adalah untuk menambah, pelengkap dan memperkukuhkan lagi mata pelajaran pendidikan Islam. Oleh itu, kurikulum yang disediakan oleh SAKJ tertumpu kepada mata pelajaran pendidikan agama sahaja. Objektif SAKJ antaranya adalah untuk memberi pengajaran mengenai asas aqidah dan ibadah, amalan fardu ain, kifayah dan sunat serta penulisan dan pembacaan jawi serta pembacaan Al-Quran dan bahasa Arab.

6.1.2. SAKJ ditadbir terus oleh Kerajaan Johor melalui (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor (BPJAJ). Struktur organisasi BPJAJ adalah terdiri daripada 4 sektor iaitu Sektor Pentadbiran & Kewangan, Pengurusan Sekolah, Pengurusan Akademik dan Pembangunan Kemanusiaan. Selain itu, BPJAJ juga mempunyai Unit Naziran dan Pejabat Pendidikan Agama di setiap daerah. BPJAJ diterajui oleh seorang Ketua Penolong Pengarah dan dibantu oleh 124 orang pegawai pelbagai gred jawatan yang terdiri daripada Pegawai Pendidikan Agama, Pembantu Tadbir serta Pembantu Tadbir Rendah. Sehingga tahun 2011, SAKJ mempunyai seramai 204,576 orang pelajar dan 3,277 orang guru di 546 buah sekolah di seluruh Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, 376 buah sekolah mempunyai bangunan sendiri manakala 170 buah lagi menumpang di bangunan sekolah rendah kebangsaan, balai raya dan sebagainya.

6.1.3. BPJAJ mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk pembiayaan perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM121.67 juta bagi tahun 2009, RM126.14 juta bagi tahun 2010 dan RM129.33 juta bagi tahun 2011. Selain itu, BPJAJ juga menerima peruntukan sejumlah RM56.97 juta untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2011 daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Butiran adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Peruntukan Kerajaan Negeri Dan Majlis Agama Islam Negeri Johor Bagi Program Pendidikan Agama Islam Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Sumber Peruntukan	Jenis Peruntukan	Tahun			Jumlah (RM Juta)
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
Kerajaan Negeri	Mengurus	111.67	116.14	122.33	350.14
	Pembangunan	10.00	10.00	7.00	27.00
	Jumlah	**121.67**	**126.14**	**129.33**	**377.14**
Majlis Agama Islam Johor	Mengurus	18.99	18.93	19.05	56.97
Jumlah Besar		**140.66**	**145.07**	**148.38**	**434.11**

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan SAKJ telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta telah mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan adalah meliputi pengurusan SAKJ (kecuali Sekolah Rendah Agama Bersepadu) oleh BPJAJ dan Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian bagi tahun 2009 hingga tahun 2011. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen, fail, laporan dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan SAKJ. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan guru yang terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut dan pengesahan mengenai sesuatu isu berbangkit. Sebanyak 100 borang soal selidik juga diedarkan kepada guru, kakitangan sekolah dan ibu bapa murid semasa pengauditan dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai pengurusan sekolah, latihan untuk guru, kemudahan pembelajaran sekolah dan keselesaan tempat belajar. Lawatan Audit telah dijalankan ke 20 buah Sekolah Agama (SA) yang dipilih di 3 buah daerah iaitu Johor Bahru, Batu Pahat dan Pontian pada bulan September hingga November 2011. Senarai SA yang terlibat adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Sekolah Yang Dilawati Oleh Pihak Audit

Bil.	Daerah	Nama Sekolah/Lokasi	
1.	Johor Bahru	1.	SA Hajah Rahmah, Bakar Batu, Johor Bahru
		2.	SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru
		3.	SA Lima Kedai, Johor Bahru
		4.	SA Bandar Selesa Jaya, Johor Bahru
		5.	SA Kota Masai, Johor Bahru
		6.	SA Kampung Pasir Putih, Johor Bahru
		7.	SA Kopok Baru, Johor Bahru
2.	Batu Pahat	8.	SA Kampung Parit Kadir, Batu Pahat
		9.	SA Parit Sulong, Batu Pahat
		10.	SA Seri Medan, Batu Pahat
		11.	SA Seri Bulan, Batu Pahat
		12.	SA Batu 18, Jalan Air Hitam, Batu Pahat
		13.	SA Kenangan Dato' Onn, Batu Pahat
3.	Pontian	14.	SA Serkat, Pontian
		15.	SA Parit Sarpan, Pontian
		16.	SA Tenggayun, Pontian
		17.	SA Seri Kembar, Pontian
		18.	SA Permatang Duku, Pontian
		19.	SA Kampung Sawah, Pontian
		20.	SA Pekan Nanas, Pontian

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengurusan Sekolah Agama pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Penempatan Sekolah Agama (SA) di penempatan sementara adalah kurang selesa.
- Peralatan pengajaran dan pembelajaran yang tidak lengkap.
- Kekurangan guru dan kakitangan sokongan.
- Pengurusan aset dan inventori yang perlu diperbaiki.

6.4.1. Sekolah Ditempatkan Di Pelbagai Premis

Bangunan adalah salah satu faktor penting bagi menentukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang baik, kondusif dan selamat. Oleh itu, Jabatan Agama Johor (JAJ) perlu menyediakan bangunan sekolah yang selesa dengan kelengkapan yang mencukupi bagi memberikan pendidikan agama secara teratur. Oleh kerana bilangan murid yang ramai dan kekurangan bangunan sekolah, Jabatan telah membenarkan penempatan murid di balai raya, surau dan rumah kedai sebagai tempat pembelajaran sementara. Selain itu, terdapat juga SA yang ditempatkan di bangunan sekolah kebangsaan yang dahulunya dijadikan sekolah tumpangan tetapi diserahkan kepada Jabatan setelah sekolah kebangsaan milik Kementerian Pelajaran Malaysia tersebut

berpindah ke sekolah baru. Bagaimanapun status bangunan berkenaan masih kekal sebagai milik Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehingga Disember 2011, sebanyak 24 buah sekolah di seluruh Negeri Johor masih ditempatkan di pelbagai premis seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Senarai SA Yang Ditempatkan Di Pelbagai Premis Di Seluruh Negeri Johor

Bil.	Nama Sekolah	Status Bangunan	Pemilik Bangunan	Catatan
1.	SA Ladang Ulu Remis, Kluang	Bekas Sekolah Kebangsaan	Kementerian Pelajaran Malaysia	- Bilangan murid antara 100 hingga 300 orang - Tapak Sekolah adalah milik Kerajaan Persekutuan. Akan berpindah sekiranya ada tapak baru
2.	SA Ladang Tereh, Kluang			
3.	SA Parit Semo, Batu Pahat			
4.	SA Batu 18, Batu pahat			
5.	SA Kangkar Merlimau, Batu Pahat			
6.	SA Bukit Pasir, Batu Pahat			
7.	SA Desa Mahkota Rantau Panjang, Kota Tinggi			
8.	SA Parit Jamil, Muar			
9.	SA Parit Keroma Darat, Muar			
10.	SA Tanjung Tohor, Muar			
11.	SA Sarang Buaya, Muar			
12.	SA Temiang, Muar			
13.	SA Ladang YPJ, Kota Tinggi	Bangunan Ladang	Yayasan Pelajaran Johor	- Bilangan murid kurang daripada 50 orang
14.	SA Ladang Alaf YPJ, Kota Tinggi			
15.	SA Ladang Welch, Segamat			
16.	SA Bukit Bujang, Segamat			
17.	SA Ladang Palong 4 & 5, Segamat			
18.	SA Segamat Kecil, Segamat	Surau	JAJ	- Bilangan murid kurang daripada 20 orang
19.	SA Seri Perani, Kota Tinggi	Pihak Berkuasa Tempatan	Balai Raya	
20.	SA Bukit Siput, Segamat			
21.	SA Benut, Pontian			
22.	SA Pulau Pemanggil, Mersing	Pejabat Daerah Mersing	Balai Penghulu	
23.	SA Ibnu Sina, Johor Bahru	Pejabat Daerah Johor Bahru	Bangunan Belia Kampung	
24.	Bangunan Tambahan SA Kota Masai, Johor Bahru	Bangunan Rumah Kedai	Persendirian	- Murid terlalu ramai (lebih 3,000 orang) Terpaksa menyewa untuk menampung kekurangan bilik darjah

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

6.4.1.1. Pemerhatian Audit mendapati sekolah yang menumpang di balai raya, surau dan bangunan sekolah milik Kementerian Pelajaran Malaysia yang tidak lagi digunakan tidak menghadapi masalah sehingga kini kerana bilangan muridnya yang tidak terlalu ramai dan kemudahan asas yang mencukupi. Bagaimanapun, di SA Kota Masai suasana pembelajaran adalah kurang selesa disebabkan gangguan bunyi bising daripada kedai dan bengkel membaiki kereta yang berhampiran kerana ditempatkan di bangunan rumah kedai yang disewa. Keselamatan murid juga tidak terjamin disebabkan tiada perkhidmatan kawalan keselamatan. Jabatan memaklumkan, kedudukan sekolah yang menumpang adalah disebabkan tiada tapak yang diwakafkan untuk pembinaan sekolah agama. Penyewaan bangunan rumah kedai dilakukan kerana bangunan sekolah yang

sedia ada tidak dapat menampung bilangan murid yang ramai. Bangunan rumah kedai dan suasana bilik darjah adalah seperti di **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.4**.

Gambar 6.1
Bangunan Rumah Kedai Yang Disewa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kota Masai, Johor Bahru
Tarikh: 15 November 2011

Gambar 6.2
Suasana Bilik Darjah Di Rumah Kedai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kota Masai, Johor Bahru
Tarikh: 15 November 2011

Gambar 6.3
Kedai Yang Berhadapan Rumah Kedai Yang Disewa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kota Masai, Johor Bahru
Tarikh: 15 November 2011

Gambar 6.4
Bengkel Membaiki Kereta Berhadapan Rumah Kedai Yang Disewa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kota Masai, Johor Bahru
Tarikh: 15 November 2011

Pada pendapat Audit, SA yang ditempatkan di rumah kedai didapati tidak sesuai kerana murid terpaksa belajar dalam keadaan tidak selesa akibat gangguan bunyi bising dan keselamatan yang tidak terjamin.

6.4.2. Program Penyenggaraan Dan Baik Pulih

Penyenggaraan merupakan antara elemen terpenting dalam pengurusan bangunan termasuk bangunan sekolah. Bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan kecil yang bernilai RM20,000 dan ke bawah, pihak Jabatan akan melaksanakan sendiri melalui Bahagian Pembangunan, JAJ dengan memanggil kontraktor yang layak. Semakan Audit mendapati dari tahun 2009 hingga bulan November 2011, sebanyak 304 kerja baik pulih

dengan nilai keseluruhan berjumlah RM9 juta telah dilaksanakan meliputi pembaikan bumbung, tandas dan pendawaian elektrik serta lain-lain kerja berkaitan pembaikan kerosakan bangunan sekolah.

6.4.2.1. Jadual Penyenggaraan Dan Baik Pulih Tidak Dibuat

a. Kerja-kerja baik pulih dilaksanakan berdasarkan permohonan oleh pihak sekolah melalui Pejabat Pendidikan Agama Daerah. Cadangan permohonan akan dipilih berdasarkan kriteria keperluan yang mendesak terutamanya baik pulih berkaitan kerja-kerja pendawaian elektrik, bumbung dan tandas. Selain itu, kerja-kerja baik pulih yang mendesak (*ad-hoc*) disebabkan kerosakan akibat kebakaran ataupun malapetaka akan diutamakan. Pihak Jabatan tidak menyediakan jadual penyenggaraan khusus mengikut program-program tertentu ataupun secara penggiliran. Pihak Audit mendapati jadual dan program penggiliran tidak dapat dilaksanakan disebabkan Jabatan menghadapi kekangan peruntukan kewangan. Oleh itu, pihak sekolah terpaksa memohon daripada pihak luar dan orang perseorangan serta syarikat atau menggunakan wang Badan Kebajikan Sekolah Agama (BKSA).

b. Kekangan kewangan dan ketiadaan jadual penyenggaraan menyebabkan terdapat sekolah yang mengalami kerosakan terutamanya di bahagian struktur bangunan, permukaan lantai, dinding, pintu bilik darjah dan kerosakan yang disebabkan serangan anai-anai. Berdasarkan permohonan baik pulih yang dimohon oleh Pejabat Pendidikan Agama di setiap daerah bagi tahun 2011, kos baik pulih yang dianggarkan adalah berjumlah RM10.47 juta tetapi jumlah peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM5.43 juta. Oleh yang demikian, Jabatan menghadapi kekurangan peruntukan untuk membaik pulih kesemua permohonan baik pulih yang diterima di samping menjalankan kerja baik pulih akibat kerosakan di luar jangka. Kerosakan-kerosakan yang berlaku di 8 buah sekolah yang dilawati di Daerah Johor Bahru, Pontian dan Batu Pahat adalah seperti di **Jadual 6.4**. Contoh-contoh kerosakan adalah seperti di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.10**.

Jadual 6.4
Kerosakan Yang Berlaku Di 8 Buah Sekolah Agama

Bil.	Nama Sekolah	Butiran Kerosakan	Permohonan/Baik Pulih Diterima Dalam Tahun 2009 Hingga 2011	
			Permohonan	Baik Pulih
1.	SA Hajah Rahmah, Johor Bahru	Dinding pejabat, bilik darjah mengelupas dan merekah	x	x
2.	SA Lima Kedai, Johor Bahru	Pintu kelas dan tandas rosak	x	x
3.	SA Kampung Pasir Putih, Johor Bahru	Pintu kelas rosak/tiada daun pintu dan lantai berlubang-lubang	/ (2010)	x
4.	SA Bandar Selesa Jaya, Johor Bahru	Lantai berlubang-lubang	x	x
5.	SA Pekan Nanas, Pontian	Rangka pintu rosak/reput di makan anai-anai	/ (2011)	x
6.	SA Tenggayun, Pontian	Pintu gelongsor untuk dewan rosak	x	x
7.	SA Seri Bulan, Batu Pahat	Besi pemegang tangga berkarat dan reput	x	x
8.	SA Kg. Kenangan Dato' Onn, Batu Pahat	Lantai bilik darjah berlubang-lubang	x	x

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor
Nota: / - Ada, x – Tiada

Gambar 6.5
Daun Pintu Bilik Darjah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kampung Pasir Putih, Johor Bahru
Tarikh: 3 November 2011

Gambar 6.6
Bilik Darjah Tiada Daun Pintu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kampung Pasir Putih, Johor Bahru
Tarikh: 3 November 2011

Gambar 6.7
Rangka Pintu Rosak Diserang Anai-Anai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Lima Kedai, Johor Bahru
Tarikh: 31 Oktober 2011

Gambar 6.8
Permukaan Dinding Bilik Darjah Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Hajah Rahmah, Johor Bahru
Tarikh: 12 Oktober 2011

Gambar 6.9
Permukaan Lantai Bilik Darjah Dan Koridor Yang Berlubang-Lubang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kg. Kenangan Dato' Onn, Batu Pahat
Tarikh: 17 Oktober 2011

Gambar 6.10

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kg. Kenangan Dato' Onn, Batu Pahat
Tarikh: 17 Oktober 2011

c. Kerosakan yang sebagaimana di **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.10** berlaku semenjak tahun 2009 hingga kini dan tiada program baik pulih dilaksanakan walaupun terdapat permohonan pada tahun 2010 dan tahun 2011 oleh SA Kampung Pasir Putih dan SA Pekan Nanas. Keadaan ini telah menyebabkan suasana tidak selesa dan selamat kepada murid, guru dan harta benda sekolah selain mengaibkan imej SA berbanding sekolah kebangsaan.

Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi menyebabkan Jabatan tidak menyediakan program penyenggaraan secara berkala bagi memastikan penyenggaraan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan mengelakkan berlaku kerosakan yang serius.

6.4.3. Kemudahan Infrastruktur Sekolah Agama

6.4.3.1. Kemudahan Infrastruktur Asas Sekolah Agama Yang Tidak Lengkap Dan Uzur

a. Kemudahan infrastruktur asas adalah penting untuk memastikan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Kemudahan asas yang diperlukan antaranya adalah dewan, bilik mesyuarat, bilik sumber/perpustakaan dan kantin. Semakan Audit mendapati daripada 20 buah sekolah yang dilawati, 16 atau 80% sekolah tidak dilengkapkan dengan keperluan asas seperti bilik mesyuarat, bilik sumber dan kantin ataupun kemudahan asas yang tidak sempurna di mana kebanyakannya telah uzur. Bilangan sekolah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Senarai Kemudahan Infrastruktur Asas Sekolah Agama

Bil.	Kemudahan Infrastruktur	Bilangan Sekolah	
		Ada	Tiada
1.	Dewan	20	0
2.	Bilik Mesyuarat	5	15
3.	Bilik Sumber/Perpustakaan	17	3
4.	Kantin	18	2

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

b. Ketiadaan kemudahan kantin di SA Hajah Rahmah, Johor Bahru dan SA Seri Kembar, Pontian menyebabkan murid-murid terpaksa membeli makanan di gerai yang berada di luar kawasan sekolah. Keadaan ini boleh membahayakan keselamatan murid dan risiko keracunan makanan kerana pihak sekolah tidak dapat mengawal mutu makanan yang dijual. Bagi sekolah yang mempunyai kantin, pemilihan pengusaha kantin dibuat secara sebut harga dengan Pegawai Pendidikan Agama Daerah dilantik sebagai pengerusi Lembaga Sebut Harga. Bagaimanapun, kesemua kantin berkenaan berada dalam keadaan yang kurang sempurna dan memuaskan. Ketiadaan bilik mesyuarat pula menyebabkan keadaan kurang selesa kepada guru-guru kerana mesyuarat diadakan di dalam bilik guru.

6.4.3.2. Kemudahan Perabot Rosak Dan Uzur

a. Lawatan Audit di sekolah yang dipilih mendapati kesemua sekolah mempunyai perabot yang telah rosak dan tidak selamat digunakan. Bagaimanapun, pihak sekolah memaklumkan perabot berkenaan terpaksa digunakan kerana belum mendapat perabot baru. Walaupun sebahagian sekolah ada menerima peruntukan perabot baru dalam tahun 2009 dan 2010 namun masih tidak mencukupi untuk menggantikan perabot yang telah rosak. Daripada 20 buah sekolah yang dilawati, 3 buah sekolah iaitu SA Bandar Selesa Jaya, SA Tenggayun dan SA Parit Sarpan tidak mendapat peruntukan perabot sepanjang tahun 2009 hingga 2011. Manakala 2 buah sekolah iaitu SA Kangkar Tebrau dan SA Kopok Baru, diluluskan peruntukan perabot baru pada tahun 2011 tetapi bekalan perabot masih belum diterima. Contoh perabot (meja dan kerusi) yang telah usang dan patah tetapi masih digunakan di 4 buah SA adalah seperti di **Gambar 6.11** hingga **Gambar 6.14**. Keadaan kerusi dan meja yang telah rosak ini menjejaskan imej SA serta boleh membahayakan keselamatan murid-murid.

Gambar 6.11
Kaki Meja Dan Kerusi Yang Telah Patah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Serkat, Pontian
Tarikh: 30 September 2011

Gambar 6.12
Permukaan Meja Yang Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Kembar, Pontian
Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 6.13
Permukaan Meja Yang Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru
Tarikh: 13 Oktober 2011

Gambar 6.14
Laci Dan Kaki Meja Yang Telah Patah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kopok Baru, Johor Bahru
Tarikh: 3 November 2011

b. Maklum balas yang diterima daripada Jabatan Agama bertarikh 28 Jun 2012 menjelaskan, kekurangan kemudahan infrastruktur di SA adalah disebabkan kekangan kewangan sehingga Jabatan memerlukan peruntukan daripada MAIJ bagi memenuhi keperluan tersebut. Pada tahun 2011 tiada peruntukan untuk pembelian perabot diterima daripada Kerajaan Negeri.

6.4.3.3. Kemudahan Peralatan Guru Dan Murid

a. Peralatan Pejabat Tidak Mencukupi

Selain kemudahan asas seperti kerusi dan meja untuk guru, peralatan lain seperti peralatan komputer, mesin pencetak, mesin fotostat, mesin faks dan telefon juga adalah penting bagi memudahkan kerja-kerja pentadbiran dilakukan. Semakan Audit mendapati daripada 20 buah sekolah agama yang dilawati terdapat beberapa buah sekolah tidak mempunyai komputer berserta mesin pencetak, mesin fotostat, mesin faks dan talian telefon. Walaupun sebahagian sekolah mempunyai peralatan tersebut, ia adalah merupakan sumbangan daripada individu atau pembelian menggunakan wang BKSA. Senarai peralatan pejabat dan guru di sekolah-sekolah yang dilawati adalah seperti di **Jadual 6.6**. Pemeriksaan Audit di 20 buah SA menunjukkan kesemua SA tidak mempunyai mesin faks, 70% tiada talian telefon, 25% tiada mesin fotostat, 15% tiada mesin pencetak dan 5% tiada komputer. Ketiadaan peralatan pejabat seperti alat mesin fotostat, telefon, mesin faks ini akan menyukarkan perhubungan pihak sekolah dengan Ibu Pejabat dan kerja-kerja pentadbiran sekolah.

Jadual 6.6
Senarai Peralatan Pejabat Dan Guru

Bil.	Peralatan Pejabat Dan Guru	Bilangan Sekolah	
		Ada	Tiada
1.	Komputer	19	1
2.	Mesin Pencetak	17	3
3.	Mesin Fotostat	15	5
4.	Telefon	6	14
5.	Mesin Faks	0	20

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

6.4.3.4. Kekurangan Bilik Darjah Bagi Menampung Kapasiti Murid Yang Ramai

Mengikut arahan Kementerian Pelajaran Malaysia, bilangan murid dalam sesebuah bilik darjah hendaklah tidak melebihi 40 orang murid. Keadaan ini adalah bertujuan memberi suasana pembelajaran dan pengajaran yang selesa dan sempurna serta memudahkan guru mengenali lebih dekat setiap murid serta memudahkan pengawalan. Lawatan Audit ke SA Kopok Baru dan SA Kota Masai di Daerah Johor Bahru mendapati bilangan murid dalam satu bilik darjah adalah antara 60 orang hingga 90 orang. Keadaan ini disebabkan kekurangan bilik darjah untuk menampung peningkatan bilangan murid dari kawasan perumahan yang semakin padat. Akibat daripada peningkatan bilangan murid, pihak

pengurusan SA Kopok Baru mengambil tindakan dengan menyediakan meja tanpa kerusi di mana murid-murid akan belajar secara duduk bersila di atas lantai dan menggunakan bilik sumber sebagai bilik darjah. Keadaan bilik darjah yang menempatkan murid melebihi had adalah seperti di **Gambar 6.15** dan **Gambar 6.16**. Isu kekurangan bilik darjah di SA Kopok Baru ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian ruangan Johor bertarikh 20 Januari 2012 seperti di **Gambar 6.17**.

Gambar 6.15
Keadaan Bilik Darjah Yang Menempatkan Murid Melebihi Had

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kopok Baru, Johor Bahru
Tarikh: 3 November 2011

Gambar 6.16

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kopok Baru, Johor Bahru
Tarikh: 3 November 2011

Gambar 6.17
Sekolah Agama Kopok Baru Terlalu Sesak

JOHOR BERITA HARIAN

Masyarakat Kimaragang kaya seni budaya N8/9

N1 Jumaat 20 Januari 2012

Sekolah Agama Kopok Baru terlalu sesak

KETIADAAN bilik darjah memaksa guru SA Kopok Baru mengajar di laluan jalan kaki.

Bilik darjah sempit, murid belajar di lalu... kaki

Oleh Mohd Yusoff Ahmad

MASAI: Jumlah pelajar terlalu ramai dan kekurangan bilik darjah menyebabkan lebih 3,000 pelajar Sekolah Agama (SA) Kopok Baru dekat sini, terpaksa bersesak setiap hari.

Keadaan umpama tin sardin apabila bilik darjah yang sepatutnya sesuai untuk 30 pelajar terpaksa memuatkan hingga 90 orang. Ada kelas yang terpaksa belajar di kaki lima bangunan yang dialas tikar getah.

Berita Harian yang membuat tinjauan ke sekolah agama itu turut terserempak melihat pelajar yang bersila atau berselipsip atas tikar ditemangkap pada kaki lima yang dijadikan kelas, semata-mata mendengar pelajaran.

Keadaan yang tidak selesa itu menyebabkan pelajar berpeluh ketika panas, manakala ketika hujan mereka turut basah akibat terkena tempias.

Pelajar dan guru sekolah terbabit juga terpaksa menjadikan tapak perhimpunan sebagai surau sambil mengerjakan solat jemaah dalam

Jika hujan, pelajar terpaksa menahan tempias. Pengajar tidak mempunyai kemudahan bersesuaian termasuk papan hitam, kerusi atau meja. Sekolah perlu dinaik taraf bagi menampung jumlah murid yang semakin bertambah

Juwainah Ali
A.K. Pusat SA Kopok Baru

BUMBUNG sekolah yang bocor belum dibaiki.

FAKTA NOMBOR

3,200

Sumber: Berita Harian
Tarikh: 20 Januari 2012

Pada pendapat Audit, suasana pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan pentadbiran sekolah adalah kurang sempurna dan lancar kerana kemudahan peralatan, kelengkapan sekolah dan bilangan bilik darjah yang tidak mencukupi.

6.4.4. Keselamatan Sekolah

6.4.4.1. Keselamatan Sekolah Tidak Memuaskan

Selain kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan bersesuaian, aspek keselamatan sekolah juga perlu diambil perhatian bagi memastikan keselamatan murid dan guru serta harta benda sekolah terkawal. Keadaan premis sekolah yang tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan boleh membahayakan keselamatan murid dan guru. Premis sekolah perlu mematuhi piawaian keselamatan bangunan seperti pagar, alat pemadam api, pintu kawalan keluar masuk dan pengawal keselamatan. Semakan Audit di 20 buah SA mendapati, sebahagian besar sekolah tidak menyediakan alat pemadam api dan pengawal keselamatan seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Bilangan Sekolah Yang Mempunyai Kemudahan Keselamatan

Bil.	Kemudahan Keselamatan	Bilangan Sekolah	
		Ada	Tiada
1.	Pagar	20	0
2.	Pengawal Keselamatan	2	18
3.	Pemadam Api	4	16

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

a. Pagar Sekolah Tidak Kukuh Dan Pengawal Keselamatan Tidak Disediakan

i. Kawalan keselamatan yang cekap adalah penting bagi memastikan sekolah tidak dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan boleh menyebabkan kehilangan harta benda atau kecederaan kepada murid dan guru. Lawatan Audit ke 20 buah SA yang dipilih mendapati semua sekolah adalah berpagar tetapi pagar di 4 buah SA telah mengalami kerosakan. SA yang terlibat ialah SA Tenggayun dan SA Serkat di Daerah Pontian, SA Lima Kedai di Daerah Johor Bahru dan SA Batu 18, Jalan Air Hitam di Daerah Batu Pahat. Keadaan pagar adalah seperti di **Gambar 6.18** hingga **Gambar 6.21**.

Gambar 6.18 **Gambar 6.19**

Keadaan Pagar Yang Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Tenggayun, Pontian
Tarikh: 26 September 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Serkat, Pontian
Tarikh: 30 September 2011

Gambar 6.20 **Gambar 6.21**

Keadaan Pagar Yang Telah Roboh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Lima Kedai, Johor Bahru
Tarikh: 31 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Batu 18, Batu Pahat
Tarikh: 17 Oktober 2011

ii. Pihak Audit juga mendapati SA Hajah Rahmah, di Daerah Johor Bahru mempunyai pagar sekolah yang berkongsi dengan rumah kediaman penduduk di mana sesiapa sahaja boleh melalui kawasan sekolah ini. Keadaan pagar yang tidak sesuai dan terjamin keselamatannya boleh menyebabkan sekolah terdedah kepada pencerobohan serta berlakunya kehilangan harta benda sekolah dan mengancam keselamatan guru dan murid sekolah. Setelah teguran pihak Audit, **maklum balas Jabatan bertarikh 28 Jun 2012 menyatakan akan memastikan laluan berkenaan ditutup terutama di luar waktu sekolah.** Kedudukan pagar berkenaan adalah seperti di **Gambar 6.22** dan **Gambar 6.23**.

Gambar 6.22
Pagar Sekolah Berkongsi Dengan Pagar Rumah Penduduk

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Hajah Rahmah, Johor Bahru
Tarikh: 12 Oktober 2011

Gambar 6.23
Pintu Pagar Sekolah Menjadi Laluan Penduduk

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Hajah Rahmah, Johor Bahru
Tarikh: 12 Oktober 2011

iii. Selain itu, pihak Jabatan tidak menempatkan pengawal keselamatan dengan alasan tiada waran bagi perjawatan tersebut. Kebanyakan sekolah yang terlibat terletak di kawasan terpencil dan bukan menjadi tumpuan orang ramai. Akibatnya beberapa sekolah yang dilawati mengadu sering dicerobohi sehingga berlaku kehilangan harta benda dan kerosakan bangunan. Semakan Audit mendapati sebanyak 6 buah SA telah diceroboh dan mengalami kejadian kecurian harta benda serta kerosakan seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Laporan Kecurian Harta Benda Dan Kerosakan Sekolah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Berlaku	Jenis Kecurian/Kerosakan
1.	SA Taman Pasir Putih, Johor Bahru	25.7.2011	Tingkap pecah dan terdapat pemotongan wayar alat penghawa dingin (Pejabat)
		13.9.2011	Kehilangan basikal murid semasa sesi persekolahan
2.	SA Kopok Baru, Johor Bahru	21.7.2010	Kunci mangga bilik pejabat dipotong dan kehilangan 10 *walkman* serta 1 set komputer dan alat pencetak dan juga wang tunai bernilai RM100.00
		27.10.2010	2 set komputer, 1 set mesin faks dan 1 unit radio
3.	SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru	27.4.2011	Pencerobohan melalui bumbung sekolah dan wayar bumi telah dipotong
4.	SA Kg. Sawah, Pontian	24.9.2011	Pintu kantin dan kedai sekolah telah dipecah masuk
5.	SA Parit Sulong, Pontian	28.2.2011	Pencerobohan melalui siling di bahagian Dewan Sekolah
6.	SA Seri Bulan, Batu Pahat	30.6.2011	Pencerobohan dan berlaku kecurian kabel elektrik

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

iv. Untuk mengatasi masalah tersebut, hanya 2 buah SA iaitu SA Kopok Baru mulai bulan Januari 2011 telah menggunakan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta dan SA Taman Kota Masai juga telah menggunakan khidmat pengawal keselamatan serta mempunyai sistem Kawalan Litar Tertutup (CCTV).

Bagaimanapun perkhidmatan ini tidak dapat disediakan oleh pihak BKSA bagi SA yang lain kerana bilangan muridnya sedikit dan sumber kewangan BKSA tidak mencukupi. Isu mengenai kawalan keselamatan di Sekolah Agama ini juga telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian ruangan Johor bertarikh 14 Februari 2012 seperti di **Gambar 6.24**.

Gambar 6.24
Keratan Akhbar Mengenai Kawalan Keselamatan Yang Disiarkan Dalam Berita Harian Ruangan Johor

N4 JOHOR Selasa 14 Februari 2012 BERITA HARIAN

Tiada pengawal keselamatan

MAIJ diminta utama keselamatan murid Sekolah Agama Dato' Onn Jaafar

JOHOR BAHRU: Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) diminta memberi perhatian terhadap aspek keselamatan murid Sekolah Agama Dato' Onn Jaafar (SADOJ) dekat Larkin Perdana di sini berikutan ketiadaan pengawal keselamatan di sekolah berkenaan.

Masalah yang sudah berlarutan sejak sekian lama itu menimbulkan kebimbangan ramai ibu bapa mengenai aspek keselamatan anak mereka sepanjang berada di sekolah yang menempatkan lebih 1,000 murid.

Sumber: Berita Harian
Tarikh: 14 Februari 2012

b. Alat Pencegahan Kebakaran Tidak Disediakan

Alat pencegah kebakaran (alat pemadam api) yang mencukupi dan sentiasa berkeadaan baik adalah mustahak. Selain itu bagi bangunan sekolah yang melebihi 2 tingkat hos bomba hendaklah disediakan bagi memastikan kawalan kebakaran oleh pihak Bomba dapat dilaksanakan dengan sempurna. Lawatan Audit ke 20 buah sekolah mendapati hanya 3 buah SA mempunyai alat pemadam api manakala 4 buah SA tidak mempunyai alat pencegah kebakaran selain 13 buah SA mempunyai alat pencegah kebakaran yang telah tamat tempoh dan diletakkan di bilik stor. Sebahagian alat pencegahan kebakaran yang telah rosak adalah seperti di **Gambar 6.25** dan **Gambar 6.26**. Lawatan Audit di SA Kampung Kangkar Tebrau mendapati hos bomba telah rosak dan tidak boleh digunakan. Pemeriksaan alat pencegah kebakaran oleh pihak bomba dan latihan kebakaran juga tidak dilakukan. Keadaan hos bomba tersebut adalah seperti di **Gambar 6.27** dan **Gambar 6.28**. Pihak Audit mendapati Jabatan tidak dapat menyediakan dan menyenggara alat pemadam api secara berkala di setiap SA disebabkan kekurangan peruntukan bagi tujuan tersebut.

Gambar 6.25
Alat Pemadam Api Tamat Tempoh Diletak Dalam Stor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Tenggayun, Pontian
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 6.26
Alat Pemadam Api Tamat Tempoh Diletak Dalam Stor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Seri Kembar, Johor Bahru
Tarikh: 3 Oktober 2011

Gambar 6.27
Hos Bomba Tidak Boleh Digunakan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru
Tarikh: 13 Oktober 2011

Gambar 6.28
Ruang Menyimpan Hos Bomba Dijadikan Stor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru
Tarikh: 13 Oktober 2011

6.4.5. Pengurusan Aset Dan Inventori Sekolah Agama Tidak Memuaskan

Pengurusan aset milik kerajaan wajar diberi keutamaan bagi memastikan aset dan inventori yang diperoleh digunakan, direkod dan dikawal dengan sempurna serta mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan). Antara aset yang terdapat di SAKJ adalah seperti perabot, komputer *desktop*, komputer riba, mesin pencetak dan alat siaraya. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori di sekolah yang dilawati mendapati:

6.4.5.1. Daftar Harta Modal Dan Inventori Tidak Diselenggarakan

a. Daftar Harta Modal bagi merekodkan aset seperti peralatan dan kelengkapan pejabat serta perabot hendaklah diselenggarakan dengan baik dan mengikut peraturan. Segala butiran mengenai harta modal seperti nombor pendaftaran, lokasi, maklumat

pembelian, pembaikan dan pelupusannya hendaklah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Segala maklumat berkaitan hendaklah direkodkan dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2). Manakala inventori pula hendaklah direkodkan dalam Daftar Inventori (KEW.PA-3). Rekod-rekod lain yang perlu diselenggarakan adalah seperti Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4), Senarai Daftar Inventori (KEW.PA-5) dan Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7). Semakan Audit mendapati sebahagian sekolah yang dilawati tidak menyediakan daftar atau ada disediakan tetapi tidak lengkap dan kemas kini. Daripada 20 buah SA yang dilawati, hanya 5 buah sekolah menyediakan 5 daftar asas sebagaimana dinyatakan di atas dengan lengkap manakala 10 buah sekolah ada menyediakan daftar tetapi tidak lengkap dan 5 buah sekolah masih menggunakan daftar lama atau merekodkan dalam buku sahaja. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Penyelenggaraan Daftar Harta Modal/Inventori

Bil.	Nama Sekolah	Daftar Harta Modal/Inventori			
		Ada	Tiada	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	SA Kg. Pt. Kadir, Batu Pahat		/		
2.	SA Parit Sulong, Batu Pahat	/			/
3.	SA Seri Medan, Batu Pahat	/		/	
4.	SA Seri Bulan, Batu Pahat	/			/
5.	SA Batu 18, Air Hitam, Batu Pahat	/			/
6.	SA Kg. Kenangan Dato' Onn, Batu Pahat	/			/
7.	SA Serkat, Pontian	/			/
8.	SA Pt. Sarpan, Pontian		/		
9.	SA Tenggayun, Pontian	/			/
10.	SA Sri Kembar, Pontian		/		
11.	SA Permatang Duku, Pontian	/			/
12.	SA Kg. Sawah, Pontian	/			/
13.	SA Pekan Nanas, Pontian		/		
14.	SA.Hajah Rahmah, Johor Bahru	/			/
15.	SA Kangkar Tebrau, Johor Bahru	/		/	
16.	SA Lima Kedai, Johor Bahru		/		
17.	SA Bandar Selesa Jaya, Johor Bahru	/			/
18.	SA Kota Masai, Johor Bahru	/		/	
19.	SA Kg. Pasir Putih, Johor Bahru	/		/	
20.	SA Kopok Baru, Johor Bahru	/		/	

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

b. Analisis daripada **Jadual 6.9** menunjukkan hanya 5 SA atau 25% sahaja yang menyediakan Daftar Harta Modal/Inventori yang lengkap, manakala 10 SA atau 50% tidak menyediakan daftarnya dengan lengkap dan 5 SA atau 25% juga tidak menyediakan daftar berkenaan. Punca utama daftar tersebut tidak disediakan adalah disebabkan:

i. Dasar Jabatan yang tidak menyediakan kakitangan sokongan (Pembantu Tadbir) bagi sekolah Gred C (bilangan murid kurang 499 orang) telah menyebabkan guru

dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran dan kewangan di samping melaksanakan tugas hakiki. Daripada 20 buah sekolah yang dilawati, 12 buah sekolah adalah sekolah Gred C yang tidak mempunyai Pembantu Tadbir;

ii. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, hanya satu kursus yang berkaitan dengan pengurusan aset telah diberi kepada pihak pengurusan sekolah agama seluruh Negeri Johor. Bagaimanapun, maklumat daripada borang soal selidik yang diedarkan dan temu bual dengan guru-guru yang terlibat mendapati mereka belum menerima latihan berkaitan pengurusan aset; dan

iii. Terdapat juga sekolah yang mempunyai Pembantu Tadbir tetapi tidak dapat menyediakan Daftar Harta Modal/Inventori yang lengkap dan kemas kini kerana tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang sepatutnya.

6.4.5.2. Pelupusan Aset

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007 menetapkan, Lembaga Pemeriksa hendaklah dilantik bagi melaksanakan proses sebelum pelupusan sehingga laporan dimajukan kepada Urus Setia Pelupusan Jabatan. Semakan Audit mendapati lantikan jawatankuasa terlibat telah dibuat pada tahun 2008, namun begitu proses pelupusan aset masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Pihak Audit mendapati proses pelupusan tidak dapat dilaksanakan kerana Lembaga Pemeriksa yang dilantik tidak memahami prosedur pelupusan yang sebenar sehingga menyebabkan laporan-laporan yang disediakan tidak lengkap dan terpaksa disediakan semula. Pihak Jabatan khususnya pegawai di peringkat Pejabat Pendidikan Agama Daerah juga tidak membuat pemeriksaan dan pemantauan terhadap aset-aset yang hendak dilupuskan.

b. Semakan Audit mendapati kesemua permohonan pelupusan aset daripada SA seluruh Negeri Johor kecuali sekolah-sekolah di Daerah Batu Pahat masih belum mendapat kelulusan. Antara aset yang dimohon untuk dilupuskan adalah seperti meja/kerusi, papan hitam, papan kenyataan, mesin taip, kabinet besi/kayu, mesin fotostat dan komputer. Bilangan aset yang dirancang untuk dilupuskan bagi Daerah Johor Bahru dan Pontian adalah seperti di **Jadual 6.10** dan keadaan aset yang belum dilupuskan adalah seperti di **Gambar 6.29** dan **Gambar 6.30**.

Jadual 6.10
Bilangan Aset Yang Dirancang Untuk Dilupuskan

Daerah	Bilangan/Unit	
	2009	2010
Johor Bahru	6,800	6,800
Pontian	2,770	2,770
Jumlah	**9,570**	**9,570**

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

Gambar 6.29
Kerusi Dan Meja Yang Belum Dilupuskan Disimpan Dalam Stor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Tenggayun, Pontian
Tarikh: 26 September 2011

Gambar 6.30
Meja Belum Dilupuskan Diletakkan Di Bahagian Belakang Sekolah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SA Serkat, Pontian
Tarikh: 30 September 2011

c. **Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Jabatan Agama Johor bertarikh 28 Jun 2012, proses pelupusan aset bagi Daerah Johor Bahru, Pontian dan Segamat telah dilaksanakan pada bulan Februari 2012.**

Pada pendapat Audit, kurang latihan dan kursus mengenai peraturan pengurusan aset telah menyebabkan berlakunya kelemahan dalam Pengurusan Aset dan Inventori.

6.4.6. Keperluan Guna Tenaga Guru Dan Kakitangan

6.4.6.1. Pengisian Guru Secara Tetap Masih Belum Dibuat

a. Bagi melaksanakan tugas mengajar di seluruh SA di Negeri Johor, seramai 1,848 orang guru telah dilantik secara tetap berbanding dengan 3,277 perjawatan yang diluluskan dalam tahun 2011. Setiap sekolah ditadbir oleh seorang pengetua iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma Gred DGA34 bagi SA Gred A, DGA32 bagi SA Gred B dan DGA29 bagi SA Gred C. Bilangan perjawatan guru yang diluluskan dan diisi serta kekosongan dalam tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Bilangan Perjawatan Guru Yang Diluluskan Dan Diisi Serta Kekosongan Bagi Tahun 2011

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma	DGA34	72	0	72
2.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma	DGA32	153	0	153
3.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma	DGA29	3,052	1,848	1,204
4.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DB17 (Kontrak)	0	830	0

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

b. Pelantikan guru secara tetap akan diambil daripada calon-calon yang berkelayakan dan guru kontrak yang telah layak. Bagi tempoh 2009 hingga 2011 hanya 563 jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma gred DGA29 berjaya diisi hasil daripada temu duga yang dilakukan pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2010 dan 2011 terdapat 2 kali panggilan temu duga dilakukan tetapi tiada pengambilan dibuat sehingga kini. Pengisian dan kekosongan perjawatan guru pada tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Pengisian Dan Kekosongan Perjawatan Guru Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (DGA29)		
	Jumlah Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
2009	3,277	2,053	1,224
2010	3,277	1,866	1,411
2011	3,277	1,848	1,429

Sumber: (Bahagian Pendidikan) Jabatan Agama Johor

i. Pertambahan bilangan kekosongan perjawatan daripada tahun 2010 dan tahun 2011 adalah kerana terdapat guru-guru yang telah bersara atau mendapat tawaran kerja lain. Bagi menampung kekurangan guru, pelantikan guru secara kontrak dan sambilan telah dibuat untuk mengekalkan bilangan guru di SA pada nisbah seorang guru kepada 45 murid. BPJAJ telah melantik seramai 830 orang guru kontrak (Gred DB17). Selain itu, guru KAFA yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga dibenarkan mengajar bagi menampung kekurangan guru yang ada dengan dibayar elaun mengikut jumlah jam mengajar.

ii. Sementara itu, kekosongan perjawatan Gred DGA32 dan DGA34 diisi secara pemangkuan oleh guru Gred DGA29 semenjak waran perjawatan berkenaan diluluskan pada tahun 2007. Pemangkuan bagi Gred DGA34 tidak dapat dipangku oleh guru Gred DGA32 kerana seramai 153 guru Gred DGA29 yang memangku Gred DGA32 masih belum mendapat pengesahan jawatan daripada

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (BPSM). Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada BPJAJ, jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma Gred DGA29 yang telah diluluskan kenaikan pangkat Gred DGA32 adalah seramai 151 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 20 guru telah pun bersara atau berpindah ke Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehingga Disember 2011 juga, seramai 427 orang guru gred DB17 (Kontrak) yang telah cukup syarat telah ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ) untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma Gred DGA29 tetapi lantikan belum dilakukan.

6.4.6.2. Jawatan Pembantu Tadbir Tidak Disediakan

Selain daripada guru, kakitangan sokongan juga turut memainkan peranan penting bagi memastikan pengurusan dan penyenggaraan sekolah dapat dilaksanakan dengan baik. Pada tahun 2011, BPJAJ mempunyai 195 perjawatan Pembantu Tadbir (N17) di mana 169 jawatan telah diisi dan terdapat 26 kekosongan. Perjawatan ini adalah untuk memenuhi keperluan perjawatan di BPJAJ, Pejabat Pendidikan Agama Daerah dan bahagian Pentadbiran di Sekolah Agama Gred A dan B di seluruh Negeri Johor. Permohonan pengisian perjawatan ini telah dimaklumkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia) mulai tahun 2010 namun sehingga kini masih belum diisi. Manakala bagi Sekolah Agama Gred C tiada perjawatan Pembantu Tadbir disediakan. Daripada 546 buah Sekolah Agama di seluruh Negeri Johor, sebanyak 406 buah SA adalah Gred C. Kesemua urusan pentadbiran adalah di bawah tanggungjawab guru di sekolah berkenaan. Keadaan ini telah menyebabkan beban kerja guru bertambah dan merupakan salah satu punca berlaku kelemahan dalam pengurusan kewangan dan aset.

Pada pendapat Audit, pengisian jawatan guru secara tetap yang belum selesai dan kekurangan Pembantu Tadbir di SA boleh menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran serta pentadbiran sekolah.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan SA, pihak Audit mengesyorkan pihak BPJAJ perkara berikut:

6.5.1. Menyediakan SA dengan infrastruktur yang lebih baik dan sempurna.

6.5.2. Memohon peruntukan tambahan bagi tujuan penyenggaraan dan baik pulih sekolah serta peruntukan infrastruktur yang sempurna.

6.5.3. Meningkatkan tahap keselamatan SA dengan membina dan membaiki pagar serta menyediakan pengawal keselamatan.

6.5.4. Mewujudkan jawatan Pembantu Tadbir di semua sekolah tanpa mengira gred SA bagi tujuan pentadbiran serta mengurangkan beban tugas guru.

6.5.5. Menyediakan latihan dan kursus yang berkaitan pengurusan kewangan dan pentadbiran kepada guru besar/guru di SA Gred C serta Pembantu Tadbir.

7. SISTEM ELEKTRONIK PELESENAN

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Sistem Elektronik Pelesenan (e-LESEN) adalah salah satu daripada aplikasi sistem yang dibangunkan dalam Projek *Johore e-Government* (JEG) Fasa II pada tahun 2007. Matlamat pembangunan e-LESEN ini adalah bertujuan untuk menggantikan proses kerja manual yang sedang diguna pakai dalam aktiviti pentadbiran serta pengurusan lesen dan permit di Pejabat Daerah, Negeri Johor. Sistem ini juga merangkumi semua proses aktiviti bermula daripada permohonan lesen sehingga lesen dikeluarkan serta aktiviti penerimaan aduan, penguatkuasaan dan tindakan lesen/permit. Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor (USTICT) bertanggungjawab mengurus dan menyelaras pembangunan dan pelaksanaan e-LESEN serta menyenggara sistem aplikasi dan peralatan komputer bagi semua Pejabat Daerah di Negeri Johor.

7.1.2. Pembangunan sistem ini merangkumi 5 modul aplikasi sistem elektronik pelesenan dan rangkaian sistem komputer yang menghubungkan USTICT dengan semua Pejabat Daerah. Modul e-LESEN yang dibangunkan adalah Modul Kaunter, Modul Proses Kerja, Modul Aduan dan Penguatkuasaan, Modul Laporan serta Modul Pentadbiran Sistem. Perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan vendor termasuklah juga untuk membekal, memasang, membangun, menguji, melatih, melaksana dan menyenggara perkakasan, perisian komputer dan aplikasi e-LESEN yang bernilai RM1.80 juta seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Kos Keseluruhan Pembangunan e-LESEN

Komponen e-LESEN	Jumlah (RM Juta)
Pembangunan e-LESEN	1.50
Perkakasan Aplikasi e-LESEN	0.14
Perkakasan *Workstation*	0.09
Perisian Aplikasi	0.03
Latihan	0.04
Jumlah	**1.80**

Sumber: Surat Perjanjian Projek JEG Fasa II

7.1.3. Matlamat pembangunan e-LESEN adalah untuk mengautomasikan proses pengurusan dan pentadbiran lesen di Pejabat Daerah, memudahkan urusan pemantauan dan penguatkuasaan dalam proses mengawal aktiviti premis yang tidak berlesen dan menyediakan satu platform komunikasi yang stabil dan mudah untuk proses perkongsian maklumat jabatan dengan entiti berkaitan.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada e-LESEN telah dibangunkan dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memenuhi matlamat yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pembangunan sistem, kawalan am serta pelaksanaan e-LESEN bagi tahun 2008 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di USTICT, Pejabat Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen, fail, laporan dan sebagainya yang berkaitan dengan e-LESEN serta menjalankan ujian *walk-through* untuk menguji ketepatan, kesempurnaan dan kemunasabahan data. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai/kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tugas-tugas berkaitan turut diadakan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pembangunan e-LESEN adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- e-LESEN masih belum dapat dilancarkan selepas 4 tahun dilaksanakan.
- Kadar lesen yang tidak sama menjadi faktor utama data lesen tidak dapat diproses melalui e-LESEN dan menyumbang kepada kemasukan data yang tidak optimum di Pejabat Daerah.
- Penyelarasan bagi menentukan kadar lesen yang seragam bagi semua daerah masih belum dimuktamadkan.
- Kekurangan latihan kepada pegawai baru.
- Kelemahan dari aspek capaian pengguna yang boleh menjejaskan keselamatan dan integriti data.

7.4.1. Pembangunan e-LESEN

7.4.1.1. Prestasi Pembangunan e-LESEN Yang Kurang Memuaskan

a. Mengikut jadual pelaksanaan projek asal yang termaktub di dalam perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri Johor dengan vendor pada bulan Februari 2008, pembangunan sistem sepatutnya dijadualkan siap pada bulan Disember 2007. Bagaimanapun, e-LESEN masih belum dapat dilancarkan sehingga pengauditan selesai dilaksanakan. Prestasi keseluruhan pembangunan e-LESEN adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Ringkasan Kemajuan Pembangunan e-LESEN

Bil.	Aktiviti	Tarikh Mula (Perjanjian)	Tarikh Sepatut Siap (Perjanjian)	Tarikh Mula Sebenar	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan Siap (Hari)
1.	Kumpul Maklumat Keperluan	5.4.2007	25.7.2007	5.4.2007	18.12.2007	147
2.	*Develop and Deploy*	1.6.2007	13.12.2007	27.6.2007	13.5.2011	1,245
3.	Pembangunan Sistem	27.6.2007	9.11.2007	27.6.2007	13.5.2008	295
4.	Ujian Penerimaan Pengguna	24.8.2007	14.11.2007	7.2.2008	15.12.2008	400
5.	Menjalankan Ujian Penerimaan Pengguna	14.11.2007	28.11.2007	11.2.2008	14.8.2008	286
6.	*Deploy For Going Live*	28.11.2007	4.12.2007	15.12.2008	13.3.2009	384
7.	*Perform Cutover Activities*	5.12.2007	12.12.2007	16.3.2009	13.5.2010	881
8.	*Go Live*	12.12.2007	13.12.2007	14.5.2010	14.5.2010	1,631 (Setakat 31.5.2012)
9.	Waranti (1 Tahun)				13.5.2011	

Sumber: Surat Perjanjian Projek JEG Fasa II

b. Kelewatan pembangunan projek ini antara lainnya adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

i. Kelewatan Memulakan Aktiviti-Aktiviti Yang Dijadualkan

Mengikut perjanjian, aktiviti kajian keperluan pengguna bermula pada 5 April 2007 dan siap pada 25 Julai 2007 tetapi tarikh sebenar siap adalah pada 18 Disember 2007 iaitu lewat selama 147 hari. Kelewatan ini disebabkan pihak vendor mengalami kekurangan tenaga kerja untuk menjalankan kajian tersebut dan ini telah menjejaskan kelicinan pelaksanaan aktiviti-aktiviti seterusnya.

ii. Kelewatan Pembangunan Sistem

Pembangunan sistem mengambil masa yang lebih lama daripada yang dijangkakan iaitu selama 41 bulan. Mengikut perjanjian, tarikh sepatutnya siap adalah pada 13 Disember 2007 manakala tarikh yang sebenar adalah pada 13 Mei 2011. Kelewatan ini adalah kerana pihak vendor memerlukan lebih masa untuk mengemaskini dan menambahbaik modul e-LESEN untuk menepati kehendak pengguna. Ini berpunca daripada tempoh masa yang diambil bagi melaksanakan kajian keperluan pengguna oleh pihak vendor adalah terlalu singkat iaitu sehari bagi setiap daerah dan banyak keperluan pengguna tidak diambil kira.

iii. Sistem Masih Belum *Go Live*

Mengikut perjanjian, tarikh sistem sepatutnya dilancarkan pada 12 Disember 2007. Bagaimanapun tarikh tersebut telah dipinda kepada 14 Mei 2010. Namun demikian sehingga 31 Mei 2012 e-LESEN masih belum dilancarkan iaitu lewat selama 1,631 hari (54 bulan). Kelewatan sistem *Go Live* adalah disebabkan masalah untuk menyeragamkan kadar-kadar lesen di semua daerah.

c. Berdasarkan maklum balas daripada USTICT bertarikh 29 Jun 2012, kelewatan adalah berpunca daripada perubahan keperluan dan kehendak pengguna yang kerap menyebabkan Ujian Keperluan Pengguna (UAT) dilaksanakan sebanyak 5 kali di samping kesukaran untuk mendapatkan tarikh perbincangan isu kadar lesen.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pembangunan sistem ini adalah kurang memuaskan kerana kajian keperluan pengguna yang tidak menyeluruh menyebabkan pembangunan sistem lewat dilaksanakan. Selain itu, penyeragaman kadar lesen yang masih belum diputuskan menyebabkan sistem tidak dapat *Go Live*.

7.4.2. Pelaksanaan e-LESEN

7.4.2.1. Prestasi Kemasukan Data Tidak Optimum

a. Sistem e-LESEN telah digunakan secara dalaman mulai bulan Disember 2009. Pada bulan Jun 2010 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Pengurusan (SUKJ) telah memberi arahan kepada semua Pejabat Daerah menggunakan e-LESEN bagi semua urusan pendaftaran lesen. Semakan Audit di Pejabat Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang mendapati Pegawai Lesen di Pejabat Daerah hanya memasukkan maklumat pendaftaran pelesen sahaja. Sebanyak 915 data pendaftaran pelesen atau 58.9% daripada 1,553 data pendaftaran pelesen yang dikunci masuk dalam tahun 2009 manakala dalam tahun 2010 sebanyak 1,146 atau 69.4% daripada 1,650 data pendaftaran pelesen dan sehingga November 2011 sebanyak 366 atau 20.8% daripada 1,758 data pendaftaran pelesen yang dikunci masuk. Semakan lanjut mendapati penurunan yang mendadak bagi kemasukan data pendaftaran pelesen Pejabat Daerah Johor Bahru pada tahun 2011 iaitu 196 pelesen atau 14% daripada 1,398 pelesen yang dikunci masuk. Keadaan ini adalah disebabkan proses kemasukan data pendaftaran pelesen diberhentikan untuk menunggu keputusan Kerajaan Negeri menyeragamkan kadar lesen. Prestasi kemasukan data pelesen bagi tahun 2009 hingga 2011 di Pejabat Daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Kluang adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Kemasukan Data Pelesen Di Pejabat Daerah Johor Bahru, Batu Pahat Dan Kluang Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Pejabat Daerah	Statistik Kemasukan Data Pelesen								
	2009			2010			2011		
	Jumlah Data			Jumlah Data			Jumlah Data		
	Pelesen	Kunci Masuk	%	Pelesen	Kunci Masuk	%	Pelesen	Kunci Masuk	%
Johor Bahru	1279	894	69.8	1323	940	71.0	1398	196	14.0
Batu Pahat	83	3	3.6	117	2	1.7	148	44	29.7
Kluang	191	18	8.9	210	204	97.1	212	126	59.4
Jumlah	**1553**	**915**	**58.9**	**1650**	**1146**	**69.4**	**1758**	**366**	**20.8**

Sumber: Laporan USTICT

b. Kemasukan data yang tidak sepenuhnya adalah disebabkan perbezaan pendapat di antara beberapa Pejabat Daerah semasa mengenakan kadar lesen dan tempoh lesen yang berbeza. Antara kadar yang menjadi pertikaian adalah kadar lesen pengusaha karaoke di mana terdapat Pejabat Daerah yang mengenakan kadar ke atas setiap bilik karaoke dalam satu premis manakala ada Pejabat Daerah yang lain pula mengenakan kadar bagi sebuah premis sahaja walaupun terdapat beberapa bilik karaoke di dalam premis tersebut. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada bulan Ogos 2011 telah meluluskan penyelarasan kadar bayaran lesen di Pejabat Daerah Negeri Johor dan mengarahkan semua Pejabat Daerah menggunakan kadar yang sama dan tempoh lesen daripada 6 bulan kepada setahun. Bagaimanapun, pada bulan Disember 2011 Pejabat SUKJ telah mengarahkan supaya arahan ini ditarik balik. Ini menyebabkan bayaran lesen yang telah dibuat untuk tempoh setahun tidak dapat dimasukkan ke dalam sistem yang hanya memprogramkan bayaran untuk tempoh 6 bulan.

7.4.2.2. Sistem e-LESEN Belum Dapat Digunakan Sepenuhnya

Objektif utama pembangunan e-LESEN adalah untuk mengautomasikan proses pengurusan dan pentadbiran lesen, memudahkan urusan penguatkuasaan dalam proses mengawal aktiviti premis yang tidak berlesen. Sistem ini juga mampu menyokong proses pemantauan dan proses peningkatan hasil kerajaan serta menyediakan satu platform komunikasi yang stabil dan mudah untuk proses perkongsian maklumat jabatan dengan entiti berkaitan. Semakan Audit mendapati objektif e-LESEN masih belum dapat dicapai kerana e-LESEN belum dapat digunakan sepenuhnya kerana kelemahan seperti berikut:

a. Kelulusan permohonan Lesen Hiburan yang terlalu lewat diperoleh daripada Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri Johor (KKDN) telah menyebabkan Lesen Sementara dikeluarkan kepada pelesen di mana tempoh Lesen Sementara tersebut adalah berbeza bagi setiap Pejabat Daerah.

b. Di Pejabat Daerah Kluang terdapat bayaran Lesen Sementara secara bulanan sedangkan di dalam e-LESEN tempoh untuk Lesen Sementara hanya diprogramkan 3 bulan. Ini menyebabkan lesen tersebut tidak boleh diproses melalui sistem dan dibuat secara manual.

7.4.2.3. Kawalan Am

Kawalan Am adalah penting terhadap pembangunan sesebuah sistem dan merupakan kawalan ke atas pemprosesan komputer yang merangkumi prosedur secara manual yang diprogramkan. Kawalan Am Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) dapat memberi jaminan yang munasabah ke atas pencapaian objektif kawalan dalaman. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kawalan Perubahan Sistem

Kawalan Perubahan Sistem perlu diwujudkan untuk memastikan kesahihan perubahan sistem terjamin. Ini termasuk penetapan prosedur bagi meluluskan sebarang perubahan yang dijalankan. Pihak Audit mendapati Kawalan Perubahan Sistem adalah baik di mana setiap permohonan perubahan (*change request)* diluluskan mengikut prosedur yang ditetapkan.

b. Kawalan Operasi Dan Capaian

Kawalan Operasi dan Capaian perlu diwujudkan bagi memastikan had capaian pegawai terhadap sistem atau program terkawal. Ia juga penting bagi mengelakkan pengubahsuaian terhadap sistem tanpa kelulusan. Semakan Audit mendapati USTICT telah menyediakan Dasar Keselamatan ICT yang meliputi had kuasa capaian pengguna, kata laluan dan kawalan keselamatan teknologi maklumat. Bagaimanapun, terdapat kelemahan berkaitan kawalan capaian di e-LESEN seperti berikut:

i. ID Pengguna yang ditetapkan hendaklah mempunyai ciri-ciri yang unik untuk setiap pengguna, manakala kata laluan perlu mempunyai kombinasi *alphanumeric* untuk memperkukuhkan kata laluan tersebut. Ini adalah untuk memastikan ada kawalan keselamatan dalam ID Pengguna dan kata laluan yang diwujudkan agar dapat mengurangkan risiko berlakunya pencerobohan terhadap sistem. Pertukaran kata laluan semasa *login* kali pertama atau selepas kata laluan diset semula perlu dikuatkuasakan dan kata laluan perlu ditukar setiap 6 bulan. Semakan Audit mendapati, dasar keselamatan yang telah ditetapkan tidak dipatuhi kerana ID dan kata laluan tidak unik dan kata laluan bagi 10 pegawai tidak ditukar semasa *login* kali pertama dan 4 pegawai yang baru hanya sekali sahaja menukar kata laluan sejak sistem dibangunkan. Maklumat berkenaan adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Kekerapan Pengguna e-LESEN Menukar Kata Laluan

Daerah	Jumlah Pengguna Tidak Pernah Menukar Kata Laluan	Jumlah Pengguna Menukar Kata Laluan (Sekali Sahaja)	Jumlah Pengguna
Batu Pahat	4	3	7
Johor Bahru	3	1	4
Kluang	3	-	3
Jumlah	**10**	**4**	**14**

Sumber: USTICT

ii. ID pengguna perlu ditentukan tempoh sahnya. Bagi pegawai yang telah bertukar atau bersara ID pengguna hendaklah seberapa segera dijadikan tidak aktif. Semakan Audit terhadap rekod ID pengguna di Pejabat Daerah Batu Pahat, Johor Bahru dan Kluang mendapati ID 2 orang pegawai yang telah bertukar atau bersara masih wujud di Pejabat Daerah Batu Pahat, seorang di Pejabat Daerah Johor Bahru dan seorang lagi di Pejabat Daerah Kluang. Keadaan ini disebabkan Pejabat Daerah tidak memaklumkan kepada Pentadbir Sistem mengenai pertukaran, persaraan pegawai atau pegawai yang baru bertukar ke pejabat tersebut untuk tujuan pengemaskinian dan tindakan mengeluarkan ID berkenaan daripada sistem.

7.4.2.4. Kelemahan Modul e-LESEN

Semakan Audit ke atas 2 modul iaitu Modul Proses Kerja serta Modul Aduan dan Penguatkuasaan e-LESEN telah dijalankan untuk menentukan kepatuhan terhadap proses yang telah didokumenkan untuk menguji ketepatan, kesempurnaan data yang munasabah serta untuk menentukan tahap kebolehpercayaan terhadap sistem. Hasil semakan audit terhadap kedua-dua modul ini mendapati:

a. Di Pejabat Daerah Kluang, Lesen Karaoke yang dikenakan kepada pengusaha adalah RM10 sehari. Semakan Audit mendapati e-LESEN merekodkan terimaan Lesen Karaoke sejumlah RM1,820 bagi urusniaga bagi tempoh 4 Januari hingga 30 Jun 2011, sedangkan mengikut perkiraan secara manual bayaran yang sepatutnya diterima oleh Pejabat adalah berjumlah RM1,780. Perbezaan ini adalah disebabkan sistem telah mengambil kira sebagai 30 hari yang mana sepatutnya 28 hari bagi lesen bermula pada 4 Januari 2011 sehingga 31 Januari 2011. Selain itu, sistem telah mengambil kira 30 hari bagi bulan Februari yang sepatutnya 28 hari. Ini mengakibatkan pengiraan kadar lesen yang salah dan pelesen dikenakan bayaran yang lebih.

b. Data atau maklumat dalam sistem perlu tepat dan boleh dipercayai. Pegawai Lesen telah memasukkan maklumat Kategori Muzik/*Live Band* di dalam modul proses kerja tetapi di dalam sub menu bayaran memaparkan kategori Bayaran Lesen Arak. Ini menunjukkan kawalan proses di dalam modul ini tidak konsisten yang mana data yang diproses adalah tidak tepat kerana maklumat yang dipaparkan tidak seperti

maklumat yang dimasukkan seperti di **Paparan Komputer 7.1** dan **Paparan Komputer 7.2**.

Paparan Komputer 7.1



Sumber: Paparan Skrin e-LESEN

Paparan Komputer 7.2



Sumber: Paparan Skrin e-LESEN

c. Modul Aduan dan Penguatkuasaan dibangunkan bertujuan untuk memudahkan urusan penguatkuasaan dalam proses mengawal aktiviti premis yang tidak berlesen. Mengikut Seksyen 11(2) Enakmen No.4 Tahun 1998 - Enakmen Hiburan dan tempat-tempat Hiburan 1998, mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya. Seksyen 33 pula memperuntukkan, Pegawai Pelesen boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini sejumlah wang yang tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum. Semakan Audit mendapati modul ini tidak lengkap kerana medan kompaun tidak diambil kira semasa pembangunan sistem ini

dan menyebabkan setiap kompaun yang dikenakan tidak boleh diambil kira melalui e-LESEN dan dibuat secara manual.

d. **Maklum balas USTICT bertarikh 29 Jun 2012 menjelaskan bahawa vendor telah mengambil tindakan memperbetulkan ralat yang terdapat di modul tersebut pada bulan Jun 2012. Setelah teguran Audit, SUKJ bersetuju untuk mewujudkan Modul Kompaun dalam e-LESEN.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan e-LESEN masih belum stabil, yang menyebabkan pengurusan lesen secara elektronik tidak dapat dibuat sepenuhnya. Kawalan pemprosesan perlu diberi penekanan dan penambahbaikan supaya maklumat yang dimasukkan adalah konsisten di dalam modul ini.

7.4.3. Pemindahan Teknologi

7.4.3.1. Pemindahan teknologi bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada personel agensi mengenai proses, perisian, aplikasi, perkakasan atau peralatan baru. Ini adalah penting bagi memastikan personel agensi mendapat pengetahuan yang secukupnya dan membolehkannya menyenggara sistem aplikasi selepas tempoh waranti tanpa bergantung pada vendor. Tempoh program perlulah mencukupi dan bersesuaian dengan kompleksiti projek tersebut. Dua orang pegawai daripada USTICT telah dilantik sebagai Pentadbir Sistem untuk mengendalikan dan menyenggara e-LESEN sepenuhnya setelah sistem ini diserahkan oleh vendor. Semakan Audit mendapati pemindahan teknologi yang telah dijalankan secara latihan selama 4 hari iaitu pada 18 hingga 21 September 2007 adalah tidak mencukupi di mana sepatutnya pemindahan teknologi ini merupakan *on going process* iaitu daripada permulaan projek sehinggalah projek tersebut siap. Sebagai Pentadbir Sistem yang terlatih, ia boleh *extract* data apabila diperlukan oleh Audit tetapi sehingga ke tarikh laporan, data tersebut masih belum diperoleh kerana menunggu tindakan daripada vendor.

7.4.3.2. Latihan kepada pengguna juga telah pun diberikan oleh vendor pada tahun 2009. Bagaimanapun, terdapat juga pegawai yang telah menghadiri kursus ditukarkan ke bahagian lain atau bersara. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini USTICT telah melaksanakan sesi latihan semula (*retraining*) bagi melatih pengguna sedia ada dan baru terhadap penggunaan sistem supaya penggunaan sistem dapat diteruskan dan dipertingkatkan pada masa hadapan. Latihan tersebut telah diadakan pada 24 Mei 2011 dan 25 Mei 2011 yang melibatkan kos sebanyak RM3,180.

Pada pendapat Audit, pemindahan teknologi daripada vendor kepada Pentadbir Sistem e-LESEN masih belum mencukupi kerana Pentadbir Sistem masih bergantung kepada vendor dalam urusan muat turun data. Manakala latihan berkaitan proses kerja e-LESEN kepada pengguna di Pejabat Daerah masih diberikan oleh vendor dan bukan Pentadbir Sistem.

7.4.4. Pemantauan Projek

7.4.4.1. Pemantauan terhadap pembangunan sistem perlu dilaksanakan di peringkat USTICT dan juga Pejabat Daerah bagi memastikan e-LESEN berfungsi dengan berkesan dan mencapai objektifnya. Selain itu, penambahbaikan terhadap sistem yang selaras dengan keperluan semasa dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Semakan Audit mendapati, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang diwujudkan bagi memantau pelaksanaan e-LESEN tidak bermesyuarat secara khusus berdasarkan kekerapan dan keanggotaan jawatankuasa yang berkaitan. Bagaimanapun mesyuarat mengenai penyelarasan e-LESEN telah diadakan bermula dari tempoh e-LESEN dicadangkan sehingga kini. Berikut adalah bilangan Mesyuarat Pelarasan e-LESEN bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011 seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Mesyuarat Penyelarasan e-LESEN Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Tarikh	Agenda Mesyuarat	Kehadiran	Keputusan
1.	10.10.2007	Perbincangan mengenai isu yang tidak selaras	SUKJ USTICT Vendor Pejabat Daerah	i) Persetujuan untuk mengadakan wang amanah bagi permit hiburan. ii) Persetujuan pengeluaran lesen hiburan sementara di semua Pejabat Daerah. iii) Penyelarasan Kadar lesen disediakan oleh Penolong Pegawai Daerah Johor Bahru untuk dibawa kepada MMK.
2.	23.12.2009	Perbincangan status e-LESEN, mendapatkan persetujuan SUK Pentadbiran mengenai isu resit dan lesen	SUKJ USTICT Vendor Pejabat Daerah	i) Persetujuan mengenai saiz kertas bagi resit dan lesen adalah bersaiz A4. ii) Isu kadar lesen yang diselaraskan di seluruh Pejabat Daerah telah mendapat kebenaran daripada Menteri Besar.
3.	25.5.2010	Perbincangan tindakan susulan terhadap isu penyelarasan kertas terhadap lesen dan resit bagi e-LESEN serta kadar caj awam	SUKJ USTICT Vendor Pejabat Daerah	i) Persetujuan mengenai kertas resit bersaiz A4 yang ditambah *watermark* Jata Johor. ii) Kertas lesen berwarna putih dengan ketebalan 100 gm juga mempunyai *watermark* Jata Johor. iii) Nombor siri *pre-printed* disediakan berdasarkan daerah.
4.	11.10.2010	Pembentangan status perlaksanaan sistem e-LESEN	SUKJ USTICT Vendor Pejabat Daerah	i) Persetujuan untuk membuka Modul Awam kepada orang ramai pada 1 November 2010.
5.	2.3.2011	Mesyuarat penyelarasan kadar lesen	SUKJ USTICT Vendor Pejabat Daerah	i) Kadar caj yang baru akan dimasukkan ke dalam sistem e-LESEN dan semua Pejabat Daerah akan mengenakan kadar yang sama. ii) Kompaun perlu dimasukkan ke dalam e-LESEN.

Sumber: USTICT

7.4.4.2. Merujuk kepada agenda mesyuarat kebanyakannya membincangkan mengenai persetujuan penggunaan kertas dan penyelarasan kadar lesen bagi setiap Pejabat Daerah. Isu penyelarasan kadar telah dibincangkan dalam tahun 2007 dan berterusan hingga ke tahun 2010, akhirnya penyelarasan kadar lesen telah diluluskan oleh MMK pada bulan Ogos 2011. SUKJ mengarahkan semua Pejabat Daerah menggunakan kadar lesen yang baru. Bagaimanapun kenaikan kadar Lesen Karaoke daripada RM10 sehari bagi satu bilik kepada RM10 sehari bagi satu petak mendapat bantahan pelesen, ini menyebabkan SUKJ pada bulan Disember 2011 mengarahkan Pejabat Daerah mengenakan kadar lama ke atas Lesen Karaoke.

7.4.4.3. Mesyuarat Penyelarasan e-LESEN juga telah memutuskan penggunaan kertas lesen bersaiz A4 yang dilengkapkan dengan *watermark* Jata Johor. Selanjutnya, SUKJ telah memberi arahan supaya mengguna pakai kertas lesen sebagaimana format yang telah ditetapkan pada bulan Jun 2010. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kertas lesen berkenaan masih belum dicetak sehingga kini.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa terlalu lewat untuk membincang dan memutuskan isu lesen yang tidak selaras di semua Pejabat Daerah dan percetakan kertas lesen yang belum dibuat menyebabkan pengurusan lesen melalui e-LESEN tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Keadaan ini menyebabkan e-LESEN tidak dapat dilancarkan sehingga kini walaupun mesyuarat telah memutuskan e-LESEN dibuka kepada orang awam pada awal bulan November 2010.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya semua pihak yang terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan e-LESEN mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

7.5.1. Kajian Pengguna yang dibuat hendaklah mengambil kira keperluan pengguna di setiap Pejabat Daerah. Kesilapan dan kelemahan di dalam modul perlu diperbetulkan untuk menghasilkan maklumat data yang tepat dan kadar lesen dan tempoh lesen di dalam sistem yang tidak seragam perlu dipinda untuk membolehkan semua Pejabat Daerah dapat menggunakan e-LESEN sepenuhnya.

7.5.2. Melaksanakan pengujian secara menyeluruh sebelum sistem digunakan oleh pengguna.

7.5.3. USTICT hendaklah memastikan Pentadbiran Sistem e-LESEN mengambil tindakan untuk mengemaskinikan status ID Pengguna e-LESEN dari semasa ke semasa dan memastikan ID serta kata laluan menepati ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan.

7.5.4. Pihak Pengurusan di Pejabat Daerah perlu melibatkan diri secara langsung ke atas pelaksanaan e-LESEN.

8. PENGURUSAN PENSWASTAAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Majlis Daerah Pontian (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 November 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang meliputi Bandar Pontian, Pekan Nanas, Benut, Kukup, Permas dan Ayer Baloi. Luas kawasan pentadbiran Majlis merangkumi kawasan seluas 19,701 hektar dan kawasan 40 rantai kiri/kanan jalan raya utama di Daerah Pontian. Daripada sejumlah itu, Majlis bertanggungjawab untuk menyediakan penyenggaraan dan perkhidmatan asas yang merangkumi kawasan seluas 1,280 hektar. Manakala bagi kawasan yang lain, kawalan Majlis adalah dari segi pembangunan komersial dan pengeluaran lesen perniagaan. Objektif Majlis adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan pengurusan yang cekap serta berkualiti selain bertanggungjawab untuk menyedia dan mengurus projek pembangunan bagi meningkatkan sosio-ekonomi penduduk. Majlis juga perlu menerokai sumber-sumber baru bagi menambah hasil pendapatan untuk membiayai projek dan aktiviti yang dirancang.

8.1.2. Bagi mencapai objektif tersebut, Majlis telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan projek Penswastaan Pembangunan Komersial (PPK) bersama pihak swasta untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Daerah Pontian. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2011, sebanyak 3 projek PPK telah dimeterai dengan pihak swasta. Majlis mula mengadakan perjanjian PPK dengan pihak swasta pada tahun 2000 untuk menaik taraf Pekan Kukup, Pontian bernilai RM17.55 juta di atas tanah seluas 4.68 ekar di Mukim Serkat dan telah disiapkan pada tahun 2009. Selain itu, perjanjian bagi 2 projek PPK di Jalan Bakek dan Jalan Taib, Pontian telah ditandatangani pada tahun 2004 dan 2009 masing-masing bernilai RM37.28 juta di atas tanah seluas 67,547 meter persegi dan RM10 juta di atas tanah seluas 19,226 meter persegi.

8.1.3. Majlis telah menyediakan 3 bidang tanah di kawasan pentadbiran Majlis bagi melaksanakan ketiga-tiga projek PPK tersebut. Manakala pihak swasta bertanggungjawab menyediakan kewangan sendiri bagi membina kawasan komersial seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Perjanjian yang ditandatangani juga menghendaki pihak swasta memberi pulangan kepada Majlis sama ada dalam bentuk tunai atau *in-kind.* Butiran terperinci 3 projek PPK yang telah dimeterai antara Majlis dan pihak swasta adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Projek Penswastaan Pembangunan Komersial (PPK) Majlis Daerah Pontian

Bil.	Butiran Projek	Tahun Sepatut Mula Projek	Tahun Sepatut Siap Projek	Tahun Siap Sebenar	Kos Projek (RM Juta)	Pulangan Kepada Majlis	
						Tunai (RM Juta)	*In-Kind*
1.	Pembinaan 55 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Atas Lot 1419, Pekan Kukup, Pontian	2000	Oktober 2006	Mac 2009	17.55	-	13 Unit Lot Kedai
2.	Pembinaan Kompleks Komersial 14 Tingkat di Lot 212, PTB 11294 dan PTD 11410, Jalan Bakek, Pontian	2004	Februari 2007	Belum Siap Sepenuhnya	37.28	3.50	-
3.	Pembangunan Komersial 4 Tingkat Di Atas Lot PTD 11738, Lot 376 dan Lot 396, Jalan Taib, Pontian	2009	September 2011	Belum Bermula	10.00	-	11 Unit Lot Kedai

Sumber: Dokumen Perjanjian Majlis Daerah Pontian

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Penswastaan Pembangunan Komersial (PPK) telah dilaksanakan dengan teratur dan memberi pulangan yang setimpal kepada Majlis.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.3.1. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Penswastaan Pembangunan Komersial di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian daripada penerimaan cadangan penswastaan sehingga pelaksanaan projek bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Sebanyak 3 projek Penswastaan Pembangunan Komersial dinilai iaitu Pembinaan 55 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat di Pekan Kukup, Pontian (PPK Pekan Kukup), Pembinaan Kompleks Komersial 14 Tingkat di Jalan Bakek, Pontian (PPK Jalan Bakek) dan Pembangunan Komersial 4 Tingkat di Jalan Taib, Pontian (PPK Jalan Taib).

8.3.2. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail projek PPK berkaitan dengan perancangan projek penswastaan, dokumen perjanjian, rekod kewangan dan dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan ke tapak dilakukan bagi meninjau dan menilai prestasi dan kualiti projek yang dibangunkan.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan PPK adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi pelaksanaan projek oleh pihak swasta tidak memuaskan.
- Pulangan projek penswastaan kepada Majlis tidak setimpal.
- Kepentingan Majlis tidak dilindungi.
- Pengurusan pemprosesan cadangan penswastaan tidak teratur.

8.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek Tidak Memuaskan

8.4.1.1. Projek PPK Pekan Kukup Lewat Siap

a. Projek PPK Pekan Kukup merupakan projek pembinaan 55 unit kedai pejabat 3 tingkat yang dibina di atas Lot 1419, Pekan Kukup, Pontian yang sepatutnya bermula pada tahun 2000 seperti yang dijadualkan dalam perjanjian yang ditandatangani pada 4 Januari 2002. Projek tersebut terdiri daripada 4 blok bangunan kedai iaitu Blok A, B, dan C masing-masing mempunyai 13 unit kedai manakala Blok D mempunyai 16 unit kedai. Bagaimanapun, projek yang dilaksanakan oleh syarikat pemaju yang sepatutnya siap pada bulan Oktober 2006 dengan lanjutan masa sebanyak 2 kali hanya disiapkan pada bulan Mac 2009. Semakan Audit mendapati syarikat pemaju telah diberikan tempoh lanjutan masa pertama selama 12 bulan sehingga 30 Disember 2003 tetapi projek gagal disiapkan dalam tempoh lanjutan tersebut. Laporan kemajuan kerja yang disediakan oleh pemaju tidak menyatakan status siap kerja dengan jelas. Selain itu, tiada sebarang permohonan lanjutan masa yang diluluskan oleh Majlis selepas tempoh lanjutan masa pertama tamat.

b. Pada bulan Disember 2005, syarikat pemaju membuat permohonan lanjutan masa kedua untuk menyiapkan projek Blok A dan Blok B sehingga bulan Mac 2006 manakala Blok C dan D sehingga bulan Oktober 2006. Laporan Kemajuan Projek bertarikh 12 Disember 2006 menunjukkan Blok A dan B telah pun siap manakala Blok C dan Blok D masing-masing hanya siap 54% dan 93%. Bagaimanapun, Blok A dan B hanya mendapat Sijil Layak Menduduki Bangunan pada bulan September 2006 manakala Blok C dan D pada bulan Mac 2009 dengan kelewatan masing-masing selama 6 dan 28 bulan. Pihak Audit mendapati sepanjang 4 tahun projek dilaksanakan, hanya 2 laporan kemajuan kerja projek dikemukakan kepada Majlis. Pelaksanaan projek ini lewat disiapkan walaupun pelanjutan masa diberikan kerana pihak pemaju mengalami masalah kewangan. Kelewatan ini menyebabkan Majlis tidak dapat mengenakan cukai taksiran bagi tahun 2007 dan 2008 yang dianggarkan berjumlah RM95,385. Butiran terperinci anggaran cukai taksiran yang tidak dapat dikenakan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Hasil Cukai Taksiran Bagi Projek PPK Pekan Kukup Yang Tidak Dapat Dikenakan Bagi Tahun 2007 Dan 2008

Bil.	Blok	Cukai Taksiran Yang Patut Dikenakan (RM)		Cukai Taksiran Yang Dibayar (RM)		Kehilangan Hasil (RM)
		2007	2008	2007	2008	
1.	Blok A	11,694	11,694	-	5,847	17,541
2.	Blok B	11,694	11,694	-	-	23,388
3.	Blok C	11,706	11,706	-	-	23,412
4.	Blok D	15,522	15,522	-	-	31,044
Jumlah		**50,616**	**50,616**	**-**	**5,847**	**95,385**

Sumber: Bahagian Penilaian Majlis Daerah Pontian

c. **Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Majlis Daerah Pontian bertarikh 15 Mac 2012, pembinaan tertangguh disebabkan pemindahan 5 unit rumah setinggan dan pemberian pampasan lewat diselesaikan. Pemindahan setinggan hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh pemaju pada April 2002 dengan memberi pampasan sejumlah RM14,200 bagi setiap unit rumah setinggan.**

8.4.1.2. Projek PPK Jalan Bakek Belum Siap

a. Majlis telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan pihak swasta bagi membangunkan Projek PPK Jalan Bakek, Pontian untuk membina bangunan 14 tingkat pada 22 Disember 2003 yang telah diluluskan melalui Mesyuarat Penuh Majlis pada 30 Januari 2003. Kompleks komersial tersebut terdiri daripada 3 tingkat bangunan kedai, 2 tingkat tempat letak kereta, 6 tingkat hotel dan 3 tingkat pangsapuri. Projek sepatutnya disiapkan dalam tempoh 38 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani iaitu pada bulan Februari 2007. Daripada keseluruhan projek, hanya 3 tingkat bangunan kedai dan satu tingkat tempat letak kereta yang disiapkan oleh pemaju. Semakan Audit mendapati aktiviti perniagaan telah mula beroperasi tanpa kebenaran Majlis pada bulan Februari 2007 walaupun projek PPK belum siap sepenuhnya dan Sijil Kelayakan Menduduki belum diperolehi. Tiada permohonan lanjutan masa daripada syarikat pemaju untuk menyiapkan projek PPK tersebut dan tiada kerja-kerja pembangunan dibuat terhadap baki komponen projek yang belum siap. Butiran ringkas mengenai komponen projek PPK Jalan Bakek, Pontian yang masih belum disiapkan adalah seperti di **Jadual 8.3**. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2011 mendapati projek PPK Jalan Bakek, Pontian masih belum siap mengikut perancangan dan pelan yang diluluskan seperti di **Gambar 8.1**.

Jadual 8.3
Komponen Projek PPK Jalan Bakek, Pontian Yang Masih Belum Siap

Bil.	Lantai	Komponen	Anggaran Perbelanjaan (RM Juta)
1.	Lantai 4	Tempat Letak Kereta *Banquet Room* Pejabat	0.82 1.60 0.12
2.	Lantai 5	Lobi Hotel dan Fasiliti	3.52
3.	Lantai 6 – 10	Hotel Dan Bilik Kakitangan	5.80
4.	Lantai 11 – 13	Pangsapuri	3.85
Jumlah			**15.71**

Sumber: Dokumen Perjanjian Pembangunan Projek PPK Jalan Bakek, Pontian

Gambar 8.1
Keadaan Lantai Tingkat 3 Yang Terbengkalai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Jalan Bakek, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Jalan Bakek, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

b. Mengikut perancangan dan pelan projek yang diluluskan, syarikat pemaju perlu menyediakan 2 tingkat tempat letak kereta iaitu di tingkat 3 dan 4. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2011 mendapati syarikat pemaju hanya menyiapkan satu tingkat tempat letak kereta di tingkat 3 yang mampu menempatkan 90 unit kenderaan dalam satu masa. Bagaimanapun, ruangan tempat letak kereta yang disediakan kurang sempurna dan selamat untuk digunakan kerana kedudukan tangga untuk ke tempat letak kereta gelap kerana ketiadaan lampu. Cerucuk besi turut digenangi air apabila hujan dan ini meningkatkan risiko kemalangan. Selain itu, cerucuk besi akan berkarat dan menjejaskan kekuatan besi tersebut jika dibiarkan lebih lama. **Gambar 8.2** menunjukkan kawasan tempat letak kereta di tingkat 3 yang disediakan oleh syarikat pemaju.

Gambar 8.2
Kawasan Tempat Letak Kereta
Di Tingkat 3

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Jalan Bakek, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

c. Projek PPK Jalan Bakek tidak dapat disiapkan sepenuhnya kerana syarikat pemaju tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Akibatnya, bangunan yang sepatutnya dibina setinggi 14 tingkat hanya mampu disiapkan setakat 4 tingkat sahaja. Keadaan bangunan yang tidak siap sepenuhnya telah mencacatkan pemandangan bandar Pontian. Sehubungan itu, pihak pemaju telah menyerahkan pelaksanaan baki projek kepada pihak ketiga bagi meneruskan projek yang terbengkalai tanpa pengetahuan Majlis. Bagaimanapun **mengikut maklum balas daripada Majlis bertarikh 15 Mac 2012, pihak ketiga tersebut akan berunding dengan Majlis untuk meneruskan projek melalui satu perjanjian yang berasingan.** Semakan Audit mendapati sehingga bulan Februari 2012 perjanjian tersebut masih belum ditandatangani.

8.4.1.3. Projek PPK Jalan Taib, Pontian Belum Dimulakan

a. Majlis juga telah menandatangani satu projek penswastaan dengan pemaju untuk membangunkan 4 tingkat kompleks komersial di Jalan Taib pada bulan Januari 2009. Tapak projek sedia ada mengandungi 2 blok gerai iaitu satu blok terdiri daripada 11 gerai kepunyaan Majlis dan satu blok lagi terdiri daripada 11 gerai di bawah kelolaan individu persendirian. Projek sepatutnya disiapkan dalam tempoh 30 bulan selepas semua kelulusan dengan agensi berkaitan diterima. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2011 projek masih belum dimulakan dan peniaga asal di tapak projek masih beroperasi seperti biasa. Kelewatan projek ini dibangunkan adalah disebabkan syarikat pemaju mengambil masa yang lama untuk mematuhi kehendak Indah Water Konsortium (IWK) bagi menyediakan pelan loji rawatan kumbahan persendirian. Semakan Audit mendapati permohonan kelulusan pelan dihantar kepada pihak IWK pada bulan Julai 2009. Bagaimanapun, kelulusan daripada IWK hanya diperolehi pada bulan Mei 2011. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2011 mendapati, kedua-dua blok gerai masih lagi beroperasi dan projek untuk membangunkan PPK Jalan Taib, Pontian masih belum dimulakan walaupun kelulusan pelan daripada IWK telah diperolehi. Pemaju ada memohon perlanjutan tempoh masa pelaksanaan projek sehingga tahun 2014 melalui surat bertarikh 20 Mei 2011. Bagaimanapun, tiada maklum balas yang diputuskan oleh pihak Majlis bagi memulakan projek ini.

b. Selain itu, kegagalan syarikat pemaju untuk memindahkan penyewa gerai Majlis yang masih beroperasi di kawasan tersebut ke tapak sementara juga menjadi salah satu faktor kelewatan projek dimulakan. Sekiranya projek masih tidak disiapkan, ini akan mengakibatkan anggaran tambahan pendapatan daripada penyewaan lot kedai Majlis dan hasil cukai berjumlah RM0.14 juta setahun tidak dapat diterima oleh Majlis seperti yang diperincikan di **Jadual 8.4**. **Gambar 8.3** dan **Gambar 8.4** menunjukkan gerai yang masih beroperasi di tapak cadangan projek PPK Jalan Taib, Pontian.

Jadual 8.4
Anggaran Hasil Pendapatan Tambahan Majlis Daripada Projek PPK Jalan Taib, Pontian

Butiran Pendapatan	Kadar Sewaan Setahun (RM)
Hasil Sewaan 11 Unit Lot Kedai Baru	97,356
Hasil Cukai (0.5%) – 10,000,000	50,000
Tolak:	
Hasil Sewaan 11 Unit Gerai Sedia Ada	(7,800)
Jumlah Pendapatan Tambahan Setahun	**139,556**

Sumber: Perjanjian Pembangunan Projek PPK Jalan Taib, Pontian

Gambar 8.3 **Gambar 8.4**
Tapak Gerai Milik Majlis Dan Individu Persendirian Yang Masih Beroperasi Di Tapak PPK Jalan Taib, Pontian

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Gerai Majlis, Jalan Taib, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Gerai Kelolaan Individu Persendirian, Jalan Taib, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

c. **Maklum balas Majlis bertarikh 15 Mac 2012 menyatakan, satu perbincangan telah diadakan di antara Majlis, pemaju dan penyewa gerai. Perbincangan tersebut memutuskan untuk memindahkan peniaga terlibat ke premis sementara. Majlis juga telah mengeluarkan notis supaya peniaga berpindah selewat-lewatnya sehingga 15 Mac 2012. Selain itu, pemaju juga telah menghantar surat permohonan pelanjutan tempoh pelaksanaan projek kepada Majlis pada 23 Februari 2012 untuk kelulusan.**

Pada pendapat Audit pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah oleh pihak Majlis menyebabkan projek tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

8.4.2. Pulangan Projek Penswastaan Kepada Majlis Tidak Setimpal

Tiga syarikat pemaju yang telah menandatangani perjanjian projek penswastaan dengan Majlis bertanggungjawab untuk menyerahkan semua pulangan kepada Majlis mengikut tempoh dan syarat yang telah ditetapkan. Bagi projek PPK Pekan Kukup, perjanjian telah ditandatangani pada 4 Januari 2000. Mengikut perjanjian, pemaju bersetuju membayar pulangan dalam bentuk *in-kind* iaitu 13 unit rumah kedai 3 tingkat bernilai RM6.26 juta. Manakala bagi projek PPK Jalan Bakek, Pontian perjanjian telah ditandatangani pada 22 Disember 2003. Pemaju bersetuju membayar pulangan dalam bentuk tunai berjumlah RM3.5 juta manakala projek PPK Jalan Taib, Pontian, perjanjian telah ditandatangani pada 30 Jan 2009 di mana pihak pemaju bersetuju untuk membayar pulangan kepada Majlis dalam bentuk *in-kind* iaitu 11 unit lot kedai bernilai RM1.95 juta. Semakan Audit terhadap pulangan kepada Majlis bagi projek PPK mendapati perkara-perkara berikut:

8.4.2.1. Projek PPK Pekan Kukup

a. Rumah Kedai Milik Majlis Belum Terjual

i. Majlis telah menerima pulangan penuh 13 unit rumah kedai 3 tingkat yang terletak di tengah-tengah antara blok A, C serta D daripada syarikat pemaju pada tahun 2006. Blok bangunan tersebut terdiri daripada 5 unit lot bumiputera dan 8 unit lot bukan bumiputera yang dianggarkan oleh pemaju bernilai antara RM0.40 juta hingga RM0.65 juta seunit. Butiran terperinci anggaran nilai lot kedai milik Majlis adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Anggaran Nilai Lot Kedai Di Blok B Milik Majlis

Bil.	No. Lot	Jenis Lot	Nilai (RM Juta)
1.	B1654	B	0.54
2.	B1655	B	0.40
3.	B1656	B	0.48
4.	B1657	BB	0.48
5.	B1658	BB	0.48
6.	B1659	BB	0.48
7.	B1660	BB	0.48
8.	B1661	B	0.40
9.	B1662	B	0.40
10.	B1663	BB	0.49
11.	B1664	BB	0.49
12.	B1665	BB	0.49
13.	B1666	BB	0.65
Jumlah Anggaran			**6.26**

Sumber: Anggaran Nilai Syarikat Pemaju
Nota: B - Bumiputera
BB - Bukan Bumiputera

ii. Pihak Audit mendapati kesemua 42 unit rumah kedai 3 tingkat milik pemaju telah berjaya dijual antara RM0.13 juta hingga RM0.74 juta berbanding 13 unit rumah kedai 3 tingkat milik Majlis yang masih belum terjual. Kegagalan pihak Majlis untuk membuat penjualan 13 unit rumah kedai tersebut disebabkan pihak Majlis ingin menjual kesemua 13 unit rumah kedai sekaligus kepada pihak pembeli pada harga pasaran hartanah semasa berbanding pemaju yang menjual mengikut unit atau sebahagian unit. Selain itu, pelantikan agen penjual harta tanah hanya dilakukan oleh Majlis pada tahun 2010 iaitu selepas 4 tahun bangunan Blok B tersebut siap dibina dan diserahkan kepada Majlis. Sehingga kini, pihak Majlis tidak dapat membuat penjualan kedai kerana tiada pembeli yang berminat untuk membeli pada harga yang tinggi selain faktor lokasi dan keadaan bangunan yang tidak diselenggara. Selain itu, tindakan Majlis untuk menjual kedai secara keseluruhan mengakibatkan kedai milik Majlis masih belum terjual. Lawatan Audit ke bangunan rumah kedai Pekan Kukup, Pontian pada bulan Oktober 2011 mendapati sekeliling kawasan rumah kedai adalah dalam keadaan lengang dan berlaku kerosakan seperti retakan di kaki lima bangunan serta besi penutup parit telah hilang seperti di **Gambar 8.5** hingga **Gambar 8.8**. Selepas teguran Audit, pihak Majlis memaklumkan penjualan rumah kedai milik Majlis akan dilaksanakan mengikut unit berbanding penjualan sebelum ini yang menjual secara keseluruhan.

Gambar 8.5
13 Unit Lot Rumah Kedai Milik Majlis Yang Masih Belum Terjual

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Pekan Kukup, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

Gambar 8.6
Kaki Lima Bangunan Yang Retak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Pekan Kukup, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

Gambar 8.7
Besi Penutup Parit Di Kaki Lima Telah Hilang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Pekan Kukup, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

Gambar 8.8
Keadaan Parit Yang Terdedah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek PPK Pekan Kukup, Pontian
Tarikh: 19 Oktober 2011

b. Harga Tawaran Jualan Rendah Berbanding Nilai Harta

i. Nilaian hartanah yang dianggarkan oleh pemaju ketika perjanjian ditandatangani adalah berjumlah RM6.02 juta manakala nilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Johor pada 24 Disember 2008 berjumlah RM6.64 juta. Majlis telah melantik 4 ejen hartanah yang berkelayakan bagi menjual 13 unit rumah kedai 3 tingkat milik Majlis pada bulan Februari 2010. Adalah didapati nilaian pasaran yang dibuat oleh penilai swasta yang dilantik oleh Majlis (berdasarkan lot antarabangsa) berjumlah RM5.39 juta jika dijual secara berasingan dan RM5.07 juta jika dijual secara berkelompok. Harga nilaian jualan semasa yang dibuat oleh penilai swasta adalah lebih rendah berjumlah antara RM0.63 juta hingga RM1 juta atau 10% hingga 17% jika dijual berasingan dan antara RM1.25 juta hingga RM1.62 juta atau 19% hingga 24% jika dijual secara berkelompok berbanding nilai anggaran harta ketika perjanjian ditandatangani oleh syarikat dan nilaian JPPH. Butiran lanjut nilaian harta oleh penilai swasta adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Nilaian Harta Oleh Penilai Swasta

Bil.	No. Lot	Nilai Pasaran Individu (RM Juta)	Nilai Pasaran Jualan Berkelompok (RM Juta)
1.	B1654	0.55	0.50
2.	B1655	0.39	0.37
3.	B1656	0.39	0.37
4.	B1657	0.39	0.37
5.	B1658	0.39	0.37
6.	B1659	0.39	0.37
7.	B1660	0.39	0.37
8.	B1661	0.39	0.37
9.	B1662	0.39	0.37
10.	B1663	0.39	0.37
11.	B1664	0.39	0.37
12.	B1665	0.39	0.37
13.	B1666	0.55	0.50
Jumlah Keseluruhan		**5.39**	**5.07**

Sumber: Anggaran Nilai Yang Dibuat Oleh Ejen Hartanah

ii. Semakan Audit mendapati, surat setuju terima telah dikeluarkan oleh Majlis kepada sebuah syarikat yang berminat untuk membeli keseluruhan unit rumah kedai milik Majlis pada bulan Ogos 2010 dengan nilai jualan RM4.86 juta. Nilai tersebut adalah lebih rendah berjumlah RM1.78 juta atau 26.8% daripada nilaian JPPH dan RM0.21 juta atau 3.1% lebih rendah daripada nilaian penilai swasta untuk jualan berkelompok. Tawaran yang rendah ini disebabkan usia bangunan telah melebihi 5 tahun dan lokasi persekitaran yang tidak aktif walaupun kesemua unit kedai milik syarikat pemaju telah terjual. Selain itu, adalah sukar bagi Majlis untuk mendapatkan pembeli yang ingin membeli secara berkelompok. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan syarikat yang pada awalnya berminat untuk membeli rumah kedai milik Majlis tidak mahu meneruskan urusniaga tersebut.

8.4.2.2. Projek PPK Jalan Bakek

a. Nilai Pulangan Projek Penswastaan Yang Diterima Rendah

i. Mengikut Pekeliling Dasar Penswastaan Negeri Johor Tahun 1997, jumlah pulangan bagi projek penswastaan yang melibatkan hartanah ditentukan mengikut nilai tanah iaitu pada kadar 10% hingga 15% melebihi nilai tanah yang berkenaan. JPPH Negeri Johor telah menyatakan 3 cadangan nilaian untuk tanah di Jalan Bakek, Pontian iaitu nilaian semasa berjumlah RM3.5 juta, nilaian akan datang (sebelum *Present Value*) berjumlah RM5.3 juta dan nilaian pembangunan (selepas *Present Value*) berjumlah RM3.8 juta. Semakan Audit mendapati pulangan tunai berjumlah RM3.5 juta mengikut nilaian semasa telah diterima sepenuhnya oleh Majlis pada bulan Mei 2009.

ii. Pada asalnya Mesyuarat Cadangan Pembangunan Komersial pada 19 November 2003 telah bersetuju supaya pulangan yang akan diperoleh Majlis daripada syarikat pemaju berjumlah RM3.8 juta setelah mengambil kira pandangan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ). Bagaimanapun, perbincangan semula diadakan antara Majlis dan pemaju untuk mengurangkan pulangan kepada Majlis daripada RM3.8 juta kepada RM3.5 juta. Pengurangan harga ini dibuat setelah mengambil kira permohonan pemaju supaya kadar tersebut dikurangkan kerana nilai pulangan terlalu tinggi dan syarikat tidak mampu menampung kos tersebut selain perlu membayar premium tanah. Bagaimanapun, Majlis tidak mengambil kira pulangan yang sepatutnya diterima berdasarkan nilai pasaran masa akan datang dengan membuat penambahan sebanyak 1% atau 2% daripada RM3.5 juta. Hal ini menyebabkan nilaian pulangan yang diterima oleh Majlis tidak sepadan berbanding dengan nilaian pasaran hartanah yang dibuat oleh jurunilai JPPH.

b. Penerimaan Pulangan Tidak Mengikut Perjanjian

i. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat pemaju untuk menyerahkan pulangan kepada Majlis berjumlah RM3.5 juta mengikut syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian PPK Jalan Bakek, Pontian. Mengikut perjanjian, pulangan kepada Majlis perlu dibayar dalam 2 peringkat iaitu peringkat pertama berjumlah RM0.25 juta dibayar sebaik sahaja perjanjian ditandatangani. Pembayaran peringkat kedua dibayar sebanyak 6 kali bayaran ansuran iaitu bayaran pertama dibayar dalam tempoh 6 bulan pertama dan bakinya dibayar setiap 6 bulan sehingga selesai. Bagaimanapun, pemaju lewat mengemukakan bayaran peringkat kedua sebagaimana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu kelewatan antara 6 hingga 58 bulan. Pemaju hanya membuat 3 kali bayaran iaitu bayaran peringkat pertama dibuat pada 24 Disember 2003 berjumlah RM0.25 juta manakala bayaran peringkat kedua dibuat pada 5 September 2008 berjumlah RM3 juta dan pada 13 Mei 2009 berjumlah RM0.25 juta. Pembayaran sepatutnya selesai dibuat pada 21 Disember 2006 sekiranya tarikh pembayaran ansuran pertama diambil kira 6 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani. Butiran terperinci bayaran pulangan yang dijelaskan adalah seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Bayaran Pulangan Kepada Majlis

Tempoh Pembayaran	Amaun (RM Juta)	Amaun yang Dibayar Syarikat (RM Juta)
Bayaran pertama selepas kontrak ditandatangani *	0.25	0.25
6 bulan pertama (22.12.2003 - 22.6.2004)	0.55	-
6 bulan kedua (22.6.2004 - 22.12.2004)	0.55	-
6 bulan ketiga (22.12.2004 - 22.6.2005)	0.55	-
6 bulan keempat (22.6.2005 - 22.12.2005)	0.55	-
6 bulan kelima (22.12.2005 - 22.6.2006)	0.55	-
6 bulan keenam (22.6.2006 - 22.12.2006)	0.50	-
5.9.2008	-	3.00
13.5.2009	-	0.25
Jumlah	**3.50**	**3.50**

Sumber: Perjanjian Projek PPK Jalan Bakek, Pontian
Nota: * Klausa 11.1(a)(i)

ii. Kelewatan pembayaran ini disebabkan tiada jadual pembayaran yang jelas disediakan oleh pihak Majlis dan tiada pegawai khusus yang dilantik untuk membuat pemantauan pembayaran. Akibatnya, syarikat pemaju berkaitan terlepas daripada dikenakan denda pembayaran lewat sebagaimana yang termaktub dalam klausa 11.1(a)(iii) yang menetapkan sebarang kelewatan dalam pembayaran pulangan akan dikenakan denda pada kadar 10% setahun daripada tarikh kelewatan.

8.4.2.3. Projek PPK Jalan Taib, Pontian
Pulangan Belum Diterima Daripada Pemaju

Pulangan 11 unit lot kedai bernilai RM1.95 juta mengikut anggaran syarikat pemaju hanya akan diserahkan kepada Majlis apabila projek pembangunan disiapkan pada September 2011. Bagaimanapun, sehingga bulan Oktober 2011 kerja-kerja pembinaan masih belum dilaksanakan dan Majlis belum menerima pulangan daripada pemaju. Pulangan 11 unit lot kedai belum dapat diserahkan kepada Majlis kerana projek PPK Jalan Taib, Pontian belum lagi dimulakan disebabkan masalah peniaga asal gerai Majlis di tapak projek belum dipindahkan.

Pada pendapat Audit, pulangan bagi projek PPK Pekan Kukup tidak mendatangkan pulangan yang setimpal dengan nilaian tanah kerana bangunan masih tidak dapat dijual sehingga kini dan Majlis tidak mendapat sebarang hasil daripada pulangan tersebut. Selain itu, tindakan Majlis untuk menjual keseluruhan unit kedai secara berkelompok adalah sukar untuk dilaksanakan. Manakala pulangan yang diterima bagi projek PPK Jalan Bakek, Pontian berjumlah RM3.5 juta tidak mencapai matlamat

penswastaan kerana nilai RM3.5 juta itu merupakan nilai tanah kosong. Selain itu, pengurusan projek PPK Jalan Taib, Pontian tidak memuaskan kerana Majlis masih belum menerima pulangan dan manfaat daripada projek penswastaan yang dirancang disebabkan projek masih belum dimulakan.

8.4.3. Kepentingan Majlis Tidak Dilindungi

Pembinaan dan pengurusan projek PPK telah dilaksanakan secara usahasama antara Majlis dan 3 syarikat swasta. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati perkara-perkara berikut:

8.4.3.1. Deposit Keselamatan (*Security Deposit*) Tidak/Lewat Dikemukakan

a. Mengikut perjanjian pembangunan PPK Pekan Kukup, Jalan Bakek dan Jalan Taib, Pontian syarikat pemaju perlu menyediakan deposit keselamatan yang masing-masing berjumlah RM0.50 juta, RM0.25 juta dan RM0.05 juta selepas perjanjian ditandatangani. Pemaju projek PPK Jalan Taib dan pemaju projek PPK Pekan Kukup perlu menyediakan deposit keselamatan dalam tempoh satu bulan dan 6 bulan selepas perjanjian ditandatangani manakala perjanjian Majlis bersama pemaju projek PPK Jalan Bakek tidak menyatakan tempoh deposit keselamatan perlu dikemukakan. Pemaju projek PPK Jalan Taib sepatutnya mengemukakan deposit keselamatan selewat-lewatnya pada penghujung bulan Februari 2009. Bagaimanapun, deposit keselamatan hanya dikemukakan kepada Majlis pada pertengahan bulan Mei 2011 iaitu kelewatan selama 26 bulan 11 hari.

b. Pihak Audit mendapati pemaju projek PPK Pekan Kukup, Pontian mengemukakan deposit tunai pada 17 Mac 1999 iaitu sebelum perjanjian ditandatangani. Bayaran yang dibuat hanya berjumlah RM0.15 juta berbanding deposit yang sepatutnya berjumlah RM0.5 juta. Deposit tersebut kemudiannya dikembalikan semula kepada pemaju pada 23 Disember 1999 juga sebelum perjanjian ditandatangani. Tiada bayaran deposit lain dibuat oleh pemaju selepas perjanjian ditandatangani. Ini menunjukkan seolah-olah tiada deposit keselamatan dikemukakan oleh pemaju kepada Majlis untuk projek PPK Pekan Kukup. Keadaan ini berlaku kerana tiada pemantauan dilaksanakan oleh Majlis bagi memastikan syarikat mengemukakan deposit mengikut perjanjian dan deposit tidak sepatutnya dipulangkan sebelum projek disiapkan sepenuhnya. Implikasi daripada ketiadaan deposit keselamatan ini menyebabkan Majlis tidak boleh mengenakan denda kepada pemaju sekiranya pemaju melanggar syarat perjanjian. Butiran lanjut deposit keselamatan yang dikemukakan oleh syarikat pemaju adalah seperti di **Jadual 8.8**.

Jadual 8.8
Deposit Keselamatan Yang Dikemukakan Oleh Syarikat Pemaju

Bil.	Butiran Projek	Jumlah Projek (RM Juta)	Deposit Keselamatan (RM Juta)	Tarikh Perjanjian Ditandatangani	Tarikh Sebenar Deposit Dibayar	Tempoh Bayaran Sebenar Dibuat	Catatan
1.	PPK Pekan Kukup, Pontian	17.55	0.50 (6 bulan selepas perjanjian)	4.1.2000	17.3.1999 (RM0.15 Juta)	10 bulan sebelum perjanjian	Deposit RM0.15 Juta dipulangkan pada 23.12.1999
2.	PPK Jalan Bakek, Pontian	37.28	0.25	22.3.2003	3.3.2003 (RM0.10 Juta) 20.3.2003 (RM0.15 Juta)	Sebelum perjanjian	-
3.	PPK Jalan Taib, Pontian	10.00	0.05 (1 bulan selepas perjanjian)	30.1.2009	12.5.2011	Selepas 27 bulan 11 hari	Lewat 26 bulan 11 hari

Sumber: Dokumen Perjanjian Pembangunan Dan Fail Majlis Daerah Pontian

c. Semakan Audit mendapati deposit yang dikenakan kepada ketiga-tiga syarikat pemaju adalah terlalu rendah berbanding dengan nilai projek iaitu antara RM0.05 juta hingga RM0.5 juta. Ini disebabkan Majlis tidak mempunyai dasar dalam menentukan jumlah deposit keselamatan yang perlu dikemukakan oleh syarikat pemaju bagi projek penswastaan. Kesan daripada nilai deposit yang rendah mengakibatkan jumlah deposit keselamatan yang diterima daripada syarikat pemaju tidak memadai untuk melindungi kepentingan Majlis sekiranya berlaku perlanggaran syarat kontrak.

8.4.3.2. Dokumen Sumber Kewangan Syarikat Tidak Dikemukakan

a. Kepakaran dan kemampuan sesebuah syarikat pemaju dari segi tenaga kerja mahupun kedudukan kewangan adalah kriteria penting dalam memilih syarikat yang benar-benar layak serta berdaya saing untuk melaksanakan projek penswastaan. Artikel VII, Klausa 7.1 perjanjian pembangunan menyatakan syarikat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan dan mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan projek penswastaan dengan mengemukakan dokumen serta surat sokongan yang berkaitan. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga syarikat pemaju tidak mengemukakan sebarang dokumen kewangan seperti penyata bank dan sumber kewangan yang diperolehi untuk menyokong sumber kewangan syarikat.

b. Semakan lanjut mendapati hanya pemaju projek PPK Jalan Bakek dan pemaju projek PPK Jalan Taib menyertakan profil syarikat yang menunjukkan kedudukan semasa modal syarikat pemaju manakala syarikat pemaju projek PPK Pekan Kukup tidak mengemukakan dokumen tersebut. Pihak Audit mendapati modal berbayar syarikat pemaju hanya meliputi 2.5% hingga 5.7% daripada jumlah kos projek. Ketiadaan

dokumen sumber kewangan dan profil kewangan syarikat pemaju disebabkan Majlis tidak mewajibkan keperluan dokumen tersebut dikemukakan sebelum perjanjian ditandatangani. Ini mengakibatkan kemampuan kewangan syarikat pemaju tidak dapat diukur dan dinilai dengan tepat sama ada syarikat mampu melaksanakan projek penswastaan dengan baik dan teratur. Butiran kedudukan kewangan syarikat adalah seperti di **Jadual 8.9**.

Jadual 8.9
Kedudukan Kewangan Syarikat Pemaju Yang Terlibat Dengan Projek Penswastaan Pembangunan Komersial Majlis Daerah Pontian

Bil.	Butiran Projek	Modal Syarikat		Kos Projek (RM Juta)	(%)
		Modal Dibenarkan (RM Juta)	Modal Berbayar (RM Juta)		
1.	PPK Pekan Kukup, Pontian	0.50	0.25	37.20	0.7
2.	PPK Jalan Bakek, Pontian	1.00	1.00	17.50	5.7
3.	PPK Jalan Taib, Pontian	0.50	0.25	10.00	2.5

Sumber: Dokumen Perjanjian Pembangunan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

8.4.3.3. Syarat Perkongsian Tidak Dipatuhi (*No Partnership*)

a. Klausa 16.9, 17.14 dan 17.12 perjanjian PPK masing-masing menyatakan tiada pihak yang dibenarkan untuk menjalinkan perkongsian dan tiada pihak yang mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian atau melantik wakil walau dalam apa cara sekalipun. Semakan Audit mendapati pemaju projek PPK Pekan Kukup telah membuat perjanjian dengan pihak ketiga bagi tujuan pengambilalihan projek untuk menyiapkan baki projek yang belum siap. Merujuk kepada rujukan surat daripada pemaju projek PPK Pekan Kukup bertarikh 4 Mei 2005 menjelaskan syarikat tersebut akan menyiapkan kerja pembinaan projek termasuk kerja infrastruktur.

b. Semakan Audit mendapati pemaju projek PPK Jalan Bakek telah menandatangani perjanjian dengan pihak ketiga pada 12 Jun 2008 dan menyerahkan sebahagian besar kepentingan projek kepada syarikat tersebut bagi menguruskan projek tanpa pengetahuan Majlis. Perjanjian tersebut antara lainnya adalah untuk melaksanakan dan menyiapkan pembinaan projek PPK Jalan Bakek, Pontian. Melalui perjanjian tersebut, pihak ketiga telah memperolehi 80% kepentingan dalam pelaksanaan projek dan membuat pembayaran kepada pemaju berjumlah RM17.98 juta sebagai balasan. Bagi menjaga kepentingan pegangan, pihak ketiga tersebut telah memfailkan kaveat persendirian ke atas projek PPK Jalan Bakek, Pontian pada 26 April 2010 untuk mengelakkan pemaju membuat pertukaran nama ke atas tanah tersebut.

c. Perlanggaran syarat ini berlaku disebabkan Majlis lambat bertindak untuk menahan usahasama antara pemaju projek bersama pihak ketiga daripada berlaku. Selain itu, Majlis tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Projek untuk mengawal selia pelaksanaan projek mengikut Jadual Pelaksanaan Kerja yang dirancang. Kesan

daripada itu, projek PPK Pekan Kukup tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat yang dilantik oleh Majlis tetapi pembinaannya disempurnakan oleh syarikat lain. Manakala bagi projek PPK Jalan Bakek, Pontian, pemaju tidak boleh membuat pertukaran nama ke atas hartanah memandangkan pihak ketiga telah mengenakan kaveat terhadap hartanah tersebut. Selain itu, projek penswastaan secara usaha sama antara Majlis dan pemaju projek PPK Jalan Taib tidak mencapai matlamat penswastaan yang dirancang kerana projek tidak disiapkan sehingga kini.

Pada pendapat Audit, perjanjian sedia ada tidak menjaga kepentingan Majlis kerana syarikat pemaju yang melanggar perjanjian tidak dikenakan penalti.

8.4.4. Pengurusan Pemprosesan Cadangan Penswastaan Tidak Teratur

8.4.4.1. Mengikut Pelan Induk Penswastaan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri dan Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bilangan 219 (Dasar Penswastaan Negeri Johor), semua cadangan penswastaan dengan konsep yang menyeluruh perlu dikemukakan kepada Kerajaan bagi membolehkan Kerajaan menentukan sama ada cadangan berkenaan sesuai diswastakan. Jika cadangan penswastaan tersebut memenuhi garis panduan yang ditetapkan, pihak swasta akan dibenarkan menjalankan kajian kemungkinan. Setelah itu, cadangan lengkap hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada UPE untuk penilaian awal.

8.4.4.2. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai garis panduan penswastaan sendiri tetapi mengguna pakai Pelan Induk Penswastaan UPE, Jabatan Perdana Menteri dan Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bilangan 219 (Dasar Penswastaan Negeri Johor). Sebanyak 3 permohonan cadangan penswastaan telah diterima daripada pihak swasta untuk melaksanakan projek penswastaan di 3 lokasi berbeza. Bagaimanapun, cadangan pembangunan terperinci tidak dikemukakan oleh ketiga-tiga syarikat pemaju bagi 3 projek PPK untuk penilaian awal Majlis. Cadangan pembangunan yang dikemukakan hanya dilampirkan bersama dokumen perjanjian pembangunan. Ini kerana pemilihan syarikat pemaju hanya dibuat melalui keputusan mesyuarat mengenai syarikat pemaju yang mencadang untuk membangunkan projek penswastaan berdasarkan kertas cadangan yang diterima oleh Majlis pada peringkat awal. Tiada penilaian dibuat oleh perunding kewangan untuk mengesahkan bahawa cadangan penswastaan tersebut menguntungkan dan memberi pulangan yang baik kepada Majlis menyebabkan Majlis tidak berupaya membuat jangkaan untung rugi projek dan pulangan yang sepadan diterima daripada ketiga-tiga projek PPK sebelum menandatangani perjanjian dengan syarikat.

Pada pendapat Audit, ketiadaan cadangan penswastaan terperinci disediakan pada peringkat awal sebelum sesuatu keputusan untuk menandatangani perjanjian dibuat menyukarkan Majlis untuk menentukan pulangan yang diterima setimpal dengan nilaian tanah yang diberi untuk projek penswastaan. Selain itu, Majlis tidak dapat membuat pengukuran awal terhadap pencapaian projek.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan penswastaan pembangunan komersial dan memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam pemerhatian ini tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan Majlis mengambil perhatian kepada perkara berikut:

8.5.1. Menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau dan menyelia pelaksanaan projek penswastaan bagi memastikan projek disiapkan dengan sempurna serta syarat perjanjian dipatuhi.

8.5.2. Mengkaji semula bentuk pulangan sedia ada yang masih belum diterima oleh Majlis sama ada ianya masih bersesuaian dengan keperluan semasa.

8.5.3. Pulangan dalam bentuk aset yang diterima oleh Majlis perlu diuruskan dengan baik dan nilai jualan yang dibuat ke atas aset perlu memberikan pulangan yang sepadan dengan nilai tanah yang diserahkan kepada syarikat.

8.5.4. Mendapatkan pandangan dan ulasan daripada Penasihat Undang-undang Negeri Johor mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat yang gagal menyiapkan/memulakan projek penswastaan mengikut tempoh perjanjian.

9. PENGURUSAN PASAR AWAM DAN KESANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Majlis Daerah Simpang Renggam (Majlis) ditubuhkan pada 1 Januari 2001 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang meliputi Renggam, Simpang Renggam, Sungai Sayong, Machap dan Layang-layang. Majlis bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan pembersihan bandar, menjaga kesihatan awam serta kawalan penyakit, membina serta menyelenggarakan tempat awam dan kemudahan awam. Bahagian Kesihatan dan Pelesenan Majlis adalah bertanggungjawab menguruskan pasar awam di Simpang Renggam, Renggam, Machap dan Layang-layang. Antara tanggungjawab bahagian ini adalah mengawal dan menjalankan pemantauan kerja-kerja pembersihan bandar dan kawasan oleh pihak Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) iaitu syarikat yang dilantik oleh Majlis bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan.

9.1.2. Pasar ditakrifkan sebagai mana-mana tempat awam yang biasanya digunakan bagi menjual barang makanan seperti daging binatang ternakan, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau barang-barang makanan lain. Pasar Awam di Simpang Renggam terbahagi kepada tiga iaitu pasar awam, pasar ayam (pusat sembelihan ayam) dan pasar khinzir. Pasar ayam dan pasar khinzir dibina pada tahun 1985 di atas rizab tanah lapang dan rekreasi, dikelilingi oleh kawasan perumahan. Pasar awam pula dibina pada tahun 1996 dan mula beroperasi pada tahun 1997. Pengurusan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir diuruskan oleh Majlis manakala pembersihan pasar pula telah diswastakan kepada SWM semenjak tahun 2003. Keluasan pasar ayam adalah 600 meter persegi dan mengandungi 5 buah bangku jualan manakala pasar khinzir mempunyai 8 buah bangku jualan. Kedudukan lokasi pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir adalah seperti di **Gambar 9.1**.



Gambar 9.1
Kedudukan Lokasi Pasar Awam, Pasar Ayam Dan Pasar Khinzir

Sumber: Kajian Perancangan Tempatan Daerah Kluang 2004-2020
Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam

9.1.3. Lebih kurang 550 meter dari pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir terletak Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam yang dibina pada tahun 1985 dan beroperasi pada tahun 1988. Sisa air dari pasar akan masuk ke parit bandar dan akhirnya mengalir ke Sungai Benut yang merupakan sumber bekalan air mentah kepada LRA Simpang Renggam yang membekalkan air terawat kepada penduduk di sekitar Simpang Renggam, Machap dan Benut. Kedudukan ketiga-tiga pasar dan LRA Simpang Renggam adalah seperti di **Gambar 9.2**.

Gambar 9.2
Kedudukan Ketiga-Tiga Pasar Dan LRA Simpang Renggam

Sumber: www.google.com

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir diurus dengan teratur, cekap dan berkesan serta mengambil kira aspek berkaitan alam sekitar.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen, laporan dan fail berkaitan pengurusan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir bagi tahun 2009 hingga 2011 di Pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam, Pejabat Kesihatan Simpang Renggam dan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang. Temu bual dengan pegawai berkaitan dan penduduk berhampiran pasar juga diadakan untuk mendapat maklum balas. Lawatan Audit ke pasar juga dijalankan bagi menilai keberkesanan pengurusan oleh Majlis dan kerja pembersihan yang dijalankan oleh SWM. Selain itu, lawatan bersama Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Pejabat Kesihatan, Southern Water Corporation Sdn. Bhd. (SWC) dan Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJ) bagi mendapatkan sampel air dari parit pasar telah dijalankan pada penghujung bulan Julai 2011. Semakan Audit juga telah dibuat terhadap rekod dan laporan berkaitan Pasar Awam Simpang Renggam di pejabat BAKAJ dan SWC.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir oleh Majlis adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Sisa daripada aktiviti pasar menjadi penyumbang kepada pencemaran alam sekitar.
- Persekitaran pasar yang kotor.
- Penguatkuasaan yang kurang berkesan.
- Penyenggaraan pasar yang lemah.

9.4.1. Aktiviti Pasar Penyumbang Kepada Pencemaran Alam Sekitar

Seksyen 72 (f) Akta 171 mengenai kuasa Majlis untuk melindungi dan memajukan kesihatan awam dan mengambil segala langkah yang praktik bagi memelihara kawasannya supaya sentiasa bersih dan sihat. Semakan Audit mendapati sisa dari pasar ayam dan pasar khinzir telah menyumbang kepada pencemaran air di Sungai Benut dan pencemaran bau kepada penduduk setempat. Pencemaran ini berlaku kerana Majlis tidak menggunakan sepenuhnya kuasa yang diperuntukkan seperti yang tersebut. Penjelasan lanjut mengenai pencemaran air dan pencemaran bau berpunca dari pasar ayam dan pasar khinzir adalah seperti berikut:

9.4.1.1. Pencemaran Air Di Sungai Benut, Simpang Renggam

a. Sungai Benut merupakan sumber bekalan air mentah kepada LRA Simpang Renggam dan loji ini pula membekalkan air terawat kepada penduduk di sekitar Simpang Renggam, Machap dan Benut. Bekalan air yang bersih dan berkualiti adalah sangat penting bagi menjaga kesihatan dan kesejahteraan umum. Ia juga mestilah terhindar dari wabak penyakit bawaan air dan lain-lain bahaya yang berpunca daripada air. Bagi menentukan kualiti air yang dibekalkan adalah selamat untuk digunakan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada mengeluarkan standard mengenai air mentah yang boleh diterima untuk dirawat dan air terawat untuk pengguna. Tahap pencemaran air berlaku sekiranya parameter air melebihi standard yang ditetapkan oleh KKM. Standard kualiti air mentah dan air terawat adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Standard Kualiti Air Mentah Dan Air Terawat

Parameter	Singkatan	Unit	Air Mentah	Air Bersih/ Terawat
Total Coliform	TC	mg/L	5000	0
E-Coli	E-Coli	mg/L	5000	0
Ammonia	NH3-N	mg/L	<1.5	<1.5
Chemical Oxygen Demand	COD	mg/L	10	0
Biological Oxygen Demand	BOD	mg/L	6	0
Kekeruhan	NTU	NTU	<1000	<5000
Warna	TCU	HU	<300	<15
pH	PH		5.5 - 9.0	6.5 - 9.0
Ferum/ *Iron*	Fe	mg/L	<1.0	<0.3
Florida	F1	mg/L	1.5	0.4 - 0.6
Baki Klorin	Baki C1	mg/L	-	0.2 - 5.0
Residue Aluminium	A1	mg/L	-	<0.2
Mangan	Mn	mg/L	<0.2	<0.1

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

b. Semakan Audit terhadap Laporan Kajian Parit Pasar Awam Simpang Renggam yang disediakan oleh Pejabat Kesihatan Kluang dan hasil lawatan Audit bersama SAJ, BAKAJ, SWC dan Pejabat Kesihatan Kluang pada bulan Julai 2011 mendapati berlaku pencemaran kepada sumber bekalan air mentah LRA Simpang Renggam yang berpunca daripada parit pasar ayam dan parit pasar khinzir. Bacaan parameter air di parit pasar ayam dan parit pasar khinzir yang melebihi standard KKM seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Bacaan Parameter Air Di Parit Pasar Ayam Dan Parit Pasar Khinzir Yang Melebihi Standard KKM

Parameter	Standard KKM (Air Mentah)	Parit Pasar Ayam	Parit Pasar Khinzir	Pertemuan Parit Pasar Ayam Dan Parit Pasar Khinzir
	(Mg/l)			
Total Coliform	5,000	>160,000	>160,000	>160,000
E-Coli	5,000	>160,000	>160,000	>160,000
Ammonia	1.50	20.00	20.00	20.00
Chemical Oxygen Demand	10	359.40	297.50	140.00
Biological Oxygen Demand	6.00	41.00	41.00	44
Ferum	1.00	0.46	1.30	1.80

Sumber: Pejabat Kesihatan Kluang

c. Analisis lanjut mendapati, bacaan parameter air yang telah dibuat terhadap *Total Coliform, E-coli,* Ammonia*, Chemical Oxygen Demand* dan *Biological Oxygen Demand* jauh melebihi standard yang ditetapkan oleh KKM. Manakala bacaan parameter air untuk Ferum melebihi 30% dan 80% masing-masing di parit pasar khinzir dan pertemuan parit pasar ayam dan parit pasar khinzir. Selain itu, pada tahun 2008, KKM telah mengeluarkan satu laporan bacaan melebihi standard di parit pasar ayam dan pasar khinzir walaupun sampel diambil ketika paras air di parit serta sungai adalah tinggi pada musim hujan. Laporan tahun 2008 adalah merupakan susulan daripada pembentangan Laporan Kajian Kawasan Tadahan Loji Rawatan Air

Simpang Renggam oleh KKM kepada Majlis pada tahun 2007 di mana sisa buangan dari pasar ayam telah menjadi salah satu punca pencemaran air di Sungai Benut.

d. Kerajaan Negeri telah melantik SWC bagi menyenggara dan mengawal operasi LRA Simpang Renggam. Semakan Audit terhadap laporan yang dikeluarkan oleh SWC pada bulan Julai 2010 mengenai bacaan parameter air bagi 3 lokasi iaitu di parit sampah, parit kolam ikan dan parit pasar mendapati kualiti air di lokasi ini tidak memenuhi standard KKM. Laporan Kajian Kualiti Air di parit sampah, parit kolam ikan dan parit pasar pada bulan Julai 2010 seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Laporan Kajian Kualiti Air Di Parit Sampah, Parit Kolam Ikan Dan Parit Pasar Pada Bulan Julai 2010

Parameter	Standard Piawaian KKM		Bacaan Parameter Di 3 Lokasi Kajian Kualiti Air
	Air Mentah	Air Bersih	
pH	5.5 - 9.0	6.5 - 9.0	2.70 - 3.45
Ammonia (mg/l)	<1.50	<1.5	5.2 - 12.0
Mangan (mg/l)	<0.2	<0.1	0.23 - 0.50

Sumber: Southern Water Corporation Sdn. Bhd.

e. Menurut keterangan SWC dalam mesyuarat penyelarasan bagi pemindahan pasar ayam dan pasar khinzir Simpang Renggam yang diadakan oleh Majlis pada awal bulan Disember 2011, kualiti air mentah menunjukkan penurunan yang agak ketara dan tindakan segera perlulah dilakukan oleh semua pihak sebagai langkah menyelamat dan mengekalkan kualiti sumber bekalan air yang kian terhad.

f. Klasifikasi Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) telah diperkenalkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menentukan kualiti air sungai. Kualiti air sungai diklasifikasikan kepada 5 seperti di **Jadual 9.4**. Manakala Julat Indeks Kualiti Air adalah seperti di **Jadual 9.5**.

Jadual 9.4
Klasifikasi Indeks Kualiti Air Negara (IKAN)

Kelas	Julat IKAN	Klasifikasi
I	>92.7	Pemuliharaan alam, sumber air asli yang tidak memerlukan sebarang rawatan
II	76.5 - 92.7	Berstatus bersih, mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut
III	51.9 - 76.5	Berstatus bersih, mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut
IV	31.0 - 51.9	Tujuan pengairan sahaja
V	<31.0	Tidak sesuai untuk bekalan air dan pengairan

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Jadual 9.5
Julat Indeks Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar Berdasarkan Indeks Kualiti Air Negara

Kelas	Bersih	Sederhana Tercemar	Tercemar
Indeks Kualiti Air	81 - 100	60 - 80	0 - 59

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

g. Pada tahun 2010 dan 2011, JAS telah menjalankan Kajian Kualiti Air di Sungai Benut bagi tujuan menentukan kualiti air sungai mengikut julat IKAN. Semakan Audit terhadap Laporan tersebut mendapati indeks kualiti air menurun dari 79 mg/l pada Oktober 2010 kepada 71.5 mg/l pada April 2011 dan berada dalam kategori sederhana tercemar. Punca pencemaran adalah dari aktiviti perladangan, domestik dan pasar. Selain itu, bacaan Ammonia Nitrogen (AN) di Sungai Benut mencatatkan peningkatan daripada 0.18 mg/l pada Oktober 2010 kepada 1.11 mg/l pada April 2011 melebihi standard yang ditetapkan oleh JAS iaitu kurang daripada 0.3 mg/l. Laporan Kajian Kualiti Air di Sungai Benut bagi tahun 2010 dan 2011 oleh JAS seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
Laporan Kajian Kualiti Air Di Sungai Benut Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Tarikh	Lokasi Sungai	Lokasi Stesen	Indeks Kualiti Air	Kualiti Sungai	Ammonia Nitrogen	Standard AN
				Mg/l		
Oktober 2010	Sungai Benut	Jambatan sebelum LRA Simpang Renggam	Sederhana Tercemar	79	0.18	0.3
Februari 2011	Sungai Benut	Jambatan sebelum LRA Simpang Renggam	Sederhana Tercemar	75.3	0.96	0.3
April 2011	Sungai Benut	Jambatan sebelum LRA Simpang Renggam	Sederhana Tercemar	71.5	1.11	0.3

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Cawangan Johor

h. Lanjutan daripada laporan pencemaran air di parit pasar ayam dan pasar khinzir, lawatan Audit telah dijalankan bagi mengenal pasti punca pencemaran. Hasil lawatan mendapati sisa air di pasar ayam adalah keruh, besi perangkap sisa ayam telah rosak, terdapat banyak sisa ayam dalam kolam rawatan *Effective Microorganisms* (EM) dan parit pasar khinzir yang rosak seperti di **Gambar 9.3** hingga **Gambar 9.6**.

Gambar 9.3
Sisa Air Di Pasar Ayam Adalah Keruh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 9.4
Besi Perangkap Sisa Ayam Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.5
Sisa Ayam Dan Sampah Dalam Kolam Rawatan EM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.6
Parit Pasar Khinzir Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Khinzir Simpang Renggam
Tarikh: 27 Oktober 2011

i. Pihak Audit mendapati pihak Majlis telah mengambil langkah positif dengan menggunakan teknologi *Effective Microorganisms* (EM) berharga RM35,000 pada bulan Mac 2010 bagi merawat air sisa dari parit pasar ayam sebelum masuk ke parit bandar dan kemudian mengalir ke Sungai Benut. Sungguhpun demikian penggunaan EM bagi merawat air sisa tidak dibuat secara berterusan. Lawatan Audit ke pasar ayam pada 27 Julai 2011 mendapati pihak Majlis telah berhenti menggunakan EM. Akibatnya, air sisa dari parit pasar ayam tidak dirawat dengan sempurna dan tercemar menyebabkan pelbagai rungutan diterima oleh Majlis daripada KKM, SWC, BAKAJ, SAJ dan JAS. Justeru itu, Majlis telah membuat perbincangan bersama pengusaha ayam bagi mengatasi masalah pencemaran air tersebut dan mengambil tindakan dengan meneruskan penggunaan EM bagi merawat air sisa. Selain itu, Majlis menetapkan kutipan sampah oleh pihak SWM sebelum jam 1.00 tengah hari setiap hari dan pengusaha ayam perlu memastikan kebersihan gerai dan kawasan sekitar tapak dengan sempurna.

j. Isu pencemaran air di Simpang Renggam yang mana salah satunya berpunca dari parit pasar ayam dan pasar khinzir, telah menarik minat beberapa jabatan dan agensi sehingga tertubuhnya satu Jawatankuasa Pemantauan Kawasan Tadahan Bagi Loji Rawatan Air Simpang Renggam Daerah Kluang pada akhir bulan April 2011. Tujuan Jawatankuasa ini yang antaranya dianggotai oleh wakil-wakil daripada BAKAJ, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Penjara Simpang Renggam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah untuk membantu menyelesaikan masalah pencemaran air dan telah bermesyuarat sebanyak tiga kali. Di antara isu yang dibangkitkan adalah pencemaran air yang berpunca dari pasar ayam kerana terdapat darah, bulu dan lain-lain anggota ayam dibuang terus ke dalam parit pasar selain pengusaha ayam enggan berpindah ke tapak lain. Jawatankuasa telah membuat keputusan sekiranya peniaga enggan memberi kerjasama, lesen perniagaan mereka hendaklah dibatalkan.

9.4.1.2. Pencemaran Bau

a. Menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), pasar ayam (pusat sembelihan ayam) dikategorikan sebagai industri berat memandangkan aktiviti harian pasar yang menyembelih, memproses dan menjual ayam dengan jumlah dianggarkan 800 ekor sehari. Oleh itu, pasar ini tertakluk kepada Garis Panduan Industri Berat yang menetapkan jarak antara bangunan industri dan rumah kediaman mestilah tidak kurang daripada 500 meter. Lawatan Audit mendapati kedudukan pasar ayam dan khinzir adalah di kelilingi oleh kawasan perumahan dan jarak di antara pasar dan rumah terhampir adalah sekitar 20 meter. Jarak yang terlalu hampir mengakibatkan pencemaran bau kepada penduduk di kawasan sekitar. Akibat tidak berasa selesa dengan bau busuk yang dialami lebih daripada 10 tahun, wakil penduduk telah membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) terhadap masalah bau dan disokong oleh 9 persatuan penduduk.

b. Pihak Audit telah mengedarkan 55 borang soal selidik kepada penduduk berhampiran pasar ayam dan pasar khinzir secara rawak. Hasil maklum balas, 36 atau 65.5% daripada 55 penduduk menyatakan terdapat bau busuk di pasar ayam dan khinzir manakala 32 atau 58.2% daripada 55 penduduk berpendapat pasar ayam dan pasar khinzir perlu dipindahkan/ditutup dari tempat sedia ada. Antara punca pencemaran bau yang dikenal pasti semasa lawatan Audit ialah bin/tong sampah khas tidak disediakan di pasar ayam dan pasar khinzir, persekitaran pasar yang kotor, parit tersumbat dan berulat, sisa ayam dan sampah mendap di kolam rawatan EM, sisa ayam dan sampah tidak dimasukkan ke dalam plastik untuk dibuang serta tidak dikutip mengikut jadual oleh pihak SWM. Keadaan sisa ayam tidak dimasukkan ke dalam plastik dan tong tidak bertutup dan longkang tersumbat dan berulat adalah seperti di **Gambar 9.7** dan **Gambar 9.8**.

Gambar 9.7
Sisa Ayam Tidak Dimasukkan Ke Dalam Plastik Dan Tong Tidak Bertutup

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.8
Longkang Tersumbat Dan Berulat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

c. Semakan lanjut terhadap maklum balas minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah pada bulan Oktober 2011 mendapati isu pencemaran bau dan gangguan lalat akibat aktiviti penyembelihan di pasar ayam dibangkitkan dan tindakan pembersihan pasar khinzir telah dilakukan seperti di **Gambar 9.9** dan **Gambar 9.10**.

Gambar 9.9
Sampah Bertaburan Di Belakang Pasar Khinzir

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Khinzir Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.10
Sampah Di Belakang Pasar Khinzir Telah Dibersihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Khinzir Simpang Renggam
Tarikh: 27 Oktober 2011

9.4.2. Persekitaran Pasar Yang Kotor

9.4.2.1. Piagam Pelanggan Bahagian Kesihatan dan Pelesenan Majlis menetapkan Majlis perlu berusaha mewujudkan persekitaran yang bersih, nyaman dan indah serta memastikan perkhidmatan pungutan sampah dibuat setiap hari bagi premis perniagaan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab mengawal dan menjalankan pemantauan bagi kerja pembersihan di kawasan pasar oleh pihak SWM. Di antara kerja pembersihan yang perlu dilaksanakan oleh pihak SWM seperti dinyatakan di dalam perjanjian SWM dengan Majlis adalah:

a. Membersihkan semua bahagian/kawasan pasar awam dan memastikan ia bebas dari sisa pepejal dan kekotoran setiap masa. Kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal hendaklah dilakukan setiap hari sekurang-kurangnya satu kali sehari pada hari bekerja termasuk hari cuti pelepasan am.

b. Bidang kerja pembersihan pasar awam meliputi membasuh serta mencuci lantai, bangku konkrit, membersihkan parit dan longkang serta menyapu sampah di dalam dan di sekeliling pasar setiap hari.

c. Membersih, membasuh serta mencuci segala kekotoran di keseluruhan lantai, tiang, dinding dan longkang setiap minggu.

9.4.2.2. Lawatan Audit ke pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir pada bulan Julai 2011 mendapati persekitaran pasar kotor dan ini tidak menepati Piagam Pelanggan Bahagian Kesihatan dan Pelesenan Majlis. Butiran lanjut mengenai persekitaran pasar yang kotor adalah seperti berikut:

a. Lawatan ke pasar awam mendapati pihak SWM ada menyediakan 4 tong sampah besar untuk mengisi sisa pepejal namun tidak mencukupi untuk menampung sampah yang terlalu banyak. Keadaan di dalam pasar kotor terutama di bahagian lantai dan bangku kosong, longkang tersumbat dan barangan peniaga diletakkan di laluan pelanggan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati terdapat sampah dan tong kosong yang berselerak serta timbunan tempurung kelapa tidak dibersihkan. Keadaan kawasan pasar awam yang kotor seperti di **Gambar 9.11** hingga **Gambar 9.14**.

Gambar 9.11
Lantai Dalam Pasar Awam Yang Kotor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 9.12
Bangku Kosong Yang Kotor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 9.13
Sampah Yang Banyak Dan Terlebih Muatan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.14
Timbunan Tempurung Kelapa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

b. Lawatan Audit ke pasar ayam dan pasar khinzir pada bulan Julai 2011 juga mendapati pihak SWM tidak menyediakan tong untuk mengisi sisa buangan. Sisa ayam diletakkan di dalam bakul yang terdedah sebelum dibuang, parit tersumbat, lantai kotor, sisa ayam dan sampah mendap dalam kolam rawatan EM dan sampah bertaburan di belakang pasar khinzir. Keadaan pasar ayam dan pasar khinzir yang kotor seperti di **Gambar 9.15** hingga **Gambar 9.18**.

Gambar 9.15
Lantai Dan Longkang Yang Kotor

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 9.16
Sisa Ayam Dan Sampah Mendap Di Dalam Kolam Rawatan EM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.17
Parit Tersumbat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.18
Sampah Bertaburan Di Belakang Pasar Khinzir

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Khinzir Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

c. Kesan daripada persekitaran yang kotor di pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir mengundang kehadiran makhluk perosak seperti tikus dan lalat yang mana sekiranya tidak dikawal boleh menyebarkan wabak penyakit. Kehadiran makhluk perosak ini adalah seperti di **Gambar 9.19** hingga **Gambar 9.21**.

Gambar 9.19
Bangkai Tikus Di Lantai Pasar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 9.20
Tikus Di Pasar Ayam

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.21
Lalat Di Gerai Ikan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

9.4.2.3. Pemantauan Terhadap Kerja Pembersihan Oleh Pihak SWM Tidak Dibuat Secara Berjadual

a. Semakan Audit mendapati Majlis tidak melaksanakan pemantauan terhadap kerja pembersihan oleh pihak SWM secara berjadual. Menurut Majlis, pemantauan secara berjadual tidak dapat dijalankan kerana kekangan bilangan pegawai di Bahagian Kesihatan dan Pelesenan. Akibat tiada pemantauan terhadap kerja pembersihan oleh pihak SWM menyebabkan kerja pembersihan pasar tidak dibuat dengan sempurna dan pasar kelihatan kotor. Bayaran bagi kerja pembersihan kepada pihak SWM juga tidak dapat disahkan dengan pelaksanaan kerja harian. Bagaimanapun hasil daripada lawatan Audit, Majlis telah mengambil tindakan dengan menjalankan pemeriksaan sekali seminggu terhadap kerja pembersihan oleh pihak SWM mulai pertengahan bulan Disember 2011. Selain itu, Majlis juga telah melakukan kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan pasar ayam dan pasar khinzir secara gotong-royong.

b. Bagi menyelesaikan masalah pencemaran, Majlis bercadang untuk menutup pasar ayam dan pasar khinzir di lokasi sedia ada. Majlis bercadang untuk memindahkan aktiviti penjualan daging ayam dan daging khinzir ke Pasar Awam Simpang Renggam, manakala aktiviti penyembelihan ayam akan ditempatkan ke suatu lokasi

yang akan ditetapkan kemudian. Keputusan ini telah dicapai melalui Mesyuarat Bulanan Majlis pada bulan November 2011. Notis telah dikeluarkan kepada pengusaha pasar ayam dan pasar khinzir pada Disember 2011 berkuat kuasa selama 3 bulan (90 hari). Mulai bulan Mac 2012 pengusaha dilarang menjalankan perniagaan di tapak tersebut. Bagaimanapun, Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pemindahan Pasar Ayam dan Pasar Khinzir Simpang Renggam yang diadakan pada Disember 2011 bersetuju untuk dipanjangkan lagi tempoh notis iaitu berakhir pada bulan Mei 2012. Sekiranya tapak pusat penyembelihan ayam gagal dikenal pasti sehingga akhir bulan Mei 2012, aktiviti di pasar ayam sedia ada akan tetap diberhentikan mengikut keputusan yang telah dibuat. Majlis juga bersetuju untuk menyenggara dan menanggung kos penggunaan teknologi EM selama tempoh notis pemberhentian operasi pasar. Keputusan ini diambil bagi menyelesaikan masalah pencemaran air, bau dan kekotoran yang berpunca dari pasar ayam dan pasar khinzir yang telah berlanjutan sekian lama.

c. Lawatan susulan Audit pada 20 Jun 2012 di pasar awam Simpang Renggam mendapati pasar ayam dan pasar khinzir masih lagi beroperasi seperti biasa walaupun papan tanda pemberitahuan telah pun dipasang di hadapan pasar tersebut bertujuan memberi makluman, bahawa pasar ayam dan pasar khinzir ditutup berkuat kuasa 1 Jun 2012. Selain itu,teknologi EM di pasar ayam juga didapati masih tidak digunakan. Kira-kira 100 peniaga dan penduduk telah berkumpul di Pasar Awam Simpang Renggam membantah pemindahan penjualan daging khinzir ke dalam pasar awam dan telah dilaporkan oleh akhbar harian pada 19 Jun 2012. Menurut Majlis perpindahan pasar ayam dan pasar khinzir ditangguhkan sehingga mesyuarat yang akan datang. Keadaan pasar ayam yang masih beroperasi, papan tanda pemberitahuan penutupan, notis pemberitahuan penangguhan dan keratan akhbar seperti di **Gambar 9.22** hingga **Gambar 9.25.**

Gambar 9.22
Keadaan Pasar Ayam Yang Masih Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 9.23
Papan Tanda Pemberitahuan Penutupan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 9.24
Notis Pemberitahuan Penangguhan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 9.25
Keratan Akhbar

Sumber: Harian Metro Dan Berita Harian
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 19 Jun 2012

Pada pendapat Audit, pencemaran air ini merupakan masalah serius kerana menjejaskan sumber bekalan air bersih di LRA Simpang Renggam. Selain itu, pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pihak SWM adalah kurang berkesan dan penjagaan kebersihan oleh peniaga di pasar juga lemah. Keputusan untuk memberhentikan aktiviti di pasar ayam dan pasar khinzir ini adalah baik bagi menyelesaikan isu pencemaran air dan bau di Simpang Renggam.

9.4.3. Penguatkuasaan Aktiviti Pasar Kurang Berkesan

Seksyen 63 Akta 171 menetapkan kuasa Majlis untuk menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan Majlis. Tanggungjawab Majlis adalah melaksanakan undang-undang dan dasar-dasar yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis sendiri manakala Seksyen 104 pula menetapkan kuasa Majlis di dalam undang-undang kecil mengenakan denda tidak melebihi daripada RM2,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan. Bahagian Penguatkuasaan Majlis dipertanggungjawabkan untuk memastikan kesemua penyewa dan peniaga dalam kawasan Majlis mematuhi segala arahan dan undang-undang yang ditetapkan.

9.4.3.1. Penguatkuasaan Hanya Terhadap Lesen Perniagaan

a. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyediakan jadual perancangan terhadap pemeriksaan dan penguatkuasaan di Simpang Renggam termasuk pemeriksaan ke atas pasar. Bagaimanapun, semakan terhadap laporan pengeluaran kompaun kepada pemilik premis perniagaan di pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir mendapati kompaun hanya dikeluarkan terhadap kesalahan berniaga tanpa lesen bagi tempoh 2009 hingga 2011 dan tiada kompaun dikeluarkan bagi pelanggaran undang-undang yang lain. Ketiadaan penguatkuasaan terhadap lain-lain kesalahan menyebabkan terdapat banyak pelanggaran undang-undang yang tidak diambil tindakan hasil daripada lawatan Audit seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Penemuan Audit Terhadap Pelanggaran Undang-Undang/Akta/Peraturan Di Pasar Awam, Pasar Ayam Dan Pasar Khinzir Yang Tidak Diambil Tindakan

Bil.	Undang-Undang/Akta/Peraturan	Penemuan Audit
1.	Undang-undang Kecil Pasar 1982 menetapkan peraturan pasar yang perlu di patuhi dan oleh peniaga dari aspek kebersihan, keluasan, penjagaan kawasan gerai dan sebagainya	• Gerai dan sekelilingnya kotor • Gerai melebihi had keluasan yang dibenarkan • Raga ayam tidak tersusun
2.	Seksyen 69 Akta 171 menyatakan seseorang yang melakukan sesuatu kacau ganggu atau meletakkan apa-apa kekotoran dalam atau di atas tebing, anak sungai, saluran parit awam atau lain-lain aluran air adalah bersalah	• Sisa ayam dibuang di tebing parit seperti di **Gambar 9.26**
3.	Seksyen 73(a) (iv) Akta 171 menetapkan kuasa Majlis untuk melarang burung atau binatang dipelihara di premis yang tidak dibina mengikut undang-undang kecil atau yang dibina dengan cara atau terletak pada tempat yang mungkin menyebabkan premis itu menjadi suatu kacau ganggu	• Stok Ayam Hidup di Pasar Ayam seperti di **Gambar 9.27**
4.	Seksyen 80 Akta 171 menyatakan Majlis hendaklah mengambil langkah-langkah bagi memberhentikan, menghapuskan segala kacau ganggu dari jenis awam dalam kawasan Majlis Seksyen 74, Akta 171 menetapkan denda boleh dikenakan kepada rumah yang kotor	• Rumah Pekerja Pasar Ayam di Atas Rizab Tanah Lapang dan Rekreasi dan keadaannya yang kotor seperti di **Gambar 9.28**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 9.26
Sisa Ayam Dibuang Di Tebing Parit Pasar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.27
Stok Ayam Hidup

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.28
Rumah Pekerja Pasar Ayam Di Atas Tapak Rizab Tanah Lapang Dan Rekreasi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

b. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 24 Februari 2012, Bahagian Penguatkuasaan akan berusaha memastikan tindakan penguatkuasaan lebih cekap dan berkesan kepada peniaga dan penyewa di pasar awam. Oleh itu, pemantauan akan dilakukan pada setiap hari Ahad di Pasar Awam Simpang Renggam. Kompaun juga akan dikeluarkan bukan sahaja dari kesalahan tidak memiliki atau memperbaharui lesen malah kepada yang melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Undang-undang Kecil Pasar yang baru telah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri dan akan dibawa kepada Mesyuarat Penuh Majlis selewat-lewatnya pada bulan Mei 2012 untuk kelulusan seterusnya.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan yang lemah menyebabkan pelanggaran undang-undang oleh peniaga terutama dari aspek kebersihan. Kompaun patut dikeluarkan kepada penyewa yang bukan sahaja gagal memperbaharui lesen tetapi juga melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Undang-undang kecil yang diperbaharui hendaklah diguna pakai apabila diwartakan kelak.

9.4.4. Penyenggaraan Pasar Awam Majlis Yang Lemah

9.4.4.1. Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta dipertanggungjawabkan menyenggara bangunan pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir di Simpang Renggam. Penyenggaraan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*).

a. Penyenggaraan pencegahan adalah kerja-kerja yang diambil untuk memeriksa, membaiki atau menggantikan komponen atau benda secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan kerosakan kecil menjadi serius. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan jadual khusus penyenggaraan pasar. Menurut Majlis, penyenggaraan secara berjadual tidak dijalankan kerana kekangan bilangan pegawai di Majlis. Oleh itu, penyenggaraan hanya dijalankan sekiranya terdapat aduan. Ketiadaan penyenggaraan secara

berkala telah menyebabkan kerosakan kecil menjadi serius. Misi Majlis untuk menyedia dan menyenggara prasarana dan kemudahan awam serta memberikan perkhidmatan yang hebat, tepat, jimat, selamat dan berkat tidak tercapai sepenuhnya. Lawatan Audit ke pasar awam, pasar ayam dan pasar khinzir mendapati beberapa kerosakan pada bangunan pasar seperti di **Gambar 9.29** hingga **Gambar 9.32**.

Gambar 9.29
Dinding Yang Hampir Roboh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Khinzir Simpang Renggam
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 9.30
Longkang Tersumbat Dan Dinding Longkang Pecah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 12 Julai 2011

Gambar 9.31
Tiang Asal Pasar Ayam Berkarat Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Ayam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

Gambar 9.32
Jubin Lantai Yang Tertanggal

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Simpang Renggam
Tarikh: 27 Julai 2011

b. Hasil dari teguran Audit, Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis telah menyediakan jadual pemeriksaan penyenggaraan pasar awam mulai bulan Februari 2012 yang juga merupakan jadual perancangan penyenggaraan kepada Bahagian Kejuruteraan Bangunan dan Perancangan bagi kerja-kerja pembersihan kepada Bahagian Kesihatan Awam.

c. Penyenggaraan pemulihan merupakan tindakan yang diambil untuk membaiki atau menggantikan sesuatu komponen atau benda yang rosak atau tidak dapat berfungsi

mengikut piawaian yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Majlis hanya membaiki kerosakan yang ada sekiranya terdapat aduan. Bagaimanapun soal selidik Audit terhadap peniaga pasar awam mendapati 6 atau 42.9% daripada 14 responden menyatakan tindakan pemulihan/pembaikan oleh Majlis adalah lambat dan menyebabkan mereka memilih untuk membaikinya sendiri. Contoh kerosakan yang pernah dilaporkan oleh peniaga adalah kerosakan lampu dan lantai yang tidak dibaiki selepas 2 minggu dilaporkan secara lisan.

9.4.4.2. Bangunan Sementara Pasar Digunakan Lebih 20 Tahun

Semakan Audit mendapati tujuan Majlis membina pasar ayam dan pasar khinzir adalah sebagai tapak sementara menjual daging ayam dan daging khinzir. Kedua-dua pasar ini terletak di atas rizab tanah lapang dan rekreasi sejak lebih 26 tahun lalu iaitu dari tahun 1985 sehingga kini. Pihak Audit mendapati tiada perancangan yang bersepadu mengenai pembangunan pasar dibuat sebelum ini sehingga mengakibatkan tapak sementara digunakan terlalu lama dan menimbulkan pelbagai isu kerana lokasinya yang terletak di kawasan perumahan yang merupakan rizab tanah lapang. Majlis pernah memohon tambahan peruntukan kewangan berjumlah RM3.5 juta pada bulan September 2010 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk projek menaik taraf pasar awam sedia ada kepada pasar awam moden dan membina serta menyiapkan sebuah pasar dan pusat penyembelihan ayam moden, namun masih belum diterima. Bagaimanapun di dalam Mesyuarat Bulanan Majlis pada bulan November 2011, keputusan telah dibuat untuk memindahkan pasar tersebut berkuat kuasa awal Disember 2011.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan pasar adalah tidak memuaskan kerana kerja penyenggaraan tidak dibuat secara berkala menyebabkan kerosakan kecil menjadi besar. Tiada perancangan yang bersepadu menyebabkan bangunan yang dibina untuk tujuan sementara ini diguna pakai sehingga melebihi 20 tahun.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pasar dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, pihak Audit mengesyorkan supaya Majlis mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

9.5.1. Aktiviti di pasar ayam dan pasar khinzir hendaklah dipindahkan kerana ia penyumbang utama kepada pencemaran air dan bau disebabkan air sisa ayam dan khinzir mengalir ke Sungai Benut yang merupakan sumber bekalan air mentah di LRA Simpang Renggam.

9.5.2. Pemantauan terhadap kebersihan pasar perlu dilakukan dengan lebih kerap supaya pasar berada dalam keadaan bersih dan memberi keselesaan kepada semua pihak.

9.5.3. Pemantauan yang cekap dan berterusan oleh Bahagian Kesihatan Awam perlu dilaksanakan terhadap kerja pembersihan pasar yang dijalankan oleh SWM bagi memastikan kualiti kerja pembersihan pasar terjaga, bersesuaian dengan nilai bayaran yang dikeluarkan.

9.5.4. Program penyenggaraan dan pemeriksaan secara berjadual perlu disediakan bagi memastikan kerosakan kecil tidak menjadi serius.

9.5.5. Penguatkuasaan terhadap undang-undang dengan lebih ketat terhadap peniaga agar peraturan dan syarat yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

10. PENGURUSAN PROGRAM TUISYEN HIKMAH

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor di bawah Enakmen No. 8 Tahun 1982 adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan kecemerlangan pelajaran di sekolah dan institusi pendidikan melalui pemberian biasiswa, pinjaman pelajaran dan bantuan kewangan kepada rakyat Negeri Johor atau warganegara Malaysia yang menetap di Negeri Johor. YPJ juga mempunyai matlamat untuk meningkatkan prestasi dan bilangan murid berprestasi sederhana dan lemah kepada cemerlang dalam peperiksaan awam khususnya di kalangan murid bumiputera. Sehubungan itu, YPJ telah menyediakan peruntukan kewangan dan bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bagi merancang dan melaksanakan program tuisyen yang dikenali sebagai Tuisyen Hikmah yang diilhamkan dari program 'Krisis Pendidikan Melayu' yang telah diadakan pada tahun 1996. Program tuisyen ini bermula pada tahun 1997 diberikan secara percuma kepada keluarga yang tidak mampu menghantar anak mereka untuk mendapat tuisyen berbayar. Program ini melibatkan murid yang akan menduduki peperiksaan awam yang terdiri daripada peperiksaan Ujian Pelajaran Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program ini dibahagikan kepada Tuisyen Kampung untuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains serta Tuisyen Ibnu Sina untuk mata pelajaran Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik Tambahan. Mulai tahun 2011, YPJ telah menetapkan Program Tuisyen Hikmah tidak lagi diberikan kepada murid yang akan menduduki peperiksaan PMR. Bagaimanapun, YPJ telah memberikan peluang ini kepada murid tingkatan 4 pada tahun tersebut.

10.1.2. Antara objektif Program Tuisyen Hikmah adalah untuk menyediakan peluang tuisyen kepada murid-murid khususnya di kawasan luar bandar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, menambahkan bilangan murid cemerlang bagi setiap mata pelajaran dan menghargai bakti guru-guru melalui insentif yang diberikan.

10.1.3. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, YPJ telah memperuntukkan sejumlah RM12.45 juta dan sehingga bulan Disember 2011, sejumlah RM11.33 juta telah dibelanjakan oleh YPJ untuk melaksanakan Program Tuisyen Hikmah ini. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Tuisyen Hikmah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2009	4.80	4.36
2010	3.80	3.14
2011	3.85	3.83
Jumlah	**12.45**	**11.33**

Sumber: Buku Vot Program Hikmah YPJ

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Program Tuisyen Hikmah telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti Pengurusan Program Tuisyen Hikmah bagi tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan data, rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah. Dokumen yang disemak adalah seperti minit mesyuarat, bajet, laporan tahunan, laporan prestasi program/aktiviti, baucar bayaran, fail surat-menyurat dan lain-lain. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai YPJ, penyelaras, guru dan pelajar yang terlibat bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pengurusan program. Pengauditan ini juga melibatkan lawatan ke sekolah yang terletak di Daerah Kluang, Pontian dan Segamat bagi melihat perkembangan serta sambutan pelajar terhadap program yang dianjurkan. Pihak Audit juga telah mengedarkan soal selidik kepada guru, murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan murid Sekolah Kebangsaan (SK) di daerah yang dilawati bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan program yang telah dilaksanakan.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pemilihan murid tidak dibuat di kalangan murid lemah berikutan terdapatnya perubahan syarat. Ini akan menyebabkan wujudnya jurang pencapaian di kalangan murid lemah dan sederhana berbanding murid cemerlang.
- Pegawai penyelaras didapati kurang membuat pemantauan ke sekolah-sekolah.
- Prestasi kehadiran murid tidak memuaskan.
- Terdapat kelewatan pada pembayaran elaun tuntutan guru.

10.4.1. Pemilihan Murid Dan Sekolah

YPJ tidak mempunyai prosedur dan garis panduan khusus mengenai pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati YPJ telah menyediakan Peraturan Pentadbiran yang telah ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja mengenai program ini. Semakan Audit mendapati, YPJ telah mematuhi Peraturan Pentadbiran tersebut kecuali beberapa perkara berikut:

10.4.1.1. Syarat Pemilihan Murid Tidak Mengikut Matlamat Asal Program

Di awal pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah, YPJ telah menetapkan pemilihan murid haruslah dibuat di kalangan murid yang mempunyai pencapaian sederhana dan lemah. Bagaimanapun mulai tahun 2010, bagi meningkatkan bilangan murid yang cemerlang dalam peperiksaan awam yang akan diambil, YPJ telah mengubah syarat pemilihan murid kepada murid pertengahan dan cemerlang. Namun perubahan syarat ini tidak selari dengan matlamat asal program berikutan tiada peluang diberikan kepada murid yang mempunyai pencapaian lemah untuk mengikuti program tuisyen ini. Pihak YPJ mengakui berlaku sedikit perubahan syarat pemilihan murid bermula tahun 2010 tetapi dari segi pelaksanaan program, kebanyakan murid dipilih di kalangan bukan cemerlang. **Bagaimanapun berdasarkan maklum balas YPJ bertarikh 30 Mac 2012, YPJ telah bersetuju akan kembali ke dasar asal program dengan memilih murid lemah dan sederhana.**

10.4.1.2. Terdapat Sekolah Di Luar Bandar Yang Tidak Terlibat Dengan Program

a. Objektif utama Program Tuisyen Hikmah ini adalah menyediakan peluang tuisyen bagi mata pelajaran utama kepada murid-murid khususnya di kawasan luar bandar. Pemilihan sekolah bagi program ini telah dikhususkan kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Semakan Audit mendapati, bagi tahun 2009 hingga 2011 terdapat 101 sekolah di luar bandar iaitu 21 Sekolah Kebangsaan dan 80 Sekolah Kurang Murid (SKM) tidak dipilih untuk menyertai program tuisyen ini. SKM adalah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah yang mempunyai kurang dari 150 murid. Kebanyakan sekolah ini terletak di luar bandar yang menghadapi masalah dari segi kekurangan kemudahan asas, guru dan bahan rujukan mata pelajaran serta lain-lain aspek pendidikan. Oleh itu, keadaan ini boleh menimbulkan jurang perbezaan antara murid SKM dan murid sekolah biasa dari segi pencapaian akademik mereka. Bilangan sekolah yang tidak berpeluang untuk terlibat dalam Program Tuisyen Hikmah mengikut daerah bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Bilangan Sekolah Yang Tidak Terlibat Dengan Program Tuisyen Hikmah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Daerah	Bilangan Sekolah	
		Sekolah Kebangsaan (SK)	Sekolah Kurang Murid (SKM)
1.	Johor Bahru	-	3
2.	Kluang	-	3
3.	Pasir Gudang	-	2
4.	Muar	10	12
5.	Batu Pahat	5	22
6.	Segamat	-	10
7.	Pontian	3	12
8.	Kota Tinggi	1	6
9.	Kulai	1	1
10.	Mersing	1	9
Jumlah		**21**	**80**

Sumber: Maklumat Asas Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri Johor

b. **Berdasarkan maklum balas YPJ bertarikh 2 Mac 2012, pemilihan sekolah adalah dibuat oleh PPD dan dipersetujui oleh JPNJ memandangkan pihak PPD dan JPNJ lebih maklum mengenai sekolah yang akan dipilih. Di peringkat YPJ, mereka akan memberi kelulusan berdasarkan jumlah sekolah bertepatan dengan peruntukan tahun semasa. Bagaimanapun, YPJ bersedia untuk melihat semula pemilihan ini dan akan berbincang dengan JPNJ di samping membuat analisis sekolah yang tidak terlibat untuk dilibatkan dalam Program Tuisyen Hikmah. Penglibatan SKM juga akan dipertimbangkan semula agar boleh terlibat sama dalam program ini.**

Pada pendapat Audit, YPJ perlu mematuhi syarat pemilihan murid dan sekolah agar objektif asal pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah ini iaitu bagi mengatasi krisis pendidikan Melayu tidak tersasar atau tidak menutup peluang murid lain yang tidak mendapat sebarang skim tuisyen.

10.4.2. Prestasi Kehadiran Murid Tuisyen Hikmah Tingkatan 4 Dan SPM Tidak Memuaskan

10.4.2.1. Bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan baik, YPJ perlu memastikan kehadiran murid ke kelas tuisyen adalah baik. Semakan Audit mendapati, kehadiran murid bagi Tuisyen Kampung UPSR adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Tuisyen Hikmah Tingkatan 4, Tuisyen Kampung SPM dan Tuisyen Ibnu Sina. Ini berdasarkan analisis Audit terhadap Laporan Kehadiran Pelajar bagi 12 buah sekolah rendah dan 12 buah sekolah menengah di bawah kawalan 4 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) iaitu PPD Johor Bahru, Pasir Gudang, Kluang dan Segamat bagi tahun 2010 dan 2011. Maklumat lanjut bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut:

a. Peratus kehadiran murid Tuisyen Kampung UPSR bagi tahun 2010 dan 2011 adalah sangat baik iaitu antara 95.2% hingga 97.4%. Ini adalah kerana murid Tahun 6 masih boleh dikawal oleh guru dan ibu bapa. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Kehadiran Murid Tuisyen Kampung UPSR Di 12 Buah Sekolah Rendah Untuk 4 Pejabat Pelajaran Daerah Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	Mata Pelajaran	2010			2011		
		JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)
1.	Bahasa Melayu	6,885	6,672	96.9	7,815	7,553	96.6
2.	Bahasa Inggeris	6,885	6,555	95.2	7,420	7,137	96.2
3.	Matematik	6,889	6,579	95.5	7,790	7,589	97.4
4.	Sains	6,888	6,601	95.8	7,865	7,619	96.9

Sumber: Rumusan Tuntutan Dan Laporan Kehadiran Pelajar YPJ
Nota: JK - Jumlah Kehadiran Murid Sepatutnya
KM - Kehadiran Murid Sebenar

b. Prestasi kehadiran murid Tuisyen Hikmah Tingkatan 4 adalah tidak memuaskan sebagaimana yang ditunjukkan di **Jadual 10.4** dan **Jadual 10.5**. **Jadual 10.4** menunjukkan kehadiran murid yang paling rendah adalah di Daerah Kluang, SMK Sultan Abd Jalil iaitu hanya 42 kehadiran direkodkan daripada 315 jumlah kehadiran atau 13.3% bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan paling tinggi adalah di Daerah Segamat, SMK Tenang Stesen iaitu 457 daripada 500 jumlah kehadiran atau 91.4% bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Daerah Pasir Gudang mencatatkan kehadiran yang paling tidak memuaskan kerana kehadiran untuk semua mata pelajaran bagi ketiga-tiga buah sekolah tidak mencapai 60%.

Jadual 10.4
Kehadiran Murid Tuisyen Kampung Tingkatan 4 Di 12 Buah Sekolah Menengah Untuk 4 Pejabat Pelajaran Daerah Bagi Tahun 2011

Bil.	Daerah	Bahasa Melayu			Bahasa Inggeris			Matematik			Sains		
		JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)
	Johor Bahru												
1.	SMK Taman Sutera	450	148	32.9	325	116	35.7	375	136	36.3	425	125	29.4
2.	SMK Dato' Abd Rahman Yassin	660	480	72.7	600	415	69.2	600	415	69.2	600	401	66.8
3.	SMK Damai Jaya	480	195	40.6	500	299	59.8	440	346	78.6	500	449	89.8
	Pasir Gudang												
4.	SMK Ulu Tiram	135	57	42.2	225	121	53.8	351	137	39.0	250	96	38.4
5.	SMK Taman Daya 3	250	88	35.2	300	137	45.7	150	40	26.7	200	70	35.0
6.	SMK Taman Mount Austin	391	112	28.6	345	123	35.7	368	99	26.9	391	120	30.7
	Kluang												
7.	SMK Sultan Abd Jalil	273	142	52.0	315	42	13.3	225	69	30.7	264	99	37.5
8.	SMK Dato' Hj Hassan Yunos	229	91	39.7	220	90	40.9	226	148	65.5	240	111	46.3
9.	SMK Kahang Batu 23	150	73	48.7	375	247	65.9	150	119	79.3	380	313	82.4
	Segamat												
10.	SMK Gemereh	175	53	30.3	175	67	38.3	100	41	41.0	100	70	70.0
11.	SMK Tenang Stesen	500	457	91.4	520	285	54.8	520	219	42.1	520	404	77.7
12.	SMK Seri Bali	175	71	40.6	350	235	67.1	75	45	60.0	350	237	67.7

Sumber: Rumusan Tuntutan Dan Laporan Kehadiran Pelajar YPJ
Nota: JK - Jumlah Kehadiran Murid Sepatutnya
KM - Kehadiran Murid Sebenar

Jadual 10.5
Prestasi Kehadiran Murid Tingkatan 4 Di 12 Buah Sekolah Menengah Untuk 4 Pejabat Pelajaran Daerah Bagi Tahun 2011

Kehadiran (%)	Bilangan Sekolah			
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Sains
10 - 29	1	1	2	1
30 - 59	9	8	5	5
60 - 100	2	3	5	6

Sumber: Rumusan Tuntutan Dan Laporan Kehadiran Pelajar YPJ

c. **Jadual 10.5** menunjukkan prestasi kehadiran murid Tingkatan 4 mengikut bilangan sekolah. Kehadiran paling banyak direkodkan antara 30% hingga 59% iaitu 9 buah sekolah untuk mata pelajaran Bahasa Melayu diikuti 8 buah sekolah untuk Bahasa Inggeris. Manakala bagi mata pelajaran Matematik dan Sains, masing-masing adalah 5 buah sekolah.

d. Prestasi kehadiran murid Tuisyen Kampung SPM adalah tidak memuaskan sebagaimana yang ditunjukkan di **Jadual 10.6**. Kehadiran murid Program Tuisyen Kampung SPM adalah tidak memuaskan kerana secara puratanya hanya lebih kurang separuh sahaja yang hadir untuk mengikuti kelas tuisyen bagi setiap mata pelajaran. Bagaimanapun, prestasi kehadiran murid pada tahun 2011 adalah semakin baik iaitu antara 55.3% hingga 57.9% berbanding 46.2% hingga 53.4% pada tahun 2010.

Jadual 10.6
Kehadiran Murid Bagi Tuisyen Kampung SPM Di 12 Buah Sekolah Menengah Untuk 4 Pejabat Pelajaran Daerah Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	Mata Pelajaran	2010			2011		
		JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)
1.	Bahasa Melayu	4,171	1,929	46.2	4,316	2,400	55.6
2.	Bahasa Inggeris	4,112	2,195	53.4	4,895	2,746	56.1
3.	Matematik	4,364	2,065	47.3	4,228	2,339	55.3
4.	Sains	4,016	1,862	46.4	4,304	2,493	57.9

Sumber: Rumusan Tuntutan Dan Laporan Kehadiran Pelajar YPJ
Nota: JK - Jumlah Kehadiran Murid Sepatutnya
KM - Kehadiran Murid Sebenar

e. Prestasi kehadiran murid Tuisyen Ibnu Sina adalah kurang memuaskan bagi tahun 2010 dan 2011 iaitu antara 60.4% hingga 70.2% sebagaimana yang ditunjukkan di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Kehadiran Murid Tuisyen Ibnu Sina Di 12 Buah Sekolah Menengah Untuk 4 Pejabat Pelajaran Daerah Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil.	Mata Pelajaran	2010			2011		
		JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)	JK (Bil.)	KM (Bil.)	(%)
1.	Bahasa Melayu	4,376	2,642	60.4	5,304	3,475	65.5
2.	Bahasa Inggeris	4,172	2,624	62.9	5,020	3,501	69.7
3.	Matematik	4,572	2,898	63.4	5,384	3,625	67.3
4.	Sains	3,416	2,398	70.2	5,302	3,590	67.7

Sumber: Rumusan Tuntutan Dan Laporan Kehadiran Pelajar YPJ
Nota: JK - Jumlah Kehadiran Murid Sepatutnya
KM - Kehadiran Murid Sebenar

10.4.2.2. Analisis Audit terhadap soal selidik mendapati masalah-masalah yang dihadapi murid untuk menghadiri kelas Tuisyen Hikmah adalah seperti di **Jadual 10.8**. Sebanyak 354 daripada 984 orang murid atau 36% responden mempunyai masalah untuk menghadiri Program Tuisyen Hikmah. Daripada 354 orang murid tersebut, 50.6% atau 179 responden menghadapi masalah pengangkutan. Selain itu, terdapat 16.1% atau 57 orang murid tidak berminat untuk menghadiri kelas tuisyen kerana guru tuisyen adalah guru yang sama mengajar di kelas. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang sama semasa di sekolah dan juga di kelas tuisyen turut mendorong kurangnya minat murid untuk menghadiri kelas tuisyen ini. Berdasarkan soal selidik,seramai 309 orang murid atau 31.4% responden menyatakan kaedah (P&P) yang digunakan oleh guru tuisyen adalah sama dengan kaedah yang digunakan semasa di sekolah. Ini menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang menarik dan berkesan.

Jadual 10.8
Masalah Pelajar Untuk Menghadiri Kelas Tuisyen Hikmah

Bil.	Perkara	(%)
1.	Pengangkutan	50.6
2.	Guru tuisyen adalah guru sama mengajar di kelas	16.1
3.	Perlu menghadiri aktiviti lain (selain Ko-kurikulum)	14.7
4.	Perlu menghadiri kegiatan Ko-kurikulum	8.2
5.	Hilang minat kerana guru tuisyen kerap bertukar	7.9
6.	Tidak mendapat galakan ibu bapa	2.5
Jumlah		**100.0**

Sumber: Soal Selidik Jabatan Audit Negara

10.4.2.3. Pihak Audit mendapati, pelbagai kaedah telah digunakan oleh guru bagi menggalakkan murid untuk hadir ke kelas tuisyen yang diadakan. Antaranya dengan memberi makanan percuma, mengenakan amaran dan denda bagi yang tidak hadir ke kelas dan terdapat juga guru yang datang mengambil murid di rumah. Bagaimanapun, masalah kehadiran tetap berlaku. Kesannya, program yang dilaksanakan tidak mencapai objektif yang ditetapkan terutamanya untuk membantu murid meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan. **Maklum balas YPJ bertarikh 2 Mac 2012 menyatakan, melalui maklum balas sekolah yang diperolehi dari pemantauan yang dibuat, murid telah memberikan sambutan terhadap kelas Tuisyen Hikmah setelah diberikan motivasi oleh pihak sekolah sebelum tuisyen dijalankan. Oleh itu mulai tahun 2012, program motivasi akan dijadikan salah satu pendekatan yang akan diberikan khususnya**

kepada murid Tingkatan 4 dan SPM di samping menetapkan sebahagian tuisyen iaitu 16 daripada 40 jam tempoh pembelajaran akan diajar oleh guru luar.

Pada pendapat Audit, prestasi kehadiran murid adalah baik bagi Program Tuisyen Hikmah UPSR tetapi tidak memuaskan bagi Tuisyen Hikmah Tingkatan 4 dan Tuisyen Hikmah SPM sama ada Tuisyen Kampung ataupun Tuisyen Ibnu Sina. YPJ perlu bekerjasama dengan pihak sekolah, guru dan ibu bapa untuk memantau prestasi kehadiran murid dan mengatasi masalah-masalah yang telah dikenal pasti menjadi punca murid tidak hadir ke kelas tuisyen.

10.4.3. Pemantauan Terhadap Program Tuisyen Hikmah

Bagi memastikan pelaksanaan Program Tuisyen Kampung ini berjalan dengan lancar dan dipatuhi, YPJ dengan kerjasama JPNJ dan Penyelaras Hikmah di PPD akan membuat pemantauan di setiap sekolah yang telah dipilih pada setiap tahun. Hasil dari pemantauan akan direkodkan dengan menggunakan Borang Instrumen Pemantauan yang dikeluarkan oleh YPJ sendiri. Antara kelemahan yang ditemui dalam aspek pemantauan terhadap program adalah seperti berikut:

10.4.3.1. YPJ Dan Pegawai Penyelaras Kurang Membuat Pemantauan

a. Semakan Audit terhadap rekod Program Tuisyen Hikmah bagi tahun 2009 hingga 2011 mendapati, YPJ hanya menyediakan perancangan pemantauan pada tahun 2010 dan 2011 sahaja dan tiada perancangan pemantauan disediakan bagi tahun 2009. Pihak Audit dimaklumkan pemantauan ada dilakukan pada tahun 2009 dan 2010, bagaimanapun pemantauan tersebut tidak pernah direkodkan. Pada tahun 2011, YPJ telah merancang untuk melawat sebanyak 20 buah sekolah. Bagaimanapun, hanya 17 buah sekolah yang berjaya dilawati. Selain itu, pemantauan juga ada dilakukan oleh JPNJ dan Penyelaras Hikmah di PPD. Semakan Audit terhadap borang pemantauan mendapati kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh YPJ, JPNJ dan Penyelaras Hikmah di PPD Johor Bahru, Kluang dan Segamat adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9
Jumlah Kekerapan Pemantauan Berdasarkan Bilangan Sekolah Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Jumlah Sekolah	Bilangan Sekolah Yang Dilawati				
		Yayasan Pelajaran Johor	Jabatan Pelajaran Negeri Johor	Penyelaras Hikmah Pejabat Pelajaran Daerah		
				Johor Bahru	Kluang	Segamat
2009	637	-	-	11	11	-
2010	437	-	-	4	6	3
2011	447	17	13	6	13	11

Sumber: Borang Pemantauan YPJ Dan Penyelaras Hikmah Pejabat Pelajaran Daerah
Nota: ‘ - ‘ Tiada Rekod Dalam Simpanan YPJ, JPNJ dan PPD

b. **Jadual 10.9** menunjukkan pada setiap tahun jumlah bilangan sekolah yang telah dilawati oleh setiap agensi adalah antara 3 hingga 17. Jumlah ini amat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah sekolah yang mengikuti Program Tuisyen Hikmah pada setiap tahun. Temu bual antara pihak Audit dan guru Tuisyen Hikmah juga mendapati ada sekolah yang tidak pernah dipantau oleh YPJ ataupun penyelaras lain. Faktor kekangan masa serta kekurangan tenaga kerja menyebabkan kurangnya pemantauan yang dibuat ke atas sekolah-sekolah yang terlibat dengan program ini. YPJ perlu kerap mengadakan pemantauan terhadap sekolah di bawah tajaannya kerana pemantauan yang dilakukan secara berkala membolehkan YPJ mengetahui perkembangan dan permasalahan yang dihadapi oleh guru sepanjang pelaksanaan program tuisyen.

c. YPJ mengakui pihaknya dan Pegawai Penyelaras kurang membuat pemantauan ekoran terdapat kekurangan pegawai untuk membuat pemantauan. **Menurut YPJ berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Mac 2012, pemantauan ada dilaksanakan pada tahun-tahun sebelum tetapi tidak secara berjadual. Penambahbaikan akan dibuat pada tahun 2012 berikutan pelantikan Timbalan Pengurus Besar YPJ yang ditugaskan untuk membuat pemantauan di samping pengisian beberapa lagi jawatan pegawai yang akan dibuat bagi memudahkan pelaksanaan proses pemantauan. Jadual juga akan disusun untuk membolehkan pemantauan dibuat lebih kerap dan melibatkan lebih banyak sekolah.**

10.4.3.2. Analisis Borang Instrumen Pemantauan Tidak Dibuat

Semakan Audit mendapati YPJ tidak pernah membuat rumusan terhadap hasil pemantauan yang dibuat oleh YPJ, JPNJ dan Penyelaras Hikmah PPD. Ini adalah kerana Borang Instrumen Pemantauan tidak direkodkan pada tahun 2009 dan 2010. YPJ juga tidak menyimpan hasil pemantauan yang dibuat oleh JPNJ dan Penyelaras Hikmah PPD. Oleh itu, analisis mengenai kekerapan bilangan sekolah yang pernah dilawati tidak dapat disemak oleh pihak Audit. YPJ seharusnya merekodkan Borang Instrumen Pemantauan supaya mereka boleh menganalisis hasil pemantauan borang tersebut bagi memantapkan Program Tuisyen Hikmah ini pada masa akan datang. **Menurut maklum balas YPJ bertarikh 2 Mac 2012, pemantauan yang telah dilakukan oleh Penyelaras Hikmah PPD memang tidak dianalisis oleh YPJ tetapi setiap permasalahan akan dibincangkan bersama penyelaras untuk tujuan penambahbaikan. Analisis terhadap pemantauan yang dijalankan akan dibuat mulai tahun 2012.**

Pada pendapat Audit, pemantauan Program Tuisyen Hikmah yang dilakukan oleh YPJ adalah kurang memuaskan kerana YPJ dan Pegawai Penyelaras kurang membuat pemantauan dan tiada analisis yang dibuat terhadap Borang Instrumen Pemantauan.

10.4.4. Prestasi Pencapaian Keputusan Peperiksaan Awam

Keberkesanan program Tuisyen Hikmah terhadap pencapaian murid yang mengikuti tuisyen ini dapat diukur melalui pencapaian keputusan peperiksaan awam yang didudukinya. Semakan Audit mendapati beberapa perkara berikut:

10.4.4.1. Pencapaian Murid Cemerlang Dan Menguasai

a. Matlamat utama program Tuisyen Hikmah ini adalah untuk meningkatkan prestasi dan bilangan murid yang lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan awam khususnya di kalangan murid bumiputera. Murid cemerlang adalah murid yang mendapat keputusan A dalam semua mata pelajaran yang diambil. Murid menguasai pula adalah calon yang mendapat keputusan A,B,C dalam semua mata pelajaran yang diduduki bagi peperiksaan UPSR dan A,B,C,D bagi peperiksaan PMR. Manakala untuk peperiksaan SPM, murid menguasai adalah murid yang mendapat B+, B, C+, dan C bagi mata pelajaran yang diambil. Semakan Audit mendapati YPJ tidak mempunyai sasaran bilangan calon yang akan memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam yang diduduki. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati bilangan murid Program Tuisyen Hikmah yang mencapai prestasi cemerlang dan menguasai dalam peperiksaan awam di seluruh Negeri Johor bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.10** hingga **Jadual 10.13**.

Jadual 10.10
Bilangan Murid Program Tuisyen Hikmah Berprestasi Cemerlang Dalam Peperiksaan Awam Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Jenis Peperiksaan Awam	2008			2009			2010		
		CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	CA (Murid)	MC (Murid)	(%)
1.	UPSR	14,479	2,057	14.2	14,075	1,999	14.2	5,954	1,615	27.1
2.	PMR	11,340	933	8.2	10,908	800	7.3	3,987	509	12.8
3.	SPM-Tuisyen Kampung	7,601	6	0.1	6,583	10	0.2	2,784	1	0.0
4.	SPM-Ibnu Sina	4,373	94	2.1	3,923	72	1.8	1,654	77	4.7
Jumlah Keseluruhan		**37,793**	**3,090**	**8.2**	**35,489**	**2,881**	**8.1**	**14,379**	**2,202**	**15.3**

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor
Nota: CA - Calon Ambil
MC - Murid Cemerlang (Semua Mata Pelajaran UPSR & PMR-A, SPM-A+,A,A-)

b. **Jadual 10.10** menunjukkan bagi tempoh 3 tahun, bilangan murid cemerlang bagi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM adalah seramai 3,090 murid bagi tahun 2008, 2,881 murid bagi tahun 2009 dan 2,202 murid bagi tahun 2010. Ini menunjukkan terdapat penurunan bilangan bagi murid yang mencapai prestasi cemerlang bagi tempoh 3 tahun. Bagaimanapun berdasarkan peratus, murid yang mencapai prestasi cemerlang adalah menurun dari 8.2% pada tahun 2008 kepada 8.1% pada tahun 2009 dan meningkat kepada 15.3% pada tahun 2010.

Jadual 10.11
Bilangan Murid Program Tuisyen Kampung Berprestasi Menguasai Dalam Peperiksaan UPSR Dan PMR Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Jenis Peperiksaan Awam	2008			2009			2010		
	CA (Murid)	MM (Murid)	(%)	CA (Murid)	MM (Murid)	(%)	CA (Murid)	MM (Murid)	(%)
UPSR	14,479	10,093	69.7	14,075	10,026	71.2	5,954	4,118	69.2
PMR	11,340	8,991	79.3	10,908	8,653	79.3	3,987	3,357	84.2
Jumlah Keseluruhan	**25,819**	**19,084**	**73.9**	**24,983**	**18,679**	**74.8**	**9,941**	**7,475**	**75.2**

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor
Nota: CA - Calon Ambil
MM - Murid Menguasai (Semua Mata Pelajaran UPSR-A,B,C, & PMR-A,B,C,D)

c. **Jadual 10.11** menunjukkan peratus murid menguasai bagi peperiksaan UPSR dan PMR meningkat dari 73.9% pada tahun 2008 kepada 74.8% pada tahun 2009 dan seterusnya kepada 75.2% pada tahun 2010. Bagi peperiksaan SPM pula, bilangan murid yang mencapai keputusan cemerlang dan menguasai bagi tahun 2009 dan 2010 dapat ditunjukkan mengikut mata pelajaran Program Tuisyen Hikmah sebagaimana di **Jadual 10.12** dan **Jadual 10.13**.

Jadual 10.12
Bilangan Murid Tuisyen Kampung Berprestasi Cemerlang Dan Menguasai Mengikut Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan SPM Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Mata Pelajaran	2009					2010				
		CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	MM (Murid)	(%)	CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	MM (Murid)	(%)
1.	Bahasa Melayu	6,621	2,246	33.9	3,643	55.0	2,844	1,268	44.6	1,384	48.7
2.	Bahasa Inggeris	6,620	161	2.4	1,776	26.8	2,844	59	2.1	978	34.4
3.	Matematik	6,611	857	13.0	2,166	32.8	2,843	505	17.8	1,270	44.7
4.	Sains	5,976	903	15.1	3,762	63.0	2,810	947	33.7	1,616	57.5
Purata		**6,457**	**1,042**	**16.1**	**2,837**	**43.9**	**2,835**	**695**	**24.5**	**1,312**	**46.3**

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor
Nota: CA - Calon Ambil
MC - Murid Cemerlang (A+,A,A-)
MM - Murid Menguasai (B+,B,C+,C)

Jadual 10.13
Bilangan Murid Tuisyen Ibnu Sina Berprestasi Cemerlang Dan Menguasai Mengikut Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan SPM Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Mata Pelajaran	2009					2010				
		CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	MM (Murid)	(%)	CA (Murid)	MC (Murid)	(%)	MM (Murid)	(%)
1.	Matematik Tambahan	4,004	503	12.6	1,716	42.9	1,708	416	24.4	845	49.5
2.	Fizik	3,833	359	9.4	2,276	59.4	1,651	237	14.4	1,007	61.0
3.	Kimia	3,917	383	9.8	1,506	38.4	1,686	340	20.2	828	49.1
4.	Biologi	3,020	188	6.2	1,694	56.1	1,522	199	13.1	1,032	67.8
Purata		**3,694**	**358**	**9.7**	**1,798**	**48.7**	**1,642**	**298**	**18.1**	**928**	**56.5**

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor
Nota: CA - Calon Ambil
MC - Murid Cemerlang (A+,A,A-)
MM - Murid Menguasai (B+,B,C+,C)

d. **Jadual 10.12** dan **Jadual 10.13** menunjukkan purata bilangan dan peratus murid yang mencapai keputusan menguasai berbanding murid yang mencapai keputusan cemerlang mengikut mata pelajaran untuk peperiksaan SPM Tuisyen Kampung adalah seramai 2,837 murid atau 43.9% pada tahun 2009 dan 1,312 murid atau 46.3% pada tahun 2010. Manakala bagi peperiksaan SPM Tuisyen Ibnu Sina adalah seramai 1,798 murid atau 48.7% pada tahun 2009 dan 928 murid atau 56.5% pada tahun 2010. Walaupun purata peratus murid cemerlang bagi setiap mata pelajaran meningkat pada tahun 2010, purata peratus murid menguasai juga meningkat.

e. Pihak Audit mendapati, mulai tahun 2010 YPJ telah membuat perubahan dasar yang mana jumlah bilangan murid dikurangkan dan pemilihan murid adalah di kalangan murid yang berpotensi cemerlang. Perubahan ini dilakukan kerana peratus murid cemerlang yang tidak banyak berubah pada tahun 2008 dan 2009. Perubahan dasar ini telah membawa kepada peningkatan peratus murid cemerlang pada tahun 2010. Bagaimanapun, jika dasar ini dikekalkan dikhuatiri akan menyebabkan wujudnya jurang pencapaian antara murid yang berpotensi cemerlang dan murid yang lemah dan sederhana. Selain itu, pemilihan murid di kalangan murid cemerlang ini akan menutup peluang murid lemah dan sederhana untuk mendapatkan tuisyen bagi meningkatkan prestasi pencapaian mereka terutamanya selepas bilangan pengambilan murid untuk program tuisyen ini dikurangkan.

10.4.4.2. Pencapaian Semua Gred E Dan Calon Gagal

a. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Sektor Penilaian Dan Peperiksaan JPNJ, terdapat juga murid yang mendapat keputusan semua gred E bagi peperiksaan UPSR dan PMR sebagaimana di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14
Bilangan Murid Program Tuisyen Kampung Yang Mendapat Semua E Dalam Peperiksaan UPSR Dan PMR Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Jenis Peperiksaan Awam	2008		2009		2010	
	Calon Ambil (Murid)	Semua E (Murid)	Calon Ambil (Murid)	Semua E (Murid)	Calon Ambil (Murid)	Semua E (Murid)
UPSR	14,479	11	14,075	11	5,954	0
PMR	11,340	0	10,908	0	3,687	1
Jumlah Keseluruhan	**25,819**	**11**	**24,983**	**11**	**9,641**	**1**

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor

b. **Jadual 10.14** menunjukkan jumlah calon yang mendapat semua E bagi tahun 2010 hanya seorang murid sahaja jika dibandingkan dengan tahun 2008 dan 2009 iaitu masing-masing 11 orang murid. Jumlah murid yang mendapat semua E semakin berkurang kerana YPJ telah memilih murid yang berpotensi cemerlang untuk mengikuti program Tuisyen Hikmah ini. Analisis Audit mendapati murid yang mendapat keputusan gagal dalam peperiksaan SPM mengikut mata pelajaran adalah seperti di **Jadual 10.15** dan **Jadual 10.16**.

Jadual 10.15
Bilangan Murid Program Tuisyen Kampung Yang Gagal Dalam Peperiksaan SPM Mengikut Mata Pelajaran Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Mata Pelajaran	2009		2010	
		Calon Ambil (Murid)	Murid Gagal	Calon Ambil (Murid)	Murid Gagal
1.	Bahasa Melayu	6,621	78	2,844	13
2.	Bahasa Inggeris	6,620	1,131	2,844	288
3.	Matematik	6,611	997	2,843	193
4.	Sains	5,976	88	2,810	16

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor

c. **Jadual 10.15** menunjukkan jumlah murid yang gagal paling tinggi bagi tahun 2009 dan 2010 adalah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris iaitu masing-masing seramai 1,131 dan 288 murid. Manakala jumlah murid yang gagal kedua tertinggi bagi tahun 2009 dan 2010 adalah dalam mata pelajaran Matematik iaitu masing-masing seramai 997 dan 193 murid.

Jadual 10.16
Bilangan Murid Program Tuisyen Ibnu Sina Yang Gagal Dalam Peperiksaan SPM Mengikut Mata Pelajaran Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Bil.	Mata Pelajaran	2009		2010	
		Calon Ambil (Murid)	Murid Gagal	Calon Ambil (Murid)	Murid Gagal
1.	Matematik Tambahan	4,004	483	1,708	111
2.	Fizik	3,833	24	1,651	3
3.	Kimia	3,917	177	1,686	20
4.	Biologi	3,020	25	1,522	4

Sumber: Sektor Penilaian Dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri Johor

d. **Jadual 10.16** menunjukkan jumlah murid yang gagal paling tinggi bagi tahun 2009 dan 2010 adalah bagi mata pelajaran Matematik Tambahan iaitu masing-masing seramai 483 dan 111 murid. Manakala jumlah murid yang gagal kedua tertinggi bagi

tahun 2009 dan 2010 adalah bagi mata pelajaran Matematik iaitu masing-masing seramai 177 dan 20 murid.

Pada pendapat Audit, peningkatan prestasi murid Program Tuisyen Hikmah adalah baik terutama dari segi peratus calon cemerlang hasil dari perubahan dasar pemilihan murid.

10.4.5. Pembayaran Elaun Guru Tidak Dibuat Dalam Tempoh Yang Ditetapkan

10.4.5.1. Mengikut proses kerja, YPJ akan membuat pembayaran tuntutan elaun guru antara bulan Julai dan Disember setiap tahun selepas menerima tuntutan bayaran daripada pihak guru. YPJ perlu menyediakan tuntutan bayaran sekolah sebanyak 4 salinan untuk proses pembayaran. Dua salinan akan dihantar kepada pihak sekolah yang mana satu salinan untuk simpanan sekolah dan satu salinan akan dipulangkan sebagai bukti penerimaan sekolah. Manakala 2 salinan lagi adalah untuk simpanan YPJ yang akan dilampirkan dengan baucar bayaran dan juga untuk simpanan fail. Setelah bayaran diterima oleh pihak guru, YPJ perlu memastikan setiap sekolah mengembalikan surat akuan bukti penerimaan bayaran berserta senarai nama guru dan resit bayaran.

10.4.5.2. Semakan Audit terhadap pembayaran elaun guru mendapati sejumlah RM62,688 tuntutan elaun guru untuk tempoh 3 tahun telah tidak dibayar pada tahun semasa sebaliknya dibayar pada tahun berikutnya. Pihak Audit tidak dapat memastikan tempoh kelewatan tuntutan tersebut kerana setiap tuntutan yang diterima oleh YPJ daripada sekolah tidak dicop dengan tarikh tuntutan diterima. Butiran lanjut adalah sebagaimana **Jadual 10.17**.

Jadual 10.17
Elaun Guru Yang Lewat Dibayar Oleh YPJ Bagi Tahun 2008 Sehingga 2010

Bil.	No. Baucer	Tarikh Baucer	Nama Sekolah	Jumlah (RM)	Tahun Tuntutan
1.	0206/09S	10.4.09	SK Seri Binjai	1,040	2008
2.	0250/09S	28.4.09	SK Labis	1,872	2008
3.	0251/09S	28.4.09	SK Punggai	2,080	2008
4.	0252/09S	28.4.09	SMK Tun Sri Lanang	4,760	2008
5.	0253/09S	28.4.09	SK Serom 5	2,080	2008
6.	0259/09S	28.4.09	SK Telok Ramunia	2,080	2008
7.	0258/09S	28.4.09	SJK T Jln Tajul	3,796	2008
8.	0257/09S	28.4.09	SR Agama Bersepadu KT	2,080	2008
9.	0256/09S	28.4.09	Sekolah Tinggi Muar	120	2008
10.	0255/09S	28.4.09	SMK Bandar Seri Alam	250	2008
11.	0254/09S	28.4.09	SK Tmn Bkt Tiram	130	2008
12.	0379/09S	16.6.09	SK Pekan Nenas	2,080	2008
13.	0359/09S	26.5.09	SMK Pasir Gudang	4,480	2008
14.	0097-02/2010	12.2.10	SMK Taman Desa Skudai	7,200	2009
15.	0098-02/2010	12.2.10	SK Kayu Ara Pasong	280	2009
16.	0536-02/2010	20.5.10	SK Kg Bahru	1,440	2009
17.	0126-02/2011	4.3.11	SMK Dato' Ali Haji Ahmad	7,200	2010
18.	0241-02/2011	8.4.11	SMK Tanjung Adang	7,200	2010
19.	0242-02/2011	8.4.11	SMK Paduka Tuan	2,440	2010
20.	0268-02/2011	19.4.11	SRK Convent BP	2,880	2010
21.	0499-02/2011	27.6.11	SMK Dato' Ali Haji Ahmad	7,200	2010
Jumlah				**62,688**	

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

10.4.5.3. Jadual 10.17 menunjukkan tuntutan berjumlah RM62,688 iaitu RM26,848 bagi tahun 2008, RM8,920 bagi tahun 2009 dan RM26,920 bagi tahun 2010 masing-masing telah dibayar pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Pihak Audit mendapati YPJ tidak menyediakan Daftar Tuntutan Elaun Guru Hikmah yang diperlukan bagi memastikan semua tuntutan telah direkodkan dan dibayar kepada sekolah dalam tempoh yang ditetapkan. YPJ juga tidak menggunakan perkhidmatan *electronic fund transfer* (EFT) dalam membuat pembayaran tuntutan elaun guru bagi mengurangkan risiko kelewatan pembayaran akibat penggantian cek yang terdapat kesilapan nama. Kurangnya pemantauan oleh pihak yang terlibat juga menyebabkan tuntutan lewat dikemukakan dan seterusnya tidak dapat dibayar dalam tempoh yang sepatutnya. Selain itu, semakan Audit mendapati YPJ tidak menyediakan daftar bagi borang akuan penerimaan elaun yang dihantar oleh sekolah. Semakan lanjut terhadap 142 salinan borang akuan penerimaan elaun yang dilampirkan bersama dengan baucar bayaran tuntutan guru juga mendapati hanya 34 sahaja yang lengkap dengan pengesahan akuan terima dari sekolah dan guru. Kesannya, YPJ tidak dapat memastikan sama ada setiap sekolah dan guru telah menerima bayaran yang telah dituntut.

10.4.5.4. Berdasarkan maklum balas YPJ bertarikh 2 Mac 2012, pembayaran tuntutan elaun guru lewat dibayar antaranya disebabkan pihak sekolah/PPD lewat menghantar tuntutan, dokumen hilang ketika penghantaran tuntutan dibuat, proses semakan memakan masa yang panjang berikutan ketiadaan sistem dan penghantaran tuntutan dari setiap daerah yang diterima kesemuanya dalam satu masa serta terdapat penggantian cek ekoran kesilapan nama.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran tuntutan elaun guru kurang memuaskan kerana YPJ tidak menyimpan rekod dengan teratur dan pihak sekolah dan guru lewat mengemukakan tuntutan.

10.4.6. Dokumen Tidak Disimpan Dengan Teratur

Pengurusan rekod dan maklumat yang baik membolehkan maklumat mudah diperoleh bagi tujuan membuat keputusan dan pemantauan oleh pihak atasan mengenai Program Tuisyen Hikmah. Selain itu, bilangan tenaga kerja yang mencukupi adalah penting untuk memastikan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan baik. Ini kerana sesuatu program melibatkan proses perancangan dan pemantauan terhadap pelaksanaannya termasuk penyimpanan serta pengemaskinian rekod. Semakan Audit mendapati, carta organisasi YPJ menunjukkan Program Tuisyen Hikmah adalah di bawah tanggungjawab Unit Pembangunan Insan yang hanya mempunyai 2 perjawatan iaitu Pengurus dan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir. Mengikut Senarai Tugas, Pembantu Tadbir bertanggungjawab untuk menguruskan semua penerimaan, penyemakan dan penyimpanan dokumen mengenai Program Hikmah untuk ratusan buah sekolah pada setiap tahun. Dalam masa yang sama Pembantu Tadbir juga perlu membuat pemantauan di sekolah-sekolah yang terlibat. Selain itu, Pembantu Tadbir ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan Skim Pendaftaran IPT dan Sumbangan Biasiswa. Tanggungjawab yang banyak ini menyebabkan terdapat beberapa dokumen seperti minit mesyuarat yang berkaitan program Tuisyen Hikmah, borang pemantauan,

rumusan tuntutan dan keputusan pencapaian peperiksaan bagi setiap murid telah hilang. Kebanyakan dokumen hanya disimpan dalam kotak sebagaimana **Gambar 10.1** dan **Gambar 10.2**. **Menurut maklum balas bertarikh 2 Mac 2012, YPJ mengakui pengurusan sistem rekod dan maklumat Program Hikmah adalah tidak teratur. Sistem penyusunan rekod dan dokumen telah dilaksanakan pada tahun 2011 tetapi masih dalam bentuk manual.**

Gambar 10.1 **Gambar 10.2**

Dokumen Hikmah Tidak Disimpan Dengan Teratur

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Yayasan Pelajaran Johor
Tarikh: 8 Disember 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Yayasan Pelajaran Johor
Tarikh: 8 Disember 2011

Pada pendapat Audit, penyimpanan dokumen adalah kurang memuaskan kerana terdapat rekod yang tidak dapat dikesan dan dirujuk.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan pencapaian objektif Program Tuisyen Hikmah dapat dipertingkatkan lagi, YPJ adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

10.5.1. YPJ perlu mengkaji semula kaedah pelaksanaan Program Tuisyen Hikmah dengan menyediakan garis panduan lengkap bagi memastikan syarat pemilihan sekolah, pelajar dan guru serta penyediaan modul P&P yang dibuat dapat memenuhi objektif sebenar program ini.

10.5.2. YPJ perlu memastikan murid lemah dan sederhana dan murid kurang berkemampuan diberi keutamaan untuk mengikuti program tuisyen ini sejajar dengan matlamat asal program tuisyen ini dan juga fungsi Yayasan Pelajaran Johor itu sendiri.

10.5.3. YPJ perlu menambah kakitangan dan bekerjasama dengan Pegawai Penyelaras bagi memperbanyakkan pemantauan ke sekolah-sekolah terlibat supaya masalah dan perkembangan program dapat diketahui.

10.5.4. YPJ perlu menyediakan Daftar Tuntutan Elaun Guru Hikmah dan membuat pembayaran tuntutan elaun guru melalui EFT agar semua tuntutan dapat direkodkan dan dibayar kepada sekolah dengan sempurna.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM JOHOR

11. PEROLEHAN DAN PENGURUSAN BUKU PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM JOHOR

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) telah ditubuhkan di bawah Enakmen PPAJ Tahun 1982 dan mula beroperasi pada Ogos 1984. Tujuan PPAJ ditubuhkan adalah sebagai pusat maklumat dan menyediakan akses maklumat yang mudah untuk menyokong usaha pembelajaran sepanjang hayat serta membantu usaha memupuk budaya membaca. PPAJ mempunyai sebuah perpustakaan pusat (ibu pejabat) di Johor Bahru, 14 perpustakaan cawangan dan 53 perpustakaan desa bagi memastikan tujuan penubuhannya dapat dicapai.

11.1.2. Aktiviti utama PPAJ adalah menyediakan bahan bacaan untuk kegunaan ahli dan pengunjung. PPAJ mengenakan yuran kepada ahli dengan bayaran tahunan antara RM5 hingga RM150 mengikut kategori yang ditetapkan iaitu kanak-kanak, dewasa, pelajar sekolah, pelajar universiti dan jabatan/korporat. Sehingga Disember 2011, keahlian PPAJ adalah berjumlah 204,956 orang. Jumlah pengunjung pada tahun 2009 hingga 2011 bagi ibu pejabat, cawangan dan desa adalah berjumlah 1.22 juta orang iaitu seramai 425,351 orang bagi tahun 2009, seramai 405,457 orang pada tahun 2010 dan seramai 386,461 orang bagi tahun 2011.

11.1.3. Mengikut keputusan Majlis Kewangan Negara 1991, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menanggung bersama perbelanjaan mengurus PPAJ pada nisbah 50:50. Peruntukan Kerajaan Negeri adalah khusus untuk perbelanjaan mengurus dan pembiayaan program yang dianjurkan oleh PPAJ seperti Program Galakan Membaca. Tiada peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk pembelian buku. PPAJ telah menerima peruntukan belanja mengurus daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM9 juta bagi tempoh 2009 hingga 2011. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.75 juta bagi tahun 2009 hingga 2011 dibahagikan mengikut pecahan yang telah ditetapkan iaitu 50% untuk pembelian buku, 30% untuk elaun staf sambilan, 10% untuk penyelenggaraan dan 10% untuk latihan. PPAJ telah membeli buku berjumlah RM1.34 juta bagi tahun 2009, RM0.44 juta bagi tahun 2010 dan RM0.56 juta bagi tahun 2011. Maklumat peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang diterima serta perolehan buku PPAJ bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Peruntukan Diterima Daripada Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Serta Perolehan Buku PPAJ Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan Kerajaan Negeri (RM Juta)	Peruntukan Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Jumlah Peruntukan Diterima (RM Juta)	Nilai Perolehan Buku (RM Juta)
2009	3.0	2.15	5.15	1.34
2010	3.0	0.74	3.74	0.44
2011	3.0	0.86	3.86	0.56
Jumlah	**9.0**	**3.75**	**12.75**	**2.34**

Sumber: PPAJ

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perolehan dan pengurusan buku telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektifnya.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan dan pengurusan buku bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan telah dijalankan di PPAJ Ibu Pejabat, 4 buah perpustakaan cawangan iaitu 2 perpustakaan di Daerah Johor Bahru, Daerah Pontian dan Daerah Mersing serta 7 Perpustakaan Desa (PD) iaitu PD Taman Sri Pulai, PD Kg Mulia, PD Parit Mokhayat, PD Parit Haji Siraj, PD Kg. Serkat, PD Felda Endau dan PD Felda Tenggaroh 3. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dan menganalisis maklumat berasaskan data, rekod, fail dan dokumen berkaitan dengan perolehan buku. Dokumen yang disemak adalah minit mesyuarat, peruntukan kewangan, laporan tahunan, baucar bayaran, fail surat-menyurat dan lain-lain. Perbincangan dan temu bual diadakan dengan pegawai PPAJ bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai perolehan dan pengurusan buku. Pengauditan ini juga melibatkan lawatan ke perpustakaan cawangan dan desa di daerah bagi menilai tahap pengurusan buku yang dijalankan. Soal selidik diedarkan kepada pengguna bagi mendapat maklum balas mengenai kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PPAJ dan buku-buku yang disediakan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan mulai bulan Oktober hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya perolehan dan pengurusan buku di PPAJ adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Perolehan buku tidak seimbang dan semakin menurun.
- Perolehan buku melebihi RM50,000 dibuat secara terus.
- Perolehan buku sebelum peruntukan diterima dan penerimaan buku lewat disahkan.

- Buku lewat diproses dan dipamerkan.
- Tahap kawalan keselamatan buku yang rendah.
- Kaedah pemulangan buku tidak berkesan.
- Buku tidak dibekalkan ke PPAJ Desa.
- Buku yang dihantar ke PPAJ Cawangan tidak diproses terlebih dahulu.
- Pengurusan penerimaan buku sumbangan tidak teratur.
- Tindakan pelupusan buku belum diambil.

11.4.1. Prestasi Perolehan Buku

11.4.1.1. Pemilihan buku yang hendak dibeli perlulah mengikut Garis Panduan Pembangunan Koleksi PPAJ iaitu mengikut bahasa, buku rujukan, ilmiah dan dapat menarik minat serta keperluan pelbagai peringkat umur. Daripada sampel perolehan buku yang telah dibayar bagi tempoh 2009 hingga 2011 di PPAJ Ibu Pejabat, Cawangan dan Desa yang dikategorikan kepada buku kanak-kanak, ilmiah dan novel mendapati bilangan buku yang dibeli mengikut kategori adalah semakin menurun. Maklumat lanjut mengenainya adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Pembelian Buku Mengikut Kategori Di PPAJ Ibu Pejabat, Cawangan Dan Desa Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Tahun	Pembelian Buku (Naskhah)									
	Ibu Pejabat			Cawangan			Desa			Jumlah
	Kanak-Kanak	Ilmiah	Novel	Kanak-Kanak	Ilmiah	Novel	Kanak-Kanak	Ilmiah	Novel	
2009	4,895	1,947	115	3,925	975	495	17,754	0	0	30,106
2010	182	713	208	180	0	0	14,860	0	636	16,779
2011	78	82	71	672	14	0	8,798	0	0	9,715
Jumlah	**5,155**	**2,742**	**394**	**4,777**	**989**	**495**	**41,412**	**0**	**636**	**56,600**

Sumber: Unit Perolehan, PPAJ

11.4.1.2. Berdasarkan Jadual 11.2, bilangan buku yang dibeli bagi tahun 2009 hingga 2011 di PPAJ Ibu Pejabat menunjukkan bilangan pembelian buku novel adalah lebih rendah berbanding buku Ilmiah dan buku kanak-kanak iaitu 5,155 naskhah buku kanak-kanak, 2,742 naskhah buku ilmiah dan 394 naskhah buku novel. Manakala bagi PPAJ Cawangan, tiada pembelian dibuat bagi buku ilmiah dan novel pada tahun 2010 dan hanya 14 naskhah buku ilmiah pada tahun 2011. Pembelian buku untuk perpustakaan PPAJ Desa juga menunjukkan ketidakseimbangan apabila tiada buku ilmiah dibeli pada tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, hanya 636 naskhah novel dibeli pada tahun 2010 dan tiada pembelian dibuat dalam tahun 2009 dan tahun 2011.

11.4.1.3. Perolehan buku PPAJ semakin menurun disebabkan PPAJ tidak menyediakan unjuran bilangan buku yang akan dibeli bagi memenuhi keperluan dan permintaan di PPAJ Ibu Pejabat, Cawangan dan Desa mengikut kategori berdasarkan peruntukan yang

diluluskan. Selain itu, tiada Jawatankuasa Pemilihan Buku diwujudkan bagi memastikan koleksi buku adalah lengkap dan dapat memenuhi keperluan. Cadangan perolehan dan pemilihan buku juga tidak disediakan bagi tahun 2009 hingga 2011.

11.4.1.4. Penurunan dalam perolehan buku juga disebabkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) semakin berkurangan dan lewat diterima. Bagaimanapun, pihak PPAJ tidak mengemukakan permohonan peruntukan yang diperlukan setiap tahun kepada PNM kerana berpendapat PNM telah maklum mengenai keperluan peruntukan PPAJ sebagaimana keputusan Majlis Kewangan Negara (MKN) Tahun 1991. Berdasarkan keputusan MKN, PPAJ telah menerima peruntukan belanja mengurus berjumlah RM3 juta setahun bagi tempoh 2009 hingga 2011 daripada Kerajaan Negeri.

11.4.1.5. Maklum balas PPAJ bertarikh 17 Februari 2012 menyatakan, bilangan buku yang dapat dibeli bagi tempoh 2009 hingga 2011 semakin menurun disebabkan jumlah peruntukan yang diterima semakin berkurangan. Selain itu, pembelian buku bagi kategori kanak-kanak, ilmiah dan novel tidak seimbang kerana pembelian adalah mengikut keperluan pengunjung perpustakaan manakala pembelian buku untuk PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa ditumpukan kepada kategori buku kanak-kanak dan PPAJ Ibu Pejabat pula adalah kategori buku ilmiah.

11.4.1.6. Kesan daripada perolehan buku yang tidak seimbang dan tidak mempunyai perancangan mengikut keperluan menyebabkan berlaku pembelian melebihi keperluan serta belum diproses dan buku tersebut disimpan dalam stor simpanan buku PPAJ. Bagaimanapun, kapasiti stor yang terhad menyebabkan lambakan lebihan buku yang belum diproses memenuhi ruang dalam stor PPAJ seperti di **Gambar 11.1** dan **Gambar 11.2**.

Gambar 11.1
Lambakan Buku Disimpan Dalam Kotak Dan Diletakkan Di Rak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 11.2
Lambakan Buku Diletakkan Atas Lantai Disebabkan Kapasiti Stor Terhad

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 10 November 2011

11.4.1.7. Pengiraan Audit secara fizikal terhadap sebahagian daripada lambakan buku seperti ditunjukkan di Gambar 11.1 mendapati 1,326 naskhah pelbagai tajuk belum diproses iaitu tidak diberikan nombor siri (nombor ketuk), dilabel, dibalut dan belum dimasukkan dalam sistem *Integrated Library Management Utility* (ILMU) untuk didaftarkan. Selain itu, terdapat beberapa buku yang dibeli sebelum tahun 2008 telah rosak dan tidak terkini (*out of date*) seperti buku teknologi maklumat bertajuk *Word* 2003, Siri XP *Microsoft Power Point* 2002 dan *Auto CAD* 2002-Langkah Demi Langkah. Sebahagian buku yang telah rosak adalah seperti di **Gambar 11.3** dan **Gambar 11.4**.

Gambar 11.3
Buku Rosak Akibat Disimpan Lama Dalam Kotak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 14 November 2011

Gambar 11.4
Kulit Buku Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 14 November 2011

Pada pendapat Audit, perolehan buku PPAJ tidak dirancang dengan teliti kerana tiada unjuran pembelian buku setiap tahun. Ini menyebabkan perolehan buku mengikut kategori tidak seimbang dan berlaku lebihan buku yang belum diproses masih disimpan dalam stor. Selain itu, buku-buku tersebut juga rosak dan tidak terkini (*out of date*) tanpa dapat dimanfaatkan oleh pengguna.

11.4.2. Perolehan Buku Secara Terus

11.4.2.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menetapkan perolehan bekalan yang bernilai antara RM50,000 hingga RM500,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya 5 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

11.4.2.2. Semakan Audit mendapati jumlah keseluruhan perolehan buku PPAJ bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah melebihi RM50,000 setiap tahun dan tidak dibuat secara sebut harga. Perolehan adalah dibuat secara pembelian terus dengan jumlah setiap invois kurang daripada RM50,000 dan pelawaan sebut harga daripada 5 syarikat pembekal juga tidak dibuat. Butiran lanjut mengenai perolehan buku PPAJ bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Perolehan Buku PPAJ Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Bilangan Buku (Naskhah)	Perolehan Buku (RM Juta)
2009	30,106	1.34
2010	16,779	0.44
2011	9,715	0.56
Jumlah	**56,600**	**2.34**

Sumber: Unit Perolehan, PPAJ

11.4.2.3. Berdasarkan Jadual 11.3, perolehan buku PPAJ bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM2.34 juta iaitu RM1.34 juta bagi tahun 2009, RM0.44 juta bagi tahun 2010 dan RM0.56 juta bagi tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit mendapati beberapa pesanan tempatan telah dikeluarkan pada tarikh yang sama dengan jumlah keseluruhan perolehan adalah melebihi RM50,000. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Perolehan Buku Bagi PPAJ Cawangan Dan Desa Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	No. PT	Tarikh	Perolehan Buku (RM)	Jumlah (RM)
Tahun 2009				
1.	698185	17.8.2009	49,961	199,907
2.	698186		49,995	
3.	698187		49,978	
4.	698189		49,973	
5.	698230	5.11.2009	50,000	199,998
6.	698231		49,999	
7.	698232		50,000	
8.	698233		49,999	
Tahun 2010				
9.	698347	9.7.2010	45,580	158,996
10.	698349		46,647	
11.	698350		42,537	
12.	698352		10,780	
13.	698353		13,452	
Tahun 2011				
14.	698450	26.5.2011	33,056	62,296
15.	698449		29,240	
Jumlah			**621,197**	**621,197**

Sumber: Unit Perolehan, PPAJ
Nota: PT- Pesanan Tempatan

11.4.2.4. Berdasarkan Jadual 11.4, PPAJ telah membuat perolehan buku bagi PPAJ Cawangan dan Desa melebihi RM50,000 pada tarikh yang sama tanpa melalui proses sebut harga. Pemilihan buku dan pembekal dilakukan terus oleh pengurusan PPAJ dan pesanan tempatan telah dikeluarkan oleh Unit Kewangan PPAJ. Selain itu, PPAJ juga tidak menekankan aspek latihan kepada kakitangan yang terlibat dengan perolehan. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, hanya 1 kursus berkaitan perolehan sahaja dihadiri oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab dengan perolehan buku di PPAJ. PPAJ juga

tidak mengemukakan permohonan peruntukan perolehan buku bagi tahun 2009 hingga 2011 kepada PNM.

11.4.2.5. Maklum balas PPAJ bertarikh 17 Februari 2012 menjelaskan, pelawaan secara sebut harga tidak dibuat kerana harga buku adalah sama di antara pembekal. Bagaimanapun, PPAJ akan mewujudkan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga sekiranya diperlukan. Permohonan peruntukan perolehan buku kepada PNM juga tidak dikemukakan kerana tiada dasar untuk keperluan tersebut.

Pada pendapat Audit, pembelian buku tidak dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada kerana pembelian buku dalam jumlah yang besar tidak dibuat melalui proses sebut harga. Ini merugikan PPAJ kerana tidak berpeluang memperoleh harga yang lebih kompetitif.

11.4.3. Perolehan Buku Sebelum Peruntukan Diterima Dan Penerimaan Buku Lewat Disahkan

11.4.3.1. Sebagai satu kawalan dalaman dalam pengurusan perbelanjaan, setiap pesanan tempatan yang dikeluarkan perlu dipastikan mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi mengelakkan perbelanjaan tanpa peruntukan. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2006 menetapkan Ketua Jabatan memastikan bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ia diterima. Selain itu, penyemakan buku hendaklah dilakukan segera bagi memastikan pembayaran dapat dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

11.4.3.2. Semakan Audit mendapati 46 pesanan tempatan pembelian buku berjumlah RM0.82 juta telah dikeluarkan sebelum peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2009 hingga 2011. Maklumat lanjut mengenai jumlah pesanan tempatan dikeluarkan tanpa peruntukan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Tarikh Peruntukan Diterima Dan Pesanan Tempatan Dikeluarkan Sebelum Peruntukan Diterima Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Tahun	Peruntukan Diterima		Nilai Pesanan Tempatan (RM Juta)	Jumlah Perolehan Buku (RM Juta)	PT Dikeluarkan Sebelum Peruntukan Diterima	
	Tarikh	Jumlah (RM Juta)			Bilangan	Jumlah (RM)
2009	**27.7.2009**	**1.08**	**1.34**	**1.34**	**37**	**812,512**
2010	8.4.2010 28.6.2010 27.10.2010	0.19 0.10 0.08	0.21 0.21 0.02	0.44	5	5,674
Jumlah 2010		**0.37**	**0.44**	**0.44**	**5**	**5,674**
2011	15.3.2011 11.7.2011	0.22 0.21	0.34 0.22	0.56	4	3,934
Jumlah 2011		**0.43**	**0.56**	**0.56**	**4**	**3,934**
Jumlah Besar		**1.88**	**2.34**	**2.34**	**46**	**822,120**

Sumber: Unit Kewangan, PPAJ
Nota: PT- Pesanan Tempatan

11.4.3.3. Berdasarkan Jadual 11.5, sebanyak 37 pesanan tempatan berjumlah RM0.81 juta dikeluarkan sebelum peruntukan diterima pada tahun 2009, 5 pesanan tempatan berjumlah RM5,674 pada tahun 2010 dan 4 pesanan tempatan berjumlah RM3,934 pada tahun 2011. Pesanan tempatan yang dikeluarkan tidak direkodkan dan tidak ada semakan atau pengesahan oleh Pengarah PPAJ ke atas buku vot bagi menentukan PPAJ mempunyai peruntukan yang mencukupi setelah pembelian dibuat. Juga didapati buku vot tidak diselenggarakan dengan teratur bagi menentukan baki sebenar peruntukan. Seterusnya, ini telah menyebabkan pembayaran kepada pembekal tidak dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan kerana tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.

11.4.3.4. Selain itu, semakan Audit mendapati pengesahan semakan ke atas bekalan buku yang melibatkan 51 bil lewat dijalankan iaitu antara 11 hingga 226 hari. Butiran lanjut mengenai analisis tempoh kelewatan pengesahan semakan buku yang diterima adalah seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Analisis Tempoh Kelewatan Pengesahan Semakan Buku Yang Diterima Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tempoh Semakan (Hari)	Bil. Baucar	Jumlah Bayaran (RM Juta)
11 - 50	11	0.17
51 - 100	9	0.26
101 - 200	27	0.37
201 - 226	4	0.15
Jumlah	**51**	**0.95**

Sumber: Baucar Bayaran Pembelian Buku, PPAJ

11.4.3.5. Berdasarkan Jadual 11.6, analisis Audit terhadap pengesahan bagi semakan yang dijalankan mendapati 11 baucar disemak dalam masa 11 hingga 50 hari, 9 baucar disemak dalam masa 51 hingga 100 hari, 27 baucar disemak dalam masa 101 hingga 200 hari dan 4 baucar disemak dalam masa 201 hingga 226 hari.

11.4.3.6. Selain itu, pengesahan dan semakan terhadap bekalan buku dibuat berdasarkan nota penghantaran atau invois tanpa merujuk kepada senarai buku yang telah dipesan oleh PPAJ. Lampiran senarai buku yang dipesan oleh PPAJ melalui pesanan tempatan tidak disediakan dan pengesahan bilangan dan tajuk buku yang sebenarnya dipesan tidak dapat ditentukan. Pesanan tempatan yang dikeluarkan dalam tahun 2009 tidak menentukan bilangan, tajuk dan harga buku yang telah dipilih tetapi berdasarkan invois yang dikemukakan oleh pembekal. Pembayaran adalah berdasarkan invois dan tidak dapat dibandingkan dengan senarai pesanan yang telah dibuat. Bagi tahun 2010 dan 2011, senarai pesanan buku ada disediakan oleh Unit Perolehan semasa pesanan dibuat.

11.4.3.7. Kelewatan penyemakan buku-buku adalah disebabkan hanya 2 orang pegawai di Unit Perolehan yang dipertanggungjawabkan sebagai penerima aset. Permohonan penambahan perjawatan baru telah dipohon pada tahun 2009 namun tidak diluluskan kerana arahan pembekuan jawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kelewatan juga disebabkan PPAJ tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membayar bekalan buku kerana pesanan tempatan telah dikeluarkan sebelum peruntukan diterima.

11.4.3.8. Akibat daripada kelewatan membuat pengesahan telah menyebabkan tuntutan oleh pembekal buku lewat dibayar antara 27 hingga 517 hari. Di samping itu, sehingga Disember 2011 sebanyak 17 pesanan tempatan tahun 2011 berjumlah RM0.34 juta dan 1 pesanan tempatan tahun 2010 bernilai RM0.01 juta belum dijelaskan kepada pembekal. Bagaimanapun, sebanyak 11 pesanan tempatan hanya dikeluarkan dalam tahun 2011 bagi buku yang diterima tahun 1999 hingga 2001 bernilai RM0.38 juta. Semakan Audit juga mendapati tuntutan 3 syarikat pembekal yang telah membekalkan buku pada tahun 2001 dan 2002 berjumlah RM0.11 juta masih belum dijelaskan oleh PPAJ. Maklumat pesanan tempatan yang belum dijelaskan sehingga Disember 2011 adalah seperti di **Jadual 11.7**.

Jadual 11.7
Pesanan Tempatan (PT) Tahun 2010 Dan 2011
Yang Belum Dijelaskan Sehingga Disember 2011

PT Belum Dijelaskan (Bekalan Buku Tahun 2010 Dan 2011)		PT Lewat Dikeluarkan (Bekalan Buku Tahun 1999 Hingga 2001)		PT Belum Dikeluarkan (Bekalan Buku Tahun 2001 Dan 2002)	
Jumlah	**(RM Juta)**	**Jumlah**	**(RM Juta)**	**Syarikat**	**(RM Juta)**
18	0.35	11	0.38	3	0.11

Sumber: Unit Kewangan, PPAJ

11.4.3.9. Maklum balas PPAJ bertarikh 17 Februari 2012 menyatakan, perkara ini berlaku disebabkan peruntukan yang lewat diterima. Bagaimanapun, PPAJ mempunyai baki tunai di bank yang mencukupi untuk menampung pembelian. Selain itu, tindakan merekodkan pesanan tempatan dalam buku vot dan semakan akan dilakukan bagi memastikan tidak berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan. Manakala pengesahan penerimaan buku lewat dilaksanakan sehingga menyebabkan pembayaran lewat dijelaskan kerana peruntukan daripada Kerajaan

Negeri dan Kerajaan Persekutuan lewat diterima. Selain itu, peruntukan Kerajaan Persekutuan yang diterima juga adalah kurang daripada yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, perolehan buku tidak teratur kerana pembelian dibuat sebelum peruntukan diterima manakala buku yang diterima lewat disahkan. Ini menyebabkan bayaran kepada pembekal buku lewat dibuat.

11.4.4. Buku Lewat Diproses Dan Dipamerkan

11.4.4.1. Mengikut prosedur PPAJ, perolehan buku yang telah lengkap diperiksa penerimaannya akan diserahkan kepada Unit Katalog untuk diproses. Buku-buku yang berharga melebihi RM500 senaskhah dan buku edisi terhad dikategorikan sebagai buku bernilai tinggi. Buku bernilai tinggi diletakkan dalam bilik rujukan di mana buku hanya boleh dijadikan rujukan di PPAJ dan tidak dibenarkan dipinjam. Pihak Audit dimaklumkan tiada prosedur yang menetapkan tempoh masa yang perlu diambil untuk memproses buku sehingga ia dipamerkan kepada pengguna.

11.4.4.2. Semakan Audit mendapati 8,028 buku bernilai RM0.39 juta yang dibeli pada tahun 2009 dan 2011 belum diproses iaitu 4,254 naskhah yang bernilai RM0.32 juta pada tahun 2009 dan 3,774 naskhah bernilai RM0.07 juta pada tahun 2011. Pembelian pada tahun 2010 telah siap diproses. Termasuk dalam jumlah tersebut ialah buku yang dikategorikan bernilai tinggi sebanyak 154 naskhah berjumlah RM0.27 juta dalam tahun 2009 hingga 2011. Daripada jumlah tersebut, 102 naskhah belum diproses antara 637 hingga 652 hari di mana sebanyak 31 naskhah atau 30% belum diproses selepas 652 hari penerimaan. PPAJ memaklumkan, sebanyak 32 naskhah telah diagihkan ke PPAJ Cawangan manakala 20 naskhah ditempatkan di PPAJ Ibu Pejabat tetapi hanya 3 naskhah yang dipamerkan manakala 17 naskhah lagi tidak dipamerkan di bilik rujukan kerana belum selesai diproses. Lawatan Audit ke PPAJ Cawangan Pontian, Mersing, Taman Ungku Tun Aminah dan Taman Universiti di Johor Bahru mendapati pengagihan buku-buku ke PPAJ Cawangan telah dibuat pada bulan Februari 2010 dan telah dipamerkan. Butiran lanjut mengenai pengagihan buku tersebut adalah seperti di **Jadual 11.8**.

Jadual 11.8
Pengagihan Buku Bernilai Tinggi Ke PPAJ Cawangan

Bil.	Tajuk Buku	PPAJ Cawangan				
		Pontian	Mersing	Taman Ungku Tun Aminah	Taman Universiti	Jumlah
1.	Ensiklopedia Kesenian Dan Warisan Islam	1 set (14 Jilid)	1 set (14 jilid)	1 set (14 jilid)	Tiada	3 set
2.	*Encyclopedia Of Hansard*	Tiada	2 set (11 jilid)	Tiada	Tiada	2 set

Sumber: PPAJ Cawangan

11.4.4.3. Berdasarkan Jadual 11.8, PPAJ Taman Universiti tidak menerima buku-buku tersebut manakala PPAJ Pontian dan PPAJ Taman Ungku Tun Aminah tidak menerima buku *Encyclopedia of Hansard* yang bernilai RM3,800 setiap set. Bagaimanapun, tiada bukti pengesahan penghantaran dan penerimaan disediakan oleh PPAJ Ibu Pejabat dan PPAJ Cawangan.

11.4.4.4. Unit Katalog lewat memproses buku yang dibeli pada tahun 2009 dan 2011 disebabkan tiada prosedur ditetapkan mengenai tempoh masa yang perlu diambil bagi memproses buku. Selain itu, kelewatan juga disebabkan pengesahan semakan ke atas bekalan buku lewat dijalankan antara 11 hingga 226 hari. Kelewatan pengesahan dan semakan buku menyebabkan pembayaran tidak dapat dilakukan dan pemprosesan buku tidak dapat dilaksanakan.

11.4.4.5. Akibat daripada kelewatan tersebut, buku-buku tidak dapat dipamerkan pada masa yang sepatutnya dan tidak dapat digunakan oleh pengunjung. Selain itu, pembelian buku untuk diagihkan kepada PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa juga lewat dilaksanakan oleh Unit Katalog PPAJ. Buku yang belum diproses dan lewat diagihkan kepada PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa adalah seperti di **Gambar 11.5** hingga **Gambar 11.8**.

Gambar 11.5
Buku-Buku Belum Diproses

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Katalog, PPAJ
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 11.6
Buku-Buku Masih Disimpan Dalam Kotak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Katalog, PPAJ
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 11.7
Buku-Buku Lewat Diagihkan
Ke Perpustakaan Desa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Katalog, PPAJ
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 11.8
Buku-Buku Lewat Diagihkan
Ke Perpustakaan Desa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Unit Katalog, PPAJ
Tarikh: 10 November 2011

Pada pendapat Audit, tempoh memproses buku sehingga ia dipamerkan di semua perpustakaan PPAJ mengambil masa yang agak lama menyebabkan ahli dan pengunjung tidak dapat menggunakannya.

11.4.5. Tahap Kawalan Keselamatan Buku Yang Rendah

11.4.5.1. PPAJ Ibu Pejabat telah membeli sebuah sistem dan peralatan *Dialoc Ellipse Security System* 2020 *(Electromagnetic Security System)* untuk kegunaan PPAJ di Ibu Pejabat bernilai RM0.05 juta pada tahun 2008 sebagai langkah keselamatan melindungi buku dan bahan bacaan lain daripada dicuri. Sistem ini menggunakan *security strip* yang diletakkan di mana-mana muka surat sesebuah buku dan sekiranya buku yang mempunyai *security strip* dicuri, sistem penggeranya akan berbunyi. Sistem ini juga telah dibekalkan kepada PPAJ Cawangan semasa bangunan perpustakaan dibina. Sistem keselamatan di PPAJ Ibu Pejabat dan PPAJ Cawangan tidak mempunyai penyenggaraan berjadual. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. *Security strip* belum diletakkan di semua buku di PPAJ kerana hanya diletakkan di buku-buku terpilih seperti buku berharga mahal, majalah-majalah yang mudah dicuri dan buku rujukan. Bagaimanapun, kriteria khusus mengenainya tidak dinyatakan. Sehingga 17 November 2011, masih terdapat 25 kotak daripada 30 kotak yang mengandungi 1,000 *security strip* setiap kotak yang dibeli pada tahun 2009 belum diletakkan pada buku. Pihak Audit mendapati, hanya 5,000 *security strip* atau 5 kotak sahaja telah digunakan dari tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, penggunaan *security strip* secara berulang kali pada sesebuah buku juga boleh berlaku kerana tiada senarai dibuat dan penggunaannya tidak dapat dikesan secara fizikal.

b. Alat penggera keselamatan yang dibekalkan kepada PPAJ Cawangan Pontian dan Mersing pada tahun 2008 masing-masing adalah bernilai RM0.06 juta dan RM0.07 juta. Pihak Audit mendapati peralatan tersebut telah rosak dan tidak

berfungsi walaupun belum sampai setahun penggunaannya dan tidak dapat dibaiki kerana PPAJ tidak mempunyai peruntukan penyenggaraan yang mencukupi. Kegagalan alat penggera keselamatan berfungsi boleh menyebabkan buku mudah dicuri tanpa disedari oleh petugas.

11.4.5.2. PPAJ juga telah memberikan nombor siri kepada buku dibeli yang dipanggil nombor ketuk. Tugas mengetuk nombor pada buku dilaksanakan oleh pegawai di Unit Katalog. Setiap nombor ketuk buku direkodkan ke dalam sistem ILMU dan akhirnya buku-buku bernombor ketuk akan menjadi inventori PPAJ. Selain itu, PPAJ mempunyai dua set nombor ketuk iaitu set buku-buku baru ditempatkan di PPAJ Ibu Pejabat dan set buku lama PPAJ termasuk buku baru di PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa. Semakan Audit mendapati nombor ketuk pada buku lama PPAJ sebelum berpindah ke bangunan baru pada tahun 2008 tidak direkodkan ke dalam sistem ILMU. Ini termasuk nombor ketuk bagi pembelian buku baru pada tahun 2009 hingga 2011 yang diagihkan kepada PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa. Hanya nombor ketuk bagi buku di PPAJ Ibu Pejabat sahaja direkodkan ke dalam sistem ILMU.

11.4.5.3. Pihak Audit mendapati nombor ketuk buku lama tidak direkodkan ke dalam sistem ILMU kerana nombor ketuk tersebut akan bertindan dengan nombor ketuk yang baru. Ini kerana PPAJ tidak menyambung nombor ketuk sedia ada bagi buku-buku yang ditempatkan di PPAJ Ibu Pejabat mulai pembelian tahun 2008. Akibatnya, buku-buku lama dan pembelian buku baru bagi PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa tidak dapat dikesan dalam sistem ILMU. PPAJ hanya bergantung pada PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa apabila mereka memberikan senarai buku yang diterima secara manual serta risiko kehilangan buku boleh berlaku.

11.4.5.4. PPAJ memaklumkan pada 17 Februari 2012, pembelian buku rujukan dan buku edisi terhad berkurangan disebabkan peruntukan yang diterima juga berkurangan. Pembelian buku mahal adalah bukan keutamaan dan juga berkurangan menyebabkan *security strip* tidak banyak digunakan. PPAJ juga memaklumkan sistem ILMU tidak meliputi semua modul dan lebih tertumpu pada modul asas iaitu *cataloging* dan *circulation* di PPAJ Ibu Pejabat dan tidak memasukkan maklumat lama ke dalam Sistem ILMU. Penyambungan Sistem ILMU kepada PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa juga tidak dapat dilaksanakan kerana ia melibatkan kos yang tinggi memandangkan PPAJ mengalami kekurangan peruntukan.

Pada pendapat Audit, tahap kawalan keselamatan buku adalah tidak memuaskan kerana PPAJ tidak menggunakan sepenuhnya sistem dan peralatan keselamatan yang dibeli serta tidak meletakkan *security strip* pada semua buku-buku yang terdapat di PPAJ. Tindakan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan perlindungan buku-buku di PPAJ terutamanya buku di PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa serta mengemaskinikan rekod nombor ketuk buku di dalam sistem ILMU perlu diambil dengan segera.

11.4.6. Kaedah Pemulangan Buku Yang Tidak Berkesan

11.4.6.1. PPAJ telah melantik syarikat pembekal untuk membekalkan *Digital Library System* iaitu sistem ILMU mulai tahun 2007 berjumlah RM0.14 juta. Di bawah sistem ILMU, terdapat modul *Circulation* yang mempunyai menu *Overdue Notification* dan *Overdue Reminder* bagi mengesan ahli lewat memulangkan buku dan seterusnya membolehkan pihak perpustakaan menyediakan surat peringatan. Semakan Audit mendapati PPAJ tidak menggunakan aplikasi tersebut untuk memantau ahli yang lewat memulangkan buku dan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menghantar surat peringatan melalui pos. Analisis Audit terhadap kelewatan ahli memulangkan buku bagi tempoh 9 hari dalam tahun 2009 hingga 2011 mendapati seramai 600 ahli lewat memulangkan buku selama 1 hingga 30 hari. Selain itu, seramai 16 orang ahli lewat memulangkan buku selama 30 hingga 60 hari, manakala 7 orang ahli mengambil masa lebih 90 hari untuk memulangkan buku. Kelewatan pemulangan buku disebabkan PPAJ tidak mengeluarkan surat peringatan kepada ahli yang berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.9**.

Jadual 11.9
Kelewatan Ahli Memulangkan Buku
Bagi Tempoh 15 Hingga 17 Mac 2009, 2010 Dan 2011

Tarikh	Bilangan Ahli Lewat Pulang Buku (Orang)		
	1-30 Hari	30-60 Hari	Lebih 90 Hari
15-17 Mac 2009	293	3	2
15-17 Mac 2010	146	8	3
15-17 Mac 2011	161	5	2
Jumlah	**600**	**16**	**7**

Sumber: PPAJ

11.4.6.2. Selain itu, semakan Audit terhadap menu *Overdue Reminder* mendapati bagi tahun 2009 hingga 2011 sebanyak 1,979 buah buku tidak dipulangkan dalam tempoh 4 hingga 835 hari.

11.4.6.3. Kesan daripada kelemahan ini akan mendedahkan PPAJ kepada risiko buku tidak akan dipulangkan dan kehilangan buku. Apabila buku lewat dipulangkan dalam tempoh yang lama, ianya tidak dapat digunakan oleh pengguna perpustakaan yang lain. PPAJ mengakui surat peringatan kepada ahli yang lewat memulangkan buku tidak dikeluarkan. PPAJ juga memaklumkan semakan prosedur dalam sistem ILMU akan dilakukan bagi mengesan ahli yang lewat memulangkan buku selepas tamat tempoh pinjaman.

Pada pendapat Audit, sistem ILMU yang dibeli oleh PPAJ tidak digunakan adalah suatu pembaziran. Buku yang dipinjam sekiranya tidak dipulangkan bukan sahaja merupakan satu kehilangan kepada perpustakaan tetapi juga menyebabkan ahli perpustakaan yang lain tidak dapat menggunakan buku tersebut.

11.4.7. Buku Tidak Dibekalkan Ke Perpustakaan Desa

11.4.7.1. PPAJ bertanggungjawab membekalkan buku kepada 53 buah PPAJ Desa bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat. Pihak Audit mendapati PPAJ tidak membekalkan buku baru kepada PPAJ Desa bagi tahun 2009 hingga 2011. Lawatan Audit ke 7 PPAJ Desa, mendapati buku-buku di perpustakaan tersebut telah berusia sekitar 10 hingga 15 tahun dan kelihatan lusuh. Sementara itu, buku-buku baru yang terdapat di perpustakaan tersebut adalah buku sumbangan daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Proses pendaftaran buku-buku sumbangan tersebut juga tidak teratur kerana petugas PPAJ Desa tidak diberi latihan atau kursus yang berkaitan. PPAJ juga tidak menghantar lebihan buku-buku yang terdapat di stor Ibu Pejabat ke PPAJ Desa bagi menggantikan buku-buku yang telah lama dan lusuh. Selain itu, keadaan PPAJ Desa dan PPAJ Cawangan yang dilawati di Daerah Mersing, Pontian dan Johor Bahru agak uzur dan tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti kekurangan rak buku, meja, kerusi, komputer dan internet. Keadaan tersebut adalah seperti di **Gambar 11.9** hingga **Gambar 11.14**.

Gambar 11.9
Buku Sumbangan Belum Diproses

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Parit Mokhayat, Pontian
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 11.10
Buku Lama Dan Rak Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Taman Sri Pulai, Johor Bahru
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 11.11
Buku Sumbangan Orang Ramai Diletakkan Di Atas Lantai Kerana Kekurangan Rak Buku

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Taman Sri Pulai,Johor Bahru
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 11.12
Bangunan Luar Perpustakaan Tidak Diselenggara Dan Dibersihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Kg. Mulia, Ulu Tiram
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 11.13
Bumbung Bocor Menyebabkan Ruang Tidak Dapat Digunakan Sepenuhnya

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Mersing
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 11.14
Buku Disimpan Dalam Kotak Disebabkan Rak Tidak Mencukupi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Taman Universiti
Tarikh: 1 Disember 2011

11.4.7.2. Kelemahan ini disebabkan kurangnya lawatan dan pemantauan daripada pihak PPAJ bagi meninjau dan memahami masalah yang dihadapi oleh PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa. Dalam tempoh 2010 hingga 2011, Unit Pembangunan Luar Bandar PPAJ hanya menjalankan lawatan sebanyak 14 kali iaitu 5 kali pada tahun 2010 dan 9 kali pada tahun 2011. Sebanyak 5 hingga 14 buah PPAJ Desa telah dilawati dalam sekali lawatan. Bilangan lawatan Unit tersebut pada tahun 2009 pula tidak dapat dipastikan kerana tiada rekod dibuat mengenainya. Laporan bagi lawatan tersebut akan diberikan kepada Pengarah PPAJ untuk tindakan lanjut. Bagaimanapun, tiada bukti tindakan telah diambil oleh pihak bertanggungjawab kerana tiada laporan susulan dibuat.

11.4.7.3. Bagi tujuan perbandingan, pihak Audit telah membuat lawatan ke Perpustakaan Desa di Ulu Tiram yang di bawah pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan mendapati kemudahan yang disediakan seperti kerusi, meja dan komputer adalah dalam keadaan baik. Buku yang dipamerkan juga adalah yang terkini dan terpelihara.

Perbandingan kemudahan antara perpustakaan desa PPAJ dan PNM adalah seperti di **Gambar 11.15** dan **Gambar 11.16**.

Gambar 11.15
Kemudahan Di PPAJ Desa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa , Kg Mulia, Ulu Tiram
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 11.16
Kemudahan Di PNM Desa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PNM Desa, Kg Ulu Tiram, Ulu Tiram
Tarikh: 1 Disember 2011

11.4.7.4. Maklum balas PPAJ bertarikh 17 Februari 2012 menyatakan, tindakan segera akan diambil bagi menghantar buku-buku ke PPAJ Desa. Satu laporan mengenai kerosakan dan kekurangan di semua PPAJ Desa telah dibuat dan dibawa ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun tindakan pembaikan tidak dapat dijalankan kerana kekurangan peruntukan. PPAJ bercadang memohon bantuan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

Pada pendapat Audit, pengurusan buku dan kemudahan di PPAJ Cawangan dan PPAJ Desa tidak memuaskan kerana buku lewat dibekalkan dan keadaan perpustakaan uzur serta tidak mempunyai kemudahan yang lengkap bagi memastikan pengunjung mendapat manfaatnya.

11.4.8. Buku Yang Dihantar Ke Perpustakaan Cawangan Tidak Diproses Terlebih Dahulu Oleh Unit Katalog PPAJ

11.4.8.1. Sebelum penghantaran dan pengagihan buku ke 14 PPAJ Cawangan, buku-buku perlulah diproses dengan lengkap oleh Unit Katalog. Lawatan Audit ke PPAJ Cawangan di Mersing, Pontian, Taman Universiti dan Taman Ungku Tun Aminah mendapati mulai tahun 2011, buku baru yang dihantar ke PPAJ Cawangan tidak diproses oleh Unit Katalog terlebih dahulu. Buku tersebut diagihkan terus ke PPAJ Cawangan dan diproses sendiri oleh petugas untuk dipamerkan di PPAJ Cawangan. Kesan daripada keadaan ini buku-buku lewat diproses di PPAJ Cawangan disebabkan PPAJ Cawangan hanya mempunyai 2 orang petugas sahaja. Tugas memproses buku terpaksa dibahagikan antara tugas menjaga kaunter, menyusun atur buku-buku di rak dan tugas-tugas pentadbiran yang lain. PPAJ juga tidak menghantar maklumat lengkap seperti harga buku dan nombor invois untuk petugas PPAJ Cawangan memproses buku. Ini telah

menjejaskan pemprosesan buku dan seterusnya akan lewat dipamerkan. Buku-buku diterima pada Mac dan Jun 2011 yang belum diproses di PPAJ Cawangan adalah seperti di **Gambar 11.17** hingga **Gambar 11.20**.

Gambar 11.17
Buku Belum Diproses Diletakkan Di Bilik Pentadbiran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Mersing
Tarikh: 24 November 2011

Gambar 11.18
Buku Belum Diproses Diletakkan Di Bilik Pentadbiran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Pontian
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 11.19
Buku Belum Diproses Disimpan Dalam Bilik Aktiviti

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Taman Universiti, Johor Bahru
Tarikh: 1 Disember 2011

Gambar 11.20
Buku Belum Diproses Disimpan Dalam Bilik Pentadbiran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Cawangan Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru
Tarikh: 1 Disember 2011

Pada pendapat Audit, tindakan pengurusan Ibu Pejabat PPAJ menetapkan semua PPAJ Cawangan memproses sendiri buku yang dibekalkan telah menambah beban petugas dan menyebabkan buku lewat diproses serta dipamerkan.

11.4.9. Pengurusan Penerimaan Buku Sumbangan Tidak Teratur

11.4.9.1. PPAJ menerima sumbangan buku daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), syarikat-syarikat swasta/pembekal buku, pejabat kerajaan dan orang perseorangan. Semakan Audit mendapati bilangan buku sumbangan yang diterima oleh

PPAJ tidak direkodkan dan tidak diproses untuk dipamerkan. Buku-buku disimpan dalam stor simpanan buku di Unit Katalog dan tidak dapat dipastikan tarikh penerimaannya kerana tiada rekod diselenggarakan. Buku sumbangan PNM yang dihantar terus ke PPAJ Desa tidak diproses dan tidak di cop SUMBANGAN. Bagaimanapun, buku-buku tersebut telah didaftarkan sebagai buku-buku PNM Desa. Buku-buku sumbangan tidak didaftarkan dan diproses kerana tidak ada garis panduan berkaitan buku sumbangan disediakan oleh PPAJ bagi memastikan buku-buku tersebut didaftar dan direkodkan dengan teratur. Buku sumbangan yang tidak didaftar dan dipamerkan menyebabkan ia hanya tersimpan dalam stor serta tidak dapat dimanfaatkan oleh pengguna. Gambar buku-buku yang diterima daripada PNM dan orang perseorangan yang tidak didaftarkan adalah seperti di **Gambar 11.21** hingga **Gambar 11.24**.

Gambar 11.21
Buku Sumbangan PNM Belum Diproses

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 14 November 2011

Gambar 11.22
Buku Sumbangan Orang Ramai Belum Diproses

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Simpanan Buku, PPAJ
Tarikh: 14 November 2011

Gambar 11.23
Buku Sumbangan PNM Di PPAJ Desa Tidak Dicop SUMBANGAN

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Parit Haji Siraj, Pontian
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 11.24
Buku Sumbangan PNM Di PPAJ Desa Tidak Dicop SUMBANGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ Desa Parit Mokhayat, Pontian
Tarikh: 23 November 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan penerimaan buku-buku sumbangan tidak memuaskan kerana buku-buku tersebut masih disimpan dalam stor menyebabkan ianya tidak dapat dibaca oleh pengguna perpustakaan.

11.4.10. Tindakan Pelupusan Belum Diambil

11.4.10.1. Mengikut Dasar Pelupusan Sumber Perpustakaan PNM, antara kriteria pilih buang dan pelupusan adalah berdasarkan kepada kos pembaikan adalah lebih tinggi daripada kos gantian; kebanyakan muka surat telah hilang atau rosak dan tidak boleh dibaiki lagi; maklumat atau fakta yang tidak tepat; tidak terkini atau kurang nilai karya; dan sumber perpustakaan yang berusia lebih daripada 20 tahun. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bab Pelupusan pula menyatakan antara ciri-ciri aset yang boleh dilupuskan adalah seperti tidak ekonomi untuk dibaiki, usang, rosak dan tidak boleh digunakan serta melebihi keperluan. PPAJ tidak mempunyai prosedur mengenai pelupusan aset.

11.4.10.2. Semakan Audit mendapati PPAJ belum membuat pelupusan terhadap buku-buku yang telah rosak dan lapuk yang disimpan di dalam 2 buah bas perpustakaan bergerak di kawasan PPAJ yang tidak digunakan lagi yang merupakan buku-buku lama daripada perpustakaan PPAJ di Jalan Gertak Merah, Johor Bahru. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan naskhah di dalam bas tersebut memandangkan keadaan fizikal bas dan buku yang menyukarkan kiraan dibuat. Pelupusan buku-buku ini masih belum dibuat kerana PPAJ gagal mendapatkan bilangan buku dan harga secara tepat kerana sebelum tahun 2005 buku-buku tersebut diklasifikasikan sebagai aset PPAJ. Kegagalan PPAJ melupuskan buku-buku tersebut telah memberi kesan kepada Penyata Kewangan PPAJ dan mendapat sijil berteguran daripada tahun 2000 hingga 2004 dan tahun 2007 hingga 2010. Keadaan buku yang belum dilupuskan adalah seperti di **Gambar 11.25** dan **Gambar 11.26**.

Gambar 11.25
Bas Perpustakaan Bergerak Yang Digunakan Menyimpan Buku-Buku Untuk Pelupusan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ, Johor Bahru
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 11.26
Buku Yang Telah Lapuk Disimpan Dalam Bas Perpustakaan Bergerak Yang Telah Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPAJ, Johor Bahru
Tarikh: 10 November 2011

Pada pendapat Audit, tindakan pelupusan PPAJ adalah tidak memuaskan kerana buku-buku yang sudah lama dan lapuk masih belum dilupuskan.

11.4.11. Maklum Balas Kepuasan Pengguna

11.4.11.1. Bagi mendapatkan tahap kepuasan pengguna terhadap mutu perkhidmatan PPAJ, pihak Audit telah mengedarkan 100 borang soal selidik kepada pengguna yang mengunjungi PPAJ Ibu Pejabat. Sebanyak 91 borang soal selidik dikembalikan manakala 9 lagi tidak dipulangkan semula kepada Audit. Hasil maklum balas adalah seperti di **Jadual 11.10**.

Jadual 11.10
Hasil Maklum Balas Soal Selidik Kepuasan Pengguna

Bil.	Perkara	Peratusan Responden (%)		
		Setuju	Tidak Setuju	Tiada Maklumat
1.	Kemudahan disediakan mencukupi:			
	a. Kerusi Meja	90.1	8.8	1.1
	b. Internet	68.1	28.6	3.3
	c. Buku	67.0	30.8	2.2
	d. Komputer	65.9	30.8	3.3
2.	Sistem OPAC yang disediakan membantu pengguna mencari buku.	72.5	22.0	5.5
3.	Buku di PPAJ:			
	a. Terkini dan relevan	71.4	25.3	3.3
	b. Mencukupi	59.3	37.4	3.3
	c. Memenuhi cita rasa	73.6	20.9	5.5
4.	Sesuai mengulang kaji dan selesa:			
	a. Selesa	85.7	11.0	3.3
	b. Tenang	68.1	26.4	5.5
5.	Kakitangan PPAJ mesra dan membantu.	86.8	11.0	2.2
6.	Urusan pinjaman dan pulangan buku mudah dan cepat.	83.5	9.9	6.6
7.	Waktu urusan PPAJ sesuai dengan keperluan pengguna.	81.3	17.6	1.1
8.	Perpustakaan dibuka dan ditutup mengikut waktu ditetapkan.	91.2	6.6	2.2

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.11.2. Berdasarkan Jadual 11.10, secara keseluruhannya pengguna berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh PPAJ. Bagaimanapun, 25.3% responden menyatakan buku yang terdapat di PPAJ tidak terkini dan relevan, 37.4% responden menyatakan tidak mencukupi dan 20.9% responden menyatakan tidak memenuhi cita rasa mereka. Walaupun peratusannya rendah, PPAJ perlu memastikan kemudahan dan buku-buku yang disediakan adalah mencukupi serta perkhidmatan dapat dipertingkatkan lagi.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

11.5.1. PPAJ perlu menyediakan perancangan dan cadangan keperluan pembelian buku setiap tahun dan mewujudkan Jawatankuasa Pemilihan Buku bagi memastikan perolehan buku adalah terancang dan lengkap serta dapat memenuhi keperluan.

11.5.2. PPAJ perlu mewujudkan Jawatankuasa Tender/Sebut Harga dan memastikan semua pembelian buku adalah melalui proses sebut harga atau tender. PPAJ perlu memastikan peruntukan pembelian buku mencukupi sebelum pesanan tempatan dikeluarkan dan pegawai yang menguruskan perolehan buku mendapat latihan berkaitan perolehan dan tugas yang dipertanggungjawabkan.

11.5.3. PPAJ perlu mewujudkan satu ketetapan dalam prosedur memproses buku mengenai tempoh masa yang perlu diambil bagi menjaga kepentingan pengguna.

11.5.4. Tindakan bagi meningkatkan tahap keselamatan dan perlindungan buku-buku di PPAJ perlu diambil dengan segera. Penghantaran buku ke PPAJ Cawangan dan Desa perlu dipantau dengan menyediakan senarai penghantaran dan daftar penerimaan buku.

11.5.5. PPAJ perlu menyediakan garis panduan berkaitan buku-buku yang diterima secara sumbangan bagi memastikan semua buku-buku yang diterima dapat didaftarkan dan dipamerkan dengan segera dan digunakan secara optimum oleh pengguna perpustakaan. Tindakan pelupusan perlu diambil dengan segera memandangkan buku-buku tersebut sudah lama dan lapuk.

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

12. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri/Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit 2 syarikat subsidiari Perbadanan Johor iaitu TPM Technopark Sdn. Bhd. dan JCorp Hotels And Resorts Sdn. Bhd..

PERBADANAN JOHOR

13. TPM TECHNOPARK SDN. BHD.

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. TPM Technopark Sdn. Bhd. (TPM) adalah sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Johor. Syarikat ini ditubuhkan pada 20 Jun 1992 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965 dengan nama JSEDC Technopark Sdn. Bhd. yang kemudian telah ditukar kepada Johor Technopark Sdn. Bhd. pada 17 Mei 1996 sebelum ditukar kepada TPM Technopark Sdn. Bhd. pada 14 Februari 2002. Sehingga Disember 2011, modal saham dibenarkan TPM ialah RM25 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM20.05 juta. Kesemua saham berbayar TPM dipegang oleh Perbadanan Johor. Kegiatan utama syarikat TPM ialah sebagai pengurus projek yang meliputi perkhidmatan merekabentuk, penyediaan kontrak, pembinaan dan memastikan projek siap mengikut masa ditetapkan. Selain itu, TPM juga memberi perkhidmatan sebagai ejen pemasaran kawasan perindustrian Negeri Johor. Bagi mencapai visinya iaitu menerajui pembangunan kawasan perindustrian dan projek infrastruktur di Malaysia serta menjadi pengurus projek yang berhemah dan berdaya saing, TPM telah menetapkan polisi kualitinya iaitu memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan memenuhi kehendak, keperluan dan kepuasan pelanggan.

13.1.2. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Perbadanan Johor, TPM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kementerian

Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta arahan dan peraturan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah TPM.

13.1.3. TPM mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi, seorang Pengarah Urusan, 3 orang wakil Perbadanan Johor dan 2 orang wakil syarikat subsidiari Perbadanan Johor. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 27 orang kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan TPM adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus TPM. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan bagi tahun 2009 hingga 2011 serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008, 2009 dan 2010. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2011 hingga Ogos 2011 mendapati prestasi kewangan TPM adalah memuaskan. Bagaimanapun keuntungan TPM menyusut sejumlah RM3.68 juta di mana keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2010 adalah sejumlah RM4.25 juta berbanding RM7.93 juta pada tahun 2009. Keuntungan terkumpul TPM pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM33.59 juta. Pengurusan aktiviti utama TPM bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah baik tetapi masih terdapat beberapa kelemahan di mana projek menaiktaraf Bangunan KOMTAR lewat disiapkan dengan pemberian lanjutan masa lebih daripada sekali. Selain itu, tapak industri di Taman Perindustrian Sedenak masih belum terjual manakala stok tanah industri di kawasan industri yang lain semakin berkurangan dan hanya boleh bertahan sehingga tahun 2023. Dalam tadbir urus korporat pula, TPM mengguna pakai Tatacara Peraturan Kewangan Perbadanan Johor dalam menguruskan kewangan syarikat. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

13.4.1. Prestasi Kewangan

13.4.1.1. Analisis Trend

a. Bagi tempoh 2008 hingga 2010, prestasi kewangan TPM adalah memuaskan di mana syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Keuntungan terkumpul TPM bagi tahun 2008 berjumlah RM22.05 juta, tahun 2009 berjumlah RM29.98 juta dan bagi tahun 2010 adalah berjumlah RM33.59 juta. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit TPM bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010, keuntungan sebelum cukai TPM pada tahun 2008 berjumlah RM6.74 juta dan meningkat sebanyak 95.7% kepada RM13.19 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, keuntungan kembali menurun pada tahun 2010 sebanyak 53.8% kepada RM6.10 juta. Keuntungan sebelum cukai yang meningkat dengan ketara pada tahun 2009 adalah disebabkan peningkatan dalam pendapatan yuran pengurusan projek Pelabuhan Tanjung Langsat berjumlah RM6.04 juta. Keuntungan sebelum cukai TPM pada tahun 2010 sebanyak RM6.10 juta adalah menurun semula disebabkan yuran pengurusan projek Pelabuhan Tanjung Langsat dan yuran pemasaran yang diterima menurun berbanding tahun 2009.

b. Perbelanjaan TPM terdiri daripada belanja pentadbiran dan operasi. Perbelanjaan pentadbiran dan operasi bagi tempoh 2008 hingga 2010 menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2009, meningkat sebanyak RM1.21 juta atau 16.6% berbanding tahun 2008 dan pada tahun 2010 meningkat sebanyak RM0.85 juta atau 10.0% berbanding tahun 2009. Peningkatan bagi tahun 2009 disebabkan peruntukan hutang ragu ke atas pinjaman syarikat subsidiari, yuran khidmat perunding, belanja promosi, latihan pekerja dan ganjaran pengarah. Manakala pada tahun 2010, jumlah perbelanjaan semakin meningkat disebabkan peningkatan dalam yuran khidmat perunding, gaji, elaun dan bonus serta lain-lain perbelanjaan operasi.

c. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan TPM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 13.1** dan **Carta 13.1**.

Jadual 13.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan TPM
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Hasil	12.05	19.85	13.74
Kos Jualan	-6.12	-6.09	-7.10
Untung Kasar	**5.93**	**13.76**	**6.64**
Lain-Lain Pendapatan	2.00	1.86	1.73
Jumlah Pendapatan	**7.93**	**15.62**	**8.37**
Belanja Pentadbiran Dan Kewangan	-1.19	-2.43	-2.27
Keuntungan Sebelum Cukai	**6.74**	**13.19**	**6.10**
Cukai	-1.34	-5.26	-1.85
Keuntungan Selepas Cukai	**5.40**	**7.93**	**4.25**
Keuntungan Terkumpul	**22.05**	**29.98**	**33.59**

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TPM Tahun 2008 Hingga 2010

Carta 13.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TPM
Tahun 2008 Hingga 2010

13.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan TPM, analisis nisbah kewangan telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan TPM bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2
Analisis Nisbah Kewangan TPM Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	2.30:1	4.16:1	4.77:1
Margin Untung Bersih	55.9%	66.5%	44.4%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.10:1	0.17:1	0.08:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.16:1	0.26:1	0.11:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TPM Tahun 2008 Hingga 2010

a. **Nisbah Semasa** digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa TPM bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah di atas kadar 2 iaitu antara 2.30 hingga 4.77. Tahap kecairan yang semakin meningkat ini adalah disebabkan oleh pertambahan kos pembangunan dan tanah serta pengurangan nilai pinjaman. Ini menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi iaitu aliran tunai yang positif tetapi masih bergantung pada pinjaman luar untuk menampung liabiliti semasa.

b. **Margin Untung Bersih** digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih TPM meningkat pada tahun 2009 berbanding 2008 iaitu daripada 56 sen kepada 67 sen tetapi menurun dengan ketara pada tahun 2010 pada kadar 44 sen. Penurunan margin keuntungan pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh penurunan perolehan utama TPM iaitu yuran pengurusan projek dan pemasaran. Penurunan ini menunjukkan tiada nilai tambah daripada pendapatan syarikat terhadap kadar keuntungan syarikat.

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** bertujuan mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana keuntungan. Kadar peratusan yang tinggi menunjukkan aset syarikat telah digunakan secara optimum dan berkesan bagi menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010, kadar pulangan atas aset yang diperoleh TPM tidak konsisten di mana ia meningkat daripada 10 sen pada tahun 2008 kepada 17 sen pada tahun 2009 tetapi menurun semula pada tahun 2010 pada kadar 8 sen. Kadar pulangan atas aset yang menurun dengan ketara pada tahun 2010 disebabkan oleh pelupusan kepentingan TPM dalam syarikat berkaitan dengan Perbadanan Johor. Selain itu, jumlah pendapatan yang menurun pada tahun 2010 juga mempengaruhi keuntungan

selepas cukai TPM yang menyebabkan penurunan kadar pulangan atas aset TPM. Bagaimanapun kadar peratusan pulangan atas aset TPM masih positif.

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** bertujuan mengukur pulangan ke atas modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh semakin tinggi kemampuan syarikat memberi keuntungan kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati ekuiti TPM pada tahun 2009 memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham iaitu sebanyak 26 sen berbanding pada tahun 2008 iaitu sebanyak 16 sen tetapi menurun dengan ketara pada tahun 2010 kepada 11 sen. Walaupun nilai kadar pulangan ke atas ekuiti TPM tidak menentu disebabkan oleh keuntungan yang semakin berkurangan tetapi ianya masih memberi pulangan positif kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan TPM adalah memuaskan kerana perbelanjaan TPM terkawal dan tidak melebihi pendapatan yang diperoleh tetapi trend pendapatan TPM menunjukkan penurunan.

13.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan utama TPM adalah daripada yuran pengurusan projek dan yuran pemasaran di mana TPM bertindak sebagai pengurus projek dan ejen pemasaran. TPM menguruskan projek pembangunan bagi pihak pelanggan yang terdiri daripada pelbagai pihak seperti Perbadanan Johor dan syarikat subsidiari di bawah kumpulan Perbadanan Johor. Manakala, bagi tanah industri pula TPM menjadi ejen pemasaran bagi penjualan tanah industri Perbadanan Johor dan syarikat usaha sama. Yuran pengurusan projek dikenakan pada kadar antara 2% hingga 10% daripada kos projek manakala yuran pemasaran sebanyak 2% hingga 4% daripada harga jualan tanah. Pengauditan terhadap pengurusan projek dan pengurusan tanah industri serta pemasaran oleh TPM mendapati perkara-perkara seperti berikut:

13.4.2.1. Projek Menaiktaraf Bangunan KOMTAR Lewat Disiapkan

a. TPM telah dilantik sebagai Pengurus Projek bagi menaiktaraf Bangunan KOMTAR bermula pada bulan Januari 2006 oleh Damansara Assets Sdn. Bhd. (DASB) selaku pemilik projek. Sebagai Pengurus Projek, TPM akan menerima 3% daripada kos kerja menaiktaraf. Pada permulaan, skop projek tersebut adalah untuk menaiktaraf Bangunan KOMTAR sedia ada dengan kos projek berjumlah RM47.84 juta. Projek tersebut telah ditawarkan kepada sebuah syarikat dan kerja tanah bermula pada November 2007. Bagaimanapun, DASB telah meminda skop asal projek tersebut dengan menambah lima skop kerja lain iaitu meroboh dan membina semula bangunan 8 tingkat kompleks perniagaan, pawagam dan tempat letak kereta, 1 blok

menara pejabat 29 tingkat, 1 blok menara hotel 21 tingkat, masjid dan jejantas. Anggaran kos bagi meroboh dan membina semula bangunan 8 tingkat kompleks perniagaan, pawagam dan tempat letak kereta termasuk kerja substruktur adalah berjumlah RM275 juta. Skop baru projek tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS) Perbadanan Johor pada 28 April 2009. Sehingga Disember 2011, kos bagi kerja substruktur adalah bernilai RM49.66 juta. Butiran lanjut mengenai kerja pembinaan bagi substruktur Projek KOMTAR adalah seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Kerja Pembinaan Bagi Substruktur Projek KOMTAR

Bil.	Nama Kerja	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tarikh Mula	Tarikh Sepatutnya Siap	Lanjutan Masa (EOT)	Status Terkini (Disember 2011)
1.	**Kerja Pembinaan Bangunan** *Main building works, infrastructure, landscape works and mechanical installation (Phase A).* Pecah kontrak kepada 3 kontraktor bagi kerja pemasangan yang berlainan.	Asal : 47.84 VO :(28.25) Baru : 19.59	5.11.2007	4.5.2009	i. 1.7.2010 ii. 30.4.2011 iii. 31.7.2011	Fasa A 100% siap
2.	**Kerja Tangki Septik** *Design, supply, deliver, install, testing and commissioning of temporary septic tank (90 PE) and other related works*.	Asal : 0.12 VO : 0.01 Baru : 0.13	1.12.2009	28.12.2009	i. 15.6.2010	100% siap
3.	**Kerja Cerucuk** *Piling and substructure work (Phase B & C)*	Asal : 23.44 VO : 2.30 Baru : 25.74	1.12.2009	31.5.2010	i. 31.8.2010 ii. 30.6.2011 iii. 30.9.2011	Fasa B: 100% siap Fasa C: 100% siap
4.	**Kerja Pendingin Hawa** *Relocation of cooling tower and associated works at existing KOMTAR*	Asal : 0.65 VO : 0.006 Baru : 0.66	1.12.2009	31.1.2010	i. 19.8.2010	100% siap
5.	**Kerja Elektrik** *Relocation of existing high voltage and low voltage electricity supply equipment at existing KOMTAR*	Asal : 2.14 VO : - Baru : -	1.12.2009	8.2.2010	i. 16.12.2010	100% siap
6.	**Kerja Tangki Kumbahan** *Design, supply, deliver, install, testing and commissioning of sewerage treatment plant (5,000 PE) and other related works.*	Asal : 1.40 VO : - Baru : -	20.8.2010	20.6.2011	-	85% siap
Jumlah Nilai Kontrak Baru		**49.66**				

Sumber: TPM Technopark Sdn. Bhd.

b. Berdasarkan **Jadual 13.3**, semakan Audit mendapati 6 kerja tanah di tapak KOMTAR telah lewat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan dan telah diberikan lanjutan masa atau *Extension Of Time* (EOT). Bagaimanapun sehingga Disember 2011, 5

kerja telah siap dilaksanakan manakala 1 kerja lagi iaitu kerja tangki kumbahan yang sepatutnya disiapkan pada 20 Jun 2011 baru mencapai tahap 85% siap. Kelewatan projek antaranya adalah disebabkan keputusan DASB untuk membuat perubahan terhadap skop projek pada bulan April 2009 di mana telah menyebabkan kerja-kerja di tapak projek terpaksa dihentikan sementara. Sehingga bulan Mei 2009, kemajuan kerja Fasa A oleh kontraktor kerja pembinaan bangunan di tapak hanya mencapai 37.3% dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kerja tapak seperti penanaman cerucuk terpaksa dihentikan kerana pada masa itu kerja-kerja meroboh keseluruhan kompleks perniagaan perlu dilaksanakan mengikut skop kerja yang baru. Selain itu, EOT melebihi daripada sekali turut menyumbang kepada kelewatan projek.

c. Kesan daripada kelewatan tersebut, TPM lewat menerima bayaran yuran pengurusan daripada pemilik bangunan manakala kompleks perniagaan KOMTAR tidak dapat disiapkan dan digunakan sepenuhnya mengikut jadual asal. Mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) TPM, lanjutan masa boleh diberikan kepada kontraktor dengan alasan yang munasabah. Tiada ketetapan menyatakan kekerapan maksima EOT yang boleh diberikan kepada kontraktor. Bilangan EOT yang diberikan kepada kontraktor adalah antara 1 hingga 3 kali dengan tempoh lanjutan masa antara 199 hingga 446 hari. Selain itu, 4 kontraktor memohon EOT lebih daripada tempoh masa asal manakala 1 kontraktor tidak memohon EOT walaupun tempoh asal kerja telah tamat selama 6 bulan. Antara alasan yang diberikan oleh kontraktor atas kelewatan menyiapkan kerja adalah kerja-kerja tambahan atas sebab perubahan skop projek, faktor cuaca seperti hujan lebat, kelewatan pemberian tapak disebabkan belum mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan masalah di tapak projek semasa kerja-kerja tapak dijalankan. Keadaan projek di tapak KOMTAR adalah seperti di **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**.

Gambar 13.1
Tapak Substruktur Yang Telah Siap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KOMTAR, Johor Bahru
Tarikh: 5 Januari 2012

Gambar 13.2
Tapak Substruktur Yang Telah Siap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KOMTAR, Johor Bahru
Tarikh: 5 Januari 2012

d. **Berdasarkan maklum balas TPM bertarikh 23 Disember 2011, projek menaiktaraf Bangunan KOMTAR lewat disiapkan disebabkan DASB mengarahkan perubahan rekabentuk dan perancangan KOMTAR dari ubahan dan tambahan kepada pembangunan semula KOMTAR yang melibatkan perubahan besar terhadap keseluruhan pembangunan semula KOMTAR. Selain itu, EOT yang diberikan adalah bagi mengelakkan kontraktor menuntut bayaran kemajuan kerja yang tertunggak berikutan perubahan skop kerja.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kerja menaik taraf KOMTAR adalah kurang memuaskan disebabkan kelewatan dalam menyiapkan kompleks perniagaan KOMTAR mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

13.4.2.2. Tapak Industri Di Taman Perindustrian Sedenak Masih Belum Terjual

a. TPM telah membeli 700 ekar tanah milik Perbadanan Johor di Sedenak, Daerah Kulaijaya pada tahun 2007 pada harga RM21 juta dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai kawasan industri Taman Perindustrian Sedenak. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2011, tapak industri di Taman Perindustrian Sedenak masih belum terjual walaupun TPM telah mengeluarkan perbelanjaan sejumlah RM37.06 juta bagi membiayai pembangunan taman tersebut. TPM telah mensasarkan penjualan tanah seluas 60 ekar dengan anggaran nilai jualan berjumlah RM27.87 juta bagi tempoh 2009 hingga 2011 tetapi tidak dapat dicapai. Sehingga Disember 2011, hanya Fasa 1 sahaja yang telah dibangunkan dengan keluasan kira-kira 300 ekar. Butiran lanjut mengenai kos keseluruhan yang ditanggung oleh TPM bagi membangunkan Taman Perindustrian Sedenak adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Kos Yang Ditanggung Oleh TPM Bagi Membangunkan Taman Perindustrian Sedenak Sehingga Bulan Disember 2011

Bil.	Perkara	Kos (RM Juta)
1.	Pinjaman Bank (Pembelian Dan Pembangunan Tanah)	23.70
2.	Pembangunan Infrastruktur Dan Yuran Konsultan (Termasuk Pinjaman KPUN Melalui Perbadanan Johor)	13.22
3.	Pemasaran	0.14
Jumlah		**37.06**

Sumber: TPM Technopark Sdn. Bhd.

b. Berdasarkan **Jadual 13.4**, TPM telah membuat satu pinjaman bank berjumlah RM23.70 juta bagi tujuan pembelian tanah dan pembangunan Taman Perindustrian Sedenak. Daripada jumlah tersebut, pihak bank telah mengeluarkan pinjaman (*drawdown*) sejumlah RM14.70 juta pada tahun 2008 dengan ansuran bayaran bulanan sejumlah RM0.21 juta. TPM juga telah mendapat pembiayaan daripada

Perbadanan Johor yang telah mendapat pinjaman daripada Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Malaysia (KPUN) melalui Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM10 juta berserta faedah sebanyak 4% setahun. Bagaimanapun, tiada perjanjian bertulis dibuat antara TPM dan Perbadanan Johor mengenai kaedah pembayaran balik pinjaman tersebut serta syarat-syarat lain. Perjanjian Pinjaman tersebut hanyalah di antara KPUN dengan Kerajaan Negeri Johor dan di antara Kerajaan Negeri Johor dengan Perbadanan Johor. Pembiayaan tersebut juga perlu dibayar balik oleh TPM kepada Perbadanan Johor. Pada masa ini pinjaman KPUN adalah di bawah kawalan Kementerian Kewangan Malaysia. Sehingga akhir bulan Disember 2011, semakan Audit mendapati Perbadanan Johor masih belum menyerahkan baki pinjaman KPUN berjumlah RM5 juta kepada TPM bagi membiayai pembangunan di Sedenak. TPM telah menggunakan pinjaman KPUN tersebut dan dana sendiri untuk membiayai kos pembangunan infrastruktur serta yuran konsultan berjumlah RM13.22 juta. TPM juga mendapat geran terus daripada KPUN berjumlah RM3 juta untuk pembinaan infrastruktur luar kawasan industri Sedenak. Bagi belanja pemasaran pula, TPM telah membelanjakan sejumlah RM0.14 juta bagi mempromosikan Taman Perindustrian Sedenak seperti memasang *billboard*, papan tanda dan mencetak brosur.

c. Semakan Audit mendapati antara sebab Taman Perindustrian Sedenak tidak dapat dijual adalah disebabkan kawasan persekitaran kebanyakannya terdiri daripada kawasan pertanian. Taman Perindustrian Sedenak juga adalah yang pertama seumpamanya di kawasan berkenaan dan belum mempunyai industri sokongan yang lain. Selain itu, program pemasaran bagi mempromosikan Taman Perindustrian Sedenak hanya dilakukan pada tahun 2008 dan 2009. Tiada promosi lanjutan dilakukan pada tahun berikutnya sehingga kini. Kegagalan Taman Perindustrian Sedenak dijual menyebabkan TPM terpaksa menggunakan sumber pendapatan operasi TPM yang lain bagi membayar balik pinjaman bank sejumlah RM2.52 juta setahun.

d. **Maklum balas TPM bertarikh 23 Disember 2011 menyatakan, terdapat beberapa cadangan pembelian oleh pelabur terhadap Taman Perindustrian Sedenak di mana TPM menjangkakan dengan penjualan tanah tersebut dapat membayar balik pinjaman bank yang telah dibuat. Bagaimanapun, sehingga kini penjualan tersebut tidak berjaya dan TPM terpaksa menggunakan sumber pendapatan yang lain manakala baki pinjaman berjumlah RM9 juta tidak dikeluarkan bagi mengelakkan TPM menanggung pembayaran ansuran bulanan dan faedah yang tinggi. TPM turut memaklumkan menghadapi masalah untuk mencari pembeli awal bagi menarik lebih ramai pembeli melabur di Taman Perindustrian Sedenak. Bagaimanapun, TPM ada membuat 10 program pemasaran setiap tahun yang merangkumi semua tanah industri yang diuruskan oleh TPM yang dijalankan serentak. TPM juga bercadang untuk menjadikan Taman**

Perindustrian Sedenak sebagai *Food and Agriculture Cluster* (kawasan pertanian makanan berkelompok) iaitu pusat pengumpulan dan pemprosesan utama makanan dan pertanian serta *Japanese Cluster* iaitu industri kecil dan sederhana seperti yang terdapat di Pasir Gudang. Buat masa ini, kawasan seluas 19 ekar tanah di Taman Perindustrian Sedenak ada disewakan untuk tanaman sayur dengan kadar bayaran bulanan RM50 seekar.

Pada pendapat Audit, prestasi penjualan tapak industri di Taman Perindustrian Sedenak tidak memuaskan kerana kurang sambutan daripada pelabur. Ini disebabkan masalah persekitaran kawasan tanah yang tidak menarik kepada pelabur.

13.4.2.3. Prestasi Penjualan Tanah Industri Yang Diuruskan Oleh TPM

a. TPM juga bertanggungjawab membangunkan dan menjual Taman Perindustrian milik Perbadanan Johor, syarikat usaha sama selain tanah miliknya sendiri. Sebanyak 32 kawasan perindustrian yang telah dibangunkan dan dijual atau dipajak di mana 29 daripadanya adalah milik Perbadanan Johor dan syarikat subsidiari, 1 kawasan dimiliki oleh syarikat usaha sama dan 2 kawasan milik syarikat subsidiari TPM.

b. TPM telah menetapkan sasaran jualan bagi tanah industri milik Perbadanan Johor, syarikat subsidiari dan syarikat usaha sama sebanyak 88 ekar dalam tahun 2009, 288.17 ekar dalam tahun 2010 dan 298.22 ekar dalam tahun 2011. Maklumat sasaran dan jualan sebenar keluasan tanah dan nilai jualan bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Sasaran Dan Jualan Sebenar Tanah Industri Milik Perbadanan Johor, Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Usaha Sama Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Tanah Milik	Sasaran Tahunan		Jualan Sebenar		Pencapaian (%)	
		Keluasan Tanah (Ekar)	Nilai Jualan (RM Juta)	Keluasan Tanah (Ekar)	Nilai Jualan (RM Juta)	Keluasan Tanah	Nilai Jualan
2009	Perbadanan Johor	60	32.63	71.73	41.67	119.6	127.7
	Syarikat Subsidiari & Usaha Sama	28	15.77	26.96	6.46	96.3	40.9
	Jumlah	**88**	**48.40**	**98.69**	**48.13**	**112.1**	**99.4**
2010	Perbadanan Johor	260.17	149.03	240.99	149.30	92.6	100.2
	Syarikat Subsidiari & Usaha Sama	28	16.20	61.23	26.95	218.7	166.4
	Jumlah	**288.17**	**165.23**	**302.22**	**176.25**	**104.9**	**106.7**
2011	Perbadanan Johor	259.82	144.34	261.27	506.14	100.6	350.6
	Syarikat Subsidiari & Usaha Sama	38.40	20.17	6.61	4.56	17.2	22.6
	Jumlah	**298.22**	**164.51**	**267.88**	**510.70**	**89.8**	**310.4**
Purata		**224.79**	**126.04**	**222.93**	**245.02**	**99.2**	**194.4**

Sumber: Jabatan Pemasaran, TPM Technopark Sdn. Bhd.

c. Semakan Audit mendapati TPM mencapai sasaran penjualan tanah industri secara keseluruhan iaitu sebanyak 98.69 ekar atau 112.1% bagi tahun 2009 dan 302.22 ekar atau 104.9% pada tahun 2010. Bagi tahun 2011 pula, penjualan tanah industri adalah seluas 267.88 ekar atau 89.8% dengan hasil jualan tanah yang dicapai berjumlah RM510.70 juta atau 310.4%. Walaupun TPM telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2009 hingga 2011, semakan Audit mendapati tidak ada penjualan tanah dalam tahun 2009 di Taman Teknologi Johor (TTJ) dan di Kawasan Perindustrian Segamat dalam tahun 2011 yang dimiliki oleh syarikat usaha sama telah menyebabkan sasaran jualan tanah syarikat usaha sama tidak dapat dicapai manakala penjualan tanah di Kawasan Perindustrian Simpang Renggam, Pontian, Kluang dan Mersing adalah kurang menggalakkan.

d. Antara sebab penjualan tanah industri di kawasan perindustrian selain Pasir Gudang dan Tanjung Langsat kurang menggalakkan disebabkan program pemasaran yang kurang berkesan di mana program yang dijalankan tidak mengikut perancangan yang diluluskan dan beberapa kelemahan seperti berikut:

i. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, sejumlah RM0.51 juta dibelanjakan bagi penyertaan misi perdagangan ke luar negara dan seminar pelaburan. Antara negara yang dilawati adalah Singapura, Australia, India, Jerman, London, United Kingdom, Korea dan China. Lawatan tersebut adalah anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Bagaimanapun tiada laporan penilaian keberkesanan terhadap program promosi ini.

ii. Lawatan Audit pada Julai 2011 ke Kawasan Perindustrian Simpang Renggam II mendapati papan tanda dipasang di kawasan yang terlindung dan kain rentang yang dipasang pada *billboard* telah pudar serta tidak boleh dibaca seperti di **Gambar 13.3** dan **Gambar 13.4**.

Gambar 13.3
Papan Tanda Terlindung Pokok

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Simpang Renggam II
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 13.4
***Billboard* Dipasang Dengan Kain Rentang Yang Pudar**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Simpang Renggam II
Tarikh: 28 Julai 2011

iii. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati tidak ada papan tanda pengenalan dipasang di Kawasan Perindustrian Simpang Renggam II manakala papan tanda tanah untuk dijual tidak memaparkan nama TPM atau Perbadanan Johor. Sebaliknya papan tanda hanya memaparkan nama pegawai pemasaran TPM seperti di **Gambar 13.5**. Bagaimanapun, papan tanda tanah untuk dijual di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang Zon 12C mempunyai logo TPM seperti di **Gambar 13.6**.

Gambar 13.5
Papan Tanda Atas Nama Pegawai Pemasaran TPM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Simpang Renggam II
Tarikh: 28 Julai 2011

Gambar 13.6
Papan Tanda Zon 12C Pasir Gudang Mempunyai Logo TPM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perindustrian Pasir Gudang Zon 12C
Tarikh: 14 Julai 2011

iv. Laporan penilaian bagi setiap program pemasaran tidak disediakan dan dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk dinilai keberkesanannya.

e. Mengikut laporan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan oleh TPM dalam tahun 2009 hingga 2011, para pelabur memberi maklum balas tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan diberikan oleh TPM dan agensi yang berkaitan seperti Telekom, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Johor dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Antara maklum balas pelabur adalah seperti keadaan jalan di Lebuhraya Pasir Gudang dan bandar Senai yang sesak teruk di waktu puncak; kualiti bekalan air, elektrik dan internet yang tidak konsisten dan kelewatan mengambil tindakan pembaikan; kerenah birokrasi Pihak Berkuasa Tempatan yang mengambil masa lama untuk meluluskan pelan bangunan; TPM lambat mengambil tindakan; dan kekurangan bekalan gas asli.

f. Kesan daripada penjualan tanah industri tidak konsisten bagi tanah milik syarikat subsidiari dan syarikat usaha sama menyebabkan hasil pendapatan jualan tanah bagi tahun 2010 menurun sebanyak RM170.20 juta berbanding tahun 2009. Manakala hasil yuran pemasaran yang diterima oleh TPM bagi tahun 2010 lebih rendah berbanding hasil yang diterima dalam tahun 2009 dan 2011. Butiran

pendapatan jualan tanah dan hasil yuran pemasaran bagi tempoh 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6
Pendapatan Jualan Tanah Dan Hasil Yuran Pemasaran Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Pemilik Tanah Industri	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Jualan Tanah			
Perbadanan Johor	225.87	50.36	171.19
Syarikat Usaha sama	5.75	6.06	12.09
Syarikat Subsidiari	0.00	5.00	7.01
Jumlah Pendapatan Jualan Tanah	**231.62**	**61.42**	**190.29**
Hasil Yuran Pemasaran TPM			
Perbadanan Johor	5.90	2.14	4.63
Syarikat Usaha sama	0.00	0.28	0.36
Syarikat Subsidiari	0.02	0.12	0.17
Jumlah Hasil Yuran Pemasaran	**5.92**	**2.54**	**5.16**

Sumber: Penyata Kewangan Bahagian Pembangunan Industri, Penyata Kewangan Techno SCP Sdn. Bhd., Penyata Kewangan Panca Pesona Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2009, 2010 dan 2011.

g. **TPM memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 23 Disember 2011, penjualan tanah di Taman Teknologi Johor tidak dibuat atas dasar keputusan perniagaan disebabkan masalah yang dihadapi dengan syarikat usaha sama. Cadangan laporan penilaian bagi setiap program pemasaran akan dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO Syarikat. Perbincangan berkaitan program promosi yang dijalankan ada dibuat setiap minggu dan penambahbaikan terhadap program promosi tersebut telah dilakukan. Bagaimanapun, laporan program promosi tersebut tidak disediakan. Papan tanda yang pudar dan usang akan diganti dan dalam proses pemanggilan sebut harga daripada kontraktor. Selain itu, TPM memaklumkan telah mengambil tindakan terhadap segala aduan yang diterima di mana telah menghubungi agensi-agensi yang terlibat.**

Pada pendapat Audit, penjualan tanah industri TPM adalah baik kerana telah mencapai sasaran. Bagaimanapun terdapat beberapa kawasan industri yang masih tidak terjual kerana lokasi yang tidak strategik dan kurang promosi.

13.4.2.4. Stok Tanah Industri Semakin Berkurangan

a. Sehingga Disember 2011, baki stok tanah industri yang boleh dijual milik Perbadanan Johor, syarikat usaha sama, syarikat subsidiari dan TPM adalah berjumlah 2,400.17 ekar. Maklumat baki keluasan tanah industri yang boleh dijual dan tanah industri yang telah dijual bagi tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 13.7** dan **Jadual 13.8**.

Jadual 13.7
Baki Keluasan Tanah Industri Boleh Dijual Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Kawasan Perindustrian	Baki Keluasan Tanah (Ekar)				
		2007	2008	2009	2010	2011
1.	Pasir Gudang	196.83	166.44	296.03	83.89	113.56
2.	Tanjung Langsat	2,350.54	1,523.59	2,175.27	1,323.72	1,711.64
3.	Taman Teknologi Johor	97.35	81.06	88.60	58.63	49.83
4.	Simpang Renggam	76.07	76.55	74.30	71.07	70.98
5.	Kluang	26.11	25.11	25.11	24.68	21.69
6.	Mersing	10.53	10.53	8.82	7.71	4.30
7.	Segamat	85.72	85.07	58.54	25.49	25.49
8.	Senai	4.76	4.76	4.96	2.00	1.90
9.	Pontian	1.15	1.15	1.15	1.15	1.15
10.	Sedenak	405.53	399.63	399.63	399.63	399.63
Jumlah		**3,254.59**	**2,373.89**	**3,132.41**	**1,997.97**	**2,400.17**

Sumber: Jabatan Pemasaran, TPM Technopark Sdn. Bhd.

Jadual 13.8
Keluasan Tanah Industri Yang Telah Dijual Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Kawasan Perindustrian	Keluasan Tanah Dijual (Ekar)				
		2007	2008	2009	2010	2011
1.	Pasir Gudang	26.37	21.97	48.53	49.12	78.45
2.	Tanjung Langsat	70.09	482.12	20.99	154.13	146.64
3.	Taman Teknologi Johor	39.58	16.12	0	28.26	6.61
4.	Simpang Renggam	0	0	0.50	3	0
5.	Tebrau	1	0	0	30.45	4.58
6.	Kluang	5.91	1	0	0.23	2.50
7.	Mersing	0	0	1.71	1.10	3.40
8.	Segamat	0	0.65	26.96	32.97	0
9.	Senai	2	0	0	2.96	25.70
10.	Pontian	0	0	0	0	0
11.	Sedenak	0	0	0	0	0
Jumlah		**144.95**	**521.86**	**98.69**	**302.22**	**267.88**

Sumber: Jabatan Pemasaran, TPM Technopark Sdn. Bhd.

b. Analisis baki keluasan Kawasan Perindustrian yang sedia untuk dijual bagi tempoh 2007 hingga 2011 menunjukkan jumlah baki tanah yang boleh dijual semakin berkurangan setiap tahun. Bagaimanapun, pembangunan tanah yang giat dilaksanakan di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat dan Pasir Gudang pada tahun 2009 dan 2010 telah meningkatkan jumlah baki tanah yang boleh dijual pada akhir tahun 2009 hingga 2011.

c. Berdasarkan objektif khusus yang ditetapkan dalam Perancangan Strategik TPM Bagi Tahun 2011 Hingga 2015, purata unjuran penjualan tanah industri ditetapkan sebanyak 200 ekar setahun bagi tempoh 2011 hingga 2015. Dengan andaian tanah industri dapat dijual sebanyak 200 ekar setahun dan tidak ada kawasan perindustrian baru dibuka, baki tanah industri yang boleh dijual hanya boleh bertahan sehingga tahun 2023. Pengiraan jangkaan baki tanah industri yang boleh dijual dapat bertahan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2023 adalah seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9
Jangkaan Baki Stok Tanah Industri Yang Boleh Dijual

Tahun	Penjualan Tanah Dalam Tahun (Ekar)	Baki Stok Tanah Yang Boleh Dijual (Ekar)
2011		2,400
2012	200	2,200
2013	200	2,000
2014	200	1,800
2015	200	1,600
2016	200	1,400
2017	200	1,200
2018	200	1,000
2019	200	800
2020	200	600
2021	200	400
2022	200	200
2023	200	0

Sumber: Perancangan Strategik Tahun 2011 Hingga 2015
TPM Technopark Sdn. Bhd.

d. Berdasarkan **Jadual 13.9**, dalam tempoh 12 tahun TPM akan menerima kesan akibat kebergantungan kepada aktiviti penjualan Taman Perindustrian yang sedia ada. Keadaan ini boleh mengakibatkan sumber pendapatan TPM semakin berkurangan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti penjualan tanah industri TPM adalah baik pada masa sekarang kerana dapat menjana pendapatan utama kepada TPM. Bagaimanapun, stok tanah perindustrian di lokasi yang strategik semakin berkurangan bagi menjana pendapatan TPM pada masa hadapan.

13.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007 yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat TPM mendapati perkara seperti berikut:

13.4.3.1. Undang-Undang Dan Peraturan

Sebagai sebuah syarikat milik Perbadanan Johor, TPM adalah tertakluk kepada peraturan Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Johor yang bertujuan memelihara kepentingan agensi Kerajaan Negeri yang menjadi pemegang utama saham syarikat. Melalui Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993, semua Kerajaan Negeri bersetuju mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan terhadap syarikat Kerajaan. Pihak Audit dimaklumkan TPM tidak mengguna pakai pekeliling-pekeliling kerajaan berkaitan pengurusan syarikat kerajaan. Sebaliknya TPM mengguna pakai Tatacara Peraturan Kewangan Perbadanan Johor dalam menguruskan kewangan syarikat. Pada pandangan Audit, tatacara peraturan kewangan yang digunakan oleh syarikat bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman adalah teratur dan mencukupi.

13.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk menjamin kepentingan kewangan syarikat manakala mengikut Garis Panduan Buku Hijau mesyuarat hendaklah diadakan sebanyak 6 hingga 8 kali dalam setahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat tidak diadakan mengikut kekerapan minima yang ditetapkan disebabkan oleh kekangan masa Ahli Lembaga Pengarah. Kekerapan mesyuarat adalah 3 kali masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah TPM bagi tahun 2009 telah diadakan sebanyak 4 kali.

13.4.3.3. Unit Audit Dalam Serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Antara fungsi utama Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan adalah menilai pencapaian audit dalaman, mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar Kerajaan dipatuhi, mengkaji perbelanjaan syarikat dibuat dengan berpatutan, mengkaji penggunaan sistem perakaunan efektif serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati TPM tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam (UAD) secara khusus. Bagaimanapun, TPM ada membincangkan perkara berkaitan fungsi Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa EXCO TPM. Bagi aktiviti UAD pula, TPM menggunakan khidmat UAD Perbadanan Johor yang telah menjalankan 12 pengauditan operasi dan kewangan di TPM bagi tahun 2009 hingga 2011.

13.4.3.4. Rancangan Korporat

a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.

b. Semakan Audit mendapati TPM ada menyediakan rancangan strategik setiap tahun bagi tahun 2009 hingga 2011. Tempoh bagi rancangan strategik yang disediakan adalah 5 tahun iaitu Rancangan Strategik Tahun 2009-2013 dan Rancangan Strategik Tahun 2011-2015. Bagaimanapun, Rancangan Strategik Tahun 2010-2014 tidak disediakan kerana TPM menggunapakai Rancangan Strategik Tahun 2009-2013. Rancangan strategik tersebut telah dibentang dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Johor. Bagaimanapun, Rancangan Strategik TPM tidak dibawa ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah TPM kecuali bagi Rancangan Strategik Tahun 2011-2015. **Maklum balas TPM bertarikh 23 Disember 2011 menyatakan mulai tahun 2011, Rancangan Strategik TPM telah dibentang dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah TPM dahulu sebelum di bawa ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Johor.**

13.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati TPM telah membayar dividen kepada Perbadanan Johor pada tahun 2008 dan 2010 pada kadar 5% manakala pada tahun 2011 pada kadar 10% di mana masing-masing berjumlah RM0.74 juta, RM0.75 juta dan RM1.50 juta. Pada tahun 2009 pula, pembayaran dividen tidak dibuat oleh TPM walaupun ada cadangan pembayaran dividen oleh Ahli Lembaga Pengarah TPM. Pembatalan pembayaran dividen ini adalah disebabkan penstrukturan semula Perbadanan Johor yang melibatkan perubahan nilai saham semua syarikat subsidiari Perbadanan Johor termasuk TPM.

13.4.3.6. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari Kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Cadangan bayaran bonus perlu dikemukakan serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham. Adalah didapati TPM telah membayar bonus kepada kakitangannya bagi tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun, didapati pembayaran bonus hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah TPM dan Jawatankuasa Bonus Kumpulan Perbadanan Johor. Tiada bukti menunjukkan ia telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pihak Audit juga mendapati cadangan bayaran bonus TPM bagi tahun 2008 hingga 2010 dikemukakan dua bulan lebih awal setiap tahun sebelum akaun tahunan ditutup. TPM memaklumkan cadangan bayaran bonus TPM dikemukakan lebih awal atas arahan Perbadanan Johor.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Tadbir Urus Korporat TPM adalah baik namun perlu dipertingkatkan terutamanya perkara yang berkaitan mengguna pakai pekeliling kerajaan berkaitan syarikat kerajaan dan pembayaran bonus kakitangan.

13.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan TPM dapat dicapai sepenuhnya dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money* adalah disyorkan TPM mengambil tindakan seperti berikut:

13.5.1. Pihak pengurusan perlu menilai kembali kesesuaian status tanah di Sedenak sebagai Kawasan Perindustrian memandangkan kesukaran mendapatkan pembeli. Sebagai alternatif kawasan tersebut perlu dimajukan secara bersepadu dengan agensi lain yang turut mempunyai tanah di kawasan berkenaan bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan menjadikan tarikan kepada pembeli industri.

13.5.2. Sebagai langkah jangka panjang, TPM perlu mempelbagaikan aktiviti dengan menceburi bidang perniagaan yang baru dan tidak bergantung sepenuhnya terhadap tanah Perbadanan Johor yang semakin berkurangan.

13.5.3. Memastikan prestasi penjualan tanah industri mencapai sasaran yang ditetapkan dengan membuat laporan penilaian keberkesanan bagi setiap aktiviti pemasaran yang dijalankan.

14. JCORP HOTELS AND RESORTS SDN. BHD.

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. JCorp Hotels And Resorts Sdn. Bhd. (JHRSB) atau sebelum ini dikenali sebagai Kumpulan Penambang (Johor) Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 19 Disember 1970 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965 dan merupakan anak syarikat 100% milik Perbadanan Johor. Aktiviti utama syarikat JHRSB adalah di dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan dan penanaman kelapa sawit. Perbadanan Johor telah menyusun semula semua perniagaan perhotelan dan pelancongan di bawah JHRSB mulai tahun 2008 dan pertukaran nama baru syarikat diluluskan pada 20 Jun 2011. Sehingga 31 Disember 2010, modal saham dibenarkan JHRSB ialah RM332.40 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM318.60 juta.

14.1.2. JHRSB mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Presiden dan Ketua Eksekutif Perbadanan Johor sebagai Pengerusi, 2 orang Pengarah Urusan anak syarikat Perbadanan Johor, seorang Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes) Perbadanan Johor, seorang Pengurus Besar Jabatan Khidmat Hartanah Perbadanan Johor, seorang Ketua Pegawai Kewangan Kulim (Malaysia) Berhad, seorang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif JHRSB dan seorang Ketua Pegawai Operasi, KPJ Healthcare Berhad. Pengurusan syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang Ketua Pegawai Operasi serta dibantu oleh seorang Pegawai Eksekutif sahaja. JHRSB tidak mempunyai kakitangan lain kerana aktiviti ladang kelapa sawit diuruskan oleh pihak pengurusan ladang yang dilantik.

14.1.3. Sebagai syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Johor, JHRSB perlu mematuhi undang–undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah JHRSB.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan JHRSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus JHRSB. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008, 2009 dan 2010. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai daripada Effective Corporate Resources Sdn. Bhd. (ECR) yang telah di *out source* untuk menyediakan penyata kewangan, EPA Management Sdn. Bhd. (EPA) yang menguruskan ladang kelapa sawit dan Pro Corporate Management Services Sdn. Bhd. (Pro Corp) yang memberi perkhidmatan kesetiausahaan bagi JHRSB. Lawatan ke ladang kelapa sawit di Ladang Siang K.B 515, Kota Tinggi Johor juga telah dilakukan. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2011 mendapati prestasi kewangan JHRSB adalah memuaskan di mana JHRSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM9.17 juta pada tahun 2010, RM7.36 juta pada tahun 2009 dan RM13.63 juta pada tahun 2008. Keuntungan yang diperoleh adalah khususnya daripada aktiviti perladangan kelapa sawit. Bagaimanapun, di dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan pula, pulangan yang diperoleh adalah tidak memuaskan. JHRSB mempunyai 6 buah syarikat subsidiari yang beroperasi tetapi hanya menerima dividen daripada sebuah syarikat subsidiari sahaja yang berjumlah RM10,000 pada tahun 2010, RM100,000 pada tahun 2009 dan RM81,975 pada tahun 2008. Selain itu, pengauditan terhadap tadbir urus korporat, JHRSB mengguna pakai Tatacara Peraturan Kewangan Perbadanan Johor dan keputusan urus tadbir dibuat oleh mesyuarat Jawatankuasa Perbadanan Johor. Penjelasan lanjut mengenai kewangan, pengurusan aktiviti serta tadbir urusnya adalah seperti berikut:

14.4.1. Prestasi Kewangan

14.4.1.1. Analisis Trend

a. Bagi tempoh 2008 hingga 2010, prestasi JHRSB adalah memuaskan di mana ia memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Keuntungan berjumlah RM13.63 juta pada tahun 2008 menurun kepada RM7.36 juta atau 46% pada tahun 2009. Bagaimanapun bagi tahun 2010, terdapat sedikit peningkatan keuntungan kepada RM9.17 juta atau 24.6% berbanding tahun 2009. Keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2009 merosot khususnya disebabkan kemerosotan hasil yang ketara daripada operasi ladang kelapa sawit dan pendapatan lain, sungguhpun JHRSB berjaya mengurangkan perbelanjaan. Bagi tahun 2010 pula, keuntungan

sebelum cukai bertambah disebabkan peningkatan hasil operasi ladang kelapa sawit dan pendapatan lain sungguhpun terdapat penambahan perbelanjaan. Kerugian terkumpul JHRSB pada tahun 2008 berjumlah RM7.28 juta dan telah dapat dikurangkan kepada RM1.58 juta pada tahun 2009. Bagi tahun 2010 pula dengan keuntungan berterusan yang dicapai, JHRSB berjaya mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM5.41 juta.

b. Pendapatan JHRSB terbahagi kepada 2 komponen, iaitu hasil dan pendapatan lain. Hasil terdiri daripada perolehan menerusi operasi ladang kelapa sawit. Manakala, pendapatan lain terdiri daripada dividen diterima, pelarasan nilai saksama hartanah (*fair value adjustment on investment properties*), keuntungan atas pelupusan hartanah dan pelaburan (*gain on disposal of investment properties*), bayaran balik Lembaga Kelapa Sawit Malaysia, jualan anak benih, jualan besi buruk, jualan sisa minyak pelincir, sewa kedai dan lain-lain. Pada tahun 2009, hasil JHRSB telah menurun dengan ketara kepada RM15.57 juta atau 29.8% berbanding RM22.18 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2010 hasil JHRSB telah meningkat kepada RM17.99 juta berbanding tahun 2009. Kemerosotan hasil sebanyak 29.8% pada tahun 2009 disebabkan penurunan luas kawasan matang, jumlah tan metrik pengeluaran buah tandan segar (*fresh fruit bunches*) kelapa sawit dan purata harga pasaran buah tandan segar kelapa sawit. Bagi tahun 2010 pula, peningkatan hasil JHRSB sebanyak RM2.42 juta atau 15.5% berbanding dengan tahun 2009 dicapai menerusi purata harga pasaran buah tandan segar yang tinggi sungguhpun terdapat penurunan jumlah tan pengeluaran buah tandan segar. Pendapatan lain JHRSB pada tahun 2008 berjumlah RM1.34 juta menurun sebanyak RM0.82 juta atau 61.2% kepada RM0.52 juta pada tahun 2009. Penurunan signifikan berpunca daripada jumlah pemulihan hutang lapuk. Manakala bagi tahun 2010, pendapatan lain meningkat sebanyak RM2.17 juta atau 417.3% kepada RM2.69 juta berbanding tahun 2009 disebabkan pelarasan nilai saksama ke atas pelaburan hartanah (*fair value adjustment on investment properties)* dan keuntungan ke atas pelupusan pelaburan hartanah.

c. Perbelanjaan JHRSB adalah terdiri daripada belanja pentadbiran, lain-lain belanja operasi serta kos kewangan selain daripada kos jualan. Belanja pentadbiran terdiri daripada kos kakitangan, susut nilai dan pelunasan aset biologi (*biological asset*), pelunasan prabayar bayaran pajakan, pelarasan nilai saksama pelaburan hartanah, percetakan dan alat tulis, yuran profesional, setiausaha, audit dan perakaunan, yuran perubatan dan belanja am. Lain-lain belanja operasi pula adalah seperti komisen agensi, komisen jualan, hutang lapuk, yuran pengarah, bonus kakitangan dan kos pengambilan warga asing, bayaran ses dan levi keuntungan luar biasa. Manakala, kos kewangan pula terdiri daripada caj bank. Pada tahun 2009 jumlah perbelanjaan telah menurun kepada RM8.73 juta atau 11.7% daripada RM9.89 juta berbanding tahun 2008. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2009 adalah terutamanya

disebabkan pengurangan dalam pembayaran levi keuntungan luar biasa dan tiada bayaran ses. Manakala pada tahun 2010, jumlah perbelanjaan meningkat kepada RM11.51 juta atau 31.8% berbanding tahun 2009 disebabkan caj penyelenggaraan kondotel, hapus kira inventori, peningkatan signifikan perbelanjaan pelunasan aset biologi, percetakan dan alat tulis, kos kakitangan, komisen jualan, bonus kakitangan, pelantikan buruh asing, levi keuntungan luar biasa dan membiayai subsidi penghantaran balik buruh asing.

d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi JHRSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.1** dan **Carta 14.1**.

Jadual 14.1
Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi JHRSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Hasil	22.18	15.57	17.99
Pendapatan Lain	1.34	0.52	2.69
Jumlah Pendapatan	**23.52**	**16.09**	**20.68**
Perbelanjaan	-9.89	-8.73	-11.51
Keuntungan Sebelum Cukai	**13.63**	**7.36**	**9.17**
Cukai	-1.77	-1.65	-2.18
Keuntungan Selepas Cukai	**11.86**	**5.71**	**6.99**
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	**-7.28**	**-1.58**	**5.41**

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Carta 14.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan JHRSB
Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber : Penyata Kewangan Beraudit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

14.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Untuk menilai prestasi kewangan JHRSB, beberapa nisbah kewangan telah dikira terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan serta Penyata Pendapatan Komprehensif JHRSB bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.68:1	0.56:1	0.58:1
Margin Untung Bersih	61.5%	47.3%	51.0%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.03:1	0.02:1	0.02:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.04:1	0.02:1	0.03:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan JHRSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah di bawah kadar 2 dan tahap kecairannya semakin menurun dari 0.68:1 pada tahun 2008 kepada 0.56:1 pada tahun 2009. Bagaimanapun pada tahun 2010 nisbah semasa JHRSB menunjukkan peningkatan sebanyak 0.02 menjadi 0.58:1 berbanding tahun 2009. Ini menunjukkan kedudukan kewangan JHRSB tidak berupaya untuk menampung liabiliti semasa kerana kecairan yang rendah.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih bertujuan untuk mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010, margin untung bersih JHRSB telah menunjukkan penurunan iaitu 61.5% pada tahun 2008 kepada 47.3% pada tahun 2009 dan meningkat semula kepada 51% pada tahun 2010. Penurunan margin untung bersih pada tahun 2009 disebabkan penurunan hasil manakala bagi tahun 2010 oleh pertambahan perbelanjaan operasi.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset bertujuan mengukur kecekapan syarikat dalam menggunakan aset yang dimiliki untuk menghasilkan keuntungan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010, nisbah pulangan atas aset yang diperoleh JHRSB adalah rendah di mana sejumlah 3 sen pada tahun 2008, 2 sen pada tahun 2009 dan 2010. Nisbah pulangan atas aset menurun pada tahun 2009 adalah disebabkan pengurangan pendapatan dari operasi ladang.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas ekuiti JHRSB memberi pulangan kepada pemegang saham iaitu sejumlah 4 sen pada tahun 2008, 2 sen pada tahun 2009 dan 3 sen pada tahun 2010. Ini menunjukkan JHRSB tidak berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan JHRSB adalah memuaskan di mana JHRSB telah memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2008 hingga 2010. Sungguhpun JHRSB telah melabur sebanyak RM350.55 juta setakat akhir tahun kewangan 2010 terutama dalam syarikat-syarikat perhotelan dan pelancongan, sumbangan kepada keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah tidak ketara. Sebahagian besar keuntungan sebelum cukai yang diperoleh itu adalah masih melalui sektor bidang perladangan kelapa sawit. JHRSB perlu memastikan penglibatan dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan membawa pulangan yang disasarkan dan juga turut menjadi penyumbang utama kepada keuntungan syarikat.

14.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama syarikat JHRSB adalah dalam bidang perladangan kelapa sawit dan perniagaan pemilikan pelaburan. Perbadanan Johor telah menyusun semula aktiviti perniagaan perhotelan dan pelancongan di bawah JHRSB mulai tahun 2008. Sungguhpun penyusunan semula telah dilaksanakan, aktiviti utama JHRSB masih tidak berubah. Secara keseluruhannya, JHRSB telah mengusahakan ladang kelapa sawit secara memuaskan dan sekali gus menjadi aktiviti penyumbang utama kepada keuntungan yang diperoleh bagi tahun 2008 hingga sekarang. Manakala dalam aktiviti pemilikan pelaburan pula, pulangan

adalah tidak memuaskan dan hanya 1 syarikat subsidiari telah membayar dividen sedangkan JHRSB memiliki 10 syarikat subsidiari sehingga kini. Pada bulan Ogos 2011, JHRSB telah menjual ladang kelapa sawit seluas 3,414 hektar di Kota Tinggi dengan harga RM191.6 juta kepada Mahamurni Plantations Sdn. Bhd. sebuah syarikat milikan penuh Kulim (Malaysia) Bhd. yang juga merupakan subsidiari Perbadanan Johor. Ini merupakan salah satu langkah penstrukturan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Johor.

14.4.2.1. Aktiviti Perladangan Kelapa Sawit

a. Ladang Kelapa Sawit JHRSB di PTD 532 Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi adalah berukuran luas sementara 3,414 hektar. Kedudukan statistik Ladang Kelapa Sawit JHRSB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.3**.

Jadual 14.3
Statistik Ladang Kelapa Sawit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Ladang Kelapa Sawit JHRSB	2008	2009	2010
Purata Kawasan Dalam Pengeluaran (Hektar)	1,947.23	1,616.87	1,841.55
Pengeluaran Buah Tandan Segar (*Tan Metrik*)	37,555.94	33,067.85	29,017.18
Pengeluaran BTS Purata Sehektar Kawasan Matang (*Tan Metrik*)	**19.29**	**20.45**	**15.76**
Harga Purata Diperoleh (RM Setan BTS)	**592.11**	**470.82**	**619.85**
Keuntungan Sehektar Kawasan Matang (RM)	**8,186.01**	**5,994.77**	**7,020.59**
Penyata Kawasan *(Area Statement)* Pada 31 Disember			
Kelapa Sawit - Matang (Hektar)	**1,947.23**	**1,616.87**	**1,841.55**
- Belum Matang (Boleh Dituai - Hektar)	248.63	649.88	342.98
- Belum Matang (Belum Boleh Dituai - Hektar)	1,015.47	944.58	1,029.24
Tanah Kosong Boleh/Tidak Boleh Menanam Dan Jalan Raya (Hektar)	114.48	114.48	120.87
Luas Kawasan Hektar Ditanam (Penuaian - Hektar)	3,325.81	3,325.81	3,334.64
Nursery, Vacant Land Unplantable, Tanah Rizab, Bangunan Dan Lain-lain (Hektar)	103.49	103.49	103.49
Luas Kawasan (Hektar)	3,429.30	3,429.30	3,438.13

Sumber: EPA Management Sdn. Bhd.

b. JHRSB melantik EPA Management Sdn. Bhd. (EPA), sebuah syarikat pengurusan ladang milik Perbadanan Johor untuk menguruskan ladangnya sebagaimana perjanjian yang telah ditandatangani pada bulan Mei 2000. Mengikut laporan EPA, keluasan kawasan yang ditanam kelapa sawit di ladang JHRSB bagi tahun 1976 hingga 2011 berjumlah 3,216.59 hektar. Maklumat keluasan adalah seperti di **Jadual 14.4**.

Jadual 14.4
Keluasan Penanaman Kelapa Sawit Di Ladang JHRSB Bagi Tahun 1976 Hingga 2011

Tahun Penanaman	Kawasan	Hektar
1976	P76A/04, P76A/07, P76A/08, P76A/9, P76A12, P76A/13 dan P76A/14	295.21
1999	P99/01, P99/02, P99/03 dan P99/04	197.68
2003	P03/01, P03/02, P03/03 dan P03A/01	263.25
2004	P04/01, P04/02, P04/03 dan P04/04	257.43
2005	P05/01, P05/02, P05/03 dan P05/04	248.63
2006	P06/01, P06/02, P06/03, P06/04, P06/05 dan P06/06	401.25
2007	P07/01, P07/02, P07/03, P07/04, P07/05 dan P07/06	342.98
2008	P08/01, P08/02, P08/03, P08/04 dan P08/05	271.22
2009	P09/01, P09/02, P09/03, P09/04, P09/05 dan P09/06	328.05
2010	P10/01, P10/02, P10/03, P10/04, P10/05, P10/06, P10/07 dan P10/08	426.78
2011	P11	184.11
Jumlah		**3,216.59**

Sumber: Hektar Kawasan Penanaman Ladang Kelapa Sawit JHRSB – Peta Bertarikh 01/07/2010

c. Lawatan Audit telah dijalankan pada bulan Julai dan Ogos 2011 ke kawasan tapak Ladang Kelapa Sawit JHRSB. Penanaman beberapa peringkat mengikut tahun penanaman telah dilaksanakan manakala ada yang dalam persediaan untuk penanaman semula dengan amalan *Zeroburn Technique Of Replanting Recycles*. Keadaan kedudukan Ladang Kelapa Sawit JHRSB di Kota Tinggi adalah seperti di **Gambar 14.1** hingga **Gambar 14.4**.

Gambar 14.1 **Gambar 14.2**

Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 26 Julai 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 26 Julai 2011

Gambar 14.3 **Gambar 14.4**

Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 26 Julai 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

d. Pengeluaran Buah Tandan Segar Yang Rendah

Statistik Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) menunjukkan purata sehektar kawasan matang (tan metrik/hektar) bagi ladang kelapa sawit JHRSB berada pada tahap rendah berbanding dengan ladang milik Syarikat Kulim (Malaysia) Bhd (Estet Malaysia Sahaja) yang juga diurus oleh EPA Management Sdn. Bhd. serta ladang milik syarikat lain. JHRSB memaklumkan pengeluaran BTS secara umumnya tidak dapat mencapai unjuran yang ditetapkan. Antara puncanya ialah terdapat kawasan penanaman yang telah melebihi 25 tahun, kawasan kelapa sawit yang baru sahaja matang serta kawasan jenis tanah gambut dan pasir pantai yang tidak sesuai untuk tanaman kelapa sawit. Pengeluaran BTS purata sehektar kawasan matang (tan metrik/hektar) ladang kelapa sawit JHRSB berbanding 7 syarikat lain bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.5**.

Jadual 14.5

Pengeluaran BTS Purata Sehektar Kawasan Matang (Tan Metrik/Hektar) Ladang Kelapa Sawit JHRSB Berbanding Syarikat Lain Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Syarikat	Pengeluaran BTS Purata Sehektar Kawasan Matang (Tan Metrik/Hektar)		
		2008	2009	2010
1.	**Ladang Kelapa Sawit JHRSB**	**19.29**	**20.45**	**15.76**
2.	Ladang Kelapa Sawit Kulim - Estet Malaysia Sahaja	22.70	21.22	19.01
3.	Riverview Rubber Estates Bhd.	25.57	28.69	25.92
4.	Kluang Rubber Company (Malaya) Bhd.	22.89*	20.07*	19.37*
5.	Sungai Bagan Rubber Company (Malaya) Bhd.	21.18*	16.22*	15.37*
6.	United Malacca Bhd.	24.13	25.41	20.33
7.	United Plantations Bhd.	29.60	29.05	23.87**
8.	Uncodesa Plantations Bhd.	23.32	19.18	19.89

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010 Daripada Bursa Malaysia

Nota: * *converted from ton/acre from Financial Statements to ton/hectare*
** *includes the area on Indonesian Plantations which have come into harvest*

e. Harga Purata BTS Yang Kompetitif

Mengikut rekod, semua pengeluaran BTS dijual kepada Kilang Kelapa Sawit Siang milik Perbadanan Johor yang terletak dalam kawasan Ladang Kelapa Sawit JHRSB. Harga purata bulanan jualan BTS adalah ditetapkan berdasarkan kepada nilai jualan minyak mentah/isirung kelapa sawit dan kadar pengeluaran minyak setelah ditolak caj memproses RM35 bagi setiap tan. Harga BTS yang diperoleh oleh JHRSB adalah kompetitif berbanding dengan harga BTS yang diterima oleh beberapa syarikat lain serta harga harian keluaran sawit mengikut MPOB bagi tahun berkenaan. Kedudukan harga purata BTS Ladang Kelapa Sawit JHRSB berbanding dengan 4 syarikat lain bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.6**.

Jadual 14.6
Harga Purata BTS Ladang Kelapa Sawit JHRSB Berbanding Dengan 4 Syarikat Lain Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Syarikat	Tahun Berakhir	Harga Purata BTS (RM)		
			2008	2009	2010
1.	Ladang Kelapa Sawit JHRSB	31 Disember	592	471	620
2.	Riverview Rubber Estates Bhd.	31 Disember	586	445	570
3.	Kluang Rubber Company (Malaya) Bhd.	30 Jun	655	450	483
4.	Sungai Bagan Rubber Company (Malaya) Bhd.	30 Jun	655	448	483
5.	United Malacca Bhd.	30 April	609	477	477

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010 Daripada Bursa Malaysia

f. Kekurangan Pekerja Ladang

Laporan Ladang (*Plantation Report*) *Plantation Inspector's Appraisal Of Estates* dan *Plantation Inspector's Proforma* dikeluarkan setiap kali lawatan dilaksanakan. Sekurang-kurangnya 2 lawatan penuh dan 2 lawatan interim bagi setiap ladang dalam masa 12 bulan dijalankan oleh Inspektor Ladang (*Plantation Inspector*) untuk menyelia operasi ladang dan melaporkan kepada JHRSB selaras dengan Seksyen 6.01 (c) Perjanjian Pengurusan. Kedua-dua laporan ladang yang dikeluarkan bagi setiap lawatan yang dijalankan menyatakan kekurangan sebanyak 44% (89/201) pekerja ladang telah berlaku. Kekurangan ini telah menyebabkan kerja-kerja ladang yang dirancang mengikut jadual tergendala dan seterusnya meningkatkan kos. Laporan ladang mengenai kekurangan pekerja adalah seperti di **Jadual 14.7**.

Jadual 14.7
Bilangan Kekurangan Pekerja Ladang Mengikut Laporan Ladang

Bil.	Tarikh Lawatan	Jumlah Kekurangan Pekerja			Catatan
		Penuai	Pekerja Ladang	Pekerja Am	
Plantation Inspector's Appraisal Of Estates					
1.	28 dan 29 Januari 2009	16	-	45	Program kerja ditangguhkan (rawatan mengawal rumpai dan perosak dan penyakit dan membaja)
2.	1 dan 2 April 2009	14	45	-	(Peringatan kedua)
3.	27 dan 28 Mei 2009	-	22	-	Program kerja berjadual tergendala mungkin terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi pada peringkat kemudian
4.	20 dan 21 Julai 2009	14	55	-	
5.	20 dan 21 Oktober 2009	13	50	-	Memberi kesan kepada kerja ladang
6.	24 dan 25 Mac 2010	42	89	-	
7.	7 dan 8 Jun 2010	38	77	-	Program kerja ditangguhkan
8.	4 dan12 Ogos 2010	16	63	-	Program kerja ditangguhkan
9.	14 dan 19 Oktober 2010	18	-	77	Menjejaskan penuaian dan lain-lain
10.	21 dan 22 Mac 2011	18	42	1	
11.	8 Jun 2011	18	86	-	
Plantation Inspector's Proforma					
1.	4 Ogos 2010	8 /94	25/166	-	
2.	Mac 2010	38/128	77/201	-	
3.	13 dan 14 Oktober 2010	18	77	-	
4.	28 Disember 2010	19/102	67/204	-	Menjejaskan penuaian dan lain-lain bidang operasi serta pemulihan tanaman
5.	9 dan 10 Mac 2011	19/102	67/204	-	Menjejaskan penuaian dan lain-lain bidang operasi serta pemulihan tanaman
6.	6 dan 7 Jun 2011	18/89	86/204	-	Menjejaskan penuaian dan lain-lain bidang operasi serta pemulihan tanaman

Sumber: Laporan Ladang JHRSB

g. Kemudahan Ladang Tidak Memuaskan

Lawatan Audit ke Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi pada bulan Ogos 2011 di kawasan perumahan ladang mendapati:

i. Kediaman yang disediakan untuk pekerja bagi pengurusan tinggi dan kakitangan pejabat (*seconded personnel*) berada dalam keadaan memuaskan. Bagaimanapun, keadaan perumahan bagi pekerja ladang didapati tidak memuaskan di mana terdapat tingkap kaca telah pecah dan perlu diperbaiki manakala rumah perlu dicat semula. Keadaan rumah pekerja adalah seperti di **Gambar 14.5** dan **Gambar 14.6**. **Maklum balas JHRSB bertarikh 8 Februari 2012 memaklumkan, terdapat program untuk mengecat rumah pekerja mengikut giliran yang melibatkan 32 unit rumah setiap tahun.**

Gambar 14.5 **Gambar 14.6**

Rumah Pekerja Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 15 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

ii. Di kawasan perumahan ladang juga ada disediakan dewan orang ramai. Semasa lawatan Audit dijalankan mendapati dewan tersebut telah dijadikan tempat penyimpanan baja. Keadaan dewan orang ramai Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi adalah seperti di **Gambar 14.7** hingga **Gambar 14.10**.

Gambar 14.7 **Gambar 14.8**

Dewan Orang Ramai Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

Gambar 14.9 **Gambar 14.10**

Dewan Orang Ramai Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 15 Ogos 2011

iii. Keperluan stor baja di Ladang Kelapa Sawit JHRSB perlu dikaji semula memandangkan 2 stor tidak dapat memuatkan keperluannya yang menyebabkan dewan orang ramai dijadikan sebagai stor tambahan. Pemeriksaan dijalankan di dalam 2 stor baja dan mendapati baja-baja telah disusun di atas lantai yang lembap tanpa menyediakan *wooden pellet* untuk memastikan tiada kerosakan berlaku. Keadaan dalam stor baja Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi adalah seperti di **Gambar 14.11** hingga **Gambar 14.13**.

Gambar 14.11
Stor Baja No.1 Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

Gambar 14.12 **Gambar 14.13**

Stor Baja No.2 Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 08 Ogos 2011

iv. **Maklum balas JHRSB bertarikh 8 Februari 2012 menyatakan akan mengemukakan cadangan penambahan stor secepat mungkin untuk mengelakkan baja ditempatkan di dewan orang ramai. Cadangan ini akan dibincangkan dengan *Regional Controller* kerana ia memerlukan kos pembinaan yang tinggi.**

v. Lawatan Audit ke Ladang Kelapa Sawit JHRSB pada Ogos 2011 mendapati alat penimbang bagi menimbang BTS sebelum ianya dihantar ke kilang masih dalam pembinaan. Ini menunjukkan tiada kawalan terhadap hasil BTS yang dihantar ke kilang oleh pihak Ladang Kelapa Sawit JHRSB. Pihak Audit dimaklumkan, kutipan BTS akan dibawa terus ke Kilang Minyak Kelapa Sawit Siang untuk dijual dan berat jualannya adalah mengikut berat yang di timbang dan diisytiharkan oleh kilang minyak.

vi. **Maklum balas JHRSB bertarikh 8 Februari 2012 memaklumkan, sebelum bulan Disember 2010 pengurusan kilang adalah di bawah Perbadanan Johor. Memandangkan ladang juga di bawah naungan Perbadanan Johor maka keperluan untuk menimbang BTS sebelum dihantar ke kilang tidak begitu terdesak apatah lagi kilang tersebut berada di kawasan ladang. Namun begitu, pada awal tahun 2011 kilang tersebut telah dipajakkan oleh Perbadanan Johor kepada sebuah syarikat lain. Oleh itu pihak ladang telah mengambil langkah dengan menyediakan alat timbang di mana ia telah beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2011. Gambar 14.14** menunjukkan alat penimbang masih dalam pembinaan di Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi.

Gambar 14.14
Alat Penimbang Masih Dalam Pembinaan Di Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit JHRSB, Kota Tinggi
Tarikh: 15 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan ladang adalah memuaskan. Bagaimanapun, kemudahan yang disediakan seperti rumah pekerja perlu dibaiki, ruang stor baja perlu diperbesarkan dan penggunaan dewan dikhususkan untuk orang ramai.

14.4.2.2. Aktiviti Perhotelan Dan Pelancongan

Dalam tahun 2008 hingga 2010, Perbadanan Johor sebagai syarikat induk JHRSB dalam usaha untuk menyusun semula perniagaan perhotelan dan pelancongan telah memutuskan menjual/memindah beberapa pegangannya kepada JHRSB. Penjualan/Pindahan pegangan juga telah dilaksanakan dalam tempoh yang sama daripada syarikat berkaitan lain (*related companies*) Perbadanan Johor dan *Entrepreneur* kepada JHRSB. Sehingga kini, JHRSB telah memegang ekuiti dalam 9 syarikat subsidiari yang menceburi dalam bidang perhotelan dan pelancongan. Tujuh daripada 9 syarikat subsidiari JHRSB didaftarkan dalam negara manakala 2 yang lain telah didaftarkan di Singapura. Hanya 5 daripada subsidiari JHRSB sedang beroperasi. Manakala, 4 subsidiari yang lain terdiri daripada 2 didaftarkan di dalam negara dan 2 lagi di Singapura adalah syarikat dorman.

a. Pemindahan Pegangan Dari Perbadanan Johor

i. Pada tahun 2008, JHRSB bersetuju memperoleh ekuiti dalam 4 syarikat iaitu Puteri Hotels Sdn. Bhd., Sibu Island Sdn. Bhd., Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd. dan Hotel Selesa Sdn. Bhd. daripada Perbadanan Johor dengan nilai RM272.41 juta. Satu perjanjian penjualan saham biasa telah ditandatangani pada 22 Disember 2008 antara Perbadanan Johor dan JHRSB untuk menjual/memindah peratusan pegangan dalam 4 syarikat dengan nilai RM272.41 juta berdasarkan *willing buyer–willing seller*. Bagaimanapun, penetapan nilaian saham syarikat-syarikat tersebut dibuat khususnya oleh Perbadanan Johor dan dipersetujui oleh JHRSB. Kertas maklumat (*information paper*) mengenai asas penilaian telah disediakan oleh Perbadanan Johor. Kedudukan pembelian saham biasa syarikat tersebut adalah seperti di **Jadual 14.8**.

Jadual 14.8
Kedudukan Pembelian Saham Biasa Syarikat

Bil.	Saham Syarikat	Pemindah	Penerima Pemindahan	Peratus %	Jumlah Unit Saham Biasa	Jumlah Nilai (RM Juta)
1.	Puteri Hotels Sdn. Bhd.	Perbadanan Johor	JHRSB	86.04	128,520,600	200.00
2.	Sibu Island Resorts Sdn. Bhd.	Perbadanan Johor	JHRSB	45	10,127,490	2.41
3.	Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd.	Perbadanan Johor	JHRSB	100	40,000,000	40.00
4.	Hotel Selesa Sdn. Bhd.	Perbadanan Johor	JHRSB	100	30,000,000	30.00
Jumlah						**272.41**

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008

ii. Jumlah nilai pembelian saham syarikat-syarikat itu telah disempurnakan dengan pengeluaran 272,410,000 *Redeemable Convertable Preference Shares* (RCPS) kepada Perbadanan Johor oleh JHRSB. Nilai pelaburan JHRSB berjumlah RM272.41 juta dalam syarikat-syarikat tersebut adalah melebihi sejumlah RM135.52 juta daripada Nilai Aset Bersih. Dengan pembelian 86.04% saham dalam Puteri Hotels Sdn. Bhd. dan 45% dalam syarikat Sibu Island Resorts Sdn. Bhd., JHRSB memiliki sepenuhnya kedua-dua syarikat tersebut. Nilai pelaburan JHRSB melebihi Nilai Aset Bersih adalah seperti di **Jadual 14.9**.

Jadual 14.9
Nilai Pelaburan JHRSB Melebihi Nilai Aset Bersih

	Puteri Hotels Sdn. Bhd. (RM Juta)	Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd. (RM Juta)	Hotel Selesa Sdn. Bhd. (RM Juta)	Sibu Island Resorts Sdn. Bhd. (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Nilai Saksama Aset Bersih Yang Diperoleh	125.24	11.58	10.08	-10.01	136.89
Melebihi Nilai Aset Bersih	74.76	28.42	19.92	12.42	135.52
Pertimbangan Pembelian	200.00	40.00	30.00	2.41	272.41

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008

- **Puteri Hotels Sdn. Bhd.**

  Mengikut Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2008, syarikat Puteri Hotels Sdn. Bhd. yang kini dimiliki sepenuhnya oleh JHRSB telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM7.44 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM95.64 juta. Kerugian sebelum cukai syarikat itu terus meningkat kepada RM9.11 juta bagi tahun kewangan 2009 dan RM9.72 juta bagi tahun kewangan 2010. Pada 31 Disember 2010, kerugian terkumpul syarikat Puteri Hotels Sdn. Bhd. terus meningkat kepada RM114.15 juta.

- **Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd.**

  Mengikut Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2008, syarikat Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd. yang kini dimiliki sepenuhnya oleh JHRSB telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM1.07 juta dan kerugian terkumpul adalah berjumlah RM19.10 juta. Kerugian sebelum cukai syarikat itu terus meningkat kepada RM10.16 juta bagi tahun kewangan 2009. Bagaimanapun, bagi tahun kewangan 2010 kerugian sebelum cukai itu dapat dikurangkan kepada RM0.59 juta. Dengan kerugian yang dialami bagi tahun kewangan 2009 dan 2010, kerugian terkumpul syarikat Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd. terus meningkat kepada RM12.33 juta pada 31 Disember 2010.

- **Hotel Selesa Sdn. Bhd.**

  Mengikut Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2008, syarikat Hotel Selesa Sdn. Bhd. yang kini dimiliki penuh oleh JHRSB telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.39 juta dan kerugian terkumpul adalah berjumlah RM19.95 juta. Kerugian sebelum cukai syarikat itu terus meningkat kepada RM1.55 juta bagi tahun kewangan 2009 dan menurun sedikit kepada RM1.30 juta bagi tahun kewangan 2010. Dengan kerugian yang dialami bagi tahun kewangan 2009 dan 2010, kerugian terkumpul syarikat Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd. terus meningkat kepada RM22.77 juta pada 31 Disember 2010.

- **Sibu Island Resorts Sdn. Bhd.**

  Mengikut Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2008, syarikat Sibu Island Resorts Sdn. Bhd. yang kini dimiliki sepenuhnya oleh JHRSB telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM4.61 juta dan kerugian terkumpul adalah berjumlah RM44.74 juta. Kerugian sebelum cukai syarikat itu terus meningkat kepada RM6.51 juta bagi tahun kewangan 2009 dan menurun kepada RM4.90 juta bagi tahun kewangan 2010. Dengan kerugian yang terus dialami oleh syarikat Sibu Island Resorts Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2009 dan 2010, kerugian terkumpul terus meningkat kepada RM56.14 juta pada 31 Disember 2010.

b. Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd.

i. JHRSB menandatangani satu perjanjian dengan Damansara Realty Bhd. pada 22 April 2008 untuk membeli 36,000,000 saham biasa Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd. dengan nilai RM37.6 juta. Jumlah saham itu adalah merupakan 99.99% daripada modal berbayar syarikat Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd. dan urus niaga telah dinyatakan dalam penyata kewangan JHRSB bagi tahun 2009. JHRSB

seterusnya memperoleh baki 2 saham biasa dengan nilai RM2.10 untuk memiliki sepenuhnya ekuiti syarikat itu dan urus niaga pembelian syarikat itu telah dinyatakan dalam penyata kewangan JHRSB tahun 2010.

ii. Mengikut Penyata Kewangan beraudit bagi tahun kewangan 2008, syarikat Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd. mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.62 juta dan kerugian terkumpul adalah berjumlah RM6.99 juta. Kerugian sebelum cukai syarikat itu menurun kepada RM0.60 juta bagi tahun kewangan 2009. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai terus meningkat dengan ketara kepada RM1.79 juta bagi tahun kewangan 2010. Kerugian yang dialami bagi tahun kewangan 2009 dan 2010 menyebabkan kerugian terkumpul syarikat Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd. terus meningkat kepada RM9.36 juta pada 31 Disember 2010. Kertas maklumat terhadap asas penilaian telah disediakan oleh Perbadanan Johor dan diterima pakai oleh JHRSB. Bagaimanapun, asas penentuan nilai (*price deliberation*) yang mendorong pembelian/pemindahan syarikat tersebut tidak diiringi dengan perancangan strategik untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat berkenaan.

14.4.2.3. Aktiviti Perkhidmatan Kesetiausahaan

a. JHRSB telah memindahkan 12,000 saham biasa syarikat Pro Corporate Management Services Sdn. Bhd. dalam tahun 2005 (*Circular Resolution* bertarikh 28 Februari 2005) dan 13,000 saham biasa lagi dalam tahun 2006 (*Circular Resolution* bertarikh 15 Disember 2006) kepada seorang usahawan (*Entrepreneur*) dengan jumlah RM36,270.

b. Jumlah 25,000 saham biasa Pro Corporate Management Services Sdn. Bhd. telah dibeli semula oleh JHRSB dalam tahun 2008 pada harga RM4.33 sesaham dengan nilai RM108,250 secara tunai berdasarkan kaedah Nilai Aset Bersih. Penetapan nilaian saham syarikat tersebut untuk dibeli semula daripada *Entrepreneur* dibuat khususnya oleh Perbadanan Johor dan dipersetujui oleh JHRSB. Kertas maklumat terhadap asas penilaian disediakan oleh Perbadanan Johor. Pembelian semula telah diluluskan melalui *Circular Resolution* bertarikh 5 Mei 2008 tetapi tidak dimasukkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke 107 yang diadakan pada 22 Disember 2009 untuk disahkan (*ratify)*. Borang pemindahan 32A antara seorang usahawan dengan JHRSB telah ditandatangani pada 23 Julai 2008.

14.4.2.4. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari

a. Analisis Audit mendapati pada tahun 2008 hingga 2010 prestasi kewangan 5 syarikat subsidiari dalam bidang perhotelan dan pelancongan adalah tidak memuaskan dan kesemuanya telah mengalami kerugian semasa antara RM0.39 juta hingga RM10.16

juta. Kerugian terkumpul bagi 5 syarikat tersebut telah meningkat antara RM6.99 juta hingga RM114.15 juta. Kesemua syarikat subsidiari tersebut didapati tidak dapat mencapai sasaran penyewaan bilik. Oleh itu tiada pulangan kepada JHRSB sehingga sekarang dan dijangka tiada perubahan dalam kedudukan ini dalam masa terdekat. Hanya syarikat Pro Corporate Management Services Sdn. Bhd. yang memperoleh keuntungan dan juga syarikat tunggal yang memberi pulangan dividen bagi tahun 2008 hingga 2010 dan seterusnya menyumbang kepada keuntungan JHRSB. **Mengikut JHRSB berdasarkan maklum balas bertarikh 14 Mac 2012, penglibatan dalam syarikat perhotelan dan pelancongan adalah lebih kepada strategi jangka panjang dan kesemua aset berada di lokasi yang strategik. JHRSB sedang berusaha meningkatkan aktiviti pemasaran melalui penglibatan dalam pasaran domestik bersama Pelancongan Johor/Malaysia dan pasaran antarabangsa dan kini ada tanda-tanda perkembangan positif terutamanya keuntungan kasar operasi yang diperoleh bagi kesemua hotelnya.** Prestasi kewangan syarikat subsidiari JHRSB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 14.10**.

Jadual 14.10
Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Bil.	Subsidiari	Prestasi Kewangan Pada 31 Disember					
		2008		2009		2010	
		Untung/(Rugi)					
		Semasa	Terkumpul	Semasa	Terkumpul	Semasa	Terkumpul
		(RM)					
1.	Pro Corporate Management Services Sdn. Bhd.	191,151	373,061	602,944	764,726	138,085	862,122
2.	Puteri Hotels Sdn. Bhd.	-7,442,847	-95,641,353	-9,111,494	-104,431,469	-9,719,326	-114,150,795
3.	Sibu Island Resort Sdn. Bhd.	-4,608,698	-44,735,066	-6,505,070	-51,240,136	-4,900,618	-56,140,754
4.	Hotel Selesa (JB) Sdn. Bhd.	-1,065,161	-19,098,541	-10,159,141	-11,740,236	-582,984	-12,329,934
5.	Tanjung Tuan Hotel Sdn. Bhd.	-619,755	-6,994,041	-603,250	-7,735,464	-1,793,735	-9,357,343
6.	Hotel Selesa Sdn. Bhd.	-390,766	-19,952,734	-1,553,869	-21,506,603	-1,304,837	-22,768,440
7.	DPIM Consult Sdn. Bhd.	-3,891	-15,905	-4,849	-20,754	-4,783	-25,537
8.	Tiram Air Sdn. Bhd.	-94,717	-6,204,506	-90,551	-6,295,057	-58,320	-6,353,377
		(SD $)					
9.	Tiram Tours (S) Pte. Ltd.	-2,300	-34,783	-2,300	-37,083	-2,400	-39,483
10.	Orion Tours Pte. Ltd.	-45,465	-11,806,826	-2,300	-11,809,126	-2,761	-11,811,887

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Subsidiari JHRSB Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Pada pendapat Audit, aktiviti pelaburan adalah tidak memuaskan kerana 5 daripada 6 syarikat subsidiari yang aktif mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2008 hingga 2010.

14.4.3. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007) yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh Lembaga Pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebajikan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat JHRSB adalah seperti berikut:

14.4.3.1. Undang-Undang Dan Peraturan

Sebagai sebuah syarikat milik Perbadanan Johor, JHRSB adalah tertakluk kepada peraturan Surat/Pekeliling berkaitan Syarikat Kerajaan bertujuan memelihara kepentingan agensi Kerajaan Negeri yang menjadi pemegang utama saham syarikat. Melalui Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri Ke-69 yang diadakan pada 10 Jun 1993, semua Kerajaan Negeri bersetuju mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan terhadap syarikat Kerajaan. Pihak Audit dimaklumkan JHRSB tidak mengguna pakai pekeliling-pekeliling Kerajaan berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan. Sebaliknya JHRSB mengguna pakai Tatacara Peraturan Kewangan Perbadanan Johor dalam menguruskan kewangan syarikat. Pada pandangan Audit, tatacara peraturan kewangan yang digunakan oleh syarikat bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman adalah teratur dan mencukupi.

14.4.3.2. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1993 menetapkan semua pelaburan syarikat subsidiari Kerajaan termasuk penubuhan syarikat baru dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Penubuhan syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti 100% oleh Kerajaan atau syarikat-syarikat milik Kerajaan adalah tidak dibenarkan melainkan atas sebab mendesak dan mustahak. Ini adalah bagi menggalakkan usaha sama di antara Kerajaan dan swasta. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat subsidiari hendaklah sebahagiannya terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan kumpulan syarikat tetapi dilantik daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang diperlukan. JHRSB telah mengambil alih 10 buah syarikat subsidiari di mana 6 buah syarikat masih aktif dan 4 buah syarikat tidak aktif. Pengambilan syarikat subsidiari itu juga telah mendapat

kebenaran Ahli Lembaga Pengarah. Objektif pengambilan syarikat itu adalah untuk mempelbagaikan dan memperkukuhkan aktiviti JHRSB untuk menjadi syarikat sokongan.

b. Semakan Audit mendapati pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat subsidiari tersebut adalah terdiri daripada pegawai dalam pihak pengurusan Kumpulan Syarikat Perbadanan Johor. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 tahun 1993 perenggan 4.7.1 (c), sebahagian daripada ahli-ahli itu mestilah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang diperlukan.

14.4.3.3. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Menurut Buku Hijau, sekurang-kurangnya 1/3 daripada Ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas dan bilangan Ahli Lembaga Pengarah tidak melebihi 10 orang. Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan wujudnya Tadbir Urus Korporat di dalam Kumpulan, termasuk menetapkan matlamat strategik, menentukan arah yang perlu dicapai oleh pengurusan dan seterusnya bermesyuarat secara kerap bagi memantau pencapaian berasaskan matlamat strategik dan prestasi kewangan selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI). Semakan Audit mendapati mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah JHRSB tidak dibuat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi pembentangan kewangan setiap suku tahun. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak diadakan pada tahun 2008 dan 2010 dan hanya sekali dibuat pada tahun 2009 dan sekali dalam tahun 2011. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah JHRSB antaranya tidak membincangkan perancangan strategik dan KPI syarikat, perancangan bajet tahunan, bonus kakitangan, dividen, pembentangan kewangan setiap suku tahun dan kemajuan ladang.

14.4.3.4. Unit Audit Dalam Serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menyatakan mengenai garis panduan penubuhan Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan. Keperluan ini timbul di dalam kumpulan syarikat Kerajaan yang besar dan mengandungi syarikat subsidiari yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas prestasi kewangan kumpulan syarikat. Di antara objektifnya adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat induk dan semua syarikat subsidiari dan bersekutu melalui kajian audit, pemeriksaan khas dan laporan audit dalam. Rekod kewangan JHRSB disemak oleh Audit Dalaman Kumpulan (JCIA) dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Johor. Bagi tempoh 2007 hingga 2011 akaun JHRSB hanya disemak oleh JCIA pada bulan September 2009 dan meliputi skop bagi bulan Januari hingga Julai 2009.

14.4.3.5. Perancangan Strategik Rancangan Korporat Dan *Key Performance Indicator*

Syarikat Kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) selaras dengan strategi syarikat dan sasaran yang ditetapkan bagi Syarikat dan KPI untuk Unit Perniagaan setiap 6 bulan/setahun sekali. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan semua syarikat Kerajaan perlu menyedia serta mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan Korporat dan KPI perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk selaras dengan objektif penubuhan syarikat, menjurus kepada misi, objektif dan strategi serta diikuti dengan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Semakan Audit mendapati tiada perkara mengenai penyediaan Perancangan Strategik dan KPI bagi merancang dan menentukan sasaran perniagaan syarikat di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Melalui mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perbadanan Johor Bil. 1214/2010 perancangan strategik JHRSB hanya menyatakan mengenai pemilikan modal, pendapatan JHRSB tahun 2009 berbanding tahun sebelum dan jumlah pekerja ladang serta pekerja di bahagian pejabat.

14.4.3.6. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan/Agensi sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati JHRSB tidak membuat bayaran dividen kepada Perbadanan Johor pada tahun 2009 dan 2010 walaupun telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM9.17 juta pada tahun 2010 dan RM7.36 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, dividen telah dibayar pada tahun 2008 sejumlah RM1.20 juta.

14.4.3.7. Kawalan Bajet

Bajet merupakan alat perancangan kewangan yang merupakan satu pernyataan formal mengenai anggaran pendapatan dan perbelanjaan sesebuah organisasi bagi sesuatu tahun kewangan. Pengurusan bajet adalah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan, mengawal operasi dan mengurus prestasi sesuatu organisasi bagi mencapai objektifnya. Anggaran bajet perlu disediakan sebelum bermulanya tahun kewangan yang berikutnya serta perlu mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga

Pengarah dan Jawatankuasa Perancangan Strategik Perbadanan. Semakan Audit mendapati JHRSB tidak menyediakan bajet tahunan bagi tahun 2008 hingga 2010. Bajet tahunan dibuat hanya untuk aktiviti perladangan yang disediakan oleh EPA dan dibentangkan serta diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bajet EPA.

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat JHRSB boleh dipertingkatkan lagi dengan melantik sebahagian Ahli Lembaga Pengarah atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang diperlukan yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan Syarikat, mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah JHRSB mengikut ketetapan, membuat bayaran dividen apabila memperoleh keuntungan dan menyediakan bajet tahunan.

14.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan JHRSB dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money* beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dikemaskan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

14.5.1. Menyediakan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.

14.5.2. Mempertingkatkan prestasi syarikat-syarikat yang diambil alih dalam penyusunan semula perniagaan perhotelan dan pelancongan bagi memastikan pulangan yang diperoleh menjadi penyumbang utama kepada JHRSB.

14.5.3. Meninjau dan mengatur strategi alternatif seterusnya untuk memastikan syarikat terus memperoleh keuntungan memandangkan pulangan dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan adalah tidak memberangsangkan dan ditambah pula dengan penjualan ladang kelapa sawit yang selama ini menjadi penyumbang utama.

BAHAGIAN III
PERKARA AM

15. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

15.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

15.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

15.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor.

16. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010, sejumlah 56 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2012, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

16.1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN PEJABAT TANAH PONTIAN, BATU PAHAT, MUAR SERTA LEDANG

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	**Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut** Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Bagi Tahun 2010 Hingga 2019 tidak dapat disiapkan sehingga akhir tahun 2010 kerana perjanjian antara Jabatan dengan juru perunding yang dilantik belum ditandatangani.	Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Bagi Tahun 2010 Hingga 2019 masih belum disiapkan dan perjanjian masih belum ditandatangani. Perjanjian tersebut dalam pengemaskinian peringkat akhir dengan juru perunding yang dilantik dan dijangka akan ditandatangani pada bulan Mei 2012.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	**Kelewatan Untuk Mewartakan Kawasan Cadangan Hutan Simpan Kekal** Kawasan Hutan Paya Laut dan dataran lumpur seluas 12,756 hektar yang berada di persisiran Selat Melaka masih belum diwartakan sebagai HSK sehingga akhir tahun 2010 walaupun berlaku kelewatan melebihi 5 tahun.	Kawasan yang telah dicadangkan sebagai HSK masih lagi belum diwartakan. Bagaimanapun, pihak Jabatan telah mengemukakan surat cadangan pewartaan bagi kawasan CHSK kepada Pengarah Pejabat Tanah dan Galian bagi proses pewartaan kawasan tersebut.
3.	**Pencerobohan Orang Awam Di Parit Amat, Parit Kendondong Dan Parit Pecah Muar Serta Parit Simin Batu Pahat** Berlaku pencerobohan oleh orang awam dengan menanam pokok kelapa sawit dan mendirikan rumah kediaman di atas tanah kerajaan yang ingin diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal.	Pejabat Tanah kini dalam tindakan mengemaskini maklumat pendudukan di sepanjang Pantai Selat Melaka untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi keputusan dan tindakan selanjutnya.

16.2. PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- Pengurusan Tanah Milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor

No.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	**Pulangan Yang Belum Diterima Daripada Tanah SSI Yang Dimajukan Melalui Projek Penswastaan** Pulangan tunai dan *in-kind* daripada projek penswastaan yang bernilai RM64.35 juta masih belum diterima manakala pulangan secara *Excess Sales Revenue* (ESR) yang dianggarkan berjumlah RM48.48 juta juga belum diperoleh.	Kedudukan pulangan tunai dan *in-kind* berjumlah RM64.35 juta serta pulangan secara ESR berjumlah RM48.48 juta masih belum diperolehi. Bagaimanapun, terdapat pulangan berbentuk projek *in-kind* sedang dalam pembinaan.
5.	**Hak Milik Tanah SSI Belum Didaftarkan** 36 lot tanah dengan keluasan berjumlah 3,380.34 hektar masih belum didaftarkan hak milik atas nama SSI.	Sehingga kini, SSI masih belum mendaftarkan hak milik tanah seluas 3,380.34 hektar tersebut.

No.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
6.	**Tanah Milik SSI Belum Dimajukan** Tanah milik SSI seluas 4,019.05 hektar masih belum dimajukan dengan tempah kelewatan antara 5 hingga 20 tahun daripada pemilikan tanah dan perjanjian ditandatangani.	Secara keseluruhannya tanah milik SSI seluas 4,019.05 hektar masih belum dimajukan.
7.	**Projek Perumahan Di Atas Tanah Milik SSI** Satu projek penswastaan bagi pembangunan 766 unit kediaman pelbagai jenis, 100 unit rumah kedai dan satu tapak perniagaan di atas tanah milik SSI di Segamat telah terbengkalai. Kegagalan projek ini disiapkan menyebabkan Kerajaan tidak dapat memperoleh pulangan daripada projek penswastaan.	Sehingga kini, sebanyak 36 unit rumah telah siap dibina, manakala bakinya masih belum dibangunkan.

16.3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- Pengurusan Rumah Kerajaan Dan Rumah Sewa Kerajaan

No.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
8.	**Bilangan Kuarters Yang Tidak Berpenghuni Tinggi** Sehingga Disember 2010 sebanyak 312 atau 37.5% daripada 831 unit kuarters daripada 9 kawasan adalah tidak berpenghuni.	Sehingga April 2012 sebanyak 136 atau 17.2% daripada 793 unit kuarters daripada 9 kawasan sahaja tidak berpenghuni.
9.	**Tunggakan Bayaran Caj Penyenggaraan Dan Bil Air** i. Tunggakan caj penyenggaraan kepada JMB berjumlah RM2.21 juta dan tunggakan bayaran caj penyenggaraan oleh Kumpulan Pendidikan YPJ berjumlah RM0.21 juta sehingga akhir tahun 2010. ii. Bayaran deposit air ke atas kuarters atas nama SSI berjumlah RM24,840. Tunggakan bayaran bil air bagi kuarters atas nama SSI berjumlah RM60,797 pada akhir tahun 2010.	i. Tunggakan Caj Penyenggaraan kepada JMB sehingga masih di dalam tindakan manakala bayaran caj penyenggaraan oleh Kumpulan Pendidikan YPJ dibayar secara ansuran berjumlah RM6,825 sebulan bermula pada 15 Jun 2011. ii. Kerajaan telah bersetuju membayar tunggakan tersebut melalui Pejabat SUK Perumahan dan penukaran nama SSI kepada penghuni rumah sewa kerajaan di Taman Nusantara, Gelang Patah & Jalan Ariffin, Johor Bahru sedang dilaksanakan.
10.	**Kutipan Sewa Kuarters** Tunggakan kutipan sewa kuarters adalah berjumlah RM66,332 manakala lebihan Bayaran Sewa berjumlah RM12,143 oleh pegawai	Tunggakan Sewa Kuarters sehingga April 2012 adalah berjumlah

No.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	kerajaan dan tunggakan kutipan sewa kuarters oleh Kumpulan Pendidikan YPJ berjumlah RM55,000 pada Disember 2010.	RM86,666.14 manakala lebihan bayaran sewa oleh Pegawai Kerajaan berjumlah RM4087.30. Tunggakan Kumpulan Pendidikan YPJ pula berjumlah RM67,250.00.

16.4. UNIT SAINS TEKNILOGI DAN ICT NEGERI JOHOR

- Sistem Nikah Cerai Dan Rujuk

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
11.	**Prestasi Pelaksanaan e-NCR Tidak Memuaskan** Pembangunan e-NCR sepatutnya mengambil masa selama 10 bulan dan dijangka siap pada Januari 2008 masih belum *go live* sehingga Disember 2010 iaitu melebihi 3 tahun. Punca utama kelewatan adalah disebabkan penyelarasan jenis kertas dan kadar caj yang belum dibawa untuk kelulusan kerajaan.	Pelaksanaan e-NCR belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana sistem belum *go live* sehingga Mac 2012. Kertas cadangan penyelarasan kertas dan kadar caj masih dalam peringkat kelulusan Kerajaan Johor.
12.	**Migrasi Maklumat Cerai Dan Rujuk** Terjemahan data Sijil Nikah dan Rujuk telah diselesaikan oleh pihak Mysysnet namun belum dimigrasikan ke dalam sistem e-NCR	Jumlah data Cerai dan Rujuk keseluruhan adalah 98,467 dan jumlah yang telah dimigrasikan sehingga Mac 2012 adalah 32,687 (33.2%)
13.	**Integriti Data-Data Nikah Belum Disahkan** Maklumat yang telah dimigrasikan oleh syarikat perlu disemak dan disahkan bagi menjamin integriti data. Sehingga akhir tahun 2010 hanya 16,376 atau 3% data nikah yang dimigrasikan telah disahkan oleh JAJ disebabkan pegawai terlibat juga menjalankan tugas harian seperti proses pendaftaran dan temu duga di kaunter.	Data Nikah masih belum disahkan sepenuhnya. Bagaimanapun, JAJ telah mengambil tindakan intensif dengan mengadakan *task force* secara berjadual di setiap Pejabat Agama Daerah bermula Mei 2011 dan hasilnya sehingga Mac 2012, daripada 538,741 data, 52,126 (9.7%) telah disahkan.
14.	**Keselamatan Data** *Disaster Recovery Center (DRC)* yang sepatutnya ditempatkan di Bangunan Sultan Ibrahim (BSI) masih belum dilaksanakan disebabkan kapasiti server di BSI tidak dapat menampung keseluruhan aplikasi di bawah Projek JEG Fasa II.	*Disaster Recovery Center (DRC)* di Bangunan Sultan Ibrahim (BSI) masih belum dilaksanakan disebabkan kapasiti server belum ditambah.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
15.	**Bayaran Projek Tidak Mengikut Perjanjian** Bayaran ansuran telah dijelaskan sebanyak 11 kali atau RM2.49 juta dan kemajuan kerja setakat 85% sedangkan mengikut perjanjian, bayaran hanya boleh dijelaskan setelah Sijil Siap Kerja di kemukakan atau projek siap sepenuhnya.	Pembayaran telah ditangguhkan setelah teguran Audit. Berdasarkan persetujuan Jawatankuasa Pemandu JEG Fasa II, projek telah ditutup secara bersyarat pada Februari 2012 dan pembayaran selanjutnya akan dilakukan bermula April 2012 mengikut jadual.

16.5. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

- Pengurusan Perangkap Sampah Di Sungai Dan Saliran Negeri Johor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
16.	**Rancangan Pembinaan Perangkap Sampah Tidak Disediakan** Sampah sarap memenuhi parit di Parit Lapis dan Pasar Awam di Batu Pahat serta Kampung Kelantan, Kota Tinggi kerana perangkap sampah tidak dibina.	Lawatan susulan Audit mendapati perangkap sampah masih belum dibina. Parit di Pasar Awam Batu Pahat masih dipenuhi sampah. Di Parit Lapis Batu Pahat, JPS telah mengambil tindakan membersihkan parit dan perangkap sampah sementara yang dibina oleh penduduk telah ditukar dengan *trash screen* yang diperbuat daripada buluh.
17.	**Pembinaan Perangkap Sampah Tidak Mengikut Garis Panduan** Jarak antara setiap rangka penahan perangkap sampah jenis *trash screen* yang dibina di Kota Tinggi tidak mengikut Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).	JPS Johor akan menambah baik perangkap sampah ini dengan menambah rod besi di antara rangka penahan sedia ada tetapi tidak dibuat secara keseluruhan kerana dikhuatiri sampah akan banyak tertahan pada rangka tersebut dan menyekat laluan air seterusnya boleh mengakibatkan banjir. Jangkaan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2012.
18.	**Penyenggaraan Perangkap Sampah** Sistem Automasi *Trash Screen* di *Pump Sump* 2, Jalan Niaga Utama, Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik kerana sampah yang masuk ke dalam *pump sump* perlu dimasukkan ke dalam *bucket* secara manual dan diangkat ke atas untuk dikumpulkan.	JPS Johor telah mengemukakan cadangan bagi menambah baik sistem perangkap sampah berkenaan dan dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun 2012.

16.6. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI JOHOR

- Pengurusan Program Pembangunan Industri Ternakan Unggas

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
19.	**Syarat Dalam Memorandum Persefahaman Tidak Lengkap** Memorandum Persefahaman antara Jabatan dan integrator tidak mengandungi harga belian anak puyuh dan ternakan yang dipersetujui, kadar jualan puyuh dewasa tidak ditetapkan sama ada mengikut harga siling atau pasaran semasa. Jumlah dan tempoh masa pembekalan anak puyuh dan makanan ternakan juga tidak diperincikan dengan jelas.	Jabatan belum membuat sebarang pindaan terhadap Memorandum Persefahaman antara Jabatan dan integrator.
20.	**Ladang Unggas Diarah Tutup Tetapi Masih Beroperasi** 4 daripada 5 buah ladang ayam daging di Daerah Batu Pahat yang tidak diluluskan permohonan pembaharuan lesen unggas masih beroperasi walaupun telah diberi notis untuk menutup operasi penternakan.	Jabatan telah menghantar kertas kerja untuk pertimbangan Mesyuarat Kerajaan Negeri kerana pengusaha telah menghantar rayuan untuk meneruskan operasi.

16.7. PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU

- Pengurusan Lesen Dan Permit Hiburan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
21.	**Pengeluaran Lesen Hiburan Tidak Mematuhi Tempoh Piagam Pelanggan** Permohonan lesen hiburan bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati terdapat kes permohonan lesen hiburan yang mengambil masa melebihi 6 bulan untuk diluluskan. Pendekatan mengeluarkan lesen sementara bagi tempoh 3 bulan dan diperbaharui setiap 3 bulan sementara menunggu sokongan daripada Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan.	Kelulusan masih melebihi 6 bulan kerana Mesyuarat Jawatankuasa Kecil (JKKN) Lesen Hiburan bermesyuarat untuk meluluskan lesen dibuat 2 kali setahun. Kedudukan Lesen Hiburan sementara masih dikekalkan kerana kelulusan lesen tetap mengambil masa lebih 6 bulan.
22.	**Hasil Lesen Kurang Dipungut** Kadar bayaran lesen mesin simulasi daripada RM150 kepada RM10 seunit sebulan kepada semua pengusaha Pusat Hiburan Keluarga (PHK) di Daerah Johor Bahru tanpa kelulusan Kerajaan Negeri.	Menunggu keputusan daripada Kerajaan Negeri Johor untuk menyemak semula kadar bayaran yang sesuai.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
23.	**Pusat Hiburan Tanpa Lesen**	
	a. 4 daripada 9 panggung wayang telah beroperasi tanpa lesen hiburan.	Permohonan lesen telah dibuat tetapi kelulusan belum diterima bagi 3 buah panggung wayang.
	b. Permainan baru (tiada dalam senarai) yang beroperasi tanpa lesen hiburan.	Menunggu kelulusan harga yang telah dicadangkan.
	c. 12 fail pengusaha berkaitan pusat snuker dan *billiard* yang mempunyai lesen tidak membuat bayaran lesen hiburan.	Telah menghantar surat peringatan kepada pengusaha untuk membuat bayaran lesen hiburan.
	d. Sebuah pusat *bowling* telah beroperasi tanpa lesen di mana bayaran terakhir lesen adalah pada 31 Disember 2007.	Tiada tindakan diambil.

16.8. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR

- Pengurusan Bantuan Am

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
24.	**Siasatan Kes Baru Dan Kajian Semula Lewat Dijalankan**	
	a. Sebanyak 43 permohonan baru lewat disiasat antara 2 hingga 477 hari selepas 2 minggu permohonan diterima di Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat bagi tahun 2008 hingga 2010.	a. Siasatan bagi 5 daripada 14 permohonan baru tahun 2011 masih lewat dijalankan antara 14 hingga 197 hari. Siasatan bagi 4 permohonan tidak dinyatakan tarikh.
	b. Siasatan semula kes bagi 36 penerima bantuan di Daerah Johor Bahru dan Batu Pahat yang tamat pada tahun 2008 hingga 2010 lewat dijalankan antara 4 hingga 354 hari dari tarikh lanjutan bantuan bermula/berkuat kuasa.	b. Masih berlaku kelewatan siasatan semula antara 7 hingga 18 hari bagi penerima bantuan tahun 2011. Selain itu, ada siasatan yang tidak dinyatakan tarikh dan ada permohonan tidak dibuat siasatan lanjutan.
25.	**Kelulusan Dan Agihan Wang Bantuan Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan**	
	10 daripada 52 permohonan lewat diluluskan oleh Pegawai Daerah antara 6 hingga 329 hari.	Permohonan kelulusan oleh Pegawai Daerah masih lewat antara 22 hingga 82 hari. Selain itu, ada permohonan yang tidak ditandatangani dan tidak dinyatakan tarikh kelulusan.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
26.	**Sistem e-Bantuan Tidak Dapat Digunakan Sepenuhnya Kerana Tiada Medan Kelulusan Pegawai Daerah Bagi Bantuan Am Negeri Dalam** Medan dalam sistem e-Bantuan mengenai kelulusan oleh Pegawai Daerah masih belum diwujudkan.	Medan dalam sistem e-Bantuan mengenai kelulusan oleh Pegawai Daerah masih belum diwujudkan.

16.9. MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

- Sistem Pengurusan Perakaunan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
27.	**e-Akaun Tidak Berintegrasi Dengan Lain-lain Sistem** Sistem tidak berintegrasi dengan e-Wakaf, e-Agihan dan e-Aset.	Majlis Agama Islam Negeri Johor sedang dalam proses membangunkan sistem baru yang dinamakan e-MAIJ.

16.10. YAYASAN WARISAN NEGERI

- Pengurusan Perolehan Muzium Yayasan Warisan Johor

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
28.	**Perolehan Kerja Mengubahsuai Bangunan Dato' Jaafar Tidak Dibuat Secara Sebut Harga Dan Tender** Kerja mengubahsuai bangunan dengan kos melebihi RM0.50 juta setahun, membekal kelengkapan pameran berjumlah RM0.42 juta setahun dan kerja elektrik mengikut bahagian dalam bangunan dengan nilai setiap kerja tidak melebihi RM50,000 walaupun nilai keseluruhan kerja melebihi RM50,000.	Perolehan bagi kerja mengubahsuai Dewan Serbaguna/Pameran Muzium Tokoh Bangunan Dato' Jaafar berjumlah RM0.33 juta, menaiktaraf jalan masuk, membina parkir kenderaan di bangunan tersebut berjumlah RM0.19 juta telah dilaksanakan mulai 25 Mei 2011. Sehingga April 2012, pihak YWJ telah membuka sebut harga bagi mengubahsuai dan membaikpulih bangunan Dato' Jaafar berjumlah RM1.2 juta manakala kerja menaiktaraf bangunan Muzium Kota Tinggi berjumlah RM1.43 juta mengikut kontraktor yang dilantik dengan nilai setiap kerja tidak melebihi RM0.5 juta.
29.	**Pemeriksaan Harta Modal, Inventori Dan Artifak Tidak Dilakukan** Pemeriksaan terhadap harta modal tidak dilaksanakan bagi tahun 2008 hingga 2010.	Sehingga April 2012 pihak YWJ masih belum mengambil tindakan pemeriksaan harta modal, inventori dan artifak.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
30.	**Pemeriksaan Tahunan Ke Atas Bahan Artifak Tidak Dibuat** Pemeriksaan Audit terhadap rekod dan fizikal bahan artifak tidak menunjukkan pemeriksaan berkala dilaksanakan oleh pihak Yayasan.	Sehingga April 2012 pihak YWJ masih belum mengambil tindakan pemeriksaan tahunan ke atas bahan artifak.

16.11. YAYASAN WARISAN JOHOR

- YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Isu-Isu Laporan Audit</th><th>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</th></tr>
<tr><td>31.</td><td>Prestasi Kewangan

YWJ Citra mengalami kerugian bersih sebelum cukai bagi tahun 2007 hingga tahun 2009 iaitu RM0.15 juta bagi tahun 2007, RM0.97 juta bagi tahun 2008 dan RM1.27 juta bagi tahun 2009.</td><td>YWJ Citra mengalami kerugian bersih sebelum cukai bagi tahun 2010 iaitu RM1.87 juta.</td></tr>
<tr><td>32.</td><td>Tadbir Urus Korporat

a. Penubuhan syarikat subsidiari milikan 100% dan lantikan Ahli Lembaga Pengarah tidak mendapat kelulusan Yayasan Warisan Johor.

b. Kedudukan keuntungan/berkerugian kewangan syarikat subsidiari sebelum cukai.

c. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra diadakan sebanyak sekali pada tahun 2006, sekali pada tahun 2007 dan sekali pada tahun 2010. Tiada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra diadakan pada tahun 2008 dan 2009.

d. Bonus tidak mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra, Lembaga Pengarah Yayasan Warisan Johor (Yayasan) dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri Untuk Kelulusan.</td><td>Tiada tindakan diambil.

<table><tr><th rowspan="2">Syarikat Subsidiari</th><th colspan="2">Tahun</th></tr><tr><th>2010 (RM)</th><th>2011 (RM)</th></tr><tr><td>YWJ Printing & Advertising Sdn. Bhd.</td><td>4,299.00</td><td>11,260.00</td></tr><tr><td>Jati Citra Construction Sdn. Bhd.</td><td>505.00</td><td>- 4,436.00</td></tr></table>
Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YWJ Citra diadakan sebanyak sekali pada tahun 2010 dan 2 kali pada tahun 2011.

Bonus untuk tahun 2010 hanya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Tiada kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah Yayasan dan Pihak Berkuasa Negeri.</td></tr>
</table>

16.12. PERBADANAN JOHOR

- Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
33.	**Perjanjian Usahasama Bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL)** PUSPATRI telah menandatangani Perjanjian Usaha sama Bersama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan kelulusan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) sedang dalam proses.	PUSPATRI masih dalam proses mendapatkan kelulusan program dari pihak MQA. Syarikat juga masih menunggu surat sokongan dari beberapa agensi yang terlibat seperti pihak Bomba, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Kesihatan untuk kelulusan bangunan. Kelulusan penubuhan IPTS dengan nama Kolej Teknologi Tinggi PUSPATRI diterima pada 30 November 2010 dan akan tamat pada November 2013.
34.	**Pengurusan Aset** Tidak menyediakan garis panduan bagi pengurusan aset syarikat.	PUSPATRI sedang menyediakan Garis Panduan Pengurusan Aset.

16.13. YAYASAN PELAJARAN JOHOR

- Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
35.	**Pembinaan Kampus Induk Kolej KPYPJ** a) Perancangan pembinaan Kampus Induk Kolej KPYPJ sedang dirancang dan proses pembinaan bangunan sedang dilaksanakan serta akan diuruskan oleh YPJ Holdings Sdn. Bhd..	a) Pembinaan Kampus Induk Kolej KPYPJ telah bermula pada bulan Jun 2011. Setakat bulan April 2012, Kerja *Site Clearance And Earthworks* dan *Piling Works* telah selesai dilaksanakan. Kontraktor yang dilantik adalah syarikat Julung Cipta Sdn. Bhd. Kampus Induk KPYPJ dijangka siap pada bulan Jun 2013.
36.	**Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari** Baki pendahuluan syarikat subsidiari pada 31 Disember 2010 berjumlah RM37.30 juta dan tiada perjanjian dibuat berkaitan pendahuluan tersebut.	Baki pendahuluan syarikat subsidiari pada 31 Mac 2012 adalah berjumlah RM36.72 juta. Perjanjian atau garis panduan berkaitan pendahuluan antara KPYPJ dan syarikat subsidiari masih dalam proses penyediaan dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan pada bulan Jun 2012.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
37.	**Tuntutan Belanja Pemasaran Kepada Kolej Belum Diperoleh Semula** a) Jumlah pendahuluan belanja pemasaran Bahagian Pemasaran Dan Penyelidikan (BPP) KPYPJ berjumlah RM1.10 juta masih belum dijelaskan bagi tahun 2008 hingga 2010. b) Tiada perjanjian atau garis panduan berkaitan pendahuluan disediakan bagi menyatakan syarat pemberian dan pembayaran balik pendahuluan antara KPYPJ dan syarikat subsidiari yang mengelola kolej-kolej KPYPJ.	a) Baki jumlah pendahuluan BPP pada 31 Mac 2012 telah berkurangan kerana telah di kontra dengan terimaan pinjaman pelajar kolej Institut Hospitaliti YPJ (IHYPJ) di dalam akaun KPYPJ. b) Perjanjian berkaitan syarat pemberian dan pembayaran balik pendahuluan antara KPYPJ dan syarikat subsidiari yang mengelola kolej-kolej KPYPJ masih belum dibuat.
38.	**Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Dan Unit Audit Dalam** a) Jawatankuasa Audit tidak dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. b) Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Audit tidak ditetapkan dan hanya diadakan atas arahan Ketua Pegawai Eksekutif.	a) Jawatankuasa Audit masih tidak dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. b) Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Audit tidak ditetapkan.
39.	**Pengurusan Kewangan** a) Sehingga Disember 2010, KPYPJ belum menerima bayaran berjumlah RM0.86 juta daripada syarikat kontraktor yang gagal menyiapkan kerja dan telah menamatkan kontrak Kerja Pembangunan Tambahan di Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Insan YPJ untuk PLKN. b) KPYPJ masih belum mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat kontraktor terbabit. c) Cek-cek yang dikeluarkan tidak mengikut turutan dan tarikh tidak dicatatkan di keratan cek.	a) Setakat April 2012, KPYPJ masih belum menerima bayaran berjumlah RM0.86 juta daripada syarikat kontraktor terbabit. b) Pihak KPYPJ telah melantik peguam untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap kontraktor tersebut. Status terkini ialah pihak perunding projek sedang menyiapkan perakuan muktamad bagi projek tersebut. c) Cek-cek yang dikeluarkan bagi tahun 2011 dan 2012 masih tidak mengikut turutan dan tarikh tidak dicatatkan di keratan cek.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
40.	**Pengurusan Aset** a) Daftar aset dan inventori tidak disediakan serta pemeriksaan fizikal aset tidak dijalankan bagi tahun 2008 hingga 2010. b) Buku Log Kenderaan tidak dikemas kini dan tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.	a) Daftar aset dan inventori masih tidak disediakan bagi tahun 2011 dan 2012. b) Buku Log Kenderaan tidak dikemas kini dan tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

17. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI JOHOR

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 8 Disember 2011.

18. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI JOHOR

18.1. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) telah memutuskan jabatan tertentu dipanggil menghadap Jawatankuasa bagi memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi tempoh Februari 2011 hingga Mac 2012 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 hingga 2009. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 18.1**.

Jadual 18.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Sehingga April 2012

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	17.2.2011	i) Jabatan Agama Johor	Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)
		ii) Perbadanan Taman Negara Johor	Pengurusan dan Pemuliharaan Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (Tapak Ramsar) Negeri Johor
2.	8.4.2011	i) Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Pengurusan Sisa Pepejal
3.	11.10.2011	i) Badan Kawal Selia Air (BAKAJ)	Pengurusan Kualiti Air Minum
		ii) Jabatan Perhutanan Negeri Johor	Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar
		iii) Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Pengurusan Rumah Awam Negeri Johor
4.	20.10.2011	i) Perbendaharaan Negeri Johor	Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
		ii) Majlis Daerah Yong Peng	Pengurusan Pungutan Cukai Taksiran
5.	29.3.2012	i) Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor	Program Penggalakan Pelancongan Negeri Johor

18.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa boleh dipertingkatkan bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
8 Jun 2012